

PENGEKALAN DAN PERALIHAN BAHASA DALAM KALANGAN  
ORANG BATAK TOBA DI PONTIANAK, INDONESIA

HOTMA SIMANJUNTAK

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2017

**PENGEKALAN DAN PERALIHAN BAHASA DALAM KALANGAN  
ORANG BATAK TOBA DI PONTIANAK, INDONESIA**

**HOTMA SIMANJUNTAK**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : **HOTMA SIMANJUNTAK**  
No. Pendaftaran : **JHA 100004**  
Nama Ijazah : **DOKTOR FALSAFAH PENGAJIAN MELAYU**  
Tajuk Tesis : **PENGEKALAN DAN PERALIHAN BAHASA DALAM  
KALANGAN ORANG BATAK TOBA DI PONTIANAK,  
INDONESIA**

Bidang Penyelidikan : **LINGUISTIK**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa-apa jua bentuk atau dengan apa-apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

.....  
Tandatangan Calon

.....  
Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....  
Tandatangan Saksi

.....  
Tarikh:

Nama : **PROF. MADYA DR. NOR HISHAM OSMAN**  
Jawatan : **PENSYARAH/PENYELIA**

## ABSTRAK

Pada masa kini, penggunaan bahasa Batak Toba di Pontianak sudah semakin berkurang. Orang Batak Toba tidak mampu untuk mengekalkan bahasa mereka apabila berdepan dengan penduduk tempatan yang lebih ramai. Orang Batak Toba menggunakan bahasa Indonesia apabila berkomunikasi dengan masyarakat tempatan dan juga sesama ahli keluarga. Kenyataan ini didapati atas kajian pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, untuk menjelaskan faktor yang menyebabkan peralihan bahasa, dan mencadangkan usaha untuk melestarikan bahasa yang sedang mengalami peralihan.

Berasaskan Analisis Domain Perlakuan Bahasa, ke dalam kajian ini telah dijalankan soal selidik terhadap 201 responden. Jumlah itu sama dengan 10% daripada jumlah orang Batak Toba di Pontianak. Soal selidik yang dilakukan adalah berkaitan dengan latar belakang responden, penguasaan, dan pemilihan bahasa dalam sembilan domain. Selain itu, juga dilakukan pemerhatian untuk mendapatkan penggunaan bahasa semula jadi mereka di Bandar Pontianak berasaskan teori Akomodasi Berbahasa. Untuk menunjukkan perbandingan peringkat penguasaan dan pemilihan bahasa, responden dibahagikan berasaskan generasi, iaitu (1) Pendatang asli di bandar Pontianak, lelaki atau perempuan, berusia 65 tahun atau lebih, disebut generasi pertama (disingkatkan G I); (2) Keturunan dari generasi pertama, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak, disebut generasi kedua (disingkatkan G II); dan (3) Keturunan dari generasi kedua, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak, berusia minimum 12 tahun, disebut generasi ketiga (disingkatkan G III).

Data kuantitatif diolah menggunakan *Statistical Package for Social Science for Windows (SPSS)* untuk mendapatkan tahap kekerapan dan nilai *mean* atau purata daripada latar belakang, penguasaan bahasa, dan pemilihan bahasa responden. Berasaskan data kuantitatif, fakta mendapati bahawa penguasaan responden terhadap bahasa Batak Toba sudah merosot pada G II dan semakin merosot pada G III, manakala bahasa Indonesia semakin berkembang pada G II dan G III. Begitu juga dalam pemilihan bahasa, didapati G II dan G III lebih kerap menggunakan bahasa Indonesia berbanding bahasa Batak Toba. Hal ini membawa maksud, bahasa Batak Toba sudah beralih ke bahasa Indonesia sebagai *lingua franca*. Begitu juga daripada pemerhatian terhadap fakta yang diperolehi mendapati bahawa generasi tua sudah melakukan akomodasi terhadap generasi muda yang menggunakan bahasa Indonesia. Begitu juga dengan orang Batak Toba yang lain, mereka sudah melakukan akomodasi dengan menggunakan bahasa Indonesia antara sesama orang Batak Toba dan kepada interlokutor daripada komuniti lain.

Merujuk kepada pendapat Crystal (2000) berkenaan dengan klasifikasi kepupusan bahasa, bahasa Batak Toba di Pontianak sudah berada pada tahap *Endangered Languages*, iaitu Bahasa yang terancam pupus kerana jumlah penutur yang menguasai bahasanya semakin berkurangan. Bahkan menurut Grenoble & Whaley (2006: 18) bahasa Batak Toba sudah berada pada tahap *Disappearing* 'Menghilang', iaitu peralihan terhadap bahasa lain dalam masyarakat tempat bahasa ini dituturkan, pewarisan antar generasi berkurangan, pemakaian yang sangat terbatas dalam set domain, dan bahasa perhubungan yang lebih luas mulai mengambil alih bahasa di rumah. Jika keadaan ini dibiarkan terus berlaku, maka dijangka dalam dua atau tiga keturunan lagi, tidak ada lagi generasi yang boleh bertutur dalam bahasa Batak Toba di Pontianak.

## ABSTRACT

The use of Batak Toba language in Pontianak, now is more and more decrease. The Batak people cannot maintain the presence of their language against the local people that is classified majority. The Batak Toba people choose Indonesian when they speak with local community, and also Indonesian too when they speak among family and relative members in family environment.

The above fact was found out based on the study on the language maintenance and shift among the Batak Toba people in Pontianak, Indonesia. The objectives of the study are to find out indication of maintenance and shift of the language among the Batak Toba people in Pontianak, to explain the factors that cause the language shift, and to suggest efforts to maintain the language undergoing the shifting.

Based on Domain Analysis of language use, a set of questionnaire delivered to 201 respondents had been applied to this study. That amount equals to 10% of total population of Batak Toba people in Pontianak. The questionnaire covered respondents' background, language skill, and language choice of nine domains. Based on Speech Accommodation Theory, an observation was also made to the people to collect the use of their natural language in Pontianak.

To compare the level of language skill and choice, the respondents have been divided based on generations. They are:

- 1) First comer to Pontianak, male and female, of 65 years or above, is called first generation (abbreviated G I)
- 2) Successors of first generation, male and female, born in Pontianak, is called second generation (abbreviated II ),

- 3) Successors of second generation, male and female, born in Pontianak, of minimum of 12 years, is called third generation (abbreviated G III).

The quantitative data analyzed using *Statistical Package for Social Science for Windows (SPSS)* to get the level of frequency and mean score of the percentage of the background, language skill and language choice of the respondent. Based on quantitative data, it was found out that the language skill of Batak Toba decreases by G II and even more decreases by G III. Meanwhile, the Indonesian skill even more increases and increases by G II dan G III. And so is language choice. The G II and G III have used Indonesian more frequently compared to Batak Toba language. It means the Batak Toba language has shifted to Indonesian as lingua franca. Furthermore based on observation, the fact was found out that old generation has accommodated young generation to speak Indonesian. Moreover, another Batak Toba people observed, has also done the accommodation using Indonesia among Batak Toba people and to interlocutor of other communities.

In connection with Crystal (2000) formula on language death classification, it can be said that Batak Toba language in Pontianak has been by the level of Endangered Language, that is the language that is treated dead due to the decreasing of the language acquisition speakers. Even according to Grenoble & Whaley (2006: 18) the Batak Toba language has been by the level of Disappearing, that is shifted to other language in community where the language is spoken, less in heritage among generations, limited usage in domain set, and wider language communication starts to change the language at home. If the situation is ignored over and over, therefore it is estimated that within two or three generation to go, there will be no more generation that able to speak Batak Toba language in Pontianak.

## PENGHARGAAN

Puji syukur ke hadirat Tuhan Yang Maha Kuasa atas berkat dan rahmat-Nya kepada saya sehingga saya boleh menyusun dan mempersembahkan Tesis ini dalam bentuk sebagaimana mestinya. Tesis ini merupakan hasil pengkajian pengeklalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia. Selama pengkajian dan penyusunan tesis ini, saya menerima banyak sokongan, sama ada sokongan material mahupun sokongan spritual. Oleh itu, melalui ruang ini dan kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada:

1. Yang Terhormat Prof. Madya Dr. Nor Hisham Osman, sebagai Pensyarah dan Penyelia saya yang akan saya kenang segala jasa, kebaikan, dan kesabaran beliau dalam membimbing, mengarahkan, terutama memberikan nasihat sehingga saya tetap bersemangat menyelesaikan tesis ini.
2. Yang Terhormat Prof. Dr. Thamrin Usman, DEA., sebagai Rektor Universitas Tanjungpura, Pontianak yang memberikan bantuan sebahagian daripada pembiayaan studi dan penyelidikan yang sangat bermanfaat bagi saya.
3. Yang Terhormat Prof. Madya Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, sebagai Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur yang memberikan pelayanan akademik yang terbaik bagi saya terutama pada masa-masa akhir penyelesaian tesis ini.
4. Yang Terhormat Dr. Martono, M.Pd., sebagai Dekan FKIP Universitas Tanjungpura, yang selalu memberikan kemudahan bagi saya terutama dalam mengizinkan saya tidak melaksanakan tugas pokok di FKIP dalam waktu bersela-seli sampai saya menyelesaikan studi ini.
5. Yang Terhormat Prof. Madya Dr. Rohani Mohd Yusof; Dr. Salinah Jaafar; Dr. Ahmad Ramizu Abdullah, demikian pula mantan Pensyarah di APM, Pak Sudarsono, Ph.D atas input-input yang sangat berharga sejak daripada Pembentangan Proposal, *Candidature Defence*, dan Pembentangan Seminar Akhir penyelidikan saya ini.
6. Yang Terhormat Prof. Dr. Chairil Effendi, ketika beliau Rektor Untan sangat berjasa membuka pintu bagi saya dan teman-teman dosen untuk boleh menjadi mahasiswa Program Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya di negara jiran Malaysia.
7. Yang Terhormat, Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hasan, Mantan Pengarah APM, Prof. Madya Datuk Zainal Arifin Borhan, M.A., mantan Pengarah APM, Prof. Emeritus Dr. Asmah Omar, sebagai sesepuh di APM, yang selalu sedia memberi sokongan dan nasihat selama menempuh di APM, bak guru dan orang tua.



8. Yang Terhormat, Dr. Muhammad Saiful Haq; Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim; dan semua pensyarah di APM yang tidak dapat saya sebut nama-nama mereka yang sentiasa berbagi rasa dan pengalaman hidup dalam melaksanakan tugas di dunia akademik dan kemasyarakatan.
9. Rakan-rakan seperjuangan di APM: Pak Eusabinus Bunau; Pak Albert Rufinus; Pak Muzammil; Pak Agus Syahrani; Pak Zainal Arifin; Pak Abas; Pak Sukamto; Pak Donitianus; Pak Ahadi; Ibu Sesilia Seli; Ibu Endang Susila; dan Ibu Amriani Amir yang semuanya sudah merasakan pahit-manisnya, susah-senanganya perjuangan menimba ilmu di Universiti tersohor di Malaysia ini.
10. Rakan-rakan mahasiswa di Malaysia, Encik Ahmad, Encik Wan Dasuki, Encik Hanafi, Encik Cho Min Sung, dan teman lainnya yang begitu besar rasa persaudaraan dan budi yang mereka lakukan kepada saya dalam urusan studi.
11. Rakan-rakan dosen di FKIP: Pak Dr. Leo Sutrisno; Prof. Yo; Prof. Victor; Dr. Herculana, Dr. Stevanus; Dr. Aswandi; Dr. Paternus; Dr. Totok; Dr. Christanto, Dr. Salem; Dr. Clarry; Dr. Gatot; Pak Nadeak; Djon Lasmono; Abdussamad; Nanang, Deden; Syambasril; Patri; Luwandy, Ibu Endang, Agus, Heni dan yang lainnya yang selalu memberi motivasi kepada saya dalam setiap perjumpaan.
12. Pak Haslan, Puan Suryani, Puan Tinah dan semua Tuan dan Puan Kaki Tangan Akademi Pengajian Melayu, dan Kaki tangan Perpustakaan UM yang saya sibukkan dengan pertolongan mereka kepada saya.
13. Para Responden kajian ini yang tiada terbalaskan kebaikan mereka kepada saya. Keikhlasan mereka membolehkan kajian ini berjaya.
14. Teman-teman saya sintua, Pendeta, Tim Doa, dan seluruh Jemaah HKBP Pontianak yang selalu menyokong dalam doa.
15. Orang Tua dan Saudara-saudariku tercinta, Inang, Amang Simatua, Angkang, Anggi, Ito, Lae, Tungane, Anak, Boru, Bere, Ibebere, dan semua Pahompu di mana pun berada yang tekun mendoakan saya dalam perjuangan ini.
16. Teristimewa kepada Yang Tersayang: Isteriku Artha Nur Patriana Matondang, S.E., Puteriku Solagratia Moza Tesselonika Simanjuntak, dan Putraku Daddy Deo Gilbert Pamungkas Simanjuntak yang sudah merelakan semuanya demi kesuksesan saya menyelesaikan studi ini.

Semoga Tuhan Yang Maha Kuasa sentiasa memberikan berkat dan rahmat-Nya kepada semua yang telah berjasa sehingga saya boleh mempersembahkan tesis ini.

Kuala Lumpur, Mei 2017

Hotma Simanjuntak  
Jabatan Linguistik Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

## SENARAI KANDUNGAN

Abstrak .....	iii
Abstract .....	v
Penghargaan .....	vii
Senarai Kandungan .....	ix
Senarai Rajah .....	xvii
Senarai Jadual .....	xviii
Senarai Singkatan .....	xxix
<b>BAB 1: PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	1
1.3 Permasalahan Kajian .....	5
1.4 Persoalan Kajian .....	6
1.5 Objektif kajian .....	7
1.6 Bidang Kajian .....	8
1.7 Batasan Kajian .....	8
1.8 Kepentingan Kajian .....	9
1.9 Orang Batak Toba di Pontianak .....	11
1.9.1 Sejarah Penghijrahan .....	12
1.9.2 Kekerabatan Komuniti Batak Toba .....	15
1.9.3 Kebiasaan Berkumpul .....	18
1.9.4 Pelaksanaan Ibadah .....	19
1.9.5 Pelaksanaan Istiadat .....	20
1.9.6 Persekutuan (Arisan) Marga dan Persekutuan Tempat Tinggal ...	23

1.10	Bahasa Batak Toba .....	23
1.10.1	Bahasa Batak Toba Sehari-hari .....	24
1.10.2	Bahasa Batak Toba <i>Raksa ni Hadatuon</i> .....	25
1.10.3	Bahasa Batak Toba <i>Raksa ni Andung</i> .....	26
1.10.4	Aksara Batak Toba .....	28
1.11	Rumusan .....	29
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN .....</b>		<b>31</b>
2.1	Pendahuluan .....	31
2.2	Kajian Sumber Rujukan Berkenaan .....	31
2.3	Rumusan .....	66
<b>BAB 3: KERANGKA KONSEP, TEORI, DAN METODOLOGI KAJIAN ...</b>		<b>68</b>
3.1	Pendahuluan .....	68
3.2	Kerangka Konsep Pengekalan dan Peralihan Bahasa .....	68
3.2.1	Dwibahasa dan Pelbagai Bahasa .....	70
3.2.2	Pemilihan Bahasa .....	74
3.2.3	Pengekalan Bahasa .....	80
3.2.4	Peralihan Bahasa .....	81
3.2.5	Kepupusan Bahasa .....	83
3.3	Kerangka Teori Pengekalan dan Peralihan Bahasa .....	87
3.4	Teori yang Dijalankan dalam Pengekalan dan Peralihan Bahasa Batak Toba di Pontianak .....	100
3.4.1	Analisis Domain Perlakuan Bahasa .....	101
3.4.2	Teori Akomodasi .....	107

3.4.2.1	Konvergensi, Akomodasi yang Berlebihan, dan Divergensi .....	108
3.4.2.2	Komponen Teori Akomodasi Berkomunikasi .....	111
3.4.2.3	Teori Akomodasi Berkomunikasi dalam Tindakan .....	112
3.5	Metodologi Kajian .....	114
3.5.1	Kaedah Mengumpul Data .....	114
3.5.1.1	Kaedah Pemerhatian Ikut Serta .....	114
3.5.1.2	Kaedah Soal Selidik .....	115
3.5.2	Responden .....	118
3.5.3	Kaedah Menganalisis Data .....	120
3.6	Rumusan .....	121

#### **BAB 4: LATAR BELAKANG DAN PENGUASAAN BAHASA ORANG**

	<b>BATAK TOBA DI PONTIANAK .....</b>	<b>123</b>
4.1	Pendahuluan .....	123
4.2	Latar Belakang Responden .....	124
4.3	Penguasaan Bahasa Responden .....	140
4.3.1	Kemahiran Berbicara Responden .....	141
4.3.1.1	Kemahiran Berbicara dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I .....	141
4.3.1.2	Kemahiran Berbicara dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II .....	144
4.3.1.3	Kemahiran Berbicara dalam bahasa Indonesia dan Batak Toba G III .....	147
4.3.2	Kemahiran Mendengar Responden .....	149

4.3.2.1	Kemahiran Mendengar dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I .....	150
4.3.2.2	Kemahiran Mendengar dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II .....	152
4.3.2.3	Kemahiran Mendengar dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba III .....	154
4.3.3	Kemahiran Membaca Responden .....	155
4.3.3.1	Kemahiran Membaca dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I .....	156
4.3.3.2	Kemahiran Membaca dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II .....	157
4.3.3.3	Kemahiran Membaca dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G III .....	159
4.3.4	Kemahiran Menulis Responden .....	161
4.3.4.1	Kemahiran Menulis dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I .....	161
4.3.4.2	Kemahiran Menulis dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II .....	163
4.3.4.3	Kemahiran Menulis dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G III .....	165
4.3.5	Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba .....	166
4.3.5.1	Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba G I .....	167
4.3.5.2	Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba G II .....	169
4.3.5.3	Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba G III .....	171
4.4	Deskripsi Penguasaan Bahasa Responden G I .....	173
4.5	Deskripsi Penguasaan Bahasa Responden G II .....	174

4.6	Deskripsi Penguasaan Bahasa Responden G III .....	175
4.7	Rumusan .....	177
<b>BAB 5: PEMILIHAN BAHASA ORANG BATAK TOBA DI PONTIANAK .</b>		<b>180</b>
5.1	Pendahuluan .....	180
5.2	Pemilihan Bahasa Responden .....	180
5.2.1	Domain Kekeluargaan .....	182
5.2.1.1	Membicarakan masalah seharian bersama anggota keluarga di rumah .....	184
5.2.1.2	Berbincang di dalam arisan keluarga .....	187
5.2.1.3	Berbincang kepada datuk nenek .....	189
5.2.1.4	Berbincang kepada ibu bapa .....	191
5.2.1.5	Berbincang kepada mertua .....	191
5.2.1.6	Berbincang kepada paman bibi .....	192
5.2.1.7	Berbincang kepada saudara kandung .....	192
5.2.1.8	Berbincang dengan saudara sepupu .....	193
5.2.1.9	Berbincang kepada suami isteri .....	194
5.2.1.10	Berbincang kepada anak kandung .....	196
5.2.1.11	Berbincang kepada kemandakan .....	197
5.2.1.12	Berbincang kepada menantu .....	198
5.2.1.13	Berbincang kepada cucu .....	198
5.2.1.14	Berbincang kepada pembantu rumah .....	199
5.2.2	Domain Kejiranan .....	203
5.2.3	Domain Persahabatan .....	207
5.2.4	Domain Jual Beli .....	215
5.2.5	Domain Keagamaan .....	219

5.2.6	Domain Pendidikan .....	228
5.2.7	Domain Pekerjaan .....	233
5.2.8	Domain Pemerintahan .....	238
5.2.9	Domain Adat .....	242
5.3	Pola Pemilihan Bahasa G I .....	252
5.4	Campur Kod dan Alih Kod Responden G I .....	253
5.5	Pola Pemilihan Bahasa G II .....	256
5.6	Campur Kod dan Alih Kod G II .....	259
5.7	Pola Pemilihan Bahasa G III .....	261
5.8	Campur Kod dan Alih Kod G III .....	263
5.9	Rumusan .....	266

## **BAB 6: AKOMODASI BERBAHASA, PERALIHAN, DAN**

	<b>PELESTARIAN BAHASA BATAK TOBA DI PONTIANAK.....</b>	<b>269</b>
6.1	Pendahuluan .....	269
6.2	Akomodasi Berbahasa di Kalangan Orang Batak Toba di Pontianak .....	269
6.2.1	Pemakaian Bahasa Indonesia Sepenuhnya .....	269
6.2.2	Pemakaian Bahasa Berselang-seli .....	270
6.2.3	Bermula Dua Bahasa dan Berlanjut (Mengerucut) Menjadi Satu Bahasa .....	273
6.2.4	Berlaku Campur dan Alih Kod .....	276
6.2.5	Sesama Orang Batak Toba Berbahasa Indonesia Sepenuhnya: Perjumpaan Sesama Ibu-ibu .....	277
6.2.6	Pola Akomodasi Berbahasa .....	279
6.2.6.1	Konvergen (Selari) .....	279
6.2.6.2	Kurang Konvergen (agak mencapah) .....	279

6.2.6.3	Divergen menjadi Konvergen .....	280
6.3	Faktor-faktor Penyebab Peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak .....	281
6.3.1	Penguasaan Bahasa Batak Toba Makin Berkurang .....	281
6.3.2	Jumlah Penduduk Minoriti: Domain Berbahasa Batak Toba Terhad .....	282
6.3.3	Taraf Pendidikan .....	283
6.3.4	Pekerjaan dan Jawatan .....	285
6.3.5	Keadaan Tempat Tinggal .....	286
6.3.6	Pelanggaran Aturan Adat .....	287
6.3.7	Perubahan Aturan Berbahasa di Gereja .....	288
6.3.8	Partisipasi Sosiobudaya Batak Toba .....	290
6.3.9	Dasar Negara .....	291
6.3.10	Berlaku Akomodasi Berbahasa .....	292
6.3.10.1	Penyesuaian Bahasa (Akomodasi Konvergen) Sesama Orang Batak Toba .....	293
6.3.10.2	Pertuturan Mencapah (Akomodasi Divergen) Sesama Orang Batak Toba .....	294
6.3.10.3	Penyesuaian Bahasa antar Ahli-ahli Berbagai-bagai Komuniti .....	294
6.3.10.4	Akomodasi Kenegaraan .....	295
6.4	Usaha Pelestarian Bahasa Batak Toba di Pontianak .....	296
6.4.1	Menggalakkan Pemakaian bahasa Batak Toba di dalam Keluarga ..	296
6.4.2	Menggalakkan Kehadiran Anak Muda dalam Upacara Adat .....	299
6.4.3	Menggalakkan Pemakaian Bahasa Batak Toba di Gereja .....	299
6.5	Rumusan .....	301
<b>BAB 7: KESIMPULAN .....</b>		<b>305</b>



7.1	Pendahuluan .....	305
7.2	Rumusan Kajian .....	305
7.3	Implikasi Hasil Kajian .....	310
7.4	Cadangan Kajian Lanjutan .....	311
7.5	Rumusan .....	312
<b>RUJUKAN .....</b>		<b>314</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>		<b>323</b>
A.	BORANG SOAL SELIDIK .....	323
B.	<b>TRANSKRIPSI PERBUALAN IBU BAPA DAN ANAK-ANAK DALAM SEBUAH KELUARGA BATAK TOBA .....</b>	<b>334</b>
C.	<b>TRANSKRIPSI PEMBUKAAN MEISYUARAT MAJLIS GEREJA HKBP PONTIANAK .....</b>	<b>336</b>
D.	<b>PETA INDONESIA (PENGHIJRAHAN ORANG BATAK TOBA KE PONTIANAK) .....</b>	<b>339</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah 3.1:</b> Kerangka Konsep Kajian .....	69
<b>Rajah 3.2:</b> Beberapa Pendekatan dan Teori .....	87
<b>Rajah 3.3:</b> Teori yang Dijalankan .....	101
<b>Rajah 6.1:</b> Perbualan Ibu bapa dan anak-anak dalam keluarga .....	270
<b>Rajah 6.2:</b> Satu pertemuan: bermula dua bahasa dan berlanjut menjadi satu bahasa (dalam sebuah bilik) .....	276
<b>Rajah 6.3:</b> Perjumpaan kaum perempuan orang Batak Toba: Berbahasa Indonesia sahaja .....	278

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual 1.1:</b> Contoh kata-kata bahasa <i>hadatuon</i> dan bahasa sehari-hari Batak Toba (Hariara, 1968) .....	26
<b>Jadual 1.2:</b> Contoh Kata-kata Bahasa <i>andung</i> dan Bahasa Sehari-hari Batak Toba (Hariara,1968).....	27
<b>Jadual 1.3:</b> Aksara Batak Toba ( <a href="http://hutagalung-cyber.blogspot.co.id/2012/11/AksaraBatak.html">http://hutagalung-cyber.blogspot.co.id/2012/11/AksaraBatak.html</a> ) .....	29
<b>Jadual 2.1:</b> Domain Penggunaan Bahasa dalam Komuniti Rajang Tanjong (Nor Hisham Osman,1999) .....	59
<b>Jadual 3.1:</b> Mandala penggunaan bahasa di kawasan perumahan Ulu Dedap (Nor Hisham Osman, 1994) .....	91
<b>Jadual 4.1:</b> Letak Rumah Responden G I, G II, dan G III .....	125
<b>Jadual 4.2:</b> Jantina Responden G I, G II, dan G III .....	127
<b>Jadual 4.3:</b> Agama Responden G I, G II, dan G III .....	128
<b>Jadual 4.4:</b> Status Perkahwinan Responden G I, G II, dan G III .....	129
<b>Jadual 4.5:</b> Keadaan perkahwinan Orang Tua (ibu bapa) Responden G I, G II, dan G III .....	130
<b>Jadual 4.6:</b> Pekerjaan Responden G I, G II, dan G III .....	130
<b>Jadual 4.7:</b> Jawatan Responden G I, G II, dan G III .....	132
<b>Jadual 4.8:</b> Pendidikan Responden G I, G II, dan G III .....	134
<b>Jadual 4.9:</b> Jiran Responden G I, G II, dan G III .....	135
<b>Jadual 4.10:</b> Organisasi Politik Responden G I, G II, dan G III .....	136
<b>Jadual 4.11:</b> Organisasi Masyarakat Responden G I, G II, dan G III .....	136
<b>Jadual 4.12:</b> Organisasi Keagamaan Responden G I, G II, dan G III .....	137
<b>Jadual 4.13:</b> Organisasi Profesi Responden G I, G II, dan G III .....	138
<b>Jadual 4.14:</b> Aktiviti sosiobudaya Responden G I, G II, dan G III .....	139

<b>Jadual 4.15:</b> Aktiviti Keagamaan Responden G I, G II, dan G III .....	139
<b>Jadual 4.16:</b> Kemahiran Berbicara G I: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba Sehari-hari .....	142
<b>Jadual 4.17:</b> Kemahiran Berbicara G I: dalam Bahasa Batak Toba: <i>Raksa ni Hadatuon dan Raksa ni Andung</i> .....	144
<b>Jadual 4.18:</b> Kemahiran Berbicara G II: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba .....	145
<b>Jadual 4.19:</b> Kemahiran Berbicara G II: dalam Bahasa Batak Toba <i>raksa ni hadatuon dan raksa ni andung</i> .....	147
<b>Jadual 4.20:</b> Kemahiran Berbicara G III: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba .....	148
<b>Jadual 4.21:</b> Kemahiran Berbicara G III: dalam Bahasa Batak Toba <i>raksa ni hadatuon dan raksa ni andung</i> .....	149
<b>Jadual 4.22:</b> Kemahiran Mendengar G I: Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba Sehari-hari .....	150
<b>Jadual 4.23:</b> Kemahiran Mendengar G I: Berbahasa Batak Toba <i>Raksa ni Hadatuon dan Raksa ni Andung</i> .....	151
<b>Jadual 4.24:</b> Kemahiran Mendengar G II : dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba .....	152
<b>Jadual 4.25:</b> Kemahiran Mendengar G II: Berbahasa Batak Toba <i>Raksa ni Hadatuon dan Raksa ni Andung</i> .....	153
<b>Jadual 4.26:</b> Kemahiran Mendengar G III: Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba .....	154
<b>Jadual 4.27:</b> Kemahiran Mendengar G III: dalam Bahasa Batak Toba <i>raksa ni hadatuon dan raksa ni andung</i> .....	155

<b>Jadual 4.28:</b> Kemahiran Membaca G I: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak	
Toba .....	156
<b>Jadual 4.29:</b> Kemahiran Membaca G I: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa	
Batak Toba .....	157
<b>Jadual 4.30:</b> Kemahiran Membaca G II: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak	
Toba .....	158
<b>Jadual 4.31:</b> Kemahiran G II Membaca: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa	
Batak Toba .....	158
<b>Jadual 4.32:</b> Kemahiran Membaca G III: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak	
Toba .....	159
<b>Jadual 4.33:</b> Kemahiran Membaca G III: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa	
Batak Toba .....	160
<b>Jadual 4.34:</b> Kemahiran Menulis G I: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak	
Toba .....	162
<b>Jadual 4.35:</b> Kemahiran Menulis G I: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak	
Toba .....	162
<b>Jadual 4.36:</b> Kemahiran Menulis G II : dalam Aksara Latin dan Aksara Batak	
Toba .....	163
<b>Jadual 4.37:</b> Kemahiran Menulis G II: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak	
Toba .....	164
<b>Jadual 4.38:</b> Kemahiran Menulis G III: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak	
Toba G III .....	165
<b>Jadual 4.39:</b> Kemahiran G III Menulis: Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak	
Toba .....	166
<b>Jadual 4.40:</b> Kemahiran G I Berbicara sambil Memakai Pantun Batak Toba	
<i>Umpasa dan Umpama</i> dalam Upacara Adat Batak Toba .....	167

<b>Jadual 4.41:</b> Kemahiran G I Berbicara sebagai <i>Parsinabung/Parsinabul</i> dan Memandu Upacara Adat Batak Toba .....	168
<b>Jadual 4.42:</b> Kemahiran G I Menjelaskan Makna Simbol-simbol Material Adat Batak Toba .....	169
<b>Jadual 4.43:</b> Kemahiran G II Berbicara sambil Memakai Pantun Batak Toba <i>Umpasa</i> dan <i>Umpama</i> dalam Upacara Adat Batak Toba .....	169
<b>Jadual 4.44:</b> Kemahiran G II Berbicara sebagai <i>Parsinabung/Parsinabul</i> dan Memandu Upacara Adat Batak Toba .....	170
<b>Jadual 4.45:</b> Kemahiran G II Menjelaskan Makna Simbol-simbol Material yang Digunakan dalam Upacara Adat Batak Toba .....	170
<b>Jadual 4.46:</b> Kemahiran Berbicara G III sambil Memakai Pantun Batak Toba <i>Umpasa</i> dan <i>Umpama</i> dalam Upacara Adat Batak Toba .....	171
<b>Jadual 4.47:</b> Kemahiran Berbicara G III sebagai <i>Parsinabung/Parsinabul</i> dan Memandu Upacara Adat Batak Toba .....	172
<b>Jadual 4.48:</b> Kemahiran G III Menjelaskan Makna Simbol-simbol Material Adat yang Digunakan dalam Upacara Adat Batak Toba .....	172
<b>Jadual 5.1:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Membicarakan masalah seharian bersama anggota keluarga di rumah .....	184
<b>Jadual 5.2:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdoman Berbicara di dalam arisan Keluarga .....	188
<b>Jadual 5.3:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada Datuk Nenek .....	190
<b>Jadual 5.4:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada Ibu Bapa .....	191

<b>Jadual 5.5:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada mertua .....	192
<b>Jadual 5.6:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada paman bibi .....	192
<b>Jadual 5.7:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada saudara kandung .....	193
<b>Jadual 5.8:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada saudara sepupu .....	194
<b>Jadual 5.9:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada Suami Isteri .....	195
<b>Jadual 5.10:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada anak kandung .....	197
<b>Jadual 5.11:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada kemanakan .....	197
<b>Jadual 5.12:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada menantu .....	198
<b>Jadual 5.13:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada cucu .....	199
<b>Jadual 5.14:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada pembantu rumah	
Tangga .....	200
<b>Jadual 5.15:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II dan G III	
di dalam Domain Kekeluargaan .....	201
<b>Jadual 5.16:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan:	
Subdomain Memberi nasihat kepada kanak-kanak yang bermain di	
halaman rumah .....	203

<b>Jadual 5.17:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan:	
Subdomain Berbincang dengan para jiran anak remaja .....	204
<b>Jadual 5.18:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan:	
Subdomain Berbincang dengan para jiran anak muda .....	204
<b>Jadual 5.19:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan:	
Subdomain Berbincang dengan para jiran orang tua .....	205
<b>Jadual 5.20:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan:	
Subdomain Menyapa orang tua renta yang melintas di hadapan	
Rumah .....	205
<b>Jadual 5.21:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III	
di dalam Domain Kejiranan .....	206
<b>Jadual 5.22:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Persahabatan: Subdomain Membicarakan aktiviti seharian kepada	
sahabat lebih muda .....	207
<b>Jadual 5.23:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Persahabatan: Subdomain Membicarakan hobby kepada sahabat	
Sebaya .....	209
<b>Jadual 5.24:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Persahabatan: Subdomain Membicarakan pengalaman hidup	
kepada sahabat lebih tua .....	210
<b>Jadual 5.25:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Persahabatan: Subdomain Berbincang dengan sahabat di kedai	
kopi .....	211
<b>Jadual 5.26:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain	
Persahabatan: Subdomain Berbincang dengan sahabat dalam acara	
Pesta .....	212



<b>Jadual 5.27:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Persahabatan .....	214
<b>Jadual 5.28:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli : Subdomain Menanyakan harga barang kepada pekedai .....	216
<b>Jadual 5.29:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Memesan (menempah) rupa-rupa bahan perbelanjaan di pasar rakyat .....	216
<b>Jadual 5.30:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Meminta penjelasan penggunaan barang kepada pembantu kedai di toko .....	217
<b>Jadual 5.31:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Menanyakan kualiti barang kepada pembantu kedai di supermarket .....	217
<b>Jadual 5.32:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Memesan (menempah) jajanan kepada pedagang Keliling .....	217
<b>Jadual 5.33:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Menanyakan harga berbagai-bagai barang mainan kanak-kanak kepada pedagang tepi jalan .....	218
<b>Jadual 5.34:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli .....	218
<b>Jadual 5.35:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Berdoa .....	220
<b>Jadual 5.36:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Sembahyang di tempat ibadah .....	221

<b>Jadual 5.37:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan:	
Subdomain Sembahyang bersama keluarga di rumah .....	222
<b>Jadual 5.38:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III Di dalam Domain	
Keagamaan: Subdomain Sembahyang di rumah-rumah jemaah .....	223
<b>Jadual 5.39:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan:	
Subdomain Sembahyang kelompok perkauman .....	224
<b>Jadual 5.40:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III dalam Domain Keagamaan:	
Subdomain Belajar Dogma Agama .....	226
<b>Jadual 5.41:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan:	
Subdomain Berbicara dalam mesyuarat antar jemaah .....	226
<b>Jadual 5.42:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III	
di dalam Domain Keagamaan .....	227
<b>Jadual 5.43:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan:	
Subdomain Menjawab soalan pengajar/guru .....	229
<b>Jadual 5.44:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III: Memberi soalan kepada	
pengajar/guru .....	230
<b>Jadual 5.45:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan:	
Subdomain Mendiskusikan pelajaran dengan teman sesama pelajar .	230
<b>Jadual 5.46:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan:	
Subdomain Membentangkan hasil diskusi di bilik kelas .....	231
<b>Jadual 5.47:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan:	
Subdomain Berbicara di dalam mesyuarat antar pelajar/mahasiswa ..	231
<b>Jadual 5.48:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa dalam Domain Pendidikan	
Responden G I, G II, dan G III .....	232

<b>Jadual 5.49:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Berbicara dalam sebuah mesyuarat jabatan bersama pimpinan dan para kaki tangan .....	234
<b>Jadual 5.50:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Melaporkan keadaan tugas kepada pemimpin .....	234
<b>Jadual 5.51:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Mendiskusikan pekerjaan dengan teman sejawat .....	235
<b>Jadual 5.52:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Menginstruksikan pekerjaan kepada staf/anak buah .....	235
<b>Jadual 5.53:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Berbincang dengan teman sekerja ketika rehat di kantin kantor/perusahaan .....	236
<b>Jadual 5.54:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III dalam Domain Pekerjaan Responden .....	236
<b>Jadual 5.55:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Membicarakan pengurusan kad keluarga kepada petugas RT/RW .....	239
<b>Jadual 5.56:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Membicarakan Pengurusan sijil kelahiran anak kepada petugas pencatatan sipil .....	239
<b>Jadual 5.57:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain pemerintahan: Subdomain Membicarakan masalah kesihatan kepada doktor perubatan pemerintah di klinik/hospital .....	240
<b>Jadual 5.58:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain pemerintahan: Subdomain Membicarakan masalah pembangunan	

Bandar kepada datuk bandar .....	240
<b>Jadual 5.59:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Berbicara kepada anggota polis dalam pengurusan lesen memandu .....	241
<b>Jadual 5.60:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain pemerintahan .....	241
<b>Jadual 5.61:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada <i>hulahula</i> atau <i>tulang</i> dalam upacara adat Batak Toba .....	244
<b>Jadual 5.62:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada <i>dongan tubu</i> dalam upacara adat Batak Toba .....	245
<b>Jadual 5.63:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada <i>boru, bere, dan ibebere</i> dalam upacara adat Batak Toba .....	246
<b>Jadual 5.64:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada <i>dongan sahuta, aleale dan raja na ginokkon</i> dalam upacara adat Batak Toba .....	246
<b>Jadual 5.65:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Memberi petua kepada pengantin dalam upacara adat perkahwinan Batak Toba .....	248
<b>Jadual 5.66:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Memberikan ucapan selamat kepada keluarga dalam upacara adat kelahiran Batak Toba .....	248

<b>Jadual 5.67:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Memberikan ucapan penghiburan kepada keluarga yang berduka pada upacara adat kematian Batak Toba .....	249
<b>Jadual 5.68:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara dalam mesyuarat syarikat marga .....	250
<b>Jadual 5.69:</b> Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Menjemput famili/kerabat untuk menghadiri sebuah pesta adat .....	250
<b>Jadual 5.70:</b> Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat .....	251
<b>Jadual 6.1:</b> Dalam Sebuah Majlis: berlaku dua bahasa berselang-seli .....	273

## SENARAI SINGKATAN

BUMN	= Badan Usaha Milik Negara
G	= generasi
G I	= generasi pertama
G II	= generasi kedua
G III	= generasi ketiga
H	= <i>High</i>
HKBP	= Huria Kristen Batak Protestan
L	= <i>Low</i>
OSIS	= Organisasi Siswa Intra Sekolah
PNS	= Pegawai Negeri Sipil
POLRI	= Polisi Republik Indonesia
PT	= Perseroan Terbatas
PTPN	= Perseroan Terbatas Perkebunan Nusantara
RI	= Republik Indonesia
RT	= Rukun Tetangga
RW	= Rukun Warga
SD	= Sekolah Dasar
SLTA	= Sekolah Lanjutan Tingkat Atas
SLTP	= Sekolah Lanjutan Pertama
SPSS	= Statistical Package for Social Science
TNI	= Tentera Nasional Indonesia
UNESCO	= <i>United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization</i>

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Di dalam bab pengenalan ini akan disampaikan latar belakang kajian yang memuat isu-isu pokok mengenai tanda-tanda pengekaln dan peralihan bahasa, penyebab dan akibatnya serta kemungkinan yang terjadi terhadap bahasa-bahasa kaum minoriti pada masa-masa yang akan datang di era globalisasi. Perihal yang sangat penting dalam latar belakang ini, iaitu permasalahan kajian, persoalan kajian, dan objektif kajian yang melingkupi pengekaln dan peralihan bahasa dalam kalangan minoriti orang Batak Toba di Pontianak. Selanjutnya, dikemukakan hal-hal yang menjadi bidang kajian, kepentingan kajian, dan skop penyelidikan. Bab ini dilengkapi oleh penyajian informasi yang sehubungan dengan keadaan orang Batak Toba di Pontianak: sekilas sejarah perantauan, kekerabatan orang Batak Toba, kebiasaan berkumpul, beribadah, acara istiadat, bersekutu marga dan keadaan tempat tinggal orang Batak Toba di Pontianak.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Di dalam pembukaan kata pengantar buku *Language Death and Language Maintenance*, yang disusun oleh Janse, Mark & Sijmen Tol (Eds.) (2003), Janse (2003, p.ix) mengatakan bahawa dijangka lebih setengah bahasa di dunia telah hilang selama 500 tahun terakhir. Sisanya, sebanyak 6,809 bahasa telah didaftar pada edisi cetakan terakhir *Ethnologue* (Grimes, 1992). Separuh daripada itu diyakini menjadi bahasa yang rawan punah pada abad ini. Menurut pandangan kaum pesimistik, hanya 600 bahasa yang dengan meyakinkan dapat bertahan untuk jangka waktu yang lama. Kesimpulannya adalah tidak dapat dielakkan: bahasa sedang kritikal pada tingkat yang mengkhawatirkan di seluruh dunia.

Para pemerhati awam dan pakar sosiolinguistik di berbagai-bagai tempat telah ramai membincangkan masalah isu-isu pengekalan dan peralihan bahasa. Menurut Achmad Hidir pula dalam Harian Riau Pos, 23 Mei 2003 yang dikutip dari laporan Harian Kompas, 13 Februari 2003, di antara 6,000 bahasa yang ada di dunia, hanya akan ada 600-3,000 bahasa sahaja lagi yang ada menjelang akhir Abad 21 ini. Daripada 6,000 bahasa itu, sekitar separuhnya, iaitu bahasa yang dengan jumlah penutur tidak sampai 10,000 orang. Salah satu syarat kelestarian bahasa, iaitu jika jumlah penutur mencapai 100,000 orang. Disebutkan lagi oleh Achmad Hidir bahawa menurut data UNESCO setiap tahun ada sepuluh bahasa daerah yang pupus dan pada penghujung Abad ke-21 ini dianggarkan laju kepupusan akan lebih cepat lagi.

Pernyataan terkini oleh pakar budaya dan bahasa Universiti Negeri Makassar, Zainuddin Taha (2007), mengingatkan bahawa pada abad ini dikirakan lima puluh peratus daripada lima ribu bahasa di dunia terancam pupus, atau setiap dua pekan hilang satu bahasa. Kepunahan tersebut bukan kerana bahasa tersebut hilang atau lenyap dari lingkungan peradaban, melainkan para penutur meninggalkannya dan beralih ke penggunaan bahasa lain yang dianggap lebih menguntungkan dari segi ekonomi, sosial, politik atau psikologi. Di Indonesia sendiri, kata beliau pula keadaan peralihan bahasa yang mengarah kepada kepupusan ini semakin nyata dalam kehidupan sehari-hari utamanya di kalangan keluarga yang tinggal di bandar raya. Peralihan ini tidak hanya dialami bahasa-bahasa daerah yang jumlah penutur sudah sangat sedikit, tetapi juga pada bahasa yang jumlah penutur tergolong ramai (<http://www.gatra.com/2007-06-01/ar>).

Kebenaran isu-isu tersebut dapat dirasakan bukan hanya oleh penduduk peribumi minoriti yang berada terpencil di berbagai-bagai wilayah di Indonesia, tetapi juga oleh para pemakai bahasa yang jumlah penutur lebih dari tiga juta orang, seperti penutur



bahasa Batak Toba. Walaupun jumlah penutur bahasa tersebut besar, kerana penutur duduk di berbagai-bagai kawasan atau bandar di Indonesia, begitu pula di luar negara membuat para penutur berkenan menjadi minoriti di berbagai-bagai kawasan. Sebahagian daripada pemilik bahasa merasa resah mengetahui bahasa ibunda sudah semakin ditinggalkan oleh sebahagian besar pewarisnya. Pemerhati bahasa dan pemilik bahasa sebahagian hanya bersedih hati, sebahagian menyesali diri, dan sebahagian lagi hanya boleh saling menyalahkan antara generasi tua dan generasi muda (Lauder, 2009). Isu-isu inilah yang membuat penyelidik tertarik untuk menerokai pengekal dan peralihan bahasa di kalangan minoriti perantau Batak Toba di Pontianak.

Peralihan bahasa (*language shift*) merupakan tanda-tanda yang mendahului kepupusan bahasa (Fishman, 1972c; Fasold, 1984; Cristal, 2000; Asmah Omar, 1982; David, 1996; Nor Hisham Osman, 1999; Roksana Bibi Abdullah, 2002; Sumarsono, 2002; Gogonas, 2009). Isu ini ternyata bukan lagi hanya perbincangan di kalangan awam para pemilik bahasa, tetapi kerisauan ini pun sudah sampai kepada para pakar di bidang bahasa, khususnya di bidang sociolinguistik di seluruh dunia. Kepedulian mereka ini diwujudkan melalui penyelidikan. Penyelidikan pun dilakukan untuk mengenal pasti tanda-tanda peralihan bahasa. Ada penyelidik yang menyelidik di sempadan antara negara (Gal, 1979), ada penyelidik yang menyelidik di kawasan yang berpenduduk minoriti dan terpencil (Nor Hisham Osman, 1999), dan ada pula yang menyelidik di bandar-bandar raya terhadap warga bangsa pendatang yang minoriti (Grenfield, 1972; David, 1996). Penyelidikan ini pun akan melanjutkan usaha yang sudah dirintis oleh para sarjana dan pakar terdahulu.

Orang Batak Toba merupakan warga pendatang/penghijrah di Pontianak, Provinsi Kalimantan Barat, Indonesia. Orang Batak Toba berasal dari daerah yang dahulu disebut Tapanuli Utara, Provinsi Sumatera Utara (250 kilometer ke arah selatan dari

Bandar Raya Medan). Daerah Tapanuli Utara sejak autonomi daerah pada tahun 2000 di Indonesia sehingga sekarang dibahagi menjadi empat kabupaten (pemerintahan satu level di bawah provinsi), iaitu Kabupaten Tapanuli Utara, Kabupaten Toba Samosir, Kabupaten Samosir, dan Kabupaten Humbang Hasundutan.

Penghijrahan orang Batak Toba ke bandar Pontianak berlangsung secara persendirian bukan secara kelompok. Penghijrahan orang Batak Toba ke Bandar Pontianak bermula sekitar awal Abad ke-20, sebelum Indonesia merdeka. Orang Batak Toba mula datang ke Pontianak sebagai pendakwa Kristian, dan sebagai pekerja perlombongan emas di Monterado, Singkawang (Panitia Jubileum/Hari Ulang Tahun ke-50 HKBP Pontianak, 1998). Setelah Indonesia merdeka (1945), orang Batak Toba semakin ramai di bandar Pontianak sebagai kaki tangan kerajaan (PNS), pekerja ladang milik negara, sebagai anggota tentera (TNI) dan polis (POLRI), dan sebagainya. Puncak kedatangan perantau Batak Toba di bandar Pontianak terjadi pada sekitar tahun 1970-1990-an. Ketika itu perusahaan pembalakan sedang rancak berkembang di sekitar bandar Pontianak. Sehingga kini orang Batak Toba di bandar Pontianak berjumlah dua ribu orang (*Statistik anggota/bancian HKBP Resort Pontianak, 2010*).

Bandar Pontianak ialah ibu negeri Provinsi Kalimantan Barat dan merupakan bandar terbesar di Kalimantan Barat. Penduduk asal ialah kaum Melayu Pontianak dan kaum Dayak Kenaytn. Oleh kerana kedudukannya yang strategik di muara Sungai Kapuas menghala ke Laut Cina Selatan, menjadikan tempat ini mudah dilayari dari berbagai-bagai bandar di Indonesia dan juga dari luar negara. Selain orang Batak Toba, kalangan lain yang merantau ke bandar Pontianak ialah Bugis, Madura, Jawa, Padang (Minang Kabau), Cina, dan pendatang lain yang tergolong minoriti.

Sehingga tahun 2013 penduduk bandar Pontianak berjumlah 648,120 orang (<http://www.dukcapil.kemendagri.go.id/detail/rekapitulasi-data-kependudukan-per->

kabupatenkota-edisi-31-desember-2013). Daripada jumlah itu, kaum Cina 31.24%, Melayu 26.05%, Bugis 13.12%, Jawa 11.67%, Madura 6.35%, dan warga daripada kalangan-kalangan minoriti yang lain, seperti Dayak, Batak, Bali, Minang Kabau, Ambon, Aceh, Manado, Toraja 8.57%. Ada kaum yang tinggal secara berkelompok, iaitu Melayu, Cina, Madura, dan Bugis dan ada yang hidup secara berselerak, iaitu berjiran dengan kaum-kaum lain. Kaum yang berselerak ini termasuk orang Batak Toba. Dalam mencari keperluan hidup sehari-hari, mereka bersama dengan kaum-kaum lain. Orang Batak Toba di Pontianak bekerja sebagai kaki tangan kerajaan, kaki tangan perusahaan negara, perusahaan swasta, peniaga, dan saudagar. Mereka terdiri daripada pekerja bawahan sehingga peringkat pengurusan dan profesional.

Semua komuniti tersebut memiliki bahasa ibunda, iaitu bahasa daerah (etnik) masing-masing yang termasuk ke dalam rumpun bahasa Austronesia, kecuali bahasa Cina (Tiowuchu, Hoklo). Bahasa perhubungan (*lingua franca*) antara etnik di bandar Pontianak ialah bahasa Indonesia, sama ada baku mahupun kolokial.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Seperti sudah disinggung pada bahagian latar belakang kajian bahawa akar permasalahan dalam kajian ini, iaitu orang Batak Toba yang tergolong minoriti berhijrah ke bandar Pontianak yang dihuni oleh penduduk tempatan dan penduduk lainnya yang tergolong majoriti. Kebersamaan orang Batak Toba di bandar Pontianak dengan penduduk tempatan (peribumi) dan penduduk lainnya menyebabkan pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa pula boleh menyebabkan penutur-penutur bahasa di tempat yang baru didatangi lambat laun menjadi dwibahasa atau pelbagai bahasa (Nor Hisham Osman, 2002). Selanjutnya, atas kepentingan hidup sehari-hari dalam kelancaran mengurus ekonomi rumah tangga, pendidikan, pergaulan, dan lain-lain lagi menyebabkan komuniti bahasa tersebut memilih bahasa tertentu untuk sesuatu

urusan dan memilih bahasa lain untuk urusan yang lain pula. Apabila keadaan ini berlaku terus-menerus dalam masa yang lama, kemungkinan berikut yang boleh terjadi tentulah ke arah pengekalan kedua-dua bahasa tersebut. Sebaliknya, apabila dalam semua urusan kehidupan, bahasa yang digunakan lambat laun hanya ke satu bahasa sahaja, sedangkan bahasa yang lain jarang-jarang dipakai lalu disertai lagi dengan perubahan sikap pemakai bahasa tersebut atas pilihan bahasa dalam kehidupannya, maka yang terjadi adalah berlaku pengekalan dan peralihan bahasa (Fishman, 1972c). Artinya, ada bahasa yang menjadi kerap kali dipakai dalam berbagai-bagai keperluan hidup, artinya bahasa tersebut menjadi kekal, dan ada bahasa yang menjadi jarang-jarang dipakai, artinya berlaku peralihan bahasa.

Orang Batak Toba merupakan penutur berdwibahasa. Mereka memiliki Bahasa Batak Toba sebagai bahasa ibunda dan memakai bahasa tersebut dalam komunikasi sesama orang Batak Toba. Dalam pergaulan dengan penduduk lain dan urusan kenegaraan, mereka mempergunakan bahasa Indonesia. Bahasa-bahasa tersebut termasuk rumpun bahasa Austronesia.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Pengamatan memberi kesan bahawa akhir-akhir ini majoriti generasi muda Batak Toba yang lahir di bandar Pontianak cenderung tidak menggunakan bahasa Batak Toba dalam komunikasi sesama orang Batak Toba, melainkan menggunakan bahasa Indonesia. Keadaan lebih merata-rata lagi tampak pada kalangan kanak-kanak dan remaja. Hampir seluruh kanak-kanak tidak menggunakan bahasa Batak Toba di dalam komunikasi sesama orang Batak Toba. Hal itu memberi kesan bahawa:

- 1) Berlaku peralihan bahasa dalam kalangan penghijrah minoriti Batak Toba di bandar Pontianak,

- 2) Banyak faktor yang menyebabkan peralihan bahasa dalam kalangan penghijrah minoriti Batak Toba di bandar Pontianak,
- 3) Tiada usaha yang dilakukan untuk melestarikan bahasa yang mengalami peralihan.

Dalam usaha untuk mengenal pasti tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa dan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pengekalan dan peralihan bahasa berkenaan, maklumat mengenai latar belakang kehidupan, penguasaan bahasa, dan pemilihan bahasa setiap individu di kalangan orang Batak Toba di bandar Pontianak perlu diketahui. Penguasaan bahasa orang Batak Toba di bandar Pontianak akan dikaji melalui sosiolinguistik. Aspek sosiolinguistik yang akan dikaji ialah mengenai pemakaian bahasa dan di dalamnya akan dilihat keadaan dwibahasa atau pelbagai bahasa, pemilihan bahasa, iaitu berasaskan domain perlakuan bahasa. Demikian pula mengenai latar belakang setiap individu Batak Toba di bandar Pontianak akan diambil kira untuk melihat hubungannya dengan penguasaan bahasa dan pemilihan bahasa.

### **1.5 Objektif kajian**

Kajian ini dilakukan untuk:

- 1) mengenal pasti tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan penghijrah minoriti Batak Toba di Pontianak,
- 2) menjelaskan faktor yang menyebabkan peralihan bahasa dalam kalangan penghijrah minoriti Batak Toba di Pontianak,
- 3) mencadangkan usaha yang boleh dilakukan untuk melestarikan bahasa yang sedang mengalami kepupusan dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak.

## **1.6 Bidang Kajian**

Kajian tentang gejala atau tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa merupakan kajian makrososiolinguistik. Dalam usaha untuk melihat tanda-tanda tersebut maklumat mengenai penguasaan bahasa setiap individu di dalam kalangan orang Batak Toba di bandar Pontianak perlu diambil kira. Seterusnya yang perlu dilihat lagi, iaitu bentuk pemilihan bahasa yang berlaku di dalam domain-domain perlakuan bahasa. Melalui maklumat penguasaan bahasa dan pemilihan bahasa dapatlah dikesan proses pengekalan bahasa dan peralihan bahasa yang berlaku dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak.

Kajian pengekalan bahasa ialah kajian untuk melihat dua perkara yang berlaku dalam masyarakat, iaitu sama ada menghurai tahap peralihan bahasa yang sedang berlaku, dan yang kedua pula melihat atau mengkaji aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk pengekalan suatu bahasa apabila bertembung dengan bahasa-bahasa lain yang lebih dominan (Nor Hisham Osman, 2002).

## **1.7 Batasan Kajian**

Seperti tampak pada objektif kajian ini bahawa kajian ini terhad pada membahaskan pengekalan dan peralihan bahasa yang berlaku bagi penduduk minoriti penghijrah Batak Toba di bandar Pontianak. Kajian ini bertumpu kepada, latar belakang individu, penguasaan bahasa, pemilihan bahasa dan akomodasi (penyesuaian) berbicara.

Kajian ini tidak sampai kepada membahaskan kepupusan bahasa dan kematian bahasa kerana peralihan bahasa dan kajian ini hanya berlaku bagi penduduk penghijrah Batak Toba yang bertempat tinggal di bandar Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana tanda-tanda peralihan bahasa telah berlaku di kalangan orang Batak Toba di perantauan, khususnya di bandar Pontianak dalam menghadapi kemajuan di era globalisasi. Dari kepentingan sosiolinguistik perlu mengetahui tahap peralihan bahasa dan pengekalan bahasa yang berlangsung dalam kalangan penghijrah minoriti itu, maka diharapkan hasil kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan untuk menjalankan usaha pengekalan bahasa yang bisa menjadi beralih atau digantikan oleh bahasa lain atau pupus di perantauan, khususnya di bandar Pontianak.

Kekhuatiran berikutnya lagi ialah perubahan sistem ketatanegaraan Negara Republik Indonesia berasaskan Undang-Undang Nombor 22 Tahun 1999 hal Pemerintahan Daerah (<http://otonomidaerah.com/undang-undang-otonomi-daerah/>), iaitu dari sistem sentralisasi ke sistem desentralisasi (autonomi daerah). Pada era sentralisasi, seluruh kekuasaan berada di tangan kerajaan pusat yang berkedudukan di ibu kota negara, Jakarta. Semua pemilihan dan penempatan kaki tangan kerajaan dilakukan oleh kerajaan pusat. Di antara para kaki tangan kerajaan itu sering terdapat orang Batak Toba. Melalui kedatangan para pekerja tersebut ke bandar Pontianak sedikit banyaknya boleh meningkatkan jumlah penutur bahasa Batak Toba dan pemeliharaannya.

Sebaliknya, sekarang di era desentralisasi (autonomi daerah) sejak tahun 2000 kekuasaan kerajaan pusat terhadap masalah kewangan, hukum, agama, pertahanan (tentera) dan keamanan (polis) sahaja. Bidang yang lain diselenggarakan di daerah oleh pemerintah daerah. Oleh itu, jumlah perpindahan atau pergantian pegawai negeri dari antara daerah menjadi sangat jarang-jarang terjadi di seluruh Indonesia. Hal ini menyebabkan kedatangan orang-orang baru di kalangan pegawai negeri dari berbagai-bagai daerah, termasuk orang Batak Toba ke bandar Pontianak tidak lagi terjadi.

Para sarjana bahasa di Indonesia belum ramai mengkaji masalah penyisihan atau kepupusan bahasa di Indonesia. Mereka masih fokus di dalam linguistik am (*general linguistics*) seperti, Verhaar, Harimurti Kridalaksana, Gorys Keraf, Sudaryanto, Daulat. P. Tampubolon, Bambang Kaswanti Purwo, Samsuri. Linguis Indonesia lainnya seperti, Anton M. Muliono, P.W.J. Nababan, Dendi Sugono, Badudu, Basuki suhardi, Hasim Gunarwan, Multamia Lauder, para sarjana ini lebih menumpukan perhatian pada bidang perancangan bahasa, pembakuan, dan pembinaan bahasa Indonesia.

Kekhawatiran lainnya ialah bahawa adat Batak Toba tidak memperlakukan sama setiap orang Batak Toba di dalam praktik pelaksanaan adat Batak Toba (Sihombing, T.M. (tanpa tahun penerbitan)). Hanya orang yang sudah menikah secara adat yang berhak bersuara dalam upacara adat. Ahli-ahli yang sudah menikah, tetapi belum mendapat adat hanya boleh diam atau memilih tidak ikut upacara adat. Sedangkan warga yang belum menikah, tidak mendapat sambutan ke dalam adat. Maklumat inilah pula yang akan dijadikan input kepada para pendekar adat (raja-raja adat) bahawa upacara adat merupakan media pembelajaran dan pemeliharaan bahasa Batak Toba yang paling baik. Di dalam upacara adat, orang Batak Toba menggunakan bahasa Batak Toba dengan baik dan benar (formal). Demi menyelamatkan bahasa Batak Toba dari peralihan atau kepupusan, terutama di perantauan maka adat harus dibaharui. Ertinya, tanpa merosak tradisi yang sudah berlangsung lama, di era moden ini harus ada keberanian orang yang peduli kepada kelestarian bahasa Batak Toba untuk membuka peluang bagi anak-anak muda untuk berperanan di dalam adat, terutama bagi para cendekiawan muda agar tetap memelihara bahasa Batak Toba melalui jalur adat.

Untuk mengetahui hal itu, di dalam penyelidikan ini akan cuba dimasukkan domain adat untuk melihat peranan anggota komuniti dalam upacara adat Batak Toba dalam pemilihan bahasa. Maklumat mengenai peranan dalam upacara adat berkenan kelak



akan dipaparkan, iaitu upacara adat Batak Toba dalam pemeliharaan bahasa Batak Toba signifikan atau tidak.

Kepentingan lain dari penyelidikan ini ialah sumbangan penelitian ini bagi sains sosial, khususnya di bidang sosiolinguistik. Daripada bermacam-macam penyelidikan sebelumnya terhadap bermacam-macam etnik atau komuniti tentu, penyelidikan ini diharapkan memberi sesuatu yang baru dalam perkembangan ilmu sosiolinguistik, seumpama pemakaian bahasa dalam domain adat yang belum tampak dalam kajian-kajian sebelumnya. Hasil penyelidikan ini diharapkan menjadi maklumat pula bagi seluruh warga etnik Batak Toba di perantauan agar mahu menyelamatkan bahasa Batak Toba dari kepupusan.

### **1.9 Orang Batak Toba di Pontianak**

Orang Batak Toba di Pontianak, utamanya generasi tua, sehingga sekarang masih menjalankan kebiasaan istiadat seperti di kampung halaman Tapanuli Utara. Walaupun di bandar Pontianak orang Batak Toba tidak lagi bertempat tinggal di *huta* (nama desa permukiman Batak Toba yang dibina oleh sesebuah kelompok marga secara turun-temurun), mereka menubuhkan syarikat *marga* (nama persekutuan daripada orang-orang bersaudara semarga, sedarah, seketurunan menurut garis bapa, yang mempunyai tanah sebagai milik bersama di tanah asal atau tanah leluhur (Marbun, & Hutapea, 1987). Mereka pula menubuhkan syarikat tolong-menolong (dalam sebuah kawasan tempat tinggal) agar selalu boleh bertemu antara sesama ahli-ahli etnik dari berbagai-bagai kawasan di bandar Pontianak dalam masa-masa tertentu. Syarikat ini pula tampak dalam upacara istiadat *dalihan natolu*. Demikian pula dalam menjalankan ibadah agama, orang Batak Toba di bandar Pontianak secara bersama-sama membina cawangan gereja yang bernama Gereja Kristen Batak Protestan (HKBP). Gereja ini berpusat di bandar Tarutung, Kabupaten Tapanuli Utara, Sumatera Utara. Keadaan ini

menunjukkan bahawa orang Batak Toba di bandar Pontianak “masih kekal” menjalankan aktiviti sosiobudaya milik mereka.

### 1.9.1 Sejarah Penghijrahan

Orang Batak Toba berasal dari daerah Tapanuli Utara, Provinsi Sumatera Utara, Indonesia. Tapanuli Utara beberapa tahun yang lampau dimekarkan menjadi empat kabupaten, iaitu Kabupaten Tapanuli Utara, Kabupaten Humbang, Kabupaten Toba Samosir, dan Kabupaten Samosir. Kawasan itu juga dikenal sebagai Dataran Tinggi Toba dan di dalamnya terdapat Danau Toba dan Pulau Samosir. Penduduk asli yang menempati wilayah tersebut ialah komuniti Batak Toba (Turnip, 1977).

Dalam mencari nafkah untuk melanjutkan kehidupan sehari-hari orang Batak Toba di tempat asalnya pada umumnya bekerja sebagai petani, mengolah sawah, dan mengumpulkan hasil-hasil hutan, seperti rotan, dan kemenyaan dan sebahagian menekuni usaha kerajinan menenun kain *ulos* (selendang batak), membuat anyam-anyaman, dan bertukang. Dalam aturan kehidupan sosial tradisional mereka diikat oleh adat budaya Batak Toba, iaitu *Dalihan Na Tolu*. Ini merupakan falsafah adat Batak Toba yang menggambarkan komuniti Batak Toba seperti tungku yang berkaki tiga yang boleh menahan beban, seperti periuk atau kualiti dengan kukuh di atasnya ketika seseorang memasak nasi atau yang lainnya. Satu kaki melambangkan *hulahula* ‘kelompok marga pihak isteri’; satu kaki melambangkan *dongan sabutuha* ‘teman satu marga’; dan satu kaki lagi melambangkan *boru* ‘kaum yang memperisteri anak perempuan dari sebuah kelompok marga’ (Simanjuntak, 2013). Komuniti Batak Toba menjalankan sistem patrilineal dalam garis kekerabatan (Koentjaraningrat, 1967).

Dataran Tinggi Toba termasuk ke dalam bahagian kawasan yang dikenal sebagai Bukit Barisan (bahagian barat Propinsi Sumatera Utara), iaitu barisan pegunungan,

bukit dan lembah di sepanjang bahagian barat Pulau Sumatera ( $\pm$  500-1500 meter di atas permukaan laut). Kondisi topografi seperti itu membuat tanah sebahagian besar menjadi gersang dan tidak menguntungkan untuk pertanian. Selain itu, tidak ada perlombongan yang dijalankan, kecuali sedikit belerang, dan wap panas bumi.

Dalam pada itu, seiring dengan perjalanan waktu dan pertumbuhan penduduk yang semakin ramai yang tidak sebanding dengan sumber keperluan hidup yang berasal dari hasil-hasil pertanian dan hasil hutan, dan hasil bumi lainnya, memaksa penduduk Dataran Tinggi Toba atau orang Batak Toba berhijrah. Pada fasa pertama (sekitar awal kurun ke-20), sebahagian berhijrah ke wilayah timur dan utara Sumatera Utara, iaitu tempat yang lebih subur dan baik untuk pertanian (daerah Simalungun, Deli Serdang, Dairi, dan Karo). Dari kawasan ini ada yang meneruskan penjelajahan sampai ke Tanah Aceh, iaitu Kuta Cane. Mereka membuka tanah pertanian baru, mengolah sawah, membuka tempat untuk tanaman palawija (kacang, jagung, cabai, bawang, sayur-sayuran, dan yang lainnya) dan tanaman keras lainnya seperti kopi, cengkeh, koko, kelapa, dan yang lainnya). Sebahagian penduduk lainnya ada yang merantau ke bandar-bandar di sekitar dataran Tinggi Toba, seperti bandar Pematang Siantar hingga ke bandar raya Medan dan sekitarnya, menjadi peniaga hasil bumi, pegawai perusahaan, atau pegawai pemerintah Belanda.

Fasa berikutnya, perpindahan penduduk Batak Toba berlangsung ke wilayah Sumatera bahagian timur dan selatan (pertengahan kurun ke-20). Hal ini seiring dibukanya jalan raya lintas timur Sumatera menuju daratan Riau, Palembang, Jambi, Bandar Lampung hingga ke Pulau Jawa. Di tempat-tempat tersebut mereka menekuni usaha perkebunan, kehutanan, dan perdagangan, atau menjadi pegawai perusahaan pertambangan minyak, batubara, emas, timah, dan yang lainnya. Keberhasilan mereka menemukan sumber mata pencaharian di setiap tempat pemukiman baru selalu

diinformasikan kepada sanak saudara di kampung halaman dan menjemput para angkatan kerja berikutnya supaya ikut merantau.

Selain masalah mata pencaharian yang membuat orang Batak Toba merantau pada masa-masa awal, masalah lainnya yaitu terhadapnya jumlah perguruan tinggi negeri di Sumatera Utara untuk menampung para pelajar tamatan sekolah menengah atas untuk melanjutkan sekolah. Akibatnya, pemuda Batak Toba selepas Sekolah Menengah Atas dengan hanya bermodalkan kerja keras orang tuanya dengan penuh semangat dan tekad berangkat menuntut ilmu jauh di seberang lautan ke sekolah tinggi tersohor di Pulau Jawa. Beberapa di antaranya, seperti Universiti Indonesia di Jakarta, Institut Teknologi Bandung di Bandung, Universiti Gajah Mada di Yogyakarta, dan Akademi Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (AKABRI) di Surabaya dan Malang (Angkatan Darat, Laut, Udara, dan Kepolisian). Setelah mereka berhasil menamatkan studi, mereka menduduki jawatan-jawatan penting, sama ada di pemerintahan mahupun di perusahaan syarikat milik pemerintah dan milik swasta nasional dan asing di berbagai-bagai provinsi dan bandar-bandar raya di seluruh Indonesia. Ada yang menjadi menteri, ada yang menjadi gubernur (Menteri Besar), bupati, kepala-kepala kantor (*office director*), direktor perusahaan dan posisi penting lainnya di berbagai-bagai kementerian. Ada pengusaha, profesional (dokter perubatan, politikus, advokat (peguam), seniman) dan jawatan yang lainnya.

Anak sulung yang sukses mencapai cita-cita menjadi orang yang berguna di rantau tidak tinggal diam sendirian menikmati keberhasilan, melainkan menolong saudara-saudari dan kerabat lainnya untuk meningkatkan kemajuan dan menjemputnya dari kampung ke perantauan. Perantau-perantau baru dari kampung halaman ada yang disekolahkan ke sekolah tinggi dan ada yang langsung dicarikan pekerjaan bagi yang sudah cukup pendidikannya.

Demikianlah gambaran singkat tentang keberadaan orang Batak Toba di perantauan hampir di seluruh kawasan Indonesia dari Sabang (pulau paling ujung di utara Pulau Sumatera) sampai ke Merauke (bandar paling timur di Papua Barat Indonesia bersempadan dengan negara Papua New Guinea), ada pula di luar negeri seperti di Singapura dan Malaysia.

Demikian pulalah halnya dengan kehadiran orang Batak Toba di Pulau Kalimantan (Borneo), khususnya di bandar Pontianak. Mereka berhijrah melalui rintisan jalan para perantau pendahulu yang masih merasakan kejayaan industri pengolahan kayu, dan para pegawai pemerintah pusat yang ditempatkan di Kalimantan Barat jauh sebelum autonomi daerah dilaksanakan, dan para pegawai perkebunan milik negara (PT Perkebunan) yang ditugaskan dari kantor pusatnya (*central office*), yang dahulu berada di Bah Jambi, Sumatera Utara. Hingga setakat ini menurut perhitungan, warga Batak Toba, sama ada pendatang mahupun generasi yang sudah lahir di Pontianak sudah berjumlah 2,000 orang.

### **1.9.2 Kekerabatan Komuniti Batak Toba**

Sebagaimana halnya suku bangsa lain di Nusantara, komuniti Batak Toba sebahagian besar hidup di daerah pedesaan. Pada umumnya mereka petani tradisional. Komuniti Batak Toba sebagai orang pedalaman menumpahkan perhatiannya terhadap pertanian. Adat-istiadatnya berhubungan erat dengan usaha pertanian. Penduduk hidup dengan suasana gotong-royong dan sebelum melakukan suatu pekerjaan yang penting, lebih dahulu mengutamakan musyawarah.

Di dalam komuniti Batak Toba, orang sering bergaul saling menolong dan melakukan aktiviti bersama dengan saudara-saudara sekandung, saudara-saudara sepupu daripada pihak ayah mahupun ibu. Suatu kesatuan kekerabatan yang melingkari

seseorang yang melaksanakan suatu aktiviti disebut *kindred* (Koentjaraningrat, 1967, p. 115). Wujud *kindred* ini di dalam masyarakat Batak Toba ialah *Dalihan Na Tolu* ‘tungku yang berkaki tiga’. Seperti namanya, *Dalihan Na Tolu* mempunyai tiga unsur, seperti yang digambarkan ketiga kaki tungku, iaitu unsur *hulahula* ‘kerabat pemberi perempuan/isteri, *boru* ‘kerabat penerima perempuan/isteri’ dan *dongan sabutuha* ‘kerabat satu marga’. *Kindred* ini biasanya menunjukkan aktiviti dalam upacara adat, seperti: upacara mendirikan atau memasuki rumah baru, kelahiran, perkahwinan, kematian/pemakaman, penggalan tulang-belulang nenek moyang, perasmian pembangunan makam nenek moyang, dan pesta tugu (monumen) marga-marga.

Seorang lelaki Batak Toba menjadi warga *Dalihan Na Tolu* jika ia sudah menikah dan pernikahannya itu dikukuhkan di dalam adat Batak Toba. Warga *Dalihan Na Tolu* mempunyai tiga identiti yang berlaku ke luar dan ke dalam dirinya, iaitu sebagai *dongan sabutuha* daripada yang satu marga dengan dia, sebagai *boru* daripada yang satu marga dengan isterinya, dan sebagai *hulahula* daripada yang berkahwin dengan perempuan yang satu marga dengan dia. Pada kenyataannya warga *Dalihan Na Tolu* dalam hidupnya tidaklah hanya sekali sahaja menghadapi atau berperanan di dalam upacara adat Batak Toba. Oleh itu, seperti yang disebutkan tadi, kemungkinan dia sebagai *hulahula*, sebagai *boru*, atau sebagai *dongan sabutuha* pada suatu upacara adat Batak Toba tergantung pada konteks adat (berkahwin) yang dimasukinya. *Pertama*, ayah pengantin sebagai *hasuhuton*, iaitu penyelenggara upacara adat. Kerabat lain ialah saudara ayah pengantin, atau saudara sekandung pengantin, atau anak saudara kakek pengantin (patrilineal), atau saudara satu marga pengantin, semuanya itu merupakan *dongan sabutuha* daripada ayah pengantin atau *dongan sabutuha* daripada *hasuhuton*. *Kedua*, jika yang bersangkutan saudara ibu pengantin atau ayah daripada ibu pengantin, mereka itu merupakan *hulahula* daripada *hasuhuton*. *Ketiga*, jika yang bersangkutan

suami daripada saudari pengantin, atau suami daripada saudari ayah pengantin, mereka itu disebut *boru* daripada *hasuhuton*. Demikian juga di pihak pengantin perempuan.

*Dalihan Na Tolu* merupakan dasar sopan santun pergaulan kekerabatan yang motonya sebagai berikut:

- 1) *Somb'a marhulahula*, ertinya hormat kepada *hulahula*,
- 2) *E'lek marboru*, ertinya sayang kepada *boru*,
- 3) *Mañat mardongan tubu*, ertinya setia kepada *dongan sabutuha* atau teman semarga (Sihombing, T.M., p. 267).

Moto sopan santun pergaulan kekerabatan itu bukan hanya teori sahaja, tetapi harus dipraktikkan terutama di dalam melaksanakan upacara adat-istiadat, baik dalam perkataan mahupun dalam perbuatan. Sebagai contoh, pihak *boru* dalam mengunjungi *hulahulanya* atas sesuatu urusan adat harus membawa makanan lengkap *namarsaudara*, iaitu makanan khas adat berupa seekor ternak (kambing atau domba) lengkap dengan bahagian-bahagian badan haiwan itu. Ada bahagian kepala (dinamai *namarngingi* 'rahang atas' dan *osangosang* 'rahang bawah'), ada bahagian leher (dinamai *aliangaliang*), ada bahagian rusuk (dinamai *sombasomba*), ada bahagian punggung ekor (dinamai *ihurihur*), ada bahagian kaki (dinamai *soit*) dan selebihnya dicencang menjadi lauk. Semuanya dihidangkan di atas tampi atau pinggan besar/talam ke hadapan *hulahula* dan diiringi dengan kata-kata permohonan berkat dalam penyerahan makanan dan maksudnya kepada *hulahula* sebelum acara makan dimulai. Sebaliknya, *hulahula* dalam kunjungan adat ke tempat *boru* harus membawa beras atau nasi dan ikan mas besar yang sudah dimasak serta memberi *pasupasu* 'berkat' melalui pemberian kain *ulos* disertai doa kepada *borunya*. Hidangan yang dipersembahkan oleh *boru* kepada *hulahula* dan hidangan dan hantaran yang diberikan oleh *hulahula* kepada *boru* semuanya sarat dengan simbolisme yang bermakna kerukunan, kesihatan dan kebahagiaan daripada kedua-dua belah pihak.

Salah satu tali pengikat kehidupan bermasyarakat bagi komuniti Batak Toba ialah perkahwinan. Bagi orang Batak Toba, perkahwinan bukan sahaja bermakna mempertemukan seorang lelaki terhadap seorang untuk menjadi suami isteri, tetapi juga untuk mempertemukan dua marga daripada dua pihak untuk menjadi satu keluarga besar *dalihan natolu* yang baru (Vergouwen, 1986).

### **1.9.3 Kebiasaan Berkumpul**

Kebiasaan di kampung halaman sebelum pergi merantau tidak dilupakan setelah sampai di tanah rantau. Atas kebiasaan itu, ada kisah (anekdot) tentang orang Batak Toba di tanah rantau yang senang berkumpul sesama orang Batak Toba. Apabila di tanah rantau baru ada satu orang Batak Toba, yang dilakukannya di masa senggang adalah bernyanyi sendirian sambil bermain gitar atau keroncong. Apabila sudah ada dua orang Batak di rantau, mereka berdua di masa senggang akan bermain catur. Demikian pula apabila sudah ada tiga orang Batak Toba berkumpul di tanah rantau, mereka akan membicarakan adat, dan apabila sudah ada empat orang atau lebih orang Batak Toba di tanah rantau, mereka akan berkumpul bergotong-royong untuk mendirikan tempat ibadah, namun apabila sudah ramai orang Batak Toba di rantau, mereka mulai berkelahi (lirik lagu Bonar Gultom: *Balada Batak*).

Perkumpulan orang Batak Toba di tanah perantauan ada yang secara rutin dilaksanakan dan ada yang dilaksanakan bersesuaian dengan sesebuah peristiwa yang terjadi, misalnya upacara adat. Perkumpulan yang secara rutin dilaksanakan ialah ibadah minggu di gereja setiap hari Ahad. Demikian pula pelaksanaan arisan (bersekutu) marga dan arisan tempat tinggal dilaksanakan sekali sebulan di rumah-rumah ahli bersekutu secara bergilir.



#### 1.9.4 Pelaksanaan Ibadah

Adat dan agama sudah menjadi bahagian yang tak terpisahkan dari kehidupan masyarakat Batak Toba, sama ada di kampung halaman mahupun di perantauan. Kedatangan misionaris (penyiar agama) asal Inggeris, Belanda, Amerika, dan Jerman lebih 150 tahun yang lalu (1861) ke tanah Batak membawa agama Kristian telah mengalihkan kepercayaan animisme kepada kepercayaan kepada Tuhan yang Maha Esa (Almanak Tahunan HKBP).

Orang Batak Toba di perantauan Pontianak majoriti beragama Kristian Protestan. Lembaga Gereja Kristian Protestan atau *sekte* (agama Kristian kesukuan) yang diikutinya di kampung halaman didirikan pula cabangnya diperantauan oleh orang Batak Toba. Dahulu ketika para perantau masih sedikit jumlahnya, mereka membaur melaksanakan kebaktian atau sembahyang dengan masyarakat Kristian di gereja yang sudah ada. Namun setelah jumlah mereka semakin bertambah ramai, mereka bersepakat membangun gereja sendiri. Mereka secara baik-baik pindah ke gereja yang mereka dirikan itu, dan mulailah mereka beribadah di gereja sendiri, iaitu *Huria Kristen Batak Protestan* disingkat HKBP (Gereja Kristen Batak Protestan) yang dilayani pendeta dari jemaah Pusat HKBP. Perlakuan yang sama terjadi juga di tiap-tiap tempat perantauan masyarakat Batak Toba. Khas di Kota Pontianak, sampai setakat ini sudah berdiri lima gereja jemaah HKBP. Bahasa yang digunakan dalam kebaktian ialah bahasa Batak Toba dan bahasa Indonesia.

Lembaga gereja HKBP sudah menjadi pusat persekutuan kerohanian dan wahana pertemuan setiap hari Ahad bagi majoriti orang Batak Toba di seluruh dunia. Gereja HKBP pada 31 Oktober 2011 sudah merayakan ulang tahunnya yang ke-150. Jemaah HKBP (tiga juta orang, tahun 2003) 99% terdiri daripada orang Batak Toba. Atas gambaran ini peranan HKBP masih dapat melanjutkan pelestarian bahasa Batak Toba

melalui pelatihan atau kursus bahasa Batak Toba di sekolah *naik sidi* (yaitu pengajian agama Kristian Protestant, pendidikan wajib satu tahun untuk remaja dan pemuda sebelum dilantik menjadi anggota jemaah penuh di HKBP) atau sebelum menerima pemberkatan pernikahan.

Lembaga gereja HKBP yang diharapkan menjadi benteng terakhir untuk menyelamatkan bahasa Batak Toba dari kepupusan pun ternyata akhir-akhir ini sudah menggunakan dua bahasa dalam mimbar penyelenggaraan peribadahnya, sama ada lisan mahupun tulisan, iaitu bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia. Jemaah yang mulai kurang faham bahasa Batak Toba akan memilih mimbar kebaktian berbahasa Indonesia. Liturgi (isi upacara kebaktian: nyanyian, doa, dan khutbah), kitab suci, kitab kidung, buletin ibadah harian, dan pedoman lainnya sudah tersedia dalam bahasa Indonesia. Akhir-akhir ini peserta yang mengikuti kebaktian berbahasa Indonesia di bandar Pontianak jauh lebih ramai daripada yang mengikuti kebaktian berbahasa Batak Toba. Kebaktian berbahasa Indonesia didominasi oleh pasangan keluarga muda dan anak-anak muda sementara kebaktian berbahasa Batak Toba kebanyakan diikuti orang tua renta.

### **1.9.5 Pelaksanaan Istiadat**

Tradisi khas komuniti Batak Toba di kampung halaman, Tapanuli Utara diteruskan di perantauan dan hingga saat ini masih berjalan dengan lancar. Adat-istiadat, seperti dalam menyongsong kelahiran anak, anak lahir, perkahwinan, kematian, terhindar dari bencana, terkena bencana, memindahkan tulang-belulang nenek moyang ke kuburan baru, dan adat dalam sukacita yang lain, seperti membangun dan merasmikan rumah, belum ada yang gagal dilaksanakan kerana tidak tahu melaksanakannya atau tidak mahu lagi melaksanakan adat itu. Hanya sahaja, adat budaya tradisional dari alam agraris di kampung halaman tempat kelahiran adat budaya

tersebut pelaksanaannya di era moden, industrialisasi dan globalisasi di bandar-bandar raya tidak dapat lagi dilaksanakan dengan sempurna, terutama dalam hal masa atau waktu (Simanjuntak, 2014). Hal itu disebabkan keterikatan para pelaku adat itu terhadap pekerjaannya sebagai pegawai kerajaan, karyawan swasta, pengusaha, atau dalam menjalankan profesi lainnya. Oleh itu, satu macam kegiatan adat yang seharusnya dilaksanakan dalam beberapa hari, sekarang diringkaskan menjadi dalam satu atau dua hari sahaja. Seumpama, upacara adat perkahwinan yang sepatutnya dilaksanakan dalam enam hari, mulai daripada *patua hata* (menghadap orang tua perempuan oleh orang tua lelaki atau melamar), *marhusip* (menaksir jumlah mahar), *marhata sinamot* (tawar-menawar jumlah mahar), *marunjuk* (pesta pernikahan), *paulak une* (pengantin dan pihak ibu bapa lelaki berkunjung ke rumah ibu bapa perempuan untuk memohon doa keselamatan), sampai terakhir, *maningkir tangga* (pihak ibu bapa perempuan datang mengunjungi besannya untuk mengetahui keadaan kehidupan ekonomi keluarga mereka) paling lama hanya dilaksanakan dalam dua hari sahaja. Upacara sebelum pernikahan atau pra pernikahan dipadukan dalam satu hari. Upacara pernikahan dan acara berikut selepas pernikahan atau pasca pernikahan dipadukan dalam satu hari lagi. Walaupun kelihatan agak aneh dan menjurus ke arah formalitas, tetapi demikianlah orang Batak Toba di perantauan Pontianak menyikapi pelaksanaan adat tradisional di era modenisasi (Sihombing, (tanpa tahun terbit)).

Hanya sahaja yang menjadi ahli-ahli komuniti adat Batak Toba ini hanyalah orang-orang yang sudah berumah tangga. Kanak-kanak, remaja, dan pemuda-pemudi (bujang) apa pun statusnya jika belum berumah tangga tidak boleh menjadi anggota komuniti adat Batak Toba, lebih lagi menjadi pelakon adat.

Bahasa Batak Toba dalam setiap upacara adat Batak Toba menjadi satu-satunya alat komunikasi antara pihak-pihak yang terlibat dalam upacara adat tersebut (Simanjuntak, 2013). Pepatah-petitih, pantun dan syair silih berganti mewarnai komunikasi sepanjang

upacara adat tersebut. Ada yang menjadi *raja parhata* (juru bicara) masing-masing penyelenggara adat. Juru bicara ini merupakan orang pilihan dari antara kerabat penyelenggara upacara adat atas keterampilannya *marhata* (bertutur sapa) dan membina adat. Setiap orang Batak Toba sangat menghargai kepiawaian orang-orang yang cakap dalam hal berbicara di dalam adat. Secara tidak langsung orang-orang tersebut “dituakan” (pembicaraannya dituruti orang lain) dan menjadi andalan dalam hal memimpin setiap permusyawaratan adat. Semua upacara adat selalu didahului permusyawaratan yang dihadiri oleh para kerabat penyelenggara adat untuk menyusun langkah-langkah pelaksanaan upacara adat.

Upacara adat ini secara tidak langsung menjadi media pembelajaran bagi semua orang Batak Toba, sama ada di kampung halaman mahupun di perantauan dalam bertutur sapa dalam bahasa Batak Toba. cara bertanya, cara memerintah orang lain, cara menjawab pertanyaan, cara menyampaikan idea, cara memohon sesuatu, menunggu giliran berbicara, memilih pantun, peribahasa ke dalam pembicaraan, semua terdapat dalam upacara adat.

Di dalam upacara adat juga diajarkan cara memberi nasihat, dan cara menyampaikan ucapan terima kasih. Pendek kata, upacara adat Batak Toba sangat efektif dalam membina pemakaian bahasa Batak Toba bagi setiap orang Batak Toba di mana pun mereka berada. Saat ini yang dikhawatirkan adalah semakin berkurangnya minat ataupun perhatian para keluarga muda untuk menghadiri, mempelajari dan melakoni penyelenggaraan adat di perantauan. Salah satu alasannya ialah mereka sibuk dari pagi sehingga malam melaksanakan tugas pejabat atau bisnis lain. Belakangan ini upacara adat seolah-olah hanya urusan kaum tua sahaja.

### **1.9.6 Persekutuan (Arisan) Marga dan Persekutuan Tempat Tinggal**

Bagi membina silaturahim antara orang Batak Toba di perantauan, termasuk di Pontianak, tiap-tiap marga membentuk perkumpulan. Ada perkumpulan daripada pihak marga suami, ada perkumpulan daripada pihak marga isteri, ada perkumpulan daripada pihak marga ibu suami, dan ada perkumpulan daripada pihak marga ibu isteri. Mereka membuat senarai atau jadual pertemuan minimal sekali sebulan dalam bentuk arisan (bergantian di rumah tiap anggota yang ikut). Bila semua perkumpulan marga ini diikuti oleh sebuah keluarga maka ada empat perkumpulan marga yang dihidirinya setiap bulan. Pertemuan lainnya ialah perkunjungan jika ada upacara adat atau ada anggota perkumpulan yang sakit, meninggal, atau yang kemalangan untuk memberi penghiburan. Mereka bahu-membahu memberi bantuan moral-spritual dan material.

Selain perkumpulan marga-marga, orang Batak Toba di Pontianak juga menubuhkan perkumpulan berasaskan tempat tinggal anggota yang relatif berdekatan dalam satu kawasan. Ada dalam satu atau dua lingkungan perumahan atau dalam lingkungan kelurahan. Tujuan perkumpulan ini hampir sama dengan perkumpulan marga-marga, tetapi yang paling menonjol adalah dalam bidang sosial kemanusiaan, tolong-menolong apabila ada anggota yang ditimpa kesusahan.

### **1.10 Bahasa Batak Toba**

Kekayaan budaya lainnya yang dimiliki komuniti Batak Toba ialah bahasa. Bahasa Batak Toba memiliki aksara/hurufnya yang tersendiri. Bahasa ini memudahkan komuniti melaksanakan interaksi sosial sehari-hari dan yang lebih penting lagi ialah pendokumentasian dan pewarisan sejarah dan budaya kepada generasi penerus melalui tulisan.

Hariara, (1968) menuliskan:

“*Sitolu sada urdot songon dalihan na tolu jala sitolu sada ihot songon tiang ni langgatan, songon i do na masa nang di hata Batak, ima: 1. Hata siganup ari; 2. Rangsa ni andung; dohot 3. Rangsa ni hadatuon*”. (p. 5)

Terjemahan:

“Tiga serangkai seperti batu tungku dan tiga seikat seperti pilar mesbah, demikian pula yang berlaku pada bahasa Batak, yakni: 1. Bahasa sehari-hari; 2. Bahasa *andung* (ratapan); dan 3. Bahasa *hadatuon* (perdukunan) .

Sehubungan dengan pendapat tersebut, di bawah ini diuraikan mengenai pemakaian bahasa Batak Toba sehari-hari, bahasa Batak Toba *rangsa ni hadatuon*, bahasa Batak Toba *rangsa ni andung*, dan aksara Batak Toba.

#### **1.10.1 Bahasa Batak Toba Sehari-hari**

Bahasa Batak Toba sehari-hari ialah bahasa Batak Toba yang digunakan sebagai bahasa perhubungan sehari-hari di antara sesama ahli-ahli komuniti Batak Toba (lisan dan tulisan) untuk menyampaikan idea-idea, bekerja sama, pergaulan, dan sebagainya. Di dalam pergaulan sehari-hari bahasa Batak Toba memegang peranan penting. Peranan bahasa Batak Toba sama dengan peranan bahasa-bahasa daerah lainnya sebagai bahasa ibunda. Percakapan dalam pergaulan dan kegiatan sehari-hari sesama orang Batak Toba (di rumah, di mesyuarat istiadat, di gereja) tidak terlepas dari falsafah Batak *dalihan na tolu*. Setiap pembicara hendaklah mengetahui hubungan kekerabatan dengan lawan bicaranya dan memakai istilah kekerabatan yang sesuai dengan kedudukannya. Istilah kekerabatan ini harus dikuasai oleh seorang pembicara apabila hendak menegur atau memulai sesuatu percakapan. Kata-kata yang digunakan dalam pergaulan sehari-hari ini merupakan kata-kata biasa dalam pergaulan (perhatikan perbandingan bahasa sehari-hari dengan bahasa *rangsa ni hadatuon* dalam Jadual 1.1).

### 1.10.2 Bahasa Batak Toba *Raksa ni Hadatuon*

Bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* ialah bahasa yang digunakan untuk menamai atau menyebut sesuatu benda atau keadaan atau peristiwa dengan kata-kata yang bermakna tidak langsung (Hariara, 1968). Tujuannya iaitu untuk memperhalus penyampaian maksud kepada lawan bercakap (interlokutor). Selain itu juga untuk menunjukkan sopan santun dan rasa hormat kepada interlokutor. Misalnya, tidak boleh seseorang menyebut *pinggol* ‘telinga’ sebagai bahagian daripada anggota tubuh kepada orang yang dihormati, melainkan menyebut dengan kata *sipareon* ‘alat untuk menyemak suara dengan penuh saksama’. Demikian pula untuk menyebut nama binatang, misalnya kata *biang* ‘anjing’ harus diganti dengan kata *panangga* ‘daripada kata dasar tangga, iaitu sesuai kebiasaan anjing berbaring atau tiarap di tangga rumah pemilik anjing tersebut’. Bahasa *raksa ni hadatuon* ini semestinyalah dipakai dan difahami setiap orang Batak Toba untuk menunjukkan keadapannya di hadapan orang lain sesama Batak Toba dan membuat ia dihormati orang lain.

Seorang *datu* ‘dukun batak’ pada amnya harus mempunyai kemampuan dalam hal: (1) pengubatan; (2) meramal ‘nujum’; (3) keagamaan ‘pendeta’; dan (4) pengetahuan ilmu ghaib (Marbun & Hutapea, 1987). Seorang *datu* sangat dihormati masyarakat Batak zaman dahulu. Bahasa *raksa ni hadatuon*, disebut demikian kerana para *datu* sangat mahir menggunakannya ketika membacakan *tonggo* ‘do’a’ atau ‘mantera, dan membacakan *tabas* ‘jampi’. Bahasa *hadatuon* sukar difahami orang yang jarang mengikuti acara-acara adat formal kerana para *datu* sering memakai atau memilih kata-kata yang menghindari penyebutan nama-nama peribadi, melindungi nama-nama bahagian tubuh manusia, nama binatang, nama bahagian-bahagian rumah batak, dan yang lainnya.

Jadual berikut ini memperlihatkan contoh beberapa perkataan dalam bahasa sehari-hari dan bahasa *raksa ni hadatuon* Batak Toba. Daftar lengkap perkataan bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dapat disemak di dalam Hariara (1968).

**Jadual 1.1:** Contoh kata-kata bahasa *hadatuon* dan bahasa sehari-hari Batak Toba (Hariara, 1968)

Menyebut	Bahasa Hadatuon	Bahasa Sehari-hari	Terjemahan
Nama bahagian-bahagian rumah dan peralatan rumah	<i>Siupar parpidoan</i> <i>Naga partumpuan</i> <i>Si deang halasan</i>	<i>Pardingdingan</i> <i>Bungkulan</i> <i>Tataring</i>	Dinding rumah batak Ring atap rumah Batu tungku
Nama binatang	<i>Raja siborang laut</i> <i>Sirumambang di langit</i> <i>Ompu rigop</i>	<i>Onggang tunggal</i> <i>Haluang</i> <i>Manuk</i>	Enggang jantan Kelelawar Ayam
Nama tumbuh-tumbuhan	<i>Sipasiang di bona</i> <i>Sirumadang</i> <i>Naga rumambit</i>	<i>Pege</i> <i>Timbaho</i> <i>Hotang</i>	Jahe Tembakau Rotan

### 1.10.3 Bahasa Batak Toba *Raksa ni Andung*

*Andung* ialah ungkapan atau nyanyian ratapan, senandung kesedihan yang dinyanyikan atau disenandungkan ataupun diungkapkan dengan bahasa sastera yang indah ketika:

- 1) terjadi dukacita, seumpama meratapi jenazah orang yang dikasihi,
- 2) menyesali nasib malang yang diderita,
- 3) perpisahan yang menyedihkan.

Seumpama seorang anak dara yang akan dikahwinkan kepada seseorang yang belum dikenal di tempat yang jauh. Ia menangis pilu ketika akan berangkat dan berpisah daripada sanak saudaranya (Marbun & Hutapea, 1987).

Di kampung asal orang Batak Toba kebiasaan berbahasa *andung* atau *mangandung* ‘meratap dengan pilu’ masih berlaku kekal. Peristiwa itu dapat dilihat apabila ada orang tua yang meninggal dunia. Sahabat karib yang meninggal dunia yang datang melawat



akan menuturkan kisah/cerita persahabatan mereka hingga akhir hayat dalam bentuk *andung* ‘ratap tangis’ untuk mengenang sahabat karibnya tersebut di samping jenazah sambil menyentuh sesekali jenazah itu sebagai tanda kasihnya kepada sahabatnya itu. Sementara pelawat yang lain duduk dekat pembaringan jenazah mendengarkan dengan hikmat sambil merenungkan isi ratapan yang membolehkannya ikut menangis pula. Sehingga seisi rumah duka menjadi penuh dengan suara tangisan.

Itulah sebabnya apabila ada orang Batak Toba meninggal dunia sama ada di tempat asal Tapanuli mahupun di tempat perantauan, daripada kalangan sanak saudara, mahupun para kalangan sahabat semuanya menumpahkan perasaan sedihnya melalui *andung* ‘ratapan’. Adalah tradisi bagi orang Batak Toba sehingga saat ini apabila ada orang meninggal dunia, pihak keluarga memberikan kesempatan beberapa hari lamanya bagi pelawat untuk menyampaikan rasa dukacita sebelum jenazah dimakamkan.

**Jadual 1.2:** Contoh Kata-kata Bahasa *andung* dan Bahasa Sehari-hari Batak Toba (Hariara, 1968)

Menyebut	Kata <i>andung</i>	Bahasa sehari-hari	Terjemahan
Anggota tubuh	<i>Simanjojak</i> <i>Sitangkingon</i> <i>Simalolong</i>	<i>Pat ni jolma</i> <i>Abara</i> Mata	Kaki manusia Pundak Mata
Istilah kekerabatan	<i>Siadopan</i> <i>Sinuan tunas</i> <i>Sinuan beu</i>	<i>Tungga ni doli</i> <i>Anak</i> <i>Boru</i>	Suami Anak lelaki Anak perempuan.
Peri kehidupan	<i>Marobur</i> <i>Marsangkot bulung</i> <i>Sori mago</i>	<i>Mate</i> <i>Dangol</i> <i>parhansitan</i>	Meninggal dunia Menderita Nasib buruk
Nama benda	<i>Simanabung</i> <i>Siulubalang ari</i> <i>situmandok</i>	<i>Dolok</i> <i>Portibi</i> <i>udean</i>	Gunung Dunia kuburan
Nama waktu	<i>Siharianan</i> <i>Sihabornginan</i> <i>Sogotsogot ni ari</i>	<i>Arian</i> <i>Borngin</i> <i>muse</i>	Siang Malam kelak

Jadual (1.2) di atas memperlihatkan contoh beberapa perkataan dalam bahasa sehari-hari dan bahasa *rangsa ni andung* Batak Toba. Daftar lengkap perkataan bahasa Batak Toba *rangsa ni andung* dapat disemak di dalam Hariara, (1968).

#### 1.10.4 Aksara Batak Toba

Ada bermacam-macam aksara yang digunakan manusia untuk berkomunikasi secara tertulis. Ada aksara yang melambangkan satu huruf untuk satu fonem (bunyi bahasa), semisal huruf Rumi atau huruf Latin. Ada aksara yang melambangkan satu huruf untuk satu suku kata atau aksara silabik, semisal aksara Batak. Ada pula aksara yang melambangkan satu huruf untuk satu morfem. Aksara semacam itu dinamai pula aksara morfemik, semisal aksara Cina (Kridalaksana, 1993).

Aksara Batak Toba (di dalam bahasa Batak Toba dinamai *surat batak* atau *sisiasia*), iaitu aksara yang melambangkan satu huruf untuk satu suku kata (aksara silabik). Aksara ini terdiri atas 19 huruf yang masing-masing melambangkan gabungan sebuah konsonan sebagai ‘tumpu’ dan vokal /a/ sebagai ‘puncak’. Misalnya huruf untuk melambangkan kata *lata* ‘bibit’ hanya ditulis dua huruf sahaja, satu huruf untuk suku kata (silaba) *la-* dan satu huruf lagi untuk melambangkan *-ta* (perhatikan Jadual 1.3). Selain itu ada 5 huruf vokal /i, e, a, u, dan o/ dan ada pula tanda garis miring (\\) yang diletakkan pada suku kata tertutup (berakhir dengan konsonan sebagai ‘koda’ untuk melepaskan bunyi vokal /a/ daripada huruf silabik (Samsuri, 1980).

Sila memperhatikan gambar aksara Batak Toba dalam jadual di bawah ini.

**Jadual 1.3:** Aksara Batak Toba

(<http://hutagalung-cyber.blogspot.co.id/2012/11/AksaraBatak.html>)

Ina ni surat			Anak ni surat			
Baca	Aksara	K'board	Nama	Baca	Aksara	K'board
a	ḥ	a	Hatadingan	e	-	e
ha	ḥ	h	Singkora	i	o	i
ma	ḥ	m	Haluaon	o	x	o
na	ḥ	n	Saringar	ng	-	Shift + ^
ra	ḥ	r	Haborotan	u	>	Shift+aksara bersangkutan
ta	ḥ	t	"ˆ" = Pangolat: Barfungsi untuk menghilangkan bunyi "a" pada setiap ina ni surat Contoh: mengan = ḥḥḥḥḥ modom = ḥḥḥḥḥḥ marsak = ḥḥḥḥḥḥ			
sa	ḥ	s				
pa	ḥ	p				
la	ḥ	l				
ga	ḥ	g				
ja	ḥ	j				
ba	ḥ	b				
wa	ḥ	w				
da	ḥ	d				
ya	ḥ	y				
nga	ḥ	ˆ	Hatadingan "a" : garis pendek terletak disebelah kanan atas aksara Contoh: mama = ḥḥḥḥ tape = ḥḥḥḥ bara = ḥḥḥḥ			
u	ḥ	u	Shift+ u			
i	ḥ	i	Shift+ i			

Zaman penjajahan yang memperkenalkan tulisan Rumi, menjadi punca sedikit demi sedikit aksara Batak Toba tidak digunakan lagi sebagai alat komunikasi tertulis antara sesama orang Batak Toba ataupun antara lembaga. Tidak ada lagi tampak surat-surat atau berita-berita yang ditulis dalam aksara Batak Toba. Ini pula menegaskan telah merosot pengetahuan komuniti perantau Batak Toba di bandar Pontianak, seperti yang dialami perantau asal India, Sikh Punjabi di Kuala Lumpur, Malaysia (David, M.K., Ibtisam, M.H. Naji & Sheena, K. (2003)). Walaupun demikian, di Tapanuli Utara aksara Batak Toba masih tampak digunakan pemerintah daerah tempatan untuk menuliskan nama-nama jalan raya di bandar-bandar dan didampingi tulisan Rumi.

### 1.11 Rumusan

Demikian dihuraikan bahagian awal penyelidikan ini yang mengemukakan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, bidang kajian,

batasan kajian, dan kepentingan kajian. Demikianlah pula dihuraikan selayang pandang mengenai kehidupan komuniti penghijrah Batak Toba di Bandar Pontianak. Bermula daripada sejarah penghijrahan dari kampung halaman yang berlaku secara persendirian, membina kekerabatan sesama komuniti, menjalankan adat istiadat, membina perkumpulan (syarikat) melalui pendirian tempat ibadah bersama, dan menjalankan agenda-agenda ibadah menurut pemimpin agama. Demikian pula komuniti Batak Toba di bandar Pontianak membina perkumpulan marga, perkumpulan arisan (berkutu) marga, dan arisan satu kawasan permukiman. Pada bahagian akhir bab ini pula digambarkan keadaan bahasa Batak Toba yang terdiri atas bahasa Batak Toba sehari-hari, bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon*, dan bahasa Batak Toba *raksa ni andung* , berserta aksara (huruf) Batak Toba yang dinamai *surat batak*.

## **BAB 2: SOROTAN KAJIAN**

### **2.1 Pendahuluan**

Kajian pengekal dan peralihan bahasa telah lama diminati oleh sarjana dari berbagai-bagai universiti dan dari berbagai-bagai negara (Fishman, David, Nor Hisham Osman, Fasold, Sumarsono, Lie Wei, dan lain-lain lagi). Ada kajian yang dilakukan di bandar-bandar raya terhadap sekumpulan etnik penduduk perantau dari berbagai-bagai negara atau desa atau kampung yang berhijrah untuk mencari kehidupan yang lebih baik di tempat yang baru dan lebih ramai penduduknya (David, M.K., Ibtisam, M.H. Naji & Sheena, K. (2003)). Demikian pula terhadap sekumpulan penduduk sesuatu negara atau kerajaan yang berpindah ke negara lain oleh sesuatu kepentingan (politik atau ekonomi) sehingga membuat perubahan atau suasana baru di tempat yang didudukinya (Gal, 1979). Kajian lain pula dilakukan jauh di pelosok sebuah negeri yang dihuni oleh sekelompok kecil masyarakat yang hidup secara tradisional (Nor Hisham Osman, 1999).

Kajian-kajian di bawah ini dipilih di antara berbagai-bagai kajian yang pernah dilakukan di beberapa negara di dunia ini yang memiliki kesamaan daripada segi pendekatan, teori, metodologi, dan kes yang meliputi komuniti sebagai sumber daripada permasalahan itu sendiri.

### **2.2 Kajian Sumber Rujukan Berkenaan**

Berikut ini beberapa kajian yang telah dijalankan diulas untuk menyemak informasi sehubungan dengan kajian yang dilakukan dan utamanya untuk kepentingan kajian yang sedang dijalankan ini. Kajian-kajian ini selari dengan permasalahan kajian, objektif kajian, konsep dan teori, serta metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Antara lain, (1) kajian Fakuade Gbenga & Abdullah (2003) di Adamawa, Nigeria; (2)

Gogonas (2009) di Athen, Greece; (3) Coluzzi (2010) di Temburong, Brunei; (4) David, Ibtisam, Naji & Sheena (2003) di Kuala Lumpur, Malaysia; (5) Nor Hisham Osman, (1999) di Sarawak, Malaysia; (6) Roksana Bibi Abdullah, (2002) di Singapura; dan (7) Dumaning (2010) di Malaysia.

Fakuade Gbenga & Abdullah (2003) telah melakukan kajian di Adamawa, Nigeria Utara. Tajuk penyelidikan mereka ialah “*Language Shift from Mother Tongue towards Fulfulde in Adamawa State, Nigeria: Causes and Consequences.*” Mereka membahas masalah, “Mengapa wujud dan apa akibat peralihan bahasa yang berlaku dari bahasa ibu kepada bahasa Fulfulde (yang bukan sebagai bahasa kebangsaan) di Girei, Song, dan Gombi, tiga kawasan kajian yang terdapat di Adamawa, Nigeria”? Ini kajian yang menarik daripada kenyataan yang umum berlaku, iaitu bahawa biasanya bahasa ibunda selalu beralih kepada bahasa dominan atau lingua franca.

Jumlah bahasa di Adamawa ada 68, manakala jumlah kelompok etnik besar ada 70. Semua bahasa dan kelompok etnik tersebut tersebar merata-rata pada 21 daerah pemerintahan tempatan (*Local Government Areas*). Fakuade Gbenga & Abdullah memilih tiga lokasi daerah pemerintahan lokal sebagai tempat penelitian, iaitu daerah Girei, daerah Song, dan daerah Gombi. Ketiga-tiga daerah ini memiliki 13 kelompok etnik besar dan kecil. Di Girei terdapat kelompok etnik besar, iaitu Fulani dan Bata dan terdapat pula kelompok etnik yang lebih kecil: Hausa, Yungur, Kanuri, Margi, Higgi, dan Mboi, sedangkan bahasa yang digunakan di Girei ialah bahasa Hausa, Fulfulde, Mboi, Higgi, dan Margi.

Di daerah Song terdapat dua kelompok etnik besar, iaitu Yungur dan Fulani, serta kelompok etnik kecil: Hausa, Mboi, Higgi, Bata, Tambo, Gudu, Kofa, Lala, Wana, dan Voro. Bahasa yang dituturkan di daerah Song ialah bahasa Fulfulde, Hausa, Mboi, Higgi, Bata, Bajul, Gudu, Kofa, Lala, Wana, Voro. Demikian pula di daerah Gombi

terdapat tiga kelompok etnik besar, yaitu Bura, Fulani, dan Ga'anda serta terdapat pula tiga kelompok etnik kecil: Kilba, Hobbe, dan Ngwaba. Di Gombi pula terdapat tujuh bahasa: Bura, Fulfulde, Huba, Hausa, Ga'anda, Makwar, Ngwaba.

Kajian mereka bertujuan menggali (mencari) taraf atau tingkat peralihan dan mendiskusikan faktor-faktor yang menyebabkan peralihan tersebut dan juga dampak sosiolinguistik atas peralihan tersebut. Kajian ini dijalankan melalui pendekatan psikologi yang dikembangkan oleh Giles, Bourhis, & Taylor (1977) yang mengembangkan sebuah taksonomi status, kependudukan atau demografi, dan dukungan (sokongan) lembaga yang diyakini mempengaruhi sebuah kelompok yang mempunyai kekuatan etnolinguistik (*ethnolinguistic vitality*) yang membuat suatu kelompok menunjukkan jati diri dalam bertindak secara kolektif (p. 307-48). Prujiner et al (1984) kemudian mengkonseptualisasikan faktor-faktor tanda-tanda kekuatan etnolinguistik di dalam istilah demografi, ekonomi, politik, dan modal budaya kelompok etnolinguistik. Adalah kekuatan etnolinguistik sebuah kelompok di dalam level sosiologi yang menentukan anggota penutur bekerja sama dalam bahasa. Mereka mengharap berkontak bahasa di dalam kelompok bahasa. Kekuatan etnolinguistik menghadirkan disposisi *cognitive-afektif* bahawa pengaruh tingkah laku bahasa memberi sumbangan terhadap pengekalan dan peralihan bahasa.

Tiga metode yang prinsipal digunakan untuk mengumpulkan data: soal selidik, wawancara lisan, dan pengamatan ikut serta. Sebanyak 2,500 borang soal selidik disediakan terhadap berbagai-bagai variasi kelompok etnolinguistik di kawasan penyelidikan. Daripada itu, hanya 1,704 (68.16%) yang lengkap dan kembali dari responden. Diadakan juga pengamatan pemilihan bahasa di dalam domain yang berbeza di kawasan penelitian.

Sebagai tambahan, tokoh kunci dan responden utama daripada semua responden dihadirkan dari berbagai-bagai kelompok etnik di kawasan penyelidikan. Mereka ditemu bual mengenai pemakaian bahasa mereka. Selama wawancara pertanyaan menyangkut perbezaan domain-domain, jarak pemakaian bahasa secara peribadi terhadap bahasa yang digunakan di luar domain rumah. Responden juga didorong untuk merefleksikan sebab bahasa ibu atau bahasa Fulfulde dipilih dalam konteks tertentu. Apa yang menjadi penentu memakai bahasa Fulfulde, dan kapan mereka memiliki pengalaman yang bermanfaat melalui penggunaan bahasa Fulfulde? Selain tokoh kunci dan responden utama yang ditemu bual, sebanyak 250 daripada sampel yang diselidiki secara rawak dihadirkan daripada tiap-tiap kelompok etnik yang berbeza untuk menceritakan secara lisan kebiasaan berbahasa di wilayah kajian.

Fenomena terakhir kebahasaan yang didapati di Negara Bahagian Adamawa, Nigeria bahawa bahasa Hausa masih kekal sebagai lingua franca untuk berbagai-bagai kelompok etnik yang berbeza di bahagian utara Negara Nigeria. Di wilayah tersebut telah terjadi peralihan bahasa ke bahasa Hausa oleh hampir semua kelompok etnik termasuk Fulani.

Sejak masa kolonial, banyak kebijakan (polisi) pemerintah untuk mempromosikan bahasa Hausa melalui legislasi (perundang-undangan) dan sokongan lembaga-lembaga pemerintah sehingga merosak bahasa-bahasa kaum minoriti. Salah satu usaha yang sangat menentukan yang dilakukan rejim kolonial untuk mempromosikan bahasa Hausa di negara bahagian utara Nigeria adalah menjadikan bahasa Hausa sebagai salah satu syarat pengetahuan untuk boleh duduk menjadi seorang birokrat. Harus lulus peperiksaan (*test*) bahasa Hausa. Ada komite bahasa Hausa di London sebagai afiliasi sosiobudaya Nigeria Utara, tujuannya untuk mempromosikan bahasa Hausa sebagai maksud membuat utara bersatu.



Penjajah tidak menunjukkan minat terhadap bahasa daerah yang lain kerana keperluan komunikasi mereka dengan baik tersalur melalui bahasa Hausa. Konsekuensi daripada itu, penutur non-Hausa atau penutur bahasa daerah minoriti tampak kurang berharga. Selain fakta-fakta itu bahawa bahasa Hausa dituturkan oleh hampir semua orang di Adamawa. Bahasa ini merupakan bahasa pengantar pendidikan di sekolah rendah, dan diajarkan sebagai mata pelajaran mulai dari darjah sekolah rendah, sekolah menengah, hingga menengah atas. Ini bukan hal kecil, tetapi usaha ini memberi kontribusi (sumbangan) untuk menyebarkan bahasa Hausa di Adamawa.

Walaupun demikian, beberapa kelompok etnik di kawasan tersebut, seperti Yungur, Mboi, Bata, Bura, Honna, Ganda, dan Lala di Girei, Song, dan Gombi tekun mempelajari bahasa Fulfulde dan malahan sering menyebut mereka orang Fulani. Data menunjukkan 396 (100%) responden Fulani menyatakan mereka berbahasa Fulfulde. Hanya 24 (6.06%) menyatakan mereka juga berbahasa Yungur dan Bata sebagai tambahan kepada Fulfulde. Tidak ada kelompok etnik di wilayah kajian tanpa penutur Fulfulde. Hanya etnik Bura yang menyatakan kurang daripada 30% berbahasa Fulfulde sebagai tambahan kepada bahasa ibu mereka; daripada 34.3% (Yungur) ke 100% (Gudu, Honna, dan Ngwaba) di antara responden lain yang menyatakan berbahasa Fulfulde. Singkatnya, terjadi peralihan bahasa ke bahasa Fulfulde oleh kelompok etnik yang berbeza di kawasan kajian walaupun dalam hal ini bahasa Hausa sebagai lingua franca kelompok etnik di Fulani.

Daripada Analisis domain pemakaian bahasa didapati bahawa di dalam area yang lebih sempit seperti di rumah (berbicara kepada ibu bapa, dan anak-anak) bahasa ibu selalu muncul, walaupun beberapa kelompok etnik menyatakan mereka juga berbahasa Hausa dan Fulfulde.

Di dalam domain publik (berbicara langsung kepada masyarakat), dalam domain perdagangan, dengan sahabat, dan dalam diskusi serius menunjukkan hal yang berbeza. Bahasa Fulfulde dan bahasa Hausa merupakan bahasa yang paling umum dipakai. Ini menarik untuk dicatat bahawa figur bahasa Fulfulde lebih kuat daripada bahasa ibu yang lain di luar rumah. Ini juga menarik dicatat bahawa hampir semua kelompok etnik mengemukakan memakai bahasa Fulfulde dan bahasa Hausa sebagai lingua franca di Negara bahagian itu (Adamawa). Ini berimplikasi bahawa hampir semua kelompok etnik mahu mempelajari bahasa Fulfulde ke hadapan. Adalah fakta bahawa ada peralihan dari bahasa ibu ke bahasa Fulfulde di kawasan kajian. Peralihan ini menunjukkan kerelatifan yang tidak biasa, di dalam kelompok etnik yang berbeza itu beralih dari bahasa ibu bukan ke bahasa Hausa sebagai lingua franca di dalam kelompok etnik di negeri itu, tetapi ke sebuah bahasa yang tidak mempunyai hubungan tradisi dengan kelompok etnik yang bahasanya beralih.

Pertanyaan muncul, “Bagaimana dan mengapa orang non Fulani berpura-pura orang Fulani di Adamawa? Diketahui bahawa hal itu berkaitan dengan penaklukan oleh jihad di kawasan ini oleh Modibbo Adama Usman pada tahun 1809. Sejak 1830, Modibbo Adama dan pengikutnya, yang telah menaklukkan Fulani telah berhasil membuat kekuasaan khalifah di kawasan yang sekarang dikenal Adamawa. Selama masa itu, kelompok-kelompok suku asli di Adamawa ditaklukkan atau masuk menjadi Islam. Oleh itu, bahasa Fulfulde menjadi bahasa keagamaan, kekuasaan, dan atau bahasa perdagangan. Penguasaan bahasa Fulfulde memberi kesempatan dan kehidupan yang lebih berprestij di Adamawa daripada yang bukan berbahasa Fulfulde.

Pertanyaan selanjutnya muncul dan jawabannya sekali gus menjadi hasil dan kesimpulan dari kajian itu, iaitu apa faktor yang menjadikan peralihan tersebut? Apa pula konsekuensi daripada peralihan tersebut? Penyebab peralihan dari bahasa ibu ke bahasa Fulfulde:

## 1) Perdagangan dan agama

Perdagangan dan agama memainkan peranan yang sangat signifikan dalam mengalihkan bahasa ibu ke bahasa Fulfulde di kawasan kajian. Ditemukan sepanjang wawancara bahawa kelompok etnik non-Fulani yang memeluk agama Islam dipaksa mempelajari bahasa Fulfulde kerana syarat pertama masuk sekolah Islam ialah orang Fulani. Mereka berbicara dalam bahasa Arab dan bahasa Fulfulde kepada para pengikut yang baru masuk. Hal itu ditemukan bahawa semua warga Muslim di dalam kajian ini berbicara dalam bahasa Fulfulde.

Responden juga mengatakan bahawa aktiviti ekonomi di kawasan kajian memberi kontribusi (sokongan) dalam peralihan bahasa ke bahasa Fulfulde. Menurut para responden, Fulani menjadi tempat pertama yang didatangi para kelompok etnik yang datang dari berbagai-bagai desa untuk mencari kehidupan yang lebih baik dan mereka tiada berbahasa selain bahasa Fulfulde kepada para saudagar atau peniaga. Oleh itu, kelompok etnik lain tiada pilihan selain belajar bahasa Fulfulde untuk mempertahankan perdagangan dengan sesama dan dengan orang Fulani dan mempertahankan orang Fulani sebagai pelanggan tetap.

## 2) Sokongan politik dan perlindungan (*Political Favor*)

Orang Fulani diketahui menduduki jawatan tinggi di hampir semua kementerian, organisasi, dan perusahaan di Adamawa. Oleh itu, kelompok etnik lain yang menginginkan pekerjaan, jawatan dalam politik merasa baru boleh meraih di dalam identiti sebagai orang Fulani. Dan cara yang paling baik untuk menunjukkan identiti dan kesetiannya kepada orang Fulani adalah dengan belajar menguasai bahasa Fulfulde.

Jawaban berikut yang merupakan hasil kedua dari penyelidikan itu ialah Impikasi (konsekuensi) dari peralihan itu:

### 1) Menyebarluaskan bahasa

Peralihan bahasa (sebahagian atau seluruhnya) seperti konteks di atas dapat dipandang sebagai jalan menyebarluaskan bahasa ke berbagai-bagai domain bahasa sasaran. Dalam kes Fulfulde, dalam proses perluasan.

### 2) Bahasa dalam bahaya atau kemerosotan bahasa

Bahasa-bahasa minoriti di dalam kawasan kajian ini tidak hanya terjajah, mereka juga dalam keadaan bahaya sebagai kelompok etnolinguistik beralih ke bahasa Fulfulde. Di sini orang non-Fulfulde sedang merosot dan kehilangan tempat dan berbicara semakin berkurang dan berkurang, dan akhirnya monolingual. Bahasa Fulfulde telah merasuk daripada satu domain kepada domain kehidupan lain. Bahasa lain semakin kurang digunakan dan akhirnya terancam hanya sebagai bahasa di rumah. Jika ini berjalan terus, bahasa Fulfulde setahap demi setahap mempengaruhi dan mengganti bahasa kecil di Negara bahagian Adamawa.

3) Alih kod peralihan parsial (sebahagian) memperluas reportoir variasi bahasa masyarakat. Hampir semua kelompok etnik yang dikaji beralih kod antara bahasa ibu dan bahasa Fulfulde.

Kajian peralihan bahasa sepatutnya mempertimbangkan latar belakang responden, seperti jenis kelamin, usia atau umur, asal-usul, pekerjaan, pendidikan atau mana-mana maklumat dari para informan. Apabila seseorang daripada salah satu kelompok yang dijadikan informan seorang yang masih muda belia, berpendidikan, dan bekerja sebagai kaki tangan kerajaan tentu kemungkinan akan berbeza pendapatnya daripada seorang yang sudah tua, yang kurang berpendidikan, dan bekerja sebagai petani. Dengan demikian akan lebih nyata lagi bagi kita sebab-sebab utama yang membolehkan peralihan itu.

Kesan daripada penyelidikan ini ialah bahawa wilayah penelitian sangat luas, di dalam tiga negara bahagian (*local government areas*), melibatkan 13 kelompok etnik besar mahupun kecil berserta bahasa etnik masing-masing. Kajian ini pula dapat menyimpulkan bahawa bahasa ibunda masing-masing kelompok etnik beralih bukan kepada bahasa kebangsaan (nasional) dan dominan, tetapi kepada bahasa yang dijadikan menjadi bahasa penyebaran agama.

Kajian berikut dilakukan oleh Gogonas (2009) di Athen, Greece. Beliau mengkaji peralihan bahasa ibu (Albania) ke bahasa Yunani terhadap generasi kedua penghijrah Albania yang merantau ke negara jiran, Greece. Tajuk kajian ialah *Language Shift in second generation Albanian immigrants in Greece*. Kajian ini banyak berhubung dengan masalah politik dan ekonomi yang merasuk terhadap kehidupan anak-anak perantau Albania yang dibawa ibu bapanya semasa kanak-kanak atau yang lahir di Greece .

Pertama-tama Gogonas menggambarkan keadaan sosiobudaya dan politik di Greece pada masa sebelum dan semasa kedatangan orang Albania ke Greece. Banyak problem yang dihadapi, mulai daripada masalah kewarganegaraan, pekerjaan, agama, sehingga kepada masalah bahasa. Untuk menerokai persoalan itu, Gogonas terlebih dahulu ingin mendapatkan informasi mengenai kekuatan etnolinguistik (*ethnolinguistic vitality*) etnik Albania di Greece. Beliau berpegang kepada pendapat Giles, Bourhis, dan Taylor (1977) yang mengemukakan kekuatan etnolinguistik sebagai vitaliti yang membuat suatu kelompok berperilaku sebagai entitas kolektif yang efektif dan berbeza dalam situasi-situasi antar kelompok. Ditambah lagi ke dalam pendapat itu oleh Johnson, Giles, dan Bourhis (1983) bahawa konstruksi vitaliti itu berasal daripada perlunya mempertimbangkan persepsi individual (subjektif) akan kondisi-kondisi sosial yang berlaku atas mereka sebagai anggota kelompok mereka masing-masing bersama dengan kelompok-kelompok luar yang menonjol.

Sesuai dengan masalah kajian maka informan dalam kajian ialah anak-anak etnik Albania sahaja dan sampel terdiri daripada 70 murid Albania yang ikut serta di dalam menjawab soal selidik kajian, 39 lelaki dan 31 perempuan serta purata usia mereka 14.2 tahun sebagai generasi ke-2 perantau. Generasi kedua bermakna anak-anak yang lahir di Greece atau yang tiba di Greece sebelum usia sekolah rendah (dasar). Daripada generasi ke-2 murid Albania dalam kajian itu hanya satu orang yang lahir di Greece, majoriti (55%) berhijrah ke Greece antara 1995-1998. Orang tua Albania berumur sekitar 41.6 tahun dan pada saat diwawancara mereka sudah berada di Greece sekitar 15.5 tahun.

Kemudian Gogonas mengajukan borang soal selidik vitaliti subjektif sebagai alat pengukur menilai anggota kelompok daripada vitaliti di dalam kelompok mereka dan vitaliti di luar kelompok. Soal selidik tersebut mengukur 3 faktor utama yang berpengaruh pada vitaliti kelompok secara menyeluruh, iaitu kekuatan demografi, status, dan dukungan lembaga dan ia juga mendapatkan persepsi-persepsi subjektif tentang tingkat hubungan kelompok-kelompok etnik. Kekuatan etnolinguistik Albania digambarkan oleh Gogonas sebagai berikut. Diperoleh daripada data vitaliti objektif etnolinguistik Albania di Greece.

#### 1) Demografi/kependudukan

Orang Albania bermigrasi ke Greece mulai pada tahun 1990-an segera setelah tumpasnya (tamat kekal) rejim komunis Enven Hoxha yang berkuasa 45 tahun di Albania. Selama itu Albania kena isolasi di Eropah, dan di dunia. Tahun 1993-1996 merupakan masa penurunan di dalam momen perpindahan dari Albania ke Greece kerana politik dan keadaan ekonomi di Albania memburuk. Perantau Albania ke Greece berlangsung sembunyi-sembunyi melalui jalan pergunungan yang melintasi

sempadan negara di tempat terpencil. Lebih daripada itu, terjadi pula deportasi besar-besaran terhadap perantau Albania (sekitar 600,000 orang).

## 2) Status

Orang Albania merupakan kelompok perantau terbanyak di Greece yang oleh itu juga menjadi salah satu faktor negatif bagi mereka. Reaksi orang Yunani kepada perantau Albania yang berjumlah setengah juta sejak 1990 telah dikondisikan oleh sebahagian besar media massa yang berperanan penting menyebarkan kesan-kesan bahasa Albania dan orang Albania. Semuanya memberi kesan negatif. Walaupun pada asasnya diterima orang Yunani, orang Albania tercemar dengan sederet sebutan negatif. Topik kriminaliti orang Albania telah menjadi obsesi yang merasuk media massa Yunani. Hasilnya, opini publik secara fundamental telah mengubah fikiran orang Yunani. Kesan buruk orang Albania telah membuat banyak perantau Albania mencari cara untuk membangun kepercayaan orang lain kepada mereka. Nama baptis dan perubahan pola nama merupakan dua contoh strategis individu mengatasi hal itu. Praktik pergantian nama dan menyembunyikan agama yang dipeluk merupakan bahagian daripada usaha bertahan hidup di Greece, rayuan khas menghapus batas etnik antara Greece dan identiti Albania. Orang Albania dengan sebuah nama Yunani, juga berbahasa Yunani boleh meloloskan orang Albania diterima di Greece.

## 3) Sokongan lembaga

Hingga awal tahun 2000-an tidak ada aturan khas tentang integrasi para perantau yang dibuat. Rencana kegiatan untuk latihan kerja, integrasi pekerja toko, dan kepedulian kesihatan, sokongan sosial, dan mempromosikan pertukaran (perkongsian) budaya di dalam berbagai-bagai masyarakat sampai sekarang, hasilnya tidak jelas. Partisipasi perantau Albania di Greece di dalam organisasi perantau masih sangat rendah jika dibandingkan dengan kelompok perantau lain di Greece dan di lain Negara.

Instrumen untuk mengumpulkan data berpedoman pada Bourhis, Giles, dan Rosenthal (1981), iaitu *subjektif Ethnolinguistic Vitality Questionnaire (SVQ)*/ soal selidik vitaliti subjektif etnolinguistik. Beberapa soalan disesuaikan dengan tingkat pengetahuan anak-anak pelajar sekolah rendah.

Informasi sociolinguistik tentang: *self evaluation* (evaluasi diri) penguasaan bahasa di dalam bahasa etnik dan bahasa Yunani; pemakaian bahasa di rumah dan sekolah. Murid Albania diminta mengevaluasi kompetensi diri mereka di dalam bahasa Yunani dan bahasa ibunda di dalam empat kemahiran, iaitu berbicara, pemahaman, menulis, dan membaca. Kepada murid diminta pula informasi sociolinguistik tentang pilihan bahasa mereka kepada ibu bapa mereka, saudara kandung, kerabat lebih tua, dan teman sebangsa, dan juga ditanya sejauh mana mereka memahami dan berkomunikasi di dalam bahasa ibunda dalam kunjungan ke negara asal.

Ibu bapa Albania pula ditemu bual untuk menguji keterlibatan mereka dalam transmisi bahasa ibunda mereka kepada anak-anak mereka melalui pemakaian bahasa Albania kepada anak-anak mereka di rumah, melalui mengajar mereka bahasa etnik dan memberi harapan bagi mereka untuk menghadiri kelas bahasa ibunda, membuat perjalanan ke negara asal, memperkenalkan video dan lagu dari negara asal di rumah, dan menyediakan anak-anak mereka bacaan di rumah.

Data yang diperoleh menunjukkan peralihan bahasa yang tampak melalui kemahiran berbahasa dan pemilihan bahasa anak Albania. Kajian menunjukkan perbezaan besar dalam penguasaan bahasa oleh murid Albania dan dominasi umum Greece di atas Albania di dalam penilaian murid terhadap *reportoir linguistic* mereka, yang paling menyerlah adalah di bidang sastera. Penguasaan bahasa murid Albania memberi kesan segera berganti bahasa ke bahasa Yunani.



Petunjuk yang sama tampak pada pemilihan bahasa. Anak-anak Albania lebih banyak menggunakan bahasa etnik terhadap orang dewasa (ibu, bapa, saudara tua) menggunakan bahasa Yunani kepada sebaya (saudara kandung, sahabat atau teman).

Hasil kajian menunjukkan data kuantitatif dan kualitatif penguasaan bahasa anak dan pola-pola pemakaian bahasa di antara sesama anggota keluarga Albania menunjukkan bahasa kelompok etnolinguistik Albania sedang menuju ke peralihan bahasa.

Jika kita semak kajian yang dilakukan oleh Gogonas terhadap remaja Albania yang dibawa serta ibu bapa berhijrah ke Greece menunjukkan bahawa di dalam tempoh yang singkat hanya masa satu generasi setelah berhijrah sudah terjadi pengurangan pengetahuan dan pemakaian bahasa Albania. Ini bermakna bahawa generasi ketiga kelak (seandainya mereka masih dibolehkan tinggal di Yunani) dapat dijangka sudah kehilangan pengetahuan berbahasa Albania. Akan sangat menarik lagi dikaji pada masa berikutnya apabila generasi ke-2 ini pulang lagi ke Albania setelah mereka dewasa. Apakah mereka akan mengalami kesulitan dalam menyesuaikan bahasa di negara asalnya?

Kajian ini menjadi penting kerana berhasil membuktikan bahawa hanya dalam satu generasi sahaja berada di negara yang baru diduduki sudah berlaku pengurangan berbahasa ibunda. Keadaan ini menunjukkan bahawa penghijrahan penduduk dari sebuah kawasan yang lemah secara perekonomian dan di bawah tekanan politik di negara yang baru dalam tempoh yang singkat akan beralih bahasa.

Kajian lain dalam topik pengekalan dan peralihan bahasa dilakukan oleh Coluzzi (2010), khas untuk bahasa-bahasa etnik minoriti. Beliau pensyarah di Universiti Brunei Darussalam dan tertarik mengadakan penyelidikan bahasa Iban dan bahasa Murut (Lun Bawang) di distrik Temburong, sebuah kawasan terpencil di tengah hutan belantara di

sebelah timur negara Brunei. Tajuk penyelidikannya ialah *Endangered Languages in Borneo: A Survey among the Iban and Murut (Lun Bawang) in Temburong, Brunei*.

Melalui maklumat kebahasaan yang diperolehnya dari hasil penyelidikan sebelumnya mengenai keadaan kebahasaan dan kelompok etnik di Brunei dan sekitarnya, menyatakan bahawa 11 bahasa minoriti yang dituturkan di Brunei oleh penduduk tempatan: Melayu Brunei dan Kedayan (kerana kedekatan kedua-dua bahasa itu dapat dikatakan sebagai dialek Melayu), Tutong, Belait, Dusun, Bisaya, Murud (Lun Bawang), Iban, Penan, Mukah – semuanya merupakan bahasa-bahasa Austronesia. Tambahan, bahasa standard Melayu (bahasa rasmi Negara), dan bahasa Inggeris secara defakto adalah juga bahasa nasional (Ozog, 1996). Walaupun secara khusus bahasa Inggeris, bahasa Melayu, dan Bahasa Cina dianggap selamat/aman, semua bahasa yang lain yang besar ataupun yang kecil terancam pupus. Sebahagian besar sudah di ambang kepunahan, seperti Belait, tidak boleh lagi dituturkan dengan benar, semakin sedikit anak-anak muda yang menuturkan bahasa ini, demikian juga Bahasa Tutong atau Dusun menunjukkan 63% ibu bapa Tutong dan 72% ibu bapa Dusun di bawah umur 42 sudah menggunakan bahasa Melayu Brunei kepada anak-anak mereka. Hal itu dikuatkan oleh daftar peringkat kekuatan bahasa-bahasa yang dibuat oleh Martin (1995) seorang peneliti lainnya di Brunei.

Jumlah rasmi penduduk terakhir dari jawatan kuasa daerah Temburong ada 5,869 Melayu dan Kedayan, 1,891 Iban, dan 814 Murut (Lun Bawang), termasuk 208 Cina, 33 Dusun dan 202 yang lainnya.

Selain maklumat kebahasaan dan kependudukan digambarkan pula keadaan alam, lingkungan hidup, tempat tinggal dan kehidupan sehari-hari kedua-dua kelompok etnik yang diselidiki. Komuniti Iban dan Lun Bawang merupakan petani tradisional, tinggal di rumah panjang. Selain budidaya padi dan tanaman tempatan lainnya, mereka juga

memelihara ternak, berburu dan menangkap ikan. Mereka memiliki kepercayaan tradisional, seperti campuran animistik dan bentuk-bentuk perdukunan. Iban salah satu suku terkenal dalam praktik perladangan dan perluasan wilayah (perladangan berpindah). Masyarakat mereka membina persatuan (persaudaraan) yang kuat.

Dalam penyelidikan ini 168 orang Iban dan 68 orang Lun Bawang telah ditemui. Jumlah itu sama dengan masing-masing 8.9% dan 8.4% daripada seluruh jumlah Iban dan Lun Bawang di Temburong. Semua responden dibagi ke dalam tiga kelompok: responden 14-30 tahun; responden 31-50 tahun; dan responden 51 tahun ke atas. Jawapan yang diberikan oleh kelompok yang paling muda terhadap pertanyaan yang relevan tentang pemakaian bahasa dan sikap bahasa telah dibandingkan dengan kelompok umur yang tertua.

Untuk mengetahui tingkat ancaman terhadap bahasa Iban dan Murut (Lun Bawang) di Temburong, soal selidik yang dibagikan kepada informan memuat pertanyaan menyangkut: penguasaan bahasa, pemilihan bahasa dalam domain, dan sikap bahasa.

Hasil soal selidik ialah kedua-dua bahasa tampak vital dan sihat, dengan hampir 90% daripada kedua-dua kelompok menyatakan bahawa bahasa pertama mereka sebagai salah satu warisan mereka. Buktinya, hanya 4.2% responden Iban dan 13.2% responden Lun Bawang menyatakan bahawa mereka bertutur lebih lancar dalam bahasa Melayu. Hanya 1.2% Iban dan 5.9% Lun Bawang mengatakan bahawa mereka hanya dapat mengerti dan tidak dapat berbicara dalam bahasa warisan mereka.

Jawaban pertanyaan pemakaian bahasa, bagaimana pun menunjukkan bahawa pada amnya Iban adalah kuat dan lebih luas pemakaiannya daripada Lun Bawang. Buktinya, di dalam keluarga, hanya 3% Iban mengatakan mereka memakai bahasa Melayu secara utuh, sedangkan 17.6% Lun Bawang menyatakan hanya berbahasa Melayu. Pertanyaan yang lebih spesifik mengenai bahasa yang sepenuhnya dipakai di dalam keluarga,

menunjukkan bahawa lebih banyak bahasa Melayu digunakan oleh Lun Bawang di lingkungan keluarga daripada Iban. Walaupun demikian bahasa warisan jelas mendominasi secara sendiri atau bersama-sama dengan bahasa Melayu. Namun laporan cenderung lebih banyak menggunakan bahasa Melayu (bersama-sama bahasa warisan atau tidak) dengan anggota keluarga yang lebih muda di dalam keluarga.

Rendahnya posisi bahasa warisan berhadapan dengan bahasa Melayu jelas ditunjukkan oleh jawaban yang diberikan terhadap pertanyaan pemakaian bahasa di luar keluarga. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, dilaporkan sebagai bahasa yang dipakai sepenuhnya dalam domain tinggi, seperti kepada doktor perubatan, di pejabat, kepada polis, pelayan (rendah/tinggi) dengan dominan walau kadang-kadang dengan bahasa warisan bercampur di dalam domain seperti sekolah, teman kerja, ketika membeli-belah. Di lain pihak, dengan teman dan jiran bahasa warisan berlaku secara tersendiri atau bercampur bersama bahasa Melayu. Pengecualian ialah bahasa Lun Bawang, menggunakan sedikit bahasa Lun Bawang daripada bahasa Melayu dengan sahabat. Petunjuk-petunjuk tersebut menambah fakta bahawa secara am di dalam semua domain, bahasa Iban tampak lebih kuat daripada bahasa Lun Bawang.

Sejauh sikap bahasa diperhatikan orang Iban dan Lun Bawang sama-sama menunjukkan sikap sangat positif. Iban dan Lun Bawang sama-sama menilai dan menghargai bahasa leluhur mereka dan ingin melihat bahasa ini sebagai bahasa rasmi dan digunakan di sekolah dan di media. Cukup menarik, peratusan jawaban positif lebih tinggi pada Lun Bawang. Di pihak lain peratusan jawaban positif diberikan oleh informan Iban, “Apakah bahasa warisan akan dipakai di sekolah dan di media massa”? Jawaban sangat tinggi, hampir dua kali lebih banyak Iban daripada Lun Bawang berfikir bahawa bahasa pertama mereka akan menjadi mata pelajaran wajib di sekolah, dan lebih daripada dua kali lebih banyak Iban tertarik secara periodik berbahasa Iban. Hanya 3% berlawanan memakai bahasa mereka di dalam publikasi melawan 14.7% Lun

Bawang. Demikian pula dalam siaran radio, kedua-dua kelompok sangat senang atas pemakaian bahasa mereka (Iban 98.2%, Lun Bawang 94.1%).

Kesan am, bahawa orang Iban merasa lebih yakin tentang penguasaan bahasa mereka memenuhi *type* menjadi berfungsi menduduki domain tinggi, khasnya dalam sarana tertulis. Akhirnya, sehubungan dengan keyakinan responden terhadap kekuatan bahasa mereka mempertahankan posisi dan jumlah penutur berhadapan dengan bahasa dominan, orang Iban lebih optimis, berbanding 5.4%. Lun Bawang berfikir bahawa dalam masa 10 tahun bahasa mereka akan dituturkan lebih rendah daripada sekarang. Lebih daripada tiga kali Iban daripada Lun Bawang percaya bahawa bahasa mereka tidak akan dituturkan lebih rendah daripada sekarang. Dalam keseluruhan, bagaimana pun optimisme dan sikap positif menang di dalam kedua-dua masyarakat.

Di dalam kesimpulan ditegaskan bahawa bahasa Iban dan Lun Bawang dalam keadaan relatif sihat, walaupun bahasa Lun Bawang menunjukkan sedikit berkurang berbanding bahasa Iban. Tentu sahaja data yang diperoleh menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa tidak selamat, secara lambat-laun peralihan bahasa sedang berlangsung dan pada waktu yang sama kemahiran berbahasa Melayu semakin kuat.

Dalam keadaan seperti itu, sebuah pertanyaan diajukan oleh Coluzzi: Mengapa bahasa Iban dan bahasa Lun Bawang masih vital dengan tingkat transmisi/pewarisan yang sangat tinggi, seluruh bahasa minoriti yang lain di Brunei tinggi tingkat kepunahannya? Beliau memberi alasan, iaitu empat faktor utama kepada bahasa Iban dan lima faktor kepada bahasa Lun Bawang:

- 1) perkahwinan endogami yang masih dipegang teguh. Di dalam kedua-dua kelompok masyarakat itu perkahwinan cenderung di dalam sesama komuniti, dan jika ada orang luar kahwin dengan Iban maka dia biasanya mempelajari bahasa Iban;

- 2) kedua-dua kelompok masyarakat Iban dan Lun Bawang sangat kompak (berhubung erat) dalam rangkaian/jaringan sosial. Masyarakat Iban masih bertempat tinggal di rumah panjang;
- 3) faktor terpenting, iaitu suku Iban dan Temburong merupakan bahagian dari dua masyarakat besar yang ada di luar Brunei (di Sarawak dan di Kalimantan Barat);
- 4) bahasa Iban dan Lun Bawang menjadi objek aktiviti pengembangan oleh berbagai-bagai organisasi atau lembaga rasmi pemerintahan di Sarawak. Program siaran radio dari Sarawak boleh diakses di Temburong dalam bahasa warisan mereka, dan boleh juga diakses dalam berbagai-bagai literatur seperti kitab suci Kristian yang diterjemahkan ke dalam bahasa Lun Bawang. Ada pula rakaman lagu-lagu dalam bahasa Iban (CD atau VCD);
- 5) selama bahasa Lun Bawang diperhatikan, bahasa yang mempunyai kekuatan tinggi dari jiran Iban mempunyai kemungkinan dipengaruhi kekuatan bahasa mereka melalui *imitation effect* (efek tiruan).

Dengan mengandalkan soal selidik mengenai penguasaan bahasa, domain perlakuan bahasa, dan sikap bahasa dua generasi dan dua kelompok penutur dari dua bahasa yang berbeza ditambah lagi informasi dari hasil kajian-kajian sebelumnya, Coluzzy dapat menjawab status bahasa Iban dan Bahasa Murut (Lun Bawang). Namun, yang menjadi catatan dari kajian ini ialah adanya ketidaksesuaian antara data yang diperoleh melalui soal selidik tentang penguasaan bahasa, pemilihan bahasa dan sikap bahasa responden. Di mana sikap bahasa responden berbanding terbalik dengan penguasaan bahasa dan pemilihan bahasa mereka. Oleh itu, sikap bahasa responden pada kajian ini agaknya meragukan atau bersifat emosional.

Selanjutnya, sebuah hasil penyelidikan terhadap kelangsungan hidup bahasa Punjabi di Kuala Lumpur, Malaysia, khas di Petaling Jaya dikemukakan oleh David, Ibtisam, Naji & Sheena (2003). Tajuk Penyelidikan tersebut diakhiri oleh tanda soal, iaitu

*Language maintenance or language shift among the Punjabi Sikh community in Malaysia?* Kajian ini menggunakan 85 item *questioner* ditujukan terhadap 312 responden, mencuba untuk menentukan pemilihan bahasa dan bahasa dominan komuniti dalam domain rumah dan agama dan dengan interlokutor yang berbeza.

Pada awal kajian, mereka menjelaskan latar belakang kehidupan komuniti Sikh Punjabi mulai daripada awal kedatangan ke Malaysia dari tanah asal hingga keadaan pada saat penyelidikan dilakukan.

Sebagaimana kisah penghijrahan yang terjadi pada banyak bangsa, Sidhu (1991) mendaftarkan beberapa faktor yang saling hubungan yang menyebabkan penghijrahan kaum Sikh dari Punjab ke Malaya. Ini diprakarsai oleh pergolakan politik di Punjab, khususnya kematian daripada Maharaj Ranjit Singh (1799-1839), Singa Punjab, dan banyak pergolakan politik mendorong kaum Sikh hijrah dari Punjab. Tambahan, tekanan sosioekonomi di Punjab menyebabkan banyak kaum Sikh meninggalkan tanah asal mereka untuk mencari mata pencarian yang lebih baik di tempat lain. Kaum Sikh datang dalam sebuah migrasi berantai. Ini sebuah proses di mana seorang anggota keluarga, kampung, atau bandar yang sudah berhasil di luar negeri kemudian menyurati seorang atau dua orang kawan dan kerabat serta mendorong mereka untuk bergabung dengannya, sering membantu mereka dengan perumahan, pekerjaan, dan biaya-biaya lain. Mereka kemudian menjemput yang lain untuk bergabung dengan mereka, jadi berangkat berantai menyebabkan sekelompok perantau dari sebuah daerah datang ke negara baru. Sebahagian besar daripada 29,000 Sikh di Semenanjung Malaysia bancian di tahun 1970 disebutkan sangat terkonsentrasi di negara pantai barat Selangor (9,627) dan perak (9,517).

Banyak perubahan telah terjadi di dalam komuniti Sikh sejak perantau Sikh pertama tiba di Malaysia. Mereka telah berpengaruh besar dalam semua tingkatan sosioekonomi

Malaysia dan panggung politik, utamanya dalam perniagaan (*business*), pendidikan, pertanian, penternakan sapi perah, tentera, sukan, dan politik, demikian juga dalam profesi khas, seperti pendidikan, hukum dan perubatan.

Untuk mengkaji pemilihan dan pemakaian bahasa di dalam berbagai-bagai domain David, Ibtisam, Naji & Sheena, mendedahkan kaedah penyelidikan sebagai berikut. Data utama ialah 85 item soal selidik yang diberikan kepada 312 responden. Soal selidik selengkapnya menyangkut hal-hal sebagai berikut: (a) data kependudukan, (b) bahasa dominan responden, (c) persepsi diri responden atas kemahiran dalam tiga bahasa (Punjabi, Melayu, dan Inggeris), dan (d) bahasa yang sering-sering digunakan dalam domain-domain yang berbeza dan terhadap orang yang berbeza.

Penentuan responden, iaitu komuniti Sikh yang bertempat tinggal di Petaling Jaya berusia antara 19 dan 70 atau lebih. Untuk memudahkan analisis, kelompok usia yang berbeza dibagi ke dalam enam kelompok utama dan hasil yang didapat ialah sekitar setengah dari responden berada di kelompok umur 19-25 (27.2%) dan 26-36 (23.4%). Kelompok usia 37-45 dan 46-55 terdiri daripada masing-masing responden 52 orang (16.7%) dan 44 orang (14.1%). Kelompok tertua—iaitu 56-70 dan lebih daripada 70—terdiri daripada 35 dan 23 responden (masing-masing 11.2% dan 7.4%).

Selanjutnya, lebih daripada 50% responden telah menikah (171, atau 54.8%). Pada amnya ibu bapa responden 96.8% Sikh. Hampir setengah dari responden berpendidikan tinggi. Kurang lebih sepertiga dari responden telah menerima pendidikan universiti dan 13.5% pascasiswazah (ijazah tinggi). Setengah lainnya dari responden telah menyelesaikan pendidikan menengah. 118 responden telah tamat bentuk lima (*form five*/menengah pertama) dan 34 responden memiliki bentuk enam (*form six* /menengah atas), yang mewakili masing-masing 37.8% dan 10.9%.



Mengenai jenis sekolah yang mereka masuki: sebahagian besar responden pada semua kelompok umur memasuki sekolah kerajaan (pemerintah). Bagi sebahagian besar responden (93.9%), bahasa pengantar di sekolah ialah bahasa Melayu. Hanya 4.2% dari responden berbahasa Inggeris, 1.6% berbahasa Cina dan Melayu, dan hanya 0.6% berbahasa Tamil dan Melayu.

Informasi tempat lahir responden ialah sebahagian besar, 269 lahir di Malaysia (86.2%). Hanya 10.3% lahir di Punjab. Lima orang responden lahir di negara bahagian lain India dan tujuh lainnya lahir di Singapura dan Australia. Para responden juga ditanya, “Apakah mereka pernah tinggal di Punjab atau India”? Lebih daripada setengah (masing-masing 67.3% dan 67.9%) tak pernah tinggal di Punjab atau India, dan Malaysia merupakan satu-satunya tempat tinggal mereka. Hanya sepertiga dari responden pernah tinggal di India dan Punjab dan ini pun tidak lebih daripada 5 tahun.

Ada dua pengakuan mengenai bahasa pertama, iaitu lebih daripada 75% responden menyatakan bahasa Punjabi sebagai bahasa pertama dan 21.2% menyatakan bahasa Inggeris. Yang majoriti dari pemakai bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama (57 daripada 66) ialah kaum muda, kelompok 19-25 dan 26-36. Bahasa dominan (bahasa yang sering-sering digunakan sehari-hari) responden ialah bahasa Inggeris (130 daripada 312 atau 42.2%) diikuti bahasa Punjabi (27.3%); sekitar 20% dari responden menggunakan bahasa campuran ketika berkomunikasi. Ada yang bercampur dua bahasa (11% Inggeris dan Punjabi dan 8.1% dalam tiga bahasa (Inggeris, Punjabi dan Melayu) sebagai bahasa dominan mereka.

Data yang juga dapat menjadi petunjuk sama ada pengekalan dan peralihan sesuatu bahasa dalam suatu etnik ialah informasi penguasaan bahasa responden (berbicara, mendengar, menulis dan membaca). Kelompok umur 19-25 dilaporkan bahawa mereka baik dan sangat baik dalam berbicara dan mendengar dalam bahasa Punjabi (masing-

masing 50.8% dan 47%). Bertolak belakang dengan itu ialah, antara 46% dan 58% kelompok usia 19-25 dan 26-36 dilaporkan bahawa mereka sangat buruk dan buruk dalam membaca dan menulis di dalam tulisan *Gurmukhi* (tulisan Punjabi) dan dalam memahami *Guru Granth* (kitab suci). Hal itu jelas kemudian bahawa responden dalam bahasa Punjabi berkurang sesuai umur. Yang sangat luar biasa majoriti (antara 91.3% dan 100%) dari kelompok usia tua, iaitu di atas 70 dinyatakan bahawa mereka sangat baik dalam semua (empat) berbahasa Punjabi. Dua pertiga dari kelompok usia menengah (46-55 dan 56-70) dinyatakan sederhana dalam semua berbahasa Punjabi. Bertolak belakang dengan kemahiran berbahasa Inggeris dan Melayu adalah benar. Pada amnya kelompok usia 19-25, 26-36, 37-45, dan 46-55 dilaporkan bahawa mereka antara baik dan sangat baik dalam berbahasa Inggeris (antara 86.0% dan 98.7%), diikuti oleh berbahasa Melayu (antara 77.3% dan 94.5%). Peratusan (kekerapan) ini berkurang sesuai dengan peringkat ketuaan responden. Sebagai contoh, sekitar sepertiga dari kaum tertua (di atas 70) dilaporkan bahawa kemahiran mereka dalam bahasa Inggeris diikuti Melayu hanya biasa/sedang (*fair*) dibandingkan dengan kemahiran mereka dalam bahasa Punjabi. Itu juga jelas, lalu bahawa berbicara dan memahami tiga bahasa lebih baik daripada membaca dan menulis. Hal ini kerana bahasa lisan boleh diperoleh lebih mudah daripada membaca dan menulis.

Pemakaian bahasa mengikut domain pula menyatakan perbezaan daripada ketiga-tiga kelompok umur. Daripada domain di rumah diperoleh gambaran bahawa penggunaan satu-satunya bahasa Punjabi di rumah semakin meningkat sesuai usia, penggunaan satu-satunya bahasa Inggeris di rumah meningkat sebagaimana penurunan usia responden. Hal itu dapat dilihat kemudian bahawa ada sebuah bahasa yang beralih daripada bahasa Punjabi kepada bahasa Inggeris atau sebuah bahasa campuran daripada tiga bahasa. Dengan perkataan lain, masyarakat bahasa Punjabi mempunyai kecenderungan menggunakan variasi campur kod bahasa Punjabi, Inggeris, dan Melayu.

Dalam berhubung kepada ibu bapa, kelompok usia menengah sampai kelompok usia paling tua tampak dominan menggunakan bahasa Punjabi (59.1% dan 87%). Selebihnya mencampur bahasa Punjabi dengan bahasa Inggeris dan Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris sahaja kepada ibu bapa sudah berlaku pada kelompok usia paling muda (19-25) sebesar 22.4% dan 23.5% lebih besar daripada yang memakai bahasa Punjabi sahaja (masing-masing 8.2% dan 7.1%). Ini menunjukkan atau bermakna bahawa ada peralihan bahasa Punjabi kepada bahasa Inggeris di rumah atau campuran bahasa Inggeris, Melayu dan Punjabi.

Pemakaian bahasa Punjabi kepada saudara kandung berkurang berbanding dengan kepada orang tua oleh kelompok usia tua (70 ke atas) walaupun masih tampak dominan menggunakan bahasa Punjabi, iaitu 69.6% kepada saudara yang lebih tua dan 65.2% kepada yang lebih muda. Yang paling berlawanan, untuk kelompok usia muda (19-25 dan 26-36), bahasa Inggeris ialah bahasa yang digunakan terhadap saudara kandung di rumah (18.1% dan 31.5%). Majoriti (masing-masing antara 61.6% dan 52.3% kelompok usia menengah (37-45) dan 46-55) menggunakan sebahagian besar bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Melayu dan Punjabi terhadap saudara kandung mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa ada peralihan bahasa daripada bahasa Punjabi kepada bahasa Inggeris di antara kaum muda dan kelompok usia menengah ketika berbicara kepada saudara kandung mereka.

Pemakaian bahasa kepada datuk dan nenek menunjukkan bahawa sebahagian besar (65.7-87%) daripada kelompok usia menengah dan usia tua (46-55, 56-70) dan 70 ke atas menggunakan bahasa Punjabi. Itu dapat disimpulkan bahawa para responden cenderung menggunakan bahasa Punjabi jika pendengar tidak mahir berbahasa lain atau untuk membuat pendengar lebih senang. Di pihak lain, ada sebuah kecenderungan yang konstan/tetap untuk menggunakan bahasa Inggeris secara tersendiri dan atau sebuah bahasa campuran daripada tiga bahasa oleh kelompok usia muda (19-25, 26-36) bila

dibandingkan dengan kelompok usia menengah dan tua. Itu jelas kemudian bahawa pemakaian bahasa Punjabi kepada kakek berkurang sesuai dengan usia.

Sebahagian besar (masing-masing 52.2% dan 69.6%) dari para responden 70 tahun ke atas menggunakan lebih banyak bahasa Punjabi dan sedikit bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kepada anak-anak mereka. Sebaliknya, majoriti (antara 53.5% dan 62.5%) responden dalam kelompok usia menengah menggunakan sebuah bahasa campuran yang dominan bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Punjabi dan Melayu. Para peserta yang sudah menikah daripada yang berusia muda (19-25) yang memiliki anak-anak cenderung menggunakan sebuah bahasa campuran yang lebih banyak bahasa Inggeris di dalam wacana campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (6.8%). Keadaan ini menyarankan sebuah kemungkinan peralihan bahasa untuk mendukung bahasa Inggeris atau sebuah bahasa campuran daripada tiga bahasa, bahasa Inggeris, Punjabi dan Melayu.

Pemakaian bahasa terhadap pasangan (suami-isteri) menampilkan data mengenai pemakaian bahasa terhadap pasangan di rumah. Penggunaan bahasa Punjabi menurun sesuai dengan usia. Majoriti yang cukup besar (52,2%) daripada responden di atas 70 menggunakan bahasa Punjabi terhadap pasangan mereka, yang diikuti oleh peratus sederhana (39.1%) yang menggunakan campuran lebih banyak bahasa Punjabi dan sedikit bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hanya 4.3 peratus daripada kelompok usia tua hanya berbahasa Inggeris ataupun berbahasa campuran lebih dominan bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Punjabi dan Melayu terhadap pasangan mereka. Perbandingan tajam ialah setengah (50-59.2%) responden daripada kelompok usia menengah dilaporkan bahawa mereka menggunakan bahasa campuran yang dominan berbahasa Inggeris dan sedikit bahasa Punjabi dan Melayu. Hanya masing-masing 2% dan 18.2% kelompok usia menengah (37-45 dan 46-55) menggunakan bahasa Punjabi sahaja terhadap pasangan mereka.

Hal di atas dapat disimpulkan bahawa pemakaian bahasa Punjabi terhadap pasangan di rumah berkurang sesuai usia. Menyatakan sebaliknya, ada sebuah bahasa yang beralih di antara kelompok usia muda dan usia menengah mendukung bahasa Inggeris atau campuran bahasa yang dominan bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Punjabi dan Melayu. Ini merupakan petunjuk lain munculnya peralihan bahasa pada penutur bahasa Punjabi oleh pasangan, yang berimplikasi kepada generasi berikutnya. Anak-anak yang tumbuh di rumah di mana orang tua berbicara dominan bahasa Inggeris juga akan menggunakan bahasa Inggeris.

Dalam domain persahabatan sesama etnik lebih muda ataupun lebih tua, kelompok usia 70 ke atas dilaporkan dalam level tinggi (masing-masing 34.8% dan 47.8%) berbahasa etnik (Punjabi). Walaupun demikian, bahasa etnik tidaklah satu-satunya bahasa yang digunakan untuk teman. Responden kelompok usia muda (19-25 dan 26-36) menyatakan bahawa mereka menggunakan bahasa Inggeris sahaja (antara 20.0% dan 32.9%) atau campuran bahasa dominan Inggeris dan sedikit Melayu dan Punjabi (antara 43.9 dan 46.6%) terhadap teman lebih muda dan teman lebih tua. Pemakaian bahasa etnik (Punjabi) oleh kelompok usia muda terhadap teman etnik mereka yang lebih muda dan lebih tua tidak menunjukkan peningkatan (masing-masing 1.2% dan 3.5%).

Analisis data mengenai pemakaian bahasa di luar rumah memperlihatkan bahawa bahasa Punjabi jarang digunakan di luar rumah. Para responden lintas semua kelompok usia dilaporkan bahawa mereka menggunakan bahasa Inggeris atau campuran tiga bahasa kecuali berbahasa Punjabi sahaja di luar rumah. Sekitar setengah dari para responden masing-masing daripada kelompok umur 19-25 dan 26-36 (42.2% dan 50.7%) dilaporkan bahawa mereka menggunakan lebih banyak bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Melayu dan Punjabi di luar rumah. Sebagai tambahan, 39.1 peratus kelompok usia tua cenderung memakai dalam jumlah yang sama tiga bahasa, yang

disebut bahasa Inggeris, Melayu, dan Punjabi. Hal itu tampak, oleh itu, bahawa di luar rumah ada peralihan, daripada menggunakan bahasa etnik kepada penggunaan bahasa Inggeris atau sebuah bahasa campuran daripada tiga bahasa.

Di dalam ibadah, bahasa Punjabi lebih banyak digunakan oleh kelompok usia tua (70 ke atas). 65.2 peratus daripada kelompok usia tua cenderung menggunakan bahasa Punjabi sahaja. Dan 34.8 peratus daripada kelompok usia yang sama bercampur kod bahasa Punjabi dan Melayu, dan bahasa Inggeris. Di lain pihak tampak pula kelompok usia termuda (19-25 dan 26-36) cenderung menggunakan bahasa Inggeris sahaja atau campuran daripada bahasa Inggeris dan Melayu dan Punjabi dalam *gurdwara*. Walaupun di dalam domain rumah dan agama telah sering disebutkan sebagai benteng terakhir pemakaian bahasa etnik, itu benar adanya bahawa ada sebuah peralihan bahasa yang besar pada kelompok responden usia muda dan usia menengah. Barang kali kecenderungan beralih kod muncul disebabkan rendahnya pemahaman dalam berbicara dan membaca dan menulis dalam bahasa Punjabi.

Kajian pengejalan atau peralihan bahasa terhadap komuniti Sikh Punjabi di Petaling Jaya menyimpulkan bahawa ada kecenderungan komuniti mengalami peralihan untuk bergeser daripada bahasa etnik mereka kepada bahasa yang baru yang menjadi bahasa dominan mereka. Di dalam kes berlatar multi bahasa seperti Malaysia, apa yang terjadi atau muncul ialah bahawa masyarakat Sikh Punjabi beralih menuju percampuran tiga bahasa dalam hal ini, bahasa Inggeris, Melayu dan Punjabi. Bahasa etnik cenderung mengambil peranan minoriti untuk wacana percampuran ini. Walaupun bahasa Punjabi digunakan oleh anggota komuniti kaum tua di dalam domain rumah, fakta bahawa semakin banyak pasangan muda cenderung menggunakan bahasa Inggeris kepada yang lain bukan pertanda yang baik untuk kelestarian bahasa Punjabi di dalam keluarga inti.

Selain daripada itu, domain agama pun tidak menunjukkan kesanggupan memelihara bahasa etnik. Ini dapat disebut mengurangkan kemahiran dalam bahasa etnik, khasnya dalam kemahiran menulis dan membaca pada anggota masyarakat kaum muda. Peringkat pendidikan didapati pula sebagai petunjuk peralihan bahasa. Adalah sebuah perpaduan di antara pemakaian bahasa di rumah dengan peringkat pendidikan. Pendidikan dalam hal ini dengan cepat menggerakkan masyarakat menunjukkan untuk mendatangkan sebuah hadiah, hilangnya bahasa etnik mereka. Tanpa kecuali, pemakaian bahasa Inggeris (dengan pasangan dan anak-anak) ditemukan berhubung kait dengan pendidikan tinggi, pemakaian bahasa etnik (bahasa Punjabi) berhubung kait dengan pendidikan rendah.

Pakar lainnya, Nor Hisham Osman (1999) mengkaji pengekalan (pemeliharaan) dan peralihan (penyisihan) bahasa terhadap dua komuniti minoriti Rajang dan Tanjong di Kapit Sarawak, Malaysia. Kajian yang diberi tajuk *Pemeliharaan dan Penyisihan Bahasa: Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang-Tanjong* dilakukan terhadap seluruh anggota komuniti ini yang berjumlah seramai 185 penduduk. Umur responden yang dipilih terhad mulai daripada 12 tahun sehingga 56 tahun lebih. Daripada jumlah tersebut 56 orang (30.3%) anak-anak di bawah 12 tahun tidak dijadikan responden, dan sebanyak 38 orang daripada yang berumur di atas 12 tahun (129 orang) tidak dapat ditemu bual kerana sibuk bekerja. Hanya 91 (49.2%) anggota komuniti yang dijadikan responden dan berjaya ditemu bual.

Kajian yang dilakukan oleh beliau iaitu melihat tanda-tanda pemeliharaan bahasa dan penyisihan bahasa yang berlaku di dalam komuniti minoriti Rajang-Tanjong yang terdapat di Kapit, Sarawak. Komuniti ini bersifat dwibahasa yang tinggal di kawasan yang dikelilingi oleh suku kaum majoriti Iban, bangsa Melayu, Cina serta suku kaum orang Hulu yang lain seperti Kayan dan Baketan. Untuk melihat sama ada terjadi pemeliharaan dan penyisihan bahasa di kalangan komuniti, hal yang pertama dilakukan

ialah mendapatkan data penguasaan bahasa ibunda kedua-dua komuniti, iaitu kebolehan berbahasa Tanjong sama ada bagi komuniti berketurunan Tanjong mahupun bagi komuniti berketurunan Kanowit. Selain kebolehan berbahasa ibunda kedua-dua komuniti berketurunan Tanjong dan Kanowit ini pula diambil kira penguasaan bahasa Melayu standard mereka. Selanjutnya, diterokai kebolehan berbahasa Tanjong, berbahasa Kanowit, berbahasa Melayu standard, dan berbahasa Iban terhadap komuniti Rajang-Tanjong. Hasil temu bual menunjukkan bahawa komuniti yang berketurunan Tanjong yang fasih berbahasa Tanjong hanyalah golongan tua (G I dan G II) golongan muda (G III) semuanya tidak faham berbahasa Tanjong. Berbahasa Melayu standard bagi komuniti berketurunan Tanjong ini tergolong merata, tidak ada di antara mereka yang tidak faham berbahasa Melayu standard. Kebolehan berbahasa Tanjong oleh komuniti berketurunan Kanowit sangat rendah. Tidak ada di antara mereka yang mengaku fasih berbahasa Tanjong, yang terbanyak adalah yang tidak faham. Berbahasa Melayu standard majoriti responden fasih.

Komuniti ini berdwibahasa kerana dua faktor utama: pertama anggota komuniti ini terdiri dari dua keturunan utama yang mempunyai dua bahasa utama yang berbeza. Kedua-dua keturunan ini telah hidup bersama menjadi satu komuniti dengan berkongsi budaya, agama, dan tempat yang sama serta mempunyai satu rasa kesatuan; kedua, disebabkan jumlah anggota komuniti Rajang-Tanjong di Kapit ini sedikit, mereka mudah terpengaruh dengan golongan yang lebih dominan, iaitu suku kaum Iban. Keadaan ini menyebabkan mereka menjadi dwibahasa, sebahagian besar daripada mereka menguasai bahasa Iban di samping bahasa ibunda. Selain dari bahasa Iban, mereka juga boleh berbahasa Melayu. Bahasa ini diperolehi melalui pendidikan formal di sekolah serta pendedahan melalui media massa. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan digunakan di dalam pentadbiran dan pendidikan.



Kajian domain berbahasa responden pula disimpulkan oleh Nor Hisham Osman sebagaimana digambarkan oleh beliau pada jadual berikut ini.

**Jadual 2.1:** Domain Penggunaan Bahasa dalam Komuniti Rajang Tanjong:  
(Nor Hisham Osman 1999).

<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Bahasa Iban</b>	<b>Bahasa Kanowit</b>	<b>Bahasa Tanjong</b>
<i>Dalam domain formal terutamanya dalam bentuk tulisan dan digunakan oleh orang tertentu sahaja</i>	<i>Dalam semua domain kecuali dalam domain yang berlaku di penempatan mereka dan dihadiri oleh orang Melayu</i>	<i>Dalam semua domain tidak formal yang dihadiri oleh anggota komuniti ini</i>	<i>Dalam domain keluarga bagi keluarga Tanjong dalam GI dan GII</i>

Melalui hasil analisis data yang diperolehi berdasarkan kaedah analisis domain dan teori penyesuaian pertuturan didapati bahawa bahasa Tanjong sedang mengalami penyisihan dan berkemungkinan akan pupus, hanya dikuasai anggota komuniti berketurunan Tanjong dan generasi tua sahaja. Bagi bahasa Tanjong tidak berlaku penurunan dari generasi tua kepada generasi yang lebih muda. Bahasa Kanowit pula merupakan bahasa ibunda yang mengalami pemeliharaan dan akan terus hidup. Bahasa Kanowit mengalami penurunan dari generasi ke generasi masih terus berjalan. Semua keturunan Rajang-Tanjong fasih bertutur dalam bahasa Kanowit.

Selanjutnya pemerolehan beliau ialah menerangkan bahawa keadaan anggota komuniti yang berketurunan Tanjong ini didapati bahasa ibunda mereka bukan disisih oleh bahasa golongan majoriti, iaitu bahasa Iban dan bukan juga oleh bahasa yang lebih berprestij di kawasan ini, iaitu bahasa Melayu standard, tetapi bahasa ibunda mereka disisih oleh bahasa Kanowit yang merupakan bahasa minoriti dan tidak berprestij. Di sini faktor yang mempengaruhi anggota komuniti yang berketurunan Tanjong beralih menggunakan bahasa Kanowit, iaitu lokasi serta bentuk penempatan dan juga sikap individu. Mereka memilih menggunakan bahasa Kanowit kerana bahasa ini berfungsi

integratif, dalam hal ini seorang mempelajari bahasa lain dengan tujuan untuk mendalami kebudayaan suatu komuniti itu sehingga boleh dianggap sebagai anggota komuniti tersebut. Keadaan ini berlaku di kalangan anggota komuniti yang berketurunan Tanjong. Mereka tidak boleh lagi berbahasa Tanjong dan tidak dapat dibezakan dengan anggota komuniti yang berketurunan Kanowit. Keadaan inilah yang menjadikan mereka sebagai satu komuniti walaupun pada asalnya mereka dua keturunan yang berbeza.

Walau bagaimanapun, dalam latar yang berbeza golongan minoriti didapati tidak semestinya mengikuti golongan majoriti. Dalam kajian yang dibuat Nor Hisham Osman (1994) terdapat juga golongan minoriti yang berjaya mempertahankan bahasa atau kelainan ibunda mereka walaupun mereka dikelilingi oleh golongan majoriti. Dalam kajian beliau terhadap komuniti Kedah di seberang Perak beliau mendapati komuniti Kedah tidak cuba menyesuaikan pertuturan mereka, walaupun mereka tinggal dalam kawasan penutur dialek Perak. Mereka bersikap terus menggunakan kelainan dialek Kedah, sebaliknya orang Perak pula yang menyesuaikan pertuturan mereka dengan dialek Kedah apabila berhubung dengan orang Kedah.

Roksana Bibi Abdullah (2002) mengkaji Pemilihan dan Penggunaan Bahasa di Kalangan Masyarakat Melayu di Singapura. Pengkajian ini berlatarbelakangkan keadaan berbahasa seharian masyarakat Melayu di Singapura yang menunjukkan bahawa pemakaian bahasa Inggeris semakin meluas berbanding pemakaian bahasa Melayu yang semakin menipis. Penduduk Singapura tidak lagi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan, sama ada dalam dunia pendidikan mahupun dalam dunia pekerjaan. Hal ini menyebabkan masyarakat Melayu terdedah terhadap pemakaian bahasa Inggeris. Kebiasaan berbahasa Inggeris dengan rekan-rekan di luar masyarakat Melayu mempengaruhi pula pemakaian bahasa dalam komunikasi dengan sesama masyarakat Melayu di lingkungan keluarga. Keadaan yang berterusan ini dapat

membuat masyarakat Melayu di Singapura beralih bahasa, iaitu dari bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris.

Tajuk kajian beliau ialah *Pemilihan dan Penggunaan Bahasa di Kalangan Masyarakat Melayu di Singapura*. Teori rangkaian sosial diterapkan dalam menjalankan kajian itu, bagi melihat sejauh manakah rangkaian-rangkaian sosial yang dimiliki oleh responden memainkan peranan dalam menentukan penggunaan atau pemilihan bahasa. Tujuannya ialah untuk meninjau aspek pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan responden. Untuk menjalankan teori tersebut, tiga generasi dijadikan sebagai sumber data dengan ketentuan sebagai berikut: Generasi I (golongan datuk nenek) berusia 50 tahun ke atas, haruslah orang tua yang mempunyai anak serta cucu, G II (golongan ibu bapa) berusia 25-awal 50 tahun, mestilah terdiri dari kedua-dua suami isteri yang mempunyai anak, dan G III (golongan anak-anak) berusia 6 tahun – awal 20 tahun, mereka mestilah tinggal serumah dengan ibu bapa mereka dan belum berumah tangga. Bagi melihat kesan rangkaian sosial terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa, bilangan rakan dan saudara mara turut diselidiki dan dikategorikan berdasarkan bahasa perhubungan yang digunakan. Berapa jumlah rakan yang menggunakan bahasa Inggeris, yang menggunakan bahasa Melayu, dan yang menggunakan lain-lain bahasa. Demikian pula dengan keamatan dan kekerapan hubungan turut diselidiki untuk mengetahui dengan sebenar kekuatan pengaruh masing-masing.

Roksana Bibi Abdullah menggunakan dua set soal selidik untuk mengumpulkan data. Yang pertama bagi mendapatkan latar belakang responden serta kebiasaan penggunaan bahasa dalam pelbagai situasi serta dengan rangkaian sosial yang bervariasi. Set kedua bagi mendapatkan jumlah rangkaian sosial setiap responden serta bahasa yang digunakan oleh mereka apabila bertutur dengan responden-responden berkenaan serta keamatan dan dalam kapasiti yang bagaimana hubungan responden

dengan mereka. Selain itu, dilakukan pula perakaman perbualan secara tertutup bagi memperoleh gambaran pemakaian bahasa sebenar.

Hasil kajian menunjukkan bahawa telah berlaku pengurangan penggunaan bahasa Melayu. Ditunjukkan oleh pengurangan penggunaan bahasa Melayu dalam masa kanak-kanak di kalangan G III, kejatuhan penggunaan bahasa Melayu dengan ibu bapa, dan penurunan penggunaan bahasa Melayu dengan adik beradik. Sebaliknya, telah terjadi peningkatan penggunaan bahasa Inggeris. Hal itu ditunjukkan melalui penggunaan bahasa Inggeris oleh golongan G II apabila bertutur dengan G III meningkat dengan pesat. Keadaan yang lebih tinggi lagi berlaku di kalangan G III. Generasi ini hanya 6.6% yang berbahasa Melayu. Semua ini jelas menunjukkan telah berlaku peralihan bahasa di kalangan G III. Ini terjadi kerana mereka dalam keadaan terpaksa menggunakan bahasa Melayu dengan golongan yang lebih tua. Apabila golongan yang tua ini sudah tiada lagi, alasan bagi G III untuk menggunakan bahasa Melayu tidak ada lagi.

Dumaning (2010) mengkaji pemilihan bahasa di dalam pasangan perkahwinan antara ras (keturunan) di Malaysia yang bertajuk "*Language choice in interracial marriages: the case of Filipino-Malaysian couples*". Menurut beliau kajian itu sesuai dengan pendapat Harwood, Soliz & Lin (2006) di dalam Dumaning (2010) yang mengusulkan bahawa ada strategi yang berbeza yang digunakan dalam komunikasi keluarga, iaitu strategi pendekatan (*approximation strategy*), strategi pentafsiran pemahaman (*interpretability strategy*), strategi manajemen wacana (*discourse management*) dan strategi pengendalian interpersonal (*interpersonal control strategies*).

Strategi akomodasi *approximation* (strategi pendekatan) digambarkan sebagai sebuah akomodasi terhadap berbahasa interlocutor dan terutama terhadap gaya bicara interlocutor. Ini mencakup, apakah pembicara dan lawan bicara konvergen (bersatu)

atau divergen (mencapah/menyimpang) dalam komunikasi. Misalnya, ketika suami menggunakan bahasa istrinya ia menunjukkan pengakuan dan apresiasi terhadap bahasa dan latar budaya istrinya. Tindakan akomodasi suami dapat diartikan sebagai konvergen. Sebaliknya, istri yang dengan sengaja tidak menggunakan bahasa suami, memisahkan diri dan tak rela membangun solidariti dalam interaksi melalui tanda-tanda penolakan (divergensi).

Di dalam strategi ini Dumaning mengajukan beberapa pernyataan yang menggambarkan berlaku atau tidaknya ancang-ancang di dalam pasangan suami-isteri yang berasal daripada ras yang berbeza apabila memulai berkomunikasi.

- 1) Saya senang mempelajari bahasa pasangan saya
- 2) Saya menyesuaikan gaya bicara saya setiap kali saya berbicara dengan pasangan saya
- 3) Saya menyesuaikan tingkat/laju bicara saya dalam berbicara dengan pasangan saya
- 4) Saya merasa nyaman menggunakan bahasa pasangan saya
- 5) Saya menggunakan bahasa pasangan saya sebagai bentuk pengakuan dan apresiasi/penghargaan terhadap latar belakang budayanya dan bahasanya
- 6) Beberapa kali menggunakan bahasa saya sendiri dalam berbicara dengan pasangan saya.

Strategi akomodasi *interpretability* (pentafsiran) meliputi akomodasi mempermudah pemahaman pasangan/mitra, yang mengacu pada untuk memahami. Strategi *interpretability* jelas ketika pasangan menyesuaikan bahasanya/tuturan dengan menyederhanakan konstruksi gramatikal kalimat atau dengan menurunkan tingkat kecepatan berbicara.

Pernyataan yang disampaikan seperti di bawah ini.

- 1) Saya menggunakan kosakata sederhana dalam berbicara dengan pasangan saya
- 2) Saya menggunakan kalimat sederhana yang dimengerti oleh pasangan saya
- 3) Saya menyederhanakan poin pokok pembicaraan saya jika saya tidak mengerti
- 4) Saya berbicara dengan pasangan saya hampir mirip cara dia berbicara
- 5) Saya menyesuaikan ucapan saya agar dapat dipahami oleh pasangan saya
- 6) Ketika pasangan saya tidak dalam suasana hati yang tepat, saya mengubah cara saya berbicara.

Strategi manajemen (pengaturan) percakapan/wacana (menjaga hubungan dalam berbicara) berfokus pada keperluan percakapan seseorang dan sering dibahas dalam hal pemilihan topik, manajemen wajah (keterbukaan), dan sejenisnya. Strategi ini diterapkan ketika pasangan mendiskusikan tradisi dan budaya masing-masing dan menghindari isu-isu yang sensitif terhadap pasangannya. Tujuan daripada interaksi yang penuh kehati-hatian tersebut, yaitu untuk membentuk keseimbangan di dalam upaya mengontrol strategi akomodasi antara budaya dan antara individu untuk mengarahkan jalannya percakapan tertentu atau hubungan yang lebih umum seperti menginterupsi atau klaim kekuasaan. Strategi ini digunakan untuk menunjukkan kekuasaan dan dominasi pembicara lain seperti yang ditentukan oleh kebudayaan atau masyarakat. Misalnya dalam masyarakat yang sangat patriarkal, lelaki selalu dianggap lebih unggul atau dominan. Terlebih lagi, sejauh mana kontrol dapat jelas ketika orang mencoba untuk mengganggu pembicaraan.

- 1) Saya membahas tradisi saya dengan pasangan saya
- 2) Saya berbagi bahasa dan budaya saya dengan pasangan saya
- 3) Saya menghindari topik yang menunjukkan rasa tidak hormat terhadap budaya bahasa pasangan saya
- 4) Saya hati-hati memilih berbagai-bagai topik untuk diskusi untuk menghindari konflik

- 5) Saya tidak mulai membahas topik kontroversial yang akan menyakiti pasangan saya
- 6) Saya berhati-hati dalam memilih kata-kata agar tidak disalahartikan oleh pasangan saya.

Jawapan yang disajikan dalam soal selidik untuk responden dalam memberi tanggapan untuk seluruh ayat-ayat dalam strategi di atas adalah dengan memilih salah satu pernyataan di bawah ini.

- 1) Tidak pernah
- 2) Biasanya tidak
- 3) Sering tidak
- 4) Kadang-kadang
- 5) Sering
- 6) Biasanya
- 7) Selalu

Dumaning menjalankan kajian ini untuk meneliti pilihan bahasa, strategi akomodasi, dan pertukaran pola-pola kod komunikasi verbal daripada pasangan Filipina-Malaysia pada domain rumah. Sebanyak 60 pasangan yang terdiri daripada Filipina-Melayu, Filipina-Cina, dan Filipina-India telah diberikan soal selidik yang meliputi profil demografi sosial, bahasa pilihan, dan strategi akomodasi. Pengumpulan data dilakukan melalui pendekatan kualitatif dengan mewawancara dan merakam perbualan setiap pasangan. Selain itu dilakukan juga pendekatan kuantitatif untuk strategi akomodasi.

Kajian ini mendapati bahawa pasangan Filipina-Malaysia lebih suka berbahasa Inggeris sebagai media berkomunikasi mereka di rumah dengan sedikit peralihan kepada bahasa Malaysia, bahasa Cina, dan bahasa Filipina. Semua pasangan

mengutamakan bahasa Inggeris, meskipun tak seorang di antara mereka mengaku bahasa Inggeris sebagai bahasa Ibunda mereka. Bahasa kedua menjadi bahasa pilihan pertama dalam beralih kod.

### **2.3 Rumusan**

Kajian lalu atau sorotan kajian yang dibincangkan dalam kajian ini menceritakan bagaimana bahasa kaum minoriti boleh beralih kepada bahasa kaum majoriti, sama ada kerana masalah kehidupan ekonomi, dan politik (Gogonas, 2009); ekonomi, politik, dan agama (Fakuade Gbenga & Abdullah 2003); prestij, pendidikan, pekerjaan (David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003); Roksana Bibi Abdullah, 2002), mahupun oleh jumlah penutur yang lebih banyak (Dumaning, 2010). Ada pula kajian yang mendapati kaum minoriti berjaya mengekalkan bahasa ibunda mereka walaupun berhampiran dengan kaum majoriti (Coluzzi, 2010). Demikian pula menceritakan bahasa kaum minoriti boleh beralih kepada bahasa kaum minoriti pula disebabkan perkongsian budaya (Nor Hisham Osman, 1999).

Dari kajian-kajian tersebut didapati berbagai-bagai kes di antaranya pertembungan kaum penghijrah antara dua negara yang berjiran (Gogonas) mahupun yang tidak berjiran (David, Ibtisam, Naji & Sheena), antara kaum berpenduduk minoriti dan berpenduduk minoriti pula dalam satu kawasan yang sama (Nor Hisham Osman), antara kaum yang berkuasa dengan rakyat jelata (Fakuade Gbenga, & Abdullah), antara kaum berprestij dan kaum tak berprestij (Roksana Bibi Abdullah), antara bahasa berprestij dan bahasa tak berprestij (Dumaning). Analisis domain perlakuan bahasa dan teori penyesuaian bahasa telah berjaya mengungkapkan tanda-tanda peralihan bahasa pada masing-masing komuniti kajian tersebut. Peralihan bahasa yang terjadi disebabkan oleh faktor ketidakberdayaan (*powerless*) komuniti pemilik bahasa yang beralih berdepan dengan masyarakat yang lebih kuat.



Metodologi kajian yang dilaksanakan pada kajian-kajian tersebut pula menggunakan metode kuantitatif yang mengumpulkan data-data dari responden melalui soal selidik. Untuk memperkukuhkan dapatan daripada data kuantitatif ditempuh pula jalan melalui metode kualitatif bagi mengumpulkan data sebenar dengan menemu bual ahli-ahli komuniti secara terbuka mahupun tertutup.

Pada kajian pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia mempersoalkan penghijrahan penduduk yang tergolong minoriti ke kawasan yang berpenduduk majoriti dalam sebuah negara yang sama. Penghijrahan ini pun berjalan secara persendirian bukan berkelompok (transmigran). Oleh kerana penghijrah datang secara persendirian, tempat tinggal mereka di kawasan yang baru, Pontianak, semuanya berselerak. Keadaan itu membuat mereka jarang bertemu. Memandangkan kepada kajian-kajian sumber rujukan di atas, ke dalam kajian ini pun digunakan analisis domain perlakuan bahasa dan teori penyesuaian untuk mengenal pasti sama ada pengekalan dan peralihan bahasa ke atas penghijrah Batak Toba tersebut.

## **BAB 3: KERANGKA KONSEP, TEORI, DAN METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 Pendahuluan**

Pembahasan selanjutnya berkenaan dengan pengekalan dan peralihan bahasa akan dimulai daripada membincangkan konsep operasional dwibahasa dan pelbagai bahasa serta wujudnya komuniti dwibahasa. Selepas itu membincangkan pula konsep mengenai pemilihan bahasa, pengekalan bahasa, peralihan bahasa, dan kepupusan bahasa yang boleh berlaku bagi komuniti dwibahasa.


Perbincangan mengenai pemilihan bahasa ini membahaskan pula beberapa pendekatan yang dijalankan oleh para pakar untuk menerokai punca pemilihan bahasa dalam sesebuah komuniti. Selanjutnya, perbincangan pada bahagian konsep dan pendekatan ini diikuti dengan huraian mengenai teori yang dijalankan dalam kajian pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak.

Selari dengan konsep, pendekatan, dan teori yang dijalankan, ditentukanlah langkah-langkah penyelidikan yang dirumuskan ke dalam metodologi kajian.

### **3.2 Kerangka Konsep Pengekalan dan Peralihan Bahasa**

Kajian sociolinguistik terhadap pengekalan dan peralihan bahasa fokus terhadap pemakaian bahasa yang terdapat di dalam sesebuah masyarakat bahasa (komuniti bahasa). Komuniti bahasa wujud dalam satu kawasan apabila sekelompok orang yang menduduki kawasan tersebut mengucapkan bahasa yang sama atau dialek yang sama atau kelainan bahasa yang sama. Dengan kata lain, bahasa menjadi identiti sosial pemakainya (Nor Hisham Osman, 2002). Sebuah komuniti yang menduduki sesuatu kawasan mungkin hanya mengenal atau mengetahui satu bahasa, tetapi ada pula kawasan yang secara kebahasaan terbahagi ke dalam berbagai-bagai bahasa yang boleh

menyebabkan penduduknya berpeluang menjadi dwibahasa (Fishman, 1972c). Kenyataan seperti ini dapat dilihat di banyak negara, seperti Indonesia yang memiliki lebih daripada 400 bahasa (Moeliono, 1988).



**Rajah 3.1:** Kerangka Konsep Kajian

Komuniti yang sebelumnya ekabahasa boleh menjadi komuniti dwibahasa apabila berlaku perpindahan penduduk daripada satu kawasan yang berbeza bahasa dengan komuniti di kawasan yang baharu. Penghijrahan ini pula akan mengakibatkan pertembungan budaya dan pertembungan bahasa, iaitu di antara bahasa pendatang dan bahasa komuniti tempatan. Seiring dengan perjalanan waktu, kerjasama dalam berbagai-bagai hal akan membuat komuniti bahasa di tempat itu menjadi dwibahasa (Fasold, 1984). Dalam perkara ini, apakah masyarakat pendatang yang akan memilih bahasa penduduk tempatan menjadi bahasa pergaulan, atau sebaliknya. Hal itu terpulang

kepada prestij dan sikap bahasa yang melekat pada masyarakat pemilik bahasa (Norizah Ardi, 2005). Jika pada jangka yang lama terjadi perlakuan yang berbeza terhadap bahasa-bahasa yang dimiliki komuniti dwibahasa, berlakulah pemilihan bahasa. Pemilihan bahasa yang menjurus kepada salah satu bahasa yang digunakan secara berterusan dan meluas, sementara itu bahasa yang lain semakin jarang digunakan dan dalam skop sempit pula maka akan mengakibatkan pengekatan bahasa (*language maintenance*) di satu pihak dan peralihan bahasa (*language shift*) di pihak yang lain. Bahasa yang selalu digunakan menjadi kekal, manakala bahasa yang jarang-jarang dipakai menjadi beralih (Fishman, 1972c).

### 3.2.1 Dwibahasa dan Pelbagai Bahasa

Komuniti dwibahasa ialah komuniti yang memiliki dan menggunakan dua atau beberapa bahasa atau kelainan bahasa untuk berkomunikasi dengan orang lain (Nor Hisham Osman, 2002). Dalam pembahasan *Societal Multilingualism*, Fasold (1984) mengatakan:

*“In many countries of the world, a lot of this kind of social identity work can be accomplished simply by choosing one or another of the two or more languages a speaker knows”*. (p.1).

Di dalam komuniti multi-etnik ada bahasa ibunda sebagai bahasa perhubungan sesama satu etnik atau antara etnik yang hidup secara berjiran, ada bahasa perhubungan antara etnik yang satu dengan etnik yang lain di dalam satu negara, iaitu bahasa nasional, dan sangat dimungkinkan pula dalam bekerjasama dan persahabatan antara negara dan bangsa-bangsa--untuk membincangkan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta perniagaan global--membuat rakyat sesebuah negara menguasai salah satu atau beberapa bahasa perhubungan antara bangsa (Nababan, 1993). Dalam kepelbagaian bahasa sebuah komuniti pun boleh terjadi di mana seseorang menggunakan bahasa standard dalam situasi rasmi dan menggunakan bahasa kolokial

dalam suasana santai. Pengkajian pengekalan dan peralihan bahasa sesuatu komuniti semestinyalah mengetahui kenyataan berlaku dwibahasa atau pelbagai bahasa di dalam komuniti itu.

Selanjutnya, Fasold (1984) dalam penjelasan "*How multilingual nations develop*" mengatakan:

*"... a given multilingual society is usually an example more than one of the historical patterns at the same time. These patterns are: (1) migration, (2) 'imperialism', (3) federation and (4) border area multilingualism."* (p. 9-14).

Berasaskan pada sejarah, dwibahasa dan pelbagai bahasa wujud dalam suatu komuniti kerana beberapa faktor, iaitu penghijrahan, penjajahan, persekutuan, dan kawasan sempadan.

#### 1) Dwibahasa dan pelbagai bahasa melalui penghijrahan penduduk

Ada dua macam penghijrahan. Yang pertama ialah masuknya sejumlah besar pendatang ke suatu kawasan yang dihuni oleh penduduk asli yang jumlahnya jauh lebih kecil. Dalam keadaan seperti itu kerap berlaku bahawa penduduk asli dalam berinteraksi menerima unsur-unsur budaya baru yang dibawa kaum pendatang, termasuk dalam berbahasa. Kes seperti itu telah berlaku di Amerika Utara oleh bangsa-bangsa Eropah (Inggeris, Sepanyol) yang mendominasi penduduk asli Indian. Penghijrahan jenis kedua pula apabila penduduk asli yang didatangi jumlahnya jauh lebih besar dan dominan dalam berbagai-bagai aktiviti kehidupan sosial. Penghijrahan jenis ini seperti yang berlaku bagi orang Batak Toba di Pontianak yang minoriti dalam jumlah orang dan kedudukan ekonomi dan politik. Demikian pula yang dilakukan oleh warga Albania yang berhijrah ke Greece bermula pada tahun 1990-an -- segera setelah tumpas rejim komunis Enven Hoxha yang berkuasa 45 tahun di Albania -- merupakan penduduk minoriti secara ekonomi dan politik yang ingin mempertahankan hidup sebagai pekerja di negara jiran (Gogonas, 2009). Perantau Cina dan India yang datang ke Tanah Melayu

(kurun akhir 18) pula kerana tuntutan untuk meningkatkan kehidupan perekonomian di rantau telah membuat Malaysia sekarang ini menjadi negara pelbagai bahasa (Nor Hisham Osman, 2002; David, Ibtisam, Naji & Sheena, 2003). Pertemuan antara pendatang dan penduduk tempatan menjadikan pertembungan budaya dan akhirnya pula boleh menjadikan wujud kedwibahasaan di dalam kawasan baru itu.

## 2) Dwibahasa dan pelbagai bahasa melalui penjajahan

Penjajahan ialah gerakan politik sesebuah bangsa untuk menguasai sesuatu kawasan baru yang sudah berpenduduk. Penjajah, walaupun jumlahnya tidak terlalu ramai berbanding dengan rakyat yang dijajah boleh membuat penduduk bangsa lain yang didatangi tunduk kepada kehendak mereka. Dalam menjalankan kekuasaannya bangsa penjajah mengutamakan pemakaian bahasa mereka dalam berbagai-bagai aspek kehidupan, seperti pendidikan, pentadbiran, pemerintahan, hukum, dan maklumat. Rakyat yang menjadi kaki tangan penjajah harus menguasai bahasa penjajah. Di pihak lain, ramai pula rakyat ikut pendidikan formal di sekolah-sekolah yang diselenggarakan oleh kaum penjajah dan menggunakan bahasa penjajah. Penjajahan dapat dicontohkan seperti yang dilakukan oleh bangsa Inggeris, Perancis, Portugal, Sepanyol, Belanda, Jerman di berbagai-bagai wilayah di benua Afrika, Asia, Amerika, dan Australia. Sehingga kini rakyat di tanah jajahan tersebut banyak yang sudah merdeka (Malaysia, Filipina, Brunei, India, Papua New Guinea) dan bahasa-bahasa penjajah menjadi kekal dan bahasa dominan di negara-negara itu (Fasold, 1984, p.10). Walaupun demikian ada pula negara bekas jajahan di mana bahasa penjajah tidak dikekalkan oleh penduduk di negara tersebut, seperti negara Indonesia.

Selain penjajahan bermotif politik ada pula penjajahan dari sisi ekonomi. Bangsa yang menguasai perekonomian di dunia membuat rakyat dan pemerintah di suatu kerajaan atau negara mewajibkan rakyat untuk menguasai bahasa yang dominan

digunakan dalam alam perekonomian. Sementara bangsa pemilik bahasa yang bersangkutan tidak memiliki kekuatan politik di negara tersebut. Kebolehan ini ditempuh melalui pemberian mata pelajaran wajib mulai dari darjah sekolah rendah sehingga pendidikan tinggi. Thailand salah satu negara atau kerajaan yang melakukan hal seperti itu.

### 3) Dwibahasa dan pelbagai bahasa melalui persekutuan

Persekutuan ialah penggabungan berbagai-bagai etnik (bangsa-bangsa) secara politik ke dalam satu pengelolaan negara di bawah pemerintah pusat atau kerajaan. Indonesia merupakan negara yang terdiri dari berbagai-bagai suku bangsa dan bahasa dan memiliki pula satu bahasa persekutuan, iaitu bahasa Indonesia. Melalui politik kenegaraan pemerintah menetapkan bahasa Indonesia menjadi bahasa rasmi kenegaraan yang berfungsi sebagai bahasa rasmi pemerintahan, bahasa pengantar dalam dunia pendidikan, ilmu pengetahuan dan teknologi (Halim, 1980). Di dalam federasi pula boleh wujud penyatuan berbagai-bagai bangsa ke dalam satu negara baru seperti yang berlaku di Unisoviet selepas Perang Dunia Kedua.

### 4) Dwibahasa dan pelbagai bahasa melalui kawasan sempadan

Secara sosiobudaya boleh berlaku bahawa satu kawasan geografi yang dahulu diduduki oleh bermacam-macam etnik yang berbeza bahasanya, oleh perubahan politik, kawasan tersebut menjadi dua negara yang berbeza. Masing-masing negara memiliki bahasa kebangsaan (bahasa rasmi). Komuniti yang duduk di sempadan kedua negara dapat menjadi komuniti dwibahasa mengikut bahasa rasmi negara masing-masing di satu pihak dan tetap menggunakan bahasa ibunda. Keadaan seperti ini dapat ditemui di sempadan antara Malaysia dan Thailand. Di kawasan Thailand terdapat etnik Melayu yang masih menggunakan bahasa ibunda mereka di kalangan mereka sendiri (dalam urusan budaya dan agama) dan menggunakan bahasa Thai jika berurusan dengan

kerajaan Thailand. Demikian juga di kawasan Malaysia terdapat komuniti yang berbahasa ibunda Thai di kalangan mereka sendiri dan berbahasa Malaysia jika berurusan dengan kerajaan Malaysia (Norizah Ardi, 2005).

### **3.2.2 Pemilihan Bahasa**

Pemilihan bahasa adalah keadaan di mana seorang penutur yang menguasai dua bahasa atau lebih boleh menggunakan salah satu bahasa yang sedia ada untuk berhubung dengan orang lain. Di dalam suatu masyarakat dwibahasa atau pelbagai bahasa setiap warga boleh memilih bahasa atau kelainan bahasa jika berkomunikasi dengan warga yang lain. Seseorang, boleh menggunakan bahasa ibunda, atau bahasa kedua, atau tiap-tiap kelainan bahasa yang diketahui olehnya, atau campuran daripada bahasa ibunda dengan bahasa kedua (Fasold, 1984).

Pemilihan bahasa boleh terjadi kerana perbezaan domain (peserta, topik dan tempat bertutur), iaitu seseorang memilih satu bahasa dalam domain keluarga dan pada perhubungan lain orang itu memilih bahasa yang lain dalam domain pekerjaan (Fishman, 1964). Ada bermacam-macam domain, seperti domain keluarga, kerjaya, perniagaan, agama, pendidikan, dan lain-lain lagi.

Pemilihan bahasa pula boleh terjadi kerana penyesuaian (Giles, 1977). Seseorang penutur menyesuaikan tuturannya daripada bahasa ibunda kepada bahasa orang lain (interlokutor) kerana orang tersebut memakai bahasa yang lebih berprestij daripada bahasa ibunda penutur. Penyesuaian oleh seseorang boleh pula berlaku apabila bahasa yang digunakan oleh interlokutor lebih dominan digunakan pada sesuatu kawasan. Penyesuaian yang lain lagi adalah kerana interlokutor tidak faham bahasa yang digunakan oleh penutur, sedangkan penutur faham bahasa interlokutor (Nor Hisham Osman, 2002).



Pemilihan bahasa bukanlah tanpa sebab. Berbagai-bagai kajian pengekelan dan peralihan bahasa yang bertumpu kepada pemilihan bahasa boleh didapati fakta-fakta melalui berbagai-bagai sudut pandang. Daripada sudut pandang psikologi pemilihan bahasa boleh terjadi oleh sebab yang boleh mendatangkan keuntungan bagi pemakai bahasa itu. Sudut pandang antropologi melihat pemilihan bahasa itu berasaskan jaringan sosial yang melekat pada peribadi seseorang yang membolehkan orang tersebut memilih sesuatu bahasa untuk berbincang dengan orang lain. Demikian juga sudut pandang sosiologi melihat pemilihan bahasa berasaskan latar belakang peribadi pemakai bahasa yang membolehkannya memilih sesuatu bahasa dalam menjalani kehidupan sehari-hari (Sumarsono, 2002).

Berikut ini, dikemukakan faktor-faktor yang paling banyak didakwa membolehkan seseorang atau sesuatu komuniti memilih bahasa yang membolehkannya beralih bahasa, iaitu dasar kerajaan, keselesaan (*comfortability*), sosioekonomi, dan pendidikan.

#### 1) Dasar Negara (Kerajaan)

Di dalam politik bahasa kebangsaan sesuatu negara atau kerajaan ditetapkan polisi mengenai kedudukan dan fungsi bahasa yang terdapat di negara tersebut. Ada bahasa yang berkedudukan sebagai bahasa rasmi negara, dan ada pula yang berkedudukan sebagai bahasa pergaulan, sama ada antara individu mahupun antara bangsa (Halim, 1980). Dalam menjalankan roda pemerintahan suatu negara dipilih salah satu bahasa yang ada di negara tersebut menjadi bahasa rasmi yang ditetapkan melalui hukum negara. Oleh itu, setiap penyelenggara negara dan segenap rakyat jelata diwajibkan menggunakan bahasa rasmi dalam semua urusan rasmi sama ada dalam bidang pemerintahan dan kenegaraan mahupun dalam bidang kemasyarakatan yang lain.

Malaysia merupakan negara persekutuan yang terdiri daripada gabungan daripada beberapa kumpulan etnik atau bangsa atau wilayah di bawah satu kuasa politik pemerintahan. Masing-masing kumpulan etnik ini pula memiliki kelainan bahasa atau dialek mengikut faktor geografi, iaitu dialek Melayu negeri, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Demikian juga di Malaysia Timur, iaitu di Sarawak ada bahasa Iban dan di Sabah ada bahasa Kadazan (Nor Hisham Osman, 2002). Di tambah lagi dengan bahasa-bahasa dan kelainan bahasa komuniti penghijrah dari India dan Cina. Oleh itu, Malaysia di kenal sebagai negara multibahasa dan multi-etnik. Asmah Omar (1992) menyatakan pemilihan bahasa boleh disebabkan oleh dasar kerajaan. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan selaras dengan dasar kerajaan. Komuniti pelbagai bahasa dapat menguasai bahasa Melayu melalui pendidikan secara formal di sekolah. Banyak lagi negara lain yang multi-etnik dan multibahasa, seperti India, Filipina, Nigeria, Papua New Guinea.

Indonesia ialah negara multi-etnik, multibudaya dan bahasa tertakluk kepada dasar negara, iaitu Undang-Undang Dasar 1945. Dalam Seksyen (Fasal) 30 ayat 1 tertulis, “Bahasa Negara ialah bahasa Indonesia”. Oleh dasar negara ini, bahasa Indonesia di Indonesia mempunyai status menjadi bahasa Rasmi Negara di samping statusnya sebagai bahasa nasional (Halim, 1980). Sebagai bahasa Rasmi Negara, bahasa Indonesia berfungsi sebagai bahasa rasmi pemerintahan dalam semua urusan pentadbiran, bahasa pengantar dalam dunia pendidikan bermula dari pendidikan sekolah rendah sehingga pendidikan tinggi.

Oleh sebab dasar negara ini, bangsa Indonesia boleh menjadi masyarakat yang berdwibahasa, terutama warga yang masih duduk di daerah-daerah luar bandar raya. Bahasa Indonesia menjadi subjek pelajaran wajib bagi semua pelajar di Indonesia.

Sejarah bahasa Indonesia menjadi bahasa Rasmi Negara bermula daripada peristiwa bersejarah di Indonesia, iaitu Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928.

Kajian Conrad Ozog (1996) juga menunjukkan dasar kerajaan merupakan faktor pemilihan bahasa. Conrad Ozog telah mengkaji penggunaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat peringkat umur 18 tahun hingga 66 tahun di negara Brunei Darussalam. Dari segi latar belakang bahasa di negeri ini, bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal negara setelah merdeka. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1985 kerajaan telah menetapkan dasar dwibahasa dengan pelajar dari darjah empat ke atas diajar dalam bahasa Inggeris dalam kebanyakan subjek, kecuali bagi subjek sejarah, seni, agama Islam, bahasa Melayu, sastera dan jasmani. Dengan lain perkataan bahasa Melayu diajar untuk identiti budaya dan keagamaan, sedangkan bahasa Inggeris berfungsi untuk berhubung dengan dunia luar.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan bahasa Inggeris telah semakin meningkat di kalangan masyarakat yang telah mendapat pendidikan selepas dasar dwibahasa diperkenalkan. Golongan masyarakat yang berumur 35 tahun ke bawah lebih cenderung memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris apabila berhubung terutamanya dalam domain pekerjaan, supermarket, sektor swasta dan kerajaan. Dengan ini Conrad Ozog telah menyimpulkan penggunaan bahasa Inggeris semakin meluas di negara Brunei Darussalam, walaupun ia bukan bahasa kebangsaan. Dasar kerajaan melalui sistem pendidikan telah menggalakkan peningkatan ini.

## 2) Keselesaan (*comfortability*)

Adat istiadat, atau status sosial yang terdapat dalam sesebuah etnik atau bangsa boleh membuat jarak sosial apabila mereka berbual. Jarak sosial ini melahirkan perkataan-perkataan yang bersifat *honorific* atau penghargaan bagi kelas sosial yang

tinggi. Bagi orang Indonesia, misalnya ada perkataan, tuan, bapak, ibu, raden, ajeng, yang mulia (tinggi); Saudara, Anda (netral); Kau, Kamu (rendah). Dalam praktik pemakaian kata-kata ini oleh kalangan atasan kepada kalangan bawahan boleh terjadi ketidakselesaan malahan boleh dianggap sebagai ejekan. Oleh itu, dipakai perkataan yang selesa dari bahasa-bahasa lain, seperti kata-kata *You, ente*, dan sebagainya.

Asmah Omar (1992) dalam kajian yang dilakukan terhadap tipologi status dan peranan bahasa Inggeris di Malaysia mengatakan bahawa pemilihan bahasa juga didorong oleh faktor keselesaan. Alasan pemilihan bahasa Inggeris oleh warga Malaysia dalam menjalankan urusan kepegawaian di dalam kerajaan kepada sesama teman sejawat kerana bahasa Inggeris kurang mempunyai halangan sociolinguistik berbanding dengan bahasa Malaysia yang banyak halangan sociolinguistik terutama dalam kata panggilan.

Hal yang sama berlaku di Indonesia. Dalam pertemuan informal, seorang pejabat tinggi sering menyapa pejabat di bawahnya dengan kata sapaan *You, sampean* daripada kata sapaan *Engkau, Kau, Bapak, atau Saudara* yang dirasa kurang selesa.

### 3) Taraf Ekonomi

Kedudukan ekonomi juga mempengaruhi pemilihan bahasa. Tan (1993) telah membuat kajian tentang pemilihan bahasa untuk menentukan, adakah kedudukan ekonomi, dan tempat mempengaruhi pemilihan bahasa pembantu kedai apabila berinteraksi dengan pelanggan. Tan telah membuktikan kebenaran ini melalui pengamatan yang ia lakukan kepada pembantu kedai di dua kawasan yang berbeza. Kawasan pertama di kedai-kedai mewah yang dikunjungi oleh pelanggan kalangan atasan. Di tempat ini beliau mendapati bahawa di dalam tawar-menawar dengan pembantu kedai, pelanggan menggunakan bahasa Inggeris. Tempat kedua di kedai yang

ada di kawasan perumahan rakyat yang selalu dikunjungi oleh pembeli daripada kalangan menengah dan bawahan. Beliau mendapati bahawa pembantu kedai di kawasan perumahan rakyat tersebut tidak ada yang menggunakan bahasa Inggeris apabila berhubung dengan pelanggan, tetapi menggunakan bahasa Mandarin, Hokkien, Teochew dan Kantonis.

Hasil daripada kajian, beliau mendapati kedudukan ekonomi pelanggan dan tempat memang mempengaruhi pemilihan bahasa.

#### 4) Pendidikan

Pendidikan formal dalam sesebuah negara yang multibahasa sentiasa menggunakan bahasa rasmi negara di negara tersebut sebagai bahasa pengantar persekolahan untuk memberikan pelajaran bagi murid atau pelajar di sekolah-sekolah bermula dari sekolah rendah sampai dengan sekolah tinggi. Buku-buku pelajaran dan media tertulis yang lain pun di tulis dalam bahasa negara bangsa tersebut. Kebiasaan menggunakan bahasa di persekolahan bagi setiap pelajar boleh membuat peralihan bahasa pada jangka panjang di negara tersebut daripada bahasa Ibunda kepada bahasa rasmi.

Hafriza Buranudeen Meedin (1993) yang mengkaji tentang penggunaan bahasa dan sikap orang Melayu Malaysia telah merumuskan bahawa salah satu faktor pemilihan bahasa, iaitu bahasa pengantar persekolahan. Responden yang mendapat pendidikan Inggeris akan cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris, dan responden yang mendapat pendidikan aliran Melayu cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu.

Demikian pula yang didapati oleh Gogonas (2009) atas anak-anak Albania yang dibawa serta ibu bapa berhijrah ke Greece ketika masih berumur kurang dari enam tahun. Setelah menjadi anak remaja dan mendapat pendidikan formal di sekolah

Yunani, Gogonas mendapati bahawa anak-anak remaja tersebut sudah beralih bahasa ke bahasa Yunani. Apabila berhubung dengan saudara kandung dan sahabat-sahabat mereka sesama Albania, mereka tidak lagi menggunakan bahasa Albania, melainkan menggunakan bahasa Yunani.

Semua faktor di atas menyebabkan komuniti akan melakukan pemilihan bahasa dan pemilihan bahasa itu pada jangka yang lama akan mengakibatkan berlakunya peralihan sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain. Peralihan penggunaan bahasa kepada bahasa yang lain boleh menyebabkan kepupusan kepada bahasa yang tidak digunakan tersebut. Proses ini seterusnya akan mengakibatkan berlakunya keadaan ekabahasa dalam komuniti yang sebelumnya bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa.

### **3.2.3 Pengekalan Bahasa**

Pengekalan bahasa ialah keadaan di mana sesuatu komuniti sama ada dwibahasa mahupun ekabahasa menggunakan bahasa milik mereka secara berterusan dan menurunkan pemakaian bahasa tersebut kepada keturunan atau anak cucu mereka (Fasold, 1984).

Komuniti dwibahasa atau pelbagai bahasa yang terus-menerus memakai setiap bahasa dalam setiap domain yang diperuntukkan khas bagi bahasa-bahasa tersebut menandakan bahawa komuniti tersebut sentiasa mengekalkan kedua-dua atau semua bahasa milik mereka. Sama ada komuniti monolingual apabila tidak menghendaki pemakaian bahasa yang lain dalam kehidupan mereka, jelaslah sikap itu mempertahankan atau mengekalkan bahasa milik mereka dan sentiasa diwariskan kepada generasi-generasi penerus mereka yang masih muda.

Hal senada dikatakan oleh Ostler (2011):

*A language is maintained if speakers effectively pass it on to the next generation. This transmission may fail because speakers do not use it sufficiently in the learners' presence; or because the learners themselves, for some reason, do not choose to make use of it, but get heir language from some other source (p. 315-334).*

### **3.2.4 Peralihan Bahasa**

Peralihan bahasa merupakan akibat daripada pemilihan bahasa. Fasold (1984) mengatakan:

*Language shift simply means that a community gives up a language completely in favor of another one. The members of the community, when the shift has taken place, have collectively chosen a new language where an old one used to be used.(p.213-214).*

Peralihan bahasa terjadi apabila satu dari dua atau lebih bahasa atau kelainan bahasa memasuki domain-domain yang sebelumnya bukan domain untuk pemakaian bahasa atau kelainan bahasa tersebut. Kenyataan ini sesuai dengan pendapat Fishman (1991) dalam penjelasan beliau mengenai diglosia menyatakan kemungkinan dalam masa tertentu akan ada bahasa yang beralih di dalam suatu komuniti dwibahasa atau pelbagai bahasa. Bilamana peralihan bahasa sudah wujud dalam suatu komuniti, maknanya mereka secara bersama-sama memilih satu bahasa dan meninggalkan satu bahasa lain yang dahulu pernah digunakan.

Pendapat yang sama dikatakan pula oleh Ostler (2011).

*Language shift is in some sense the complement of language maintenance: it is what happens when a language is not maintained. A community who had spoken language A come to speak language B. (p. 315-334).*

Peralihan bahasa yang biasa dibincangkan di dalam sosiolinguistik ada tiga macam: alih bahasa, campur bahasa, dan alih kelainan dalam bahasa yang sama (Fasold, 1984, p.181).

### 1) Beralih Bahasa (Alih Kod)

Penguasaan atas beberapa bahasa oleh seseorang di dalam sebuah komuniti memungkinkan orang seperti itu secara lebih leluasa memilih salah satu bahasa untuk digunakan sesuai dengan situasi berbahasa. Misalnya, dalam perjalanan menuju kampus, dua orang mahasiswa etnik Batak Toba membincangkan masalah kenaikan harga yuran pelajar dalam bahasa Batak Toba. Beberapa saat kemudian, mereka bertemu dengan rakan sesama pelajar Indonesia etnik Jawa dan menyapa mereka dalam bahasa Indonesia. Selanjutnya, komunikasi di antara mereka berlangsung dalam bahasa Indonesia. Dalam hal ini, kedua-dua mahasiswa Batak Toba beralih bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia. Dan apabila rakan mereka daripada etnik Jawa berlalu, mereka kembali lagi bertukar bahasa menggunakan bahasa Batak Toba (Nababan, 1993).

### 2) Pencampuran Bahasa (Campur Kod)

Pencampuran bahasa dapat berlaku apabila seorang penutur bahasa tertentu meminjam kata-kata atau kelompok kata untuk digunakan dalam ayat-ayat yang sedang diucapkannya. Misalnya, seorang penutur Batak Toba sedang berbincang dengan rakan-rakannya sesama Batak Toba dalam sebuah majlis. Mereka menggunakan bahasa Batak Toba dengan ayat-ayat yang mengandungi kata-kata atau kelompok kata dari bahasa Indonesia. Peminjaman (pengambilan) kata atau kelompok kata itu boleh terjadi kerana kosa kata tersebut belum dimiliki bahasa Batak Toba, tetapi boleh juga kerana interferensi, iaitu masuknya unsur-unsur bahasa lain ke dalam pemakaian sesuatu bahasa bukan kerana diperlukan, melainkan kerana demi menunjukkan prestij (pendidikan, posisi atau jawatan) orang yang menggunakan unsur-unsur pinjaman tersebut (Nababan: 1993).



### 3) Beralih Kelainan Bahasa

Di dalam tulisan ilmiah, penulis cenderung memakai kelainan (variasi) bahasa baku (standard). Sedangkan pada suasana santai dan akrab pemakai bahasa biasanya memilih varian bahasa tak baku (kolokial), mulai daripada langgam, pembentukan kata, pembentukan ayat (Moeliono, 1988). Ke dalam variasi ini dapat pula dimasukkan bahasa-bahasa yang memiliki tingkat-tingkat sosial pemakainya. Seperti bahasa *Ngoko-Krama* (Sumarsono, 2002) dalam bahasa Jawa, atau *Raksa ni Hadatuon* dan *Raksa ni Andung* dalam bahasa Batak Toba (Hariara, 1968).

Daripada ketiga-tiga macam peralihan bahasa itu, yang paling besar pengaruhnya dalam kepupusan bahasa ialah macam yang pertama. Kebiasaan menggunakan bahasa seperti itu adalah sesuatu gambaran yang sangat membolehkan bahasa sehingga pupus.

#### 3.2.5 Kepupusan Bahasa

Peralihan bahasa membolehkan kepupusan bahasa, di mana terjadi pengurangan pemakaian sesuatu bahasa secara bertahap untuk seterusnya tiada lagi yang menggunakannya (Crystal, 2000). Dalam kes peralihan bahasa ibunda, komuniti penutur tersebut berhenti menuturkan bahasa ibunda di dalam kelompok mereka, utamanya tidak menuturkan bahasa tersebut kepada anak-anak mereka, tetapi menggunakan bahasa lain yang lebih dominan sebagai gantinya. Bahasa yang lebih dominan tersebut memiliki prestij sosial yang tinggi kerana dituturkan masyarakat daripada kelas atasan, orang-orang yang berpendidikan, atau mereka yang memiliki kekuasaan. Selain daripada itu, dalam beberapa kes, kepupusan bahasa boleh terjadi kerana disokong oleh polisi sesuatu negara atau kerajaan melalui hukum negara sehingga membuat penutur beralih menggunakan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan yang ditetapkan negara tersebut.

Contoh polisi seperti itu dilakukan oleh pemerintah Amerika Syarikat terhadap bahasa-bahasa asli Amerika dan pemerintah Soviet terhadap bahasa daerah kaum minoriti (berpenduduk sedikit) di daerah seperti Siberia. Polisi itu mempromosikan penggunaan bahasa majoriti, iaitu bahasa Inggris atau bahasa Rusia membuat bahasa penutur asli tidak aman dan akhirnya pupus (Grenoble, 2011 di dalam Austin & Julia Sallabank, (Ed. 2011). Apabila tidak ada lagi penutur sesebuah bahasa, atau bahasa tanpa penutur maka bahasa tersebut dinyatakan telah pupus atau mati.

Crystal (2000) dalam membincangkan kepupusan bahasa dalam bukunya *Language Death*, menunjukkan klasifikasi untuk membezakan antara bahasa yang ‘aman’ dan ‘tidak aman’ dalam sistem lima taraf: (1) *Viable language* ‘Bahasa yang layak’: jumlah penutur besar, dan berkembang; (2) *Viable but small language* ‘Layak, akan tetapi bahasa dalam ukuran kecil’, penutur tinggal di kawasan terpencil; (3) *Endangered Languages* ‘Bahasa yang terancam pupus’: jumlah penutur yang menguasai bahasa semakin berkurang; (4) *Nearly Extinct languages* ‘Bahasa yang hampir pupus’: penutur terakhir sudah lanjut usia; (5) *Extinct language* ‘Bahasa pupus’: penutur terakhir yang faham bahasa tersebut sudah meninggal.

Hal yang sama dilakukan oleh Wurm (1998) di dalam Crystal (2000). Beliau melihat kepupusan bahasa bukan hanya berasaskan jumlah penutur dan keadaan di mana bahasa itu berada, juga melihat pula bagaimana bahasa itu hidup di tengah-tengah masyarakat multibahasa dan bagaimana bahasa itu diperlakukan oleh masyarakat pemiliknya. Beliau pun mengklasifikasikan lima taraf atau keadaan bahasa sehingga kepupusan bahasa seperti berikut ini: (1) *Potentially endangered languages* ‘Bahasa berpotensi terancam’: secara sosial dan ekonomi tidak menguntungkan, di bawah tekanan kuat dari sebuah bahasa yang lebih besar, dan mulai hilang dari penuturan anak-anak; (2) *Endangered language* ‘bahasa yang terancam pupus’: memiliki sedikit atau tidak ada anak-anak yang sedang belajar bahasa tersebut; (3) *Seriously endangered*

*languages* ‘Bahasa serius terancam pupus’: memiliki penutur termuda yang fasih berumur 50 tahun atau lebih; (4) *Moribund languages* ‘Bahasa yang hampir pupus’: memiliki hanya sedikit penutur yang fasih yang masih hidup; dan (5) *Extinct languages*: ‘Bahasa pupus’ tiada lagi penutur.

Perbezaan skala atau taraf dalam mengevaluasi kepupusan bahasa dirumuskan kembali oleh Grenoble dan Whaley (2006: 18) di dalam Austin & Julia Sallabank, (Ed.). 2011), yang mencadangkan pembezaan enam jenis dan taraf peralihan bahasa, dengan alasan bahwa setidaknya taraf ini diperlukan untuk memberi makna berbagai-bagai tahap yang membahayakan bahasa:

(1) *Safe* ‘Aman’: semua generasi menggunakan bahasa dalam semua atau hampir semua domain, dan bahasa memiliki penutur utama relatif besar berbanding penutur bahasa lain di kawasan yang sama. Sebuah bahasa yang aman biasanya memiliki status rasmi, dan biasanya berfungsi sebagai bahasa pemerintahan, pendidikan, dan perdagangan. Bahasa aman umumnya mengandungi prestij yang tinggi;

(2) *At Risk* ‘Berisiko’: tidak ada pola pengamatan mengenai penyusutan penutur utama, bahasa tidak memiliki beberapa sifat bahasa yang aman: bahasa itu hanya digunakan dalam domain terhad atau memiliki sejumlah kecil penutur dari bahasa lain di kawasan yang sama. sikap bahasa dapat menjadi kunci pada tahap ini: sikap positif terhadap bahasa boleh memperkuat vitaliti, sementara sikap negatif dapat berkontribusi bergeser.

(3) *Disappearing* ‘Menghilang’: bahasa menghilang bila tampak ada peralihan terhadap bahasa lain di masyarakat tempat bahasa ini dituturkan, pewarisan antara generasi berkurang, jumlah penutur utama menyusut. Bahasa menghilang adalah disebabkan pemakaian yang sangat terhad dalam set domain, dan bahasa komunikasi yang lebih luas mulai menggantikan dalam taraf dan peratusan yang lebih besar di rumah.

(4) *Moribund* ‘Kritikal, atau sekarat’: bahasa tidak lagi menular kepada anak-anak, penutur utama terus menyusut.

(5) *Nearly extinct* ‘Hampir pupus’: hanya segelintir penutur generasi tertua yang tersisa.

(6) *Extinct* ‘Pupus’: tidak ada penutur yang tersisa.

Dari berbagai-bagai penyelidikan yang fokus kepada peralihan bahasa dan kepupusan bahasa, Grenoble & Whaley (2006) menyimpulkan bahawa ada empat kategori utama yang mengancam kepupusan bahasa: (1) bencana alam, kelaparan, dan penyakit; (2) perang dan genosida; (3) tekanan pihak berkuasa atas kepentingan am; dan (4) dominasi budaya, politik, dan ekonomi.


Kategori keempat, yang berlaku paling umum, dapat dibagi lagi menjadi lima faktor umum: (1) ekonomi: misalnya, kemiskinan pedesaan mengarah ke penghijrahan ke bandar. Sebaliknya, apabila ekonomi tempatan membaik, pelancongan boleh membawa penutur kepada bahasa majoriti; (2) dominasi budaya oleh masyarakat majoriti, misalnya, pendidikan dan sastera melalui bahasa majoriti atau bahasa negara saja; (3) Politik: misalnya, polisi pendidikan yang mengabaikan atau mengecualikan bahasa daerah, kurangnya pengakuan atau perwakilan politik, larangan penggunaan bahasa minoriti dalam kehidupan masyarakat; (4) Sejarah: misalnya, penjajahan, sengketa sempadan, munculnya satu kelompok dan berbagai-bagai bahasa mereka untuk dominasi politik dan budaya; (5) Attitudinal/Penyikapan: misalnya, sikap bahasa minoriti menjadi terkait dengan kemiskinan, buta huruf dan kesulitan, sementara bahasa yang dominan terkait dengan kemajuan.

Selanjutnya, disampaikan pula oleh Grenoble & Whaley (2006) yang dipetik dari ahli *ad hoc* bahasa yang terancam pupupus yang ditetapkan oleh UNESCO tahun 2003, yang menetapkan sembilan inti set kriteria yang akan digunakan dalam menentukan

vitaliti atau kekuatan sesuatu bahasa: (1) transmisi antara generasi; (2) jumlah mutlak penutur; (3) kesesuaian perbandingan penutur dalam total populasi; (4) berlaku atau cenderung ada di domain-domain bahasa; (5) merespon domain baru dan media; (6) menjadi bahan untuk pendidikan bahasa dan keaksaraan; (7) sikap pemerintah dan kelembagaan dan polisi, termasuk status resmi dan penggunaan; (8) sikap anggota masyarakat terhadap bahasa mereka sendiri; dan (9) jumlah dan kualitas dokumentasi.

### 3.3 Kerangka Teori Pengekalan dan Peralihan Bahasa

Pemakaian dua atau lebih bahasa atau kelainan bahasa yang membolehkan pengekalan dan peralihan terhadap salah satu bahasa dalam sesebuah komuniti dalam sesebuah kawasan sudah sering-sering dibincangkan oleh para pemerhati sociolinguistik. Hasil kajian mereka kemudian melahirkan hujah-hujah (pendapat) yang cuba memformulasikan keadaan yang sebenar tentang hal-ehwal pemakaian bahasa oleh sesebuah komuniti. Pendapat-pendapat para pakar tersebut kemudian dikenal sebagai teori atau aancang-aancang untuk memasuki lapangan kajian sociolinguistik, khasnya pemilihan bahasa.



Rajah 3.2: Beberapa Pendekatan dan Teori

Sebelum memasuki lapangan kajian pemilihan bahasa, para penyelidik terlebih dahulu melakukan pendekatan. Ada yang menggunakan pendekatan sosiologi, ada yang menggunakan pendekatan psikologi dan ada pula yang memasuki lapangan kajian melalui pendekatan antropologi dan menerapkan teori-teori sesuai dengan pendekatan-pendekatan tersebut.

### 1) Pendekatan Sosiologi

Penyelidikan pemilihan bahasa ada yang dilakukan dengan memanfaatkan pendekatan sosiologi. Para pakar sosiologi mendekati masalah pemilihan bahasa dengan mencari struktur sosial pada sesebuah komuniti pada sebuah kawasan penyelidikan. Struktur sosial boleh dikenali berasaskan susur galur generasi, boleh pula memandangkan tempat asal komuniti, atau memandangkan perubahan sosial yang terjadi dari semasa ke semasa (Nambiar di dalam David (Ed. 2002)). Pengkaji melakukan survey terhadap sampel dari populasi yang berkaitan dengan struktur sosial itu, dan melakukan analisis statistik terhadap data yang diperoleh. Misalnya, analisis domain perlakuan bahasa bagi sesebuah komuniti bahasa untuk mendapatkan status yang disandang oleh sesebuah bahasa. Apakah bahasa tersebut masih vital atau sudah terancam pupus, atau sudah hampir pupus?

Berbagai-bagai kajian pengekalan dan peralihan bahasa di berbagai-bagai kawasan di dunia ini telah menggunakan analisis domain perlakuan bahasa. Domain merupakan hubungan antara peserta (penutur dan interlokutor), tempat dan topik (Fasold, 1984, p. 183). Di dalam setiap domain terdapat peranan perhubungan (*role-relation*), iaitu hubungan antara penutur dan interlokutor. Misalnya, dalam domain pendidikan terdapat peranan perhubungan antara guru dengan murid-murid, guru dengan sesama guru, murid dengan sesama murid ketika membincangkan pelajaran di dalam darjah sekolah.

Dalam analisis domain perlakuan bahasa (seperti diperkenalkan oleh Fishman (1964)) dikatakan, suatu bahasa dipilih oleh penutur untuk digunakan dalam sesuatu domain dan dalam domain yang lain bahasa atau kelainan bahasa yang lain pula yang digunakan. Domain apa sahaja yang terdapat di dalam suatu komuniti, itu bergantung kepada keadaan komuniti dan persekitaran di antara mereka (David, 1996).

Di bawah ini dikemukakan secara ringkas beberapa contoh penyelidikan tentang pemilihan bahasa berasaskan analisis domain perlakuan bahasa.

Melalui pendekatan sosiologi dalam melakukan kajian pemilihan bahasa, Greenfield (1972) memakai analisis domain mengkaji pemilihan bahasa di kalangan komuniti Sepanyol-Puerto Rican yang dwibahasawan Sepanyol dan Inggeris. Beliau memperhatikan tiga komponen, iaitu orang (peserta), tempat, dan topik. Ia mengajukan soal selidik kepada responden untuk menjawab beberapa soalan. Greenfield mengajukan dua faktor yang berhubungan, lalu responden diminta menjawab faktor ketiga, dan juga menyebutkan bahasa apa yang dipakai dalam keadaan yang disokong oleh ketiga-tiga faktor atau komponen itu. Misalnya, kepada responden diberi pernyataan tentang seorang ayah bercakap mengenai urusan keluarga. Kemudian responden ditanya (disuruh memilih), “tempat mana yang paling cocok untuk membicarakan hal itu: rumah, pantai, tempat ibadah, sekolah, tempat kerja”. Setelah itu responden diminta pula untuk menentukan bahasa apa yang dipakai dalam suasana tersebut. Caranya ialah dengan memakai skala 1-5. Angka 1 untuk bahasa Sepanyol sepenuhnya, angka 2 maknanya, lebih kerap bahasa Sepanyol yang dipakai daripada bahasa Inggeris, angka 3 untuk menyatakan pemakaian yang sama kerap antara bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris, angka 4 bererti lebih kerap bahasa Inggeris, dan angka 5 bererti pemakaian bahasa Inggeris sepenuhnya. Kesimpulannya, angka purata di bawah 3, ertinya bahasa yang dipakai lebih kerap Sepanyol; sebaliknya, jika angka purata di atas 3, ertinya bahasa yang dipakai cenderung bahasa Inggeris.

Dalam kajian itu Greenfield menentukan lima domain, iaitu domain keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Dari kelima-lima domain itu ditemukan bahawa bahasa Sepanyol dominan digunakan dalam domain yang bersifat intim, iaitu domain keluarga dan persahabatan, sedangkan bahasa Inggeris pula dominan digunakan apabila terlibat dalam perbezaan status, seperti di dalam domain agama, pendidikan dan pekerjaan. Kesimpulannya ialah bahawa Komuniti Puerto Rican di Bandar New York, Amerika cenderung menunjukkan ciri diglosia, yang menempatkan bahasa Sepanyol sebagai bahasa rendah atau *low* (L) dan bahasa Inggeris sebagai bahasa tinggi atau *high* (H).

Pengkaji lain yang menggunakan pendekatan sosiologi ialah Parasher (1980). Beliau melakukan pengkajian terhadap orang-orang terpelajar di dua bandar di India. Sama seperti yang dilakukan oleh Greenfield, Parasher memakai soal selidik yang diarahkan kepada pengakuan diri (*self-report*) pada subjek kajiannya. Responden diminta untuk menentukan bahasa apa yang dipakai dalam tujuh domain, iaitu domain keluarga, persahabatan, kejuruan, jual beli, pendidikan, pemerintahan, dan pekerjaan. Tidak seperti Greenfield yang memandang domain dari tiga komponen (orang, tempat, dan topik), Parasher menggambarkan domain dalam bentuk sekumpulan situasi. Misalnya, domain persahabatan digambarkan atas lima situasi.

- 1) Bercakap dengan teman dan kenalan,
- 2) Bercakap dengan orang-orang di kelab dan tempat pertemuan am.
- 3) Memperkenalkan teman kepada orang lain,
- 4) Membicarakan masalah peribadi dengan teman, dan
- 5) Berdebat dengan teman sejawat dalam diskusi.

Responden diminta untuk menyatakan bahasa atau macam bahasa apa yang dipakai dalam berbagai-bagai situasi di atas. (1) bahasa Inggeris, (2) bahasa ibunda, (3) bahasa



regional, (4) bahasa Hindi, (5) bahasa lainnya. Untuk setiap bahasa, responden diminta menentukan salah satu daripada titik skala lima dengan nilai, iaitu selalu = 40, biasanya = 30, sering = 20, kadang-kadang = 10, atau tak pernah = 0. Dengan cara ini Parasher dapat menghitung jumlah skor untuk tiap bahasa dan tiap domain.

Dari penyelidikan itu Parasher mendapati tujuh domain: domain keluarga, persahabatan, dan kejiwaan merupakan domain rendah atau *low* (L); sedangkan domain pemerintahan, pekerjaan, dan pendidikan merupakan domain tinggi atau *high* (H). Mengenai domain jual beli, boleh ke L atau ke H, bergantung pada tempat transaksi, seperti di pasar biasa L atau super market H.

Seperti penyelidikan Greenfield (1972) dan Parasher (1980) kaedah analisis domain pula telah digunakan oleh Nor Hisham Osman (1994) di Malaysia. Beliau mengkaji pemilihan bahasa di satu kawasan penempatan tanah rancangan FELCRA di Ulu Dedap, seberang Perak. Dalam kajian ini, beliau telah membentuk tujuh domain penggunaan bahasa, iaitu domain-domain kekeluargaan, kejiwaan dan persahabatan, pemerintahan, pekerjaan persendirian, jual beli, keagamaan dan yang terakhir ialah domain pendidikan.

**Jadual 3.1:** Mandala penggunaan bahasa di kawasan perumahan Ulu Dedap  
(Nor Hisham Osman, 1994)

<i>Mandala</i>	<i>Peserta</i>	<i>Tempat</i>
<i>Kekeluargaan</i>	<i>Ahli keluarga</i>	<i>Rumah</i>
<i>Kejiwaan dan Persahabatan</i>	<i>Jiran dan rakan yang rapat</i>	<i>Rumah dan tempat berkumpul lain</i>
<i>Pemerintahan</i>	<i>Kakitangan kerajaan</i>	<i>Pejabat agensi kerajaan</i>
<i>Pekerjaan persendirian</i>	<i>Buruh, ahli keluarga dan rakan</i>	<i>Sawah</i>
<i>Jual beli</i>	<i>Pekedai dan peraih</i>	<i>Kedai dan pekan sehari</i>
<i>Keagamaan</i>	<i>Ahli Agama</i>	<i>Masjid, surau dan rumah</i>
<i>Pendidikan</i>	<i>Guru</i>	<i>Sekolah</i>

Hasil kajian ini mendapati penduduk di kawasan kajian menggunakan bahasa ibunda dalam semua domain rendah (domain kekeluargaan, kejiwaan dan persahabatan,

pekerjaan persendirian, dan domain jual beli), sedangkan bahasa atau dialek negeri pula digunakan dalam semua domain, sama ada tinggi atau rendah. Bahasa Melayu standard pula hanya digunakan dalam domain tinggi sahaja (domain pemerintahan, keagamaan dan pendidikan) dan dalam semua bentuk tulisan. Penggunaan bahasa di dalam komuniti ini juga didapati bersifat diglosik (Nor Hisham Osman 1994, p. 140).

## 2) Pendekatan Psikologi

Selain melakukan pendekatan melalui sosiologi, pengkajian pemilihan bahasa dilakukan pula melalui pendekatan psikologi sosial. Para pakar psikologi sosial lebih tertarik kepada proses psikologi pada orang. Mereka juga sering melakukan survey, memakai sampel dan statistik. Melalui metode penelitian yang mereka jalankan terhadap responden yang merupakan perwakilan sebuah komuniti tujuannya bukan untuk mengetahui struktur sosial komuniti yang bersangkutan, melainkan untuk mengetahui motivasi individual dalam melakukan sesuatu, termasuk dalam melakukan pemilihan bahasa.

Hal inilah yang dikaji oleh Herman (1968) yang disebut dengan situasi yang bertindan (*overlapping situations*). Herman melihat, seseorang yang menguasai dua bahasa atau lebih menghadapi tiga situasi psikologi ketika berbicara dengan orang lain, iaitu (1) keperluan peribadi, (2) situasi saat pembicaraan berlangsung (*immediate situation*), dan (3) situasi yang melatarbelakangi pembicaraan (*background situation*). Situasi (1) menyangkut urusan peribadi, situasi (2), dan (3) berkaitan dengan kelompok sosial, sama ada yang kelihatan mahupun yang tidak kelihatan. Ketiga-tiga situasi itu boleh bertindan (tumpang tindih) pada saat terjadi interaksi.

Sebagai peribadi yang mengetahui dua bahasa, tentu seseorang dalam bercakap dengan orang lain lebih memilih bahasa yang biasa digunakannya (bahasa 1) daripada

bahasa yang dipakai oleh lawannya bercakap (bahasa 2). Kadang-kadang situasi sangat mengharapkan ia untuk bercakap dalam bahasa yang dipakai pendengar (interlokutor) sehingga ia pun memilih bahasa 2 atau bahasa lain lagi di dalam percakapannya kerana menyangkut kepentingan kelompok. Pada situasi yang lain Herman melihat pemilihan bahasa boleh terjadi bukan oleh keinginan diri sendiri atau pendengar melainkan oleh pihak-pihak lain yang tidak tampak secara langsung, tetapi secara tidak langsung terlibat dalam pertuturan itu.

Untuk menjelaskan situasi yang bertindan ini Herman mencontohkan pemakaian bahasa oleh seorang warga Israel di Amerika. Sebagai peribadi, orang tersebut ingin memakai bahasa ibunda di rumah (urusan peribadi), tetapi memakai bahasa Hibrani (bahasa nasional Israel) di dalam sebuah bas umum dengan kawan Israel (latar umum). Ia terpaksa memakai bahasa itu demi menghargai teman dan kebangsaan mereka (latar umum dan di depan umum) dan ia pun ingin menunjukkan bahawa dirinya sebagai kelompok sosial yang tidak hadir di tempat itu (*background situation*). Jika orang Israel ini bekerja di pabrik bersama buruh-buruh dari berbagai-bagai bangsa, situasi boleh menjadi lain. penutur akan memakai bahasa apa sahaja, atau kelainan apa sahaja kepada rekan sekerja tanpa takut adanya celaan dari pihak lain yang membayang-bayangi interaksi itu (*immediate situation*).

Gagasan pokok Herman adalah dalam pemilihan bahasa seseorang mempunyai potensi konflik psikologi, iaitu antara (1) memilih bahasa yang paling selesa bagi dirinya, yang memungkinkan dirinya menjadi dirinya sendiri, dan (2) memilih bahasa yang mengidentifikasikan atau mengikatnya dengan sesuatu kelompok sosial budaya tertentu dalam masyarakat. Situasi konflik semacam itu boleh terjadi di sebuah negara yang memiliki berbagai-bagai kelompok sosiobudaya.

Herman mengatakan bahawa keadaan yang mendorong salah satu situasi menonjol daripada tiga yang lain ialah kepentingan peribadi, situasi latar belakang kelompok (*background situation*), dan situasi aktual yang langsung ada (*immediate situation*).

1) Keperluan peribadi:

- a) Latar lebih dominan peribadi daripada umum;
- b) Situasi mendorong tidak selesa atau ketegangan yang tinggi;
- c) Situasi lebih dominan menyentuh lapisan pusat keperibadian daripada lapisan pinggir.

2) Situasi latar belakang kelompok (*background situation*):

- a) Aktiviti terjadi lebih kerap dalam latar umum (publik) daripada latar peribadi (personal);
- b) Perilaku dalam situasi itu dapat diinterpretasikan sebagai pemberi kunci pada identifikasi kelompok;
- c) orang yang terlibat dalam aktiviti itu ingin mengidentifikasikan diri dengan kelompok tertentu atau ingin tidak dikaitkan dengan kelompok itu.

3) Situasi aktual yang langsung ada (*immediate situation*):

- a) Penutur tidak memikirkan identifikasi kelompok;
- b) Perilaku penutur merupakan orientasi kerja/tugas;
- c) Pola perilaku yang sudah mapan menandai hubungan antara penutur dan kawan bicara.

Kajian sosiolinguistik lain yang juga memakai pendekatan psikologi sosial dilakukan oleh Howard Giles. Giles (1977) mengembangkan pengertian *accommodation* (akomodasi), sebuah istilah yang biasa dipakai dalam psikologi, ke dalam perilaku linguistik. Akomodasi itu mengambil bentuk konvergensi (selari atau

menuju ke suatu arah), yaitu penutur akan memilih sesuatu bahasa atau kelainan bahasa yang sesuai dengan keperluan atau kemampuan lawan bercakap. Walaupun demikian, dalam keadaan tertentu seorang penutur boleh gagal melakukan konvergensi diri dan justeru melakukan divergensi (mencapah atau mengaburkan atau menyimpang dari arah). Dalam hal seperti ini, seorang penutur tidak menyesuaikan tuturannya dengan kepentingan lawan bicara dan justeru dengan sengaja membuat tuturannya sama sekali tidak serupa dengan tuturan lawan bicara. Hal ini terjadi kalau penutur ingin menekankan kesetiaan kepada kelompoknya.

Selanjutnya, dikemukakan oleh Giles mengenai pilihan berbagai-bagai variasi yang mungkin terjadi jika seseorang penutur berinteraksi dengan orang lain dari luar komuniti atau kelompoknya.

- 1) Perilaku yang paling bersifat konvergensi, yaitu penutur memakai bahasa lawan bercakap dan berusaha keras menampilkan ujaran yang sama betul dengan ujaran penutur asli sebagaimana tuturan interlokutor.
- 2) Perilaku yang kurang konvergensi, yaitu penutur menggunakan bahasa interlokutor tetapi aksennya mungkin lebih berat.
- 3) Penutur memakai bahasa kelompoknya tetapi dengan tempo yang lambat untuk menghormati lawan bercakap yang mungkin kurang memahami bahasa yang ia pakai (melakukan divergensi).
- 4) Perilaku paling divergen, yaitu penutur memakai bahasanya dengan kecepatan normal, dan membiarkan lawan bercakap memahaminya seboleh-bolehnya.

Bilakah strategi konvergensi dan divergensi ini dipakai? Giles dan kawan-kawan cuba menjawab pertanyaan itu atas dasar dua hal, iaitu (1) Apakah si penutur itu seorang anggota kelompok sosiobudaya yang dominan atau bawahan?, (2) Apakah

penutur itu berfikir atau tidak mengenai kemungkinan perubahan sosial, dalam makna memperbaiki posisi atau status kelompok bawahan?

Nor Hisham Osman (1994) mengatakan bahawa perkara utama dalam teori akomodasi: Siapakah yang melakukan penyesuaian?; Apakah penutur atau pendengar?; Apakah kerana status bahasa yang lebih dominan?; Apakah situasi psikologis penutur atas prestij dan tak berprestij dalam menggunakan sesuatu bahasa?; atau Apakah kerana tingkat sosial ekonomi dan politik?. Kedominanan sesuatu bahasa boleh terjadi kerana bilangan penuturnya yang ramai dan kaum yang majoriti di suatu kawasan. Faktor kedua yang membuat bahasa menjadi dominan ialah jika penuturnya orang-orang dari kalangan atas atau kaum yang berprestij walaupun jumlah mereka tidak terlalu ramai. Biasanya golongan yang berstatus lebih rendah menyesuaikan tuturannya kepada kalangan yang berstatus lebih tinggi.

Dumaning (2010) menambahkan bahawa selama bertahun-tahun, teori akomodasi telah mengalami beberapa perkembangan dan telah diperluas terhadap komunikasi keluarga, yang berfokus pada komunikasi antara suami dan istri. Hal itu dikemukakannya dalam kajian beliau terhadap pemilihan bahasa di dalam pasangan perkahwinan antara ras di Malaysia yang bertajuk "*Language choice in interracial marriages: the case of Filipino-Malaysian couples*". Menurut beliau kajian itu sesuai dengan pendapat Harwood, Soliz & Lin di dalam Dumaning (2010) yang mengusulkan bahawa ada strategi yang berbeza yang digunakan dalam komunikasi keluarga, iaitu strategi pendekatan (*approximation strategy*), strategi pentafsiran pemahaman (*interpretability strategy*), strategi manajemen wacana (*discourse management*) dan strategi pengendalian interpersonal (*interpersonal control strategies*).

Strategi akomodasi *approximation* (strategi pendekatan) digambarkan sebagai sebuah akomodasi terhadap penguasaan bahasa interlocutor dan terutama terhadap gaya

bicara interlokutor. Ini mencakup, apakah pembicara dan lawan bicara konvergen (bersatu) atau divergen (mencapah atau menyimpang) dalam komunikasi. Misalnya, ketika suami menggunakan bahasa istrinya, ia menunjukkan pengakuan dan apresiasi terhadap bahasa dan latar budaya istrinya. Tindakan akomodasi suami dapat diartikan sebagai konvergensi. Sebaliknya, istri yang dengan sengaja tidak menggunakan bahasa suami, bermakna memisahkan dirinya dan tak rela membangun solidariti dalam interaksi dengan (melalui) tanda-tanda penolakan (divergensi).

Strategi akomodasi *interpretability* (pentafsiran) meliputi akomodasi kemampuan mempermudah pemahaman mitra, yang mengacu pada kemampuan untuk memahami. Strategi *interpretability* jelas ketika pasangan menyesuaikan bahasanya atau tuturan dengan menyederhanakan konstruksi gramatikal ayat atau dengan menurunkan tingkat kecepatan berbicara.

Strategi *management* percakapan atau wacana (menjaga hubungan dalam berbicara) berfokus pada keperluan percakapan seseorang dan sering dibahas dalam hal pemilihan topik, manajemen wajah (keterbukaan), dan sejenisnya. Strategi ini diterapkan ketika pasangan mendiskusikan tradisi dan budaya masing-masing dan menghindari isu-isu yang sensitif terhadap pasangannya. Tujuan dari interaksi yang penuh kehati-hatian tersebut adalah untuk membentuk keseimbangan di dalam upaya mengontrol strategi akomodasi antara budaya dan antara individu untuk mengarahkan jalannya percakapan tertentu atau hubungan yang lebih umum seperti menginterupsi atau klaim kekuasaan. Strategi ini digunakan untuk menunjukkan kekuasaan dan dominasi pembicara lain seperti yang ditentukan oleh kebudayaan atau masyarakat. Misalnya, dalam masyarakat yang sangat patriarkal, lelaki selalu dianggap lebih unggul. Terlebih lagi, sejauh mana kontrol dapat jelas ketika orang mencoba untuk mengganggu pembicaraan.

Penggunaan teori akomodasi berkomunikasi sebagai kerangka kerja teoretis oleh Dumaning ialah untuk memeriksa pilihan bahasa pasangan Filipina-Malaysia dalam komunikasi verbal dan sebagai penjelasan mengenai bagaimana dan mengapa pasangan memilih bahasa tertentu dalam interaksi mereka.

### 3) Pendekatan Antropologi

Pakar antropologi sangat tertarik untuk menentukan nilai-nilai (*value*) sesuatu kelompok sosiobudaya dan kaedah-kaedah budaya tentang perilaku yang menggambarkan nilai-nilai itu. Pakar antropologi mengkaji persoalan bagaimana seorang penutur (sebagai individu) melibatkan diri dengan struktur masyarakatnya dan menggunakan pilihan bahasa untuk mengungkapkan nilai-nilai budaya. Antropologi menempatkan nilai tertinggi pada perilaku. Hal ini membawa ke arah penyelidikan yang memakai metode pengamatan ikut serta (*participant observation*). Penyelidik ikut serta dalam kehidupan kelompok masyarakat yang diamati. Contoh penyelidikan pemilihan bahasa melalui konsep antropologi di antaranya dikemukakan di bawah ini.

Gal (1979) mengkaji masalah pemilihan dan peralihan bahasa di Oberwart, Austria bahagian Timur, berhampiran dengan sempadan Hungarian. Gal melihat, di Oberwart ramai dwibahasawan dalam bahasa Hungarian dan Jerman. Bahasa Hungarian ialah bahasa yang dipakai di dalam kelompok tradisional yang menjadi salah satu unsur masyarakat, merupakan kelainan rendah (L). Bahasa Jerman ialah bahasa Nasional di Austria dan menjadi bahasa dalam dunia pendidikan dan kelas profesional, merupakan kelainan tinggi (H). Bahasa Hungarian diasosiasikan dengan nilai-nilai petani pedesaan tradisional: kerja keras, penternak, pemilikan tanah sebagai sumber status. Bahasa Jerman melambangkan nilai-nilai yang lebih Austria dan metropolitan.



Pilihan bahasa sebagai konsep seseorang terhadap keanggotaan kelompok sangat jelas tampak pada model sajian yang dipakai Gal, iaitu Jadual Skala Implikasional. Jadual ini mengandungi unsur penutur dengan usia dari yang berusia termuda sehingga yang berusia tertua (dari atas ke bawah) dan interlokutor mulai dari pada sanak keluarga sehingga di luar keluarga, dari kiri ke kanan.

Melalui Skala Implikasional itu nyata bahawa bahasa Hungarian dominan digunakan oleh kaum tua dan pada lingkungan keluarga, sedangkan bahasa Jerman dominan digunakan kaum muda pada lingkungan keluarga dan di luar keluarga.

Sehubungan dengan pendekatan ilmu antropologi dalam kajian sosiolinguistik, Milroy (1980) mengemukakan sebuah teori, iaitu rangkaian Sosial (*Social Networks*). Rangkaian sosial ialah jaringan ikatan yang dimiliki oleh seseorang dalam masa-masa tertentu. Menurut teori ini bahawa struktur rangkaian sosial mempengaruhi perlakuan dan aspek-aspek personaliti seseorang. Sebagai makhluk sosial, manusia hidup secara bersama-sama. Kehidupan bersama ini dihubungkan oleh adanya alat komunikasi, iaitu bahasa. Selain kepada saudara mara terdekatnya, seseorang dalam menjalankan kehidupannya boleh berhubung atau berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang-orang dari luar kerabatnya, seperti sahabat, rekan kerja, kenalan, dan sebagainya. Hubungan yang luas dan intens/kerap dengan berbagai-bagai pihak dapat mempengaruhi jalan kehidupan seseorang, termasuk dalam pemakaian bahasa. Setiap rangkaian sosial yang dimiliki ini menjadi satu unsur yang penting bagi menghuraikan perlakuan dan perbuatan seseorang individu.

Dalam hubungan dengan pengekalan dan peralihan bahasa di dalam suatu komuniti, pendekatan rangkaian sosial dapat menjelaskan interaksi sosial yang berlaku di antara ahli-ahli komuniti dalam menjalankan aktiviti sehari-hari. Daripada interaksi ini boleh

menghuraikan sebab pemilihan dan pemakaian bahasa yang dilakukan oleh seseorang dan pada amnya oleh sesuatu komuniti.


Teori ini pernah dijalankan oleh Roksana Bibi Abdullah (2002) dalam mengkaji aspek pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan tiga generasi masyarakat Melayu di Singapura. Berasaskan teori ini pengkaji itu harus terlebih dahulu mengumpulkan satu senarai ikatan '*exchange*' dan *interactive* bagi setiap individu yang akan dikaji. Kemudian bergantung kepada hala kajian, informasi yang lebih spesifik mengenai ikatan-ikatan ini boleh dicari. Bagi melihat kesan rangkaian sosial terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa, bilangan rakan, dan saudara mara ego akan diselidiki dan dikategorikan berdasarkan bahasa perhubungan yang digunakan ego dengan mereka. Di samping itu, keamatan dan kekerapan hubungan tersebut juga akan diselidiki agar kekuatan pengaruh yang sebenar dari mana-mana rangkaian sosial yang diterima responden dapat dilukiskan.

Kebanyakan kajian rangkaian sosial menggunakan konsep perhubungan (*anchorage*) dan memeriksa ikatan peribadi seseorang/ego. Secara prinsip, jumlah rangkaian sosial tidak mempunyai sebarang had. Ia mengaitkan manusia antara satu sama lain secara menyeluruh bagi sesuatu kelompok masyarakat di pelosok mana pun. Rangkaian-rangkaian sosial yang dimiliki oleh seseorang boleh menjadi faktor penentu dalam penggunaan dan pemilihan bahasa.

Dalam penyelidikan pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan orang Batak Toba di Bandar Pontianak dilakukan melalui pendekatan sosiologi dan psikologi.

### **3.4 Teori yang Dijalankan dalam Pengekalan dan Peralihan Bahasa Batak Toba di Pontianak**

Berasaskan pendekatan sosiologi, kajian pengekaln dan peralihan bahasa terhadap perantau orang Batak Toba di bandar Pontianak dijalankan dengan kaedah Analisis Domain Perlakuan Bahasa dan melalui pendekatan psikologi dijalankan teori Akomodasi Berkomunikasi.



Rajah 3.3: Teori yang Dijalankan

#### 3.4.1 Analisis Domain Perlakuan Bahasa

Domain ialah hubungan antara peserta (penutur dan interlokutor), tempat, dan topik (Fasold, 1984). Di dalam setiap domain terdapat hubungan peranan (*role relation*), iaitu hubungan penutur dan interlokutor. Fasold pula memberi contoh bahawa apabila seorang pembicara berada di rumah, berbicara kepada anggota keluarganya tentang kehidupan seharian, maka pembicara tersebut dapat dikatakan berada pada domain keluarga.

Fishman (1972a) menggambarkan domain sebagai:

*“... a socio-cultural construct abstracted from topics of communication, relationships between communicators, and locales of communication, in accord with the institutions of a society and the spheres of activity of a speech community, in such a way that individual behavior and social patterns can be distinguished from each other and yet related to each other”.* (p.249).

Domain sangat penting dalam pengkajian pengekalan dan peralihan bahasa kerana masyarakat sangat peka terhadap domain di tempat mana interaksi sedang berlangsung. Penggunaan bahasa di dalam domain yang berbeza-beza tergantung kepada kawan bicara, hubungan di antara mereka, topik pembicaraan berserta tempat dan waktu terjadinya interaksi (Fishman, 1972a). Kaedah analisis domain telah menjadi sebuah metode yang menarik untuk mengukur pengekalan dan peralihan bahasa. Memahami bahasa yang digunakan secara *internal* mahupun secara *external* dalam suatu komuniti, penelitian pemakaian bahasa dalam domain yang berbeza boleh membantu menjelaskan pengekalan dan atau peralihan bahasa sesuatu etnik.

Walau bagaimana pun, Loka Sundari (2004) mengingatkan

*“... while domain analysis is an off used method for analysing language use in different areas or domains of language use, researchers have also found that domain analysis can some times be rigid and demarcate an area for language used that may not be so easily identifiable in reality”.*

Oleh itu, data kualitatif berasaskan pengamatan ikut serta atau berpartisipasi diperlukan untuk menyokong kesahihan (keakuratan) data yang diperoleh melalui analisis domain. Di dalam kajian ini pengamatan ikut serta itu difokuskan terhadap aktiviti sehari-hari (di rumah, di kantor, istiadat, ibadah, syarikat marga) komuniti Batak Toba di Bandar Pontianak.

#### 1) Domain Perlakuan Bahasa

Domain perlakuan bahasa sangat penting dikaji untuk mengetahui dinamika sosiobudaya suatu masyarakat di dalam menggunakan bahasa. Dengan demikian dapat diketahui apakah sebuah bahasa dikekalkan atau diganti dengan bahasa yang lain di dalam komuniti dwibahasa. Loka Sundari, (2004) mengatakan lagi *... different domains might be appropriate for different people in different settings and at different times.*

Schmidt-Rohr (1932) di dalam Fishman, (1964) menerapkan domain dalam penyelidikannya dengan menelaah sembilan domain, iaitu (1) domain keluarga (2) domain bermain, (3) domain sekolah, (4) domain ibadah, (5) domain bacaan, (6) domain pemberitaan (7) domain pertahanan, (8) domain pengadilan, dan (9) domain pemerintahan. Para penyelidik berikutnya memilih domain yang sesuai dengan kajian mereka. Parasher (1980) di dalam Fasold (1984) di dalam kajian pemakaian bahasa di kalangan kelompok masyarakat terpelajar di dua bandar di India menggunakan tujuh domain: (1) keluarga, (2) persahabatan, (3) jiran, (4) Jual-beli, (5) pendidikan, (6) pemerintahan, dan (7) pekerjaan. Sementara, Greenfield (di dalam Fasold, 1984) menggunakan lima domain: (1) keluarga, (2) persahabatan, (3) agama, (4) pendidikan dan (5) pekerjaan di dalam pemakaian bahasa Inggeris atau bahasa Sepanyol di dalam komuniti Porto Rico di Bandar New York. Pengkajian David, (1996) atas peralihan bahasa Sindhi di kalangan komuniti minoriti perantau di Malaysia menggunakan tiga domain sahaja, iaitu (1) domain rumah, (2) pekerjaan, dan (3) keagamaan. Menurut David bahawa jumlah domain yang diterokai tergantung kepada keadaan (profil) masyarakat yang dikaji dan luasnya ruang lingkup penyelidikan.

Namun demikian dalam berbagai-bagai penyelidikan terhadap pengekaln dan peralihan bahasa komuniti minoriti perantau di suatu wilayah sudah menjadi semacam ketentuan bahawa satu domain yang harus dikaji ialah domain keluarga. Keluarga merupakan benteng terakhir dalam pengekaln bahasa. Pemakaian bahasa dalam domain-domain tertentu boleh berbeza menurut kebiasaan yang terdapat di dalam suatu masyarakat. Domain agama, misalnya di dalam masyarakat Punjabi Malaysia dominan menggunakan bahasa ibunda. Sementara di dalam domain keluarga masyarakat Punjabi sudah lebih dominan menggunakan bahasa Inggeris (Kundra, 2000 di dalam Loka Sundari, 2004).

## 2) Hubungan peranan

Domain perlakuan bahasa juga dikaji berdasarkan hubungan peranan yang melekat pada interlocutor. Misalnya, dalam domain keluarga perlu dikaji hubungan antara seseorang dalam berbicara kepada bapa, ibu, paman, adik, kakak, dan yang lainnya apakah menggunakan bahasa yang sama atau bahasa yang berbeza. Hal ini telah dibuktikan oleh Gal (1979) bahawa pemilihan bahasa Jerman dan bahasa Hungarian tergantung kepada kawan tutur.

## 3) Generasi

Hal penting di dalam kajian pengekalan dan peralihan bahasa pula ialah generasi pemakai bahasa. Di dalam berbagai-bagai penyelidikan pengekalan dan peralihan bahasa telah dinyatakan bahawa perbezaan umur dan antara generasi di dalam penguasaan bahasa sangat berhubung kait, utamanya menyangkut masyarakat penghijrah. Nambiar di dalam David (ed. 2002) mengatakan:

*“In studying whether language shift has occurred in a particular community, that is, whether a community has given up the use of its native language in favour of another language or whether the community as a whole continues to use the language it has been using traditionally, age distribution numbers is one important indicator”.* (p. 21).

Di dalam berbagai-bagai penyelidikan penentuan generasi tidak selalu sama. Biasanya disusun berdasarkan genealogi (susur-galur), iaitu ibu bapa (generasi pertama), anak (generasi kedua), dan cucu (generasi ketiga). Ada pula yang membuat generasi pertama sebagai generasi penghijrah, generasi kedua, iaitu anak yang lahir di daerah rantau, dan anak daripada yang sudah lahir di daerah rantau sebagai generasi ketiga. Ada pula yang membuatnya berasaskan umur. Tujuh puluh tahun ke atas sebagai generasi pertama, 40-70 tahun, generasi kedua, dan bawah empat puluh tahun sebagai generasi ketiga.

Pada pengkajian pengekaln dan peralihan bahasa di dalam kalangan perantau Batak Toba di Bandar Pontianak penentuan generasi dilakukan sebagai gabungan antara yang kedua dan ketiga, iaitu generasi pertama (G I) ialah pendatang asli di bandar Pontianak (lahir di tanah Batak), lelaki atau perempuan, berusia 65 tahun atau lebih. Generasi kedua (G II) ialah keturunan atau anak daripada G I, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak. Generasi ketiga (G III) ialah keturunan atau anak G II, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak, berusia minimum 12 tahun.

Masalah pengekaln dan peralihan bahasa di kalangan penutur komuniti Batak Toba di Bandar Pontianak ialah pertembungan bahasa pendatang yang minoriti dengan bahasa yang biasa digunakan masyarakat tempatan yang majoriti di Bandar Pontianak selama kedatangannya sekitar 80 tahun yang lalu. Sehingga setakat ini komuniti Batak Toba sudah ada tiga generasi (datuk nenek, ibu bapa, anak-anak). Sama dengan komuniti-komuniti perantau lainnya yang pernah dikaji pemakaian bahasanya di tempatnya yang baru setelah sekian lama mereka berada di tempat yang baru tersebut selalunya memperbandingkan pemakaian bahasa antara generasi tertua dari komuniti tersebut dengan generasi menengah dan generasi termuda. Tujuannya ialah untuk melihat apakah bahasa yang dibawa dari tanah leluhur masih ramai digunakan sehingga oleh generasi termuda. Hasil penyelidikan umumnya menyimpulkan adanya tanda-tanda peralihan bahasa leluhur ke bahasa tempatan. Walaupun demikian ada pula hasil penyelidikan yang melaporkan bahawa komuniti minoriti berhasil mempertahankan bahasa ibunda (Nor Hisham Osman, 1994).

Sebagai komuniti perantau yang sudah bermukim relatif lama dan turun-temurun berada di Bandar Pontianak dan berinteraksi dengan penduduk yang berbeza bahasa dan budaya sudahlah sepatutnya ada usaha untuk mengkaji persoalan ada tanda-tanda pengekaln atau peralihan bahasa di dalam komuniti tersebut. Menurut kajian-kajian terdahulu, untuk mengetahui hal itu, langkah pertama yang dilakukan ialah mencari

maklumat tentang darjah penguasaan bahasa terhadap bahasa yang mereka gunakan. Langkah berikutnya ialah bagaimana mereka memilih bahasa ketika berinteraksi dengan pihak-pihak yang menjadi interlocutor.

Bagi menjawab soalan pertama langkah yang digunakan ialah menjalankan soal selidik untuk menanyakan kebolehan responden memakai bahasa-bahasa di dalam hal berbicara, mendengar, menulis dan membaca. Di antara para penyelidik yang melakukan langkah ini ialah Coluzzi, 2010; Gogonas, 2009; dan Fakuade Gbenga, & Abdullah (2003). Selain daripada itu, soal selidik dapat juga dilengkapi dengan bertemu langsung dengan responden untuk mengadakan pemerhatian dan perbualan.

Sebagai ahli sebuah komuniti seseorang akan tampil dalam berbagai-bagai domain dalam menjalankan aktiviti sehari-hari. Di satu pihak ianya sebagai ibu bapa, datuk nenek, anak, atau cucu di rumah. Di pihak lain dia pula tampil sebagai guru atau pelajar di sekolah atau universiti, atau sebagai imam di tempat ibadah, atau sebagai pemimpin di tempat kerja. Semua itu adalah kerana domain.

Analisis domain perlakuan bahasa sesuai diterapkan dalam pemilihan bahasa oleh penutur komuniti Batak Toba di Bandar Pontianak kerana analisis ini bersesuaian dengan kehidupan sosial yang dijalankan komuniti Batak Toba, iaitu sebagai warga negara Indonesia, utamanya di bandar Pontianak dan sebagai warga suku bangsa atau komuniti etnik yang ada di bandar Pontianak. Kajian ini memeriksa pemakaian bahasa dalam sembilan domain, iaitu domain keluarga, jiran, persahabatan, jual beli, agama, pendidikan, kerja, pemerintahan, dan adat. Analisis domain perlakuan bahasa ini akan menggunakan soal selidik bersesuaian dengan domain yang telah ditentukan. Pemilihan domain yang dipadukan dengan soal selidik dalam kajian ini khas untuk mendeskripsikan perbandingan (kuantitatif) pemilihan atau pemakaian bahasa di kalangan dwibahasa orang Batak Toba di bandar Pontianak dari berbagai-bagai aspek.



### 3.4.2 Teori Akomodasi

Teori akomodasi ialah teori komunikasi yang ditubuhkan oleh Howard Giles. Alasannya ialah “jika orang berinteraksi, mereka menyesuaikan tuturan mereka, lafaz mereka (pola pelafazan), dan gerakan tubuh mereka untuk menyesuaikannya kepada yang lain” (Turner & West, 2010). Hal itu menggali berbagai-bagai alasan mengapa individu-individu meminimumkan perbezaan sosial di antara mereka dan para kawan bicara melalui komunikasi verbal dan non verbal. Teori ini berkaitan dengan hubungan antara “bahasa, konteks, dan identiti”. Teori ini fokus kepada faktor intra grup dan faktor antara personal yang mengarah kepada akomodasi serta cara-cara di mana kekuasaan, konteks makro dan mikro memperhatikan pengaruh perilaku komunikasi.

Ada dua pokok proses akomodasi yang digambarkan teori ini. *Konvergen* (selari), mengacu kepada strategi bahawa individu-individu beradaptasi dengan perilaku komunikasi orang lain untuk mengurangi perbezaan-perbezaan sosial (Gallois, O'Garra dan Giles, 2005). Sementara itu, *divergen* (mencapah) mengacu kepada di mana aksentuasi (penekanan) ucapan seseorang dan aksentuasi nonverbal berbeza antara diri mereka sendiri dan dengan kawan bicara mereka. Kadang-kadang ketika seseorang mencuba terlibat ke dalam konvergensi, mereka dapat juga sangat akomodatif dan meskipun mereka berniat baik, konvergensi mereka dapat dilihat sebagai merendahkan (ejekan).

Teori akomodasi berkomunikasi menekankan ciri-ciri pembeza antara kelompok. Proses pengkhususan antara kelompok, yang diteorikan oleh Tajfel yang mengatakan bahawa ketika anggota-anggota kelompok yang berbeza berada dalam hubungan, mereka membandingkan diri mereka pada berbagai-bagai dimensi yang terpenting bagi mereka, seperti penanda diri, kemampuan, kepemilikan material, dan sebagainya. Di dalam perbandingan-perbandingan antara kelompok sosial, individu-individu berusaha

untuk menemukan jalan dan dengan jalan itu mereka dapat membuat diri mereka sendiri (masing-masing) berbeza positif daripada kelompok luar dalam rangka meningkatkan identiti sosial mereka. Kerana gaya bicara dan bahasa merupakan faktor penting dalam mendefinisikan kelompok sosial, divergen di dalam gaya bicara atau bahasa sering digunakan dalam rangka untuk membina ciri-ciri khas antara kelompok dan membezakan daripada kelompok luar, terutama ketika identiti individual dan keanggotaan kelompok sedang terancam.

#### **3.4.2.1 Konvergensi, Akomodasi yang Berlebihan, dan Divergensi**

Konvergensi mengacu kepada proses di mana sebuah pergantian pola tutur seseorang di dalam interaksi sehingga pola bicara mereka lebih mirip dengan interlokutor. Orang dapat konvergen melalui berbagai-bagai fitur (fasiliti) komunikasi sebagaimana mereka menggunakan bahasa, lafaz mereka, perhentian dan panjangnya ucapan, intensiti vokal (suara), tingkah laku non verbal, dan keintiman pengungkapan diri (Giles & Smith, 1979), tetapi mereka tidak perlu harus *converge* secara spontan pada semua tingkatan ini. Faktanya, orang boleh konvergen pada beberapa tingkatan dan *diverge* melalui orang lain pada saat yang sama. Orang konvergen berdasarkan persepsi mereka tentang orang lain serta apa yang mereka boleh simpulkan tentang mereka dan latar belakang mereka. Daya tarik (kharisma, kredibiliti, integriti), juga pemicu konvergensi. Sebagaimana catatan Turner & West (2010), ketika para pembicara tertarik kepada yang lain mereka akan konvergen dalam pembicaraan mereka. Di sisi lain kesamaan teori daya tarik menyorot, ketika orang mempunyai kesamaan keyakinan, kesamaan keperibadian, dan tingkah laku mereka cenderung lebih menarik kepada yang lain. Kemudian ketika seorang individu mengganti tuturannya dan tingkah laku non verbalnya dalam rangka menyesuaikan (berasimilasi) kepada yang lain itu dapat menghasilkan penilaian yang lebih menguntungkan bagi individu, iaitu ketika

konvergensi dianggap positif, itu kemungkinan untuk meningkatkan, sama ada pertuturan, mahupun daya tarik di antara pendengar dan pembicara. Untuk alasan itu boleh dikatakan bahawa konvergensi mencerminkan keinginan individu untuk persetujuan sosial (*social approval*) dari interlokutornya, dan semakin besar keinginan individu untuk persetujuan sosial, semakin besar kemungkinannya berkonvergensi. Di samping daya tarik, faktor-faktor lain yang mempengaruhi intensitas keinginan bersetuju dan meningkatkan tingkat konvergensi ini termasuklah kemungkinan interaksi masa depan, status sosial yang disapa (*addressee*) dan variabel antara personal untuk keinginan/keperluan persetujuan sosial. Faktor-faktor lain yang menentukan: Apakah dan sejauh manakah individu-individu konvergen di dalam interaksi? Hal itu berpulang kepada sejarah hubungan mereka, kaedah-kaedah sosial (adat-istiadat) dan variabel kekuasaan di antara mereka. Sebab individu-individu cenderung konvergen kepada individu dengan status yang lebih tinggi. Ada kemungkinan bahawa tuturan di dalam sebuah perbincangan akan mencerminkan tuturan individu dengan status yang lebih tinggi. Konvergensi juga meningkatkan efektiviti komunikasi, yang pada gilirannya mengurangkan ketidakpastian, kecemasan antara peribadi, dan meningkatkan saling pengertian. Ini juga faktor lain yang memotivasi orang berkonvergensi.

Akomodasi yang berlebihan pula dijelaskan bahawa meskipun orang biasanya mempunyai niat baik ketika mereka berusaha menggunakan konvergensi dalam perbincangan, sebahagian (beberapa) interlokutor boleh memandang konvergensi sebagai menggurui dan merendahkan dan kerana itu boleh mengurangkan proses komunikasi. Akomodasi yang berlebihan (*overaccommodation*) dapat eksis dalam tiga bentuk: *sensory overaccommodation* (akomodasi penginderaan yang berlebihan), *dependency overaccommodation* (akomodasi ketergantungan yang berlebihan), dan *intergroup overaccommodation* (akomodasi antara kelompok yang berlebihan).

Akomodasi *penginderaan* yang berlebihan adalah kalau seseorang individu berfikir bahawa ia sedang akomodatif kepada linguistik atau tata bahasa seseorang (cacat pisik), tetapi terlalu mengada-ada, sehingga orang lain merasa tingkah lakunya direndahkan. Akomodasi *ketergantungan* yang berlebihan mengacu kepada situasi ketika pembicara menempatkan pendengar ke dalam status yang rendah sehingga pendengar dibuat tampil tergantung kepada pembicara dan dia mengerti bahawa pembicara merupakan pembicara penting dalam perbincangan untuk berkomunikasi dalam status yang lebih tinggi. Yang terakhir, akomodasi *antara kelompok* yang berlebihan meliputi memanipulasi orang berdasarkan ciri-ciri umum dan bukan sebagai individu dan atau keperibadian seseorang. Pengkategorian *stereotype* sosial bahawa orang memegang hasil yang diakibatkan hubungan bentuk kognitif daripada akomodasi yang berlebihan.

Akomodasi yang berlebihan mengambil tempat di semua jenis situasi. Contohnya, bukan tidak biasa (biasanya) untuk juru rawat atau pengasuh berbicara kepada pasien mereka yang berusia lanjut dalam bahasa bayi. Sementara perawat mungkin memiliki niat murni untuk perawatan dan berhubungan dengan mereka, para pasien sebenarnya akhirnya merasakan dinilai dan diremehkan. Dalam kasus semacam itu juga dapat menyebabkan kesulitan dalam beradaptasi kepada sebuah institusi dan lingkungan yang tidak berfungsi.

Bertolak belakang dengan konvergensi, divergensi, iaitu sebuah strategi linguistik di mana anggota masyarakat bahasa melafazkan atau mengujarkan perbezaan-perbezaan linguistik di antara lawan bicara. Dalam bahagian yang besar itu menggambarkan sebuah keinginan untuk menegaskan kekhasan kelompok dalam cara yang positif dan itu biasanya berlangsung ketika seorang individu merasakan interaksi sebagai sebuah proses antara kelompok daripada antara individu. Mengingat bahawa fitur komunikasi sering menjadi pusat dimensi dari apa yang menjadi anggota kelompok, divergensi dapat dianggap sebagai taktik yang amat penting dalam memanipulasikan sebuah nilai

kekhasan daripada yang lain. Hal itu menolong untuk mempertahankan citra seseorang di dalam kelompok dan kerana untuk memperkuat identiti sosial seseorang. Divergensi boleh menjadi cara bagi anggota kelompok yang berbeza untuk mempertahankan identiti budaya mereka, dengan tujuan mempertentangkan anggapan sendiri ketika orang lain dianggap sebagai anggota dari kelompok yang tidak diinginkan, dan cara untuk menunjukkan kekuasaan atau perbezaan status, seperti ketika seorang individu ingin membuat satu sama lain kurang kuat.

#### **3.4.2.2 Komponen Teori Akomodasi Berkomunikasi**

Kajian selanjutnya dilakukan oleh Gallois, Ogay, & Giles (2005) bahawa pada 1995 mereka telah memperluas teori untuk menyertakan 17 proposisi yang mempengaruhi proses konvergensi dan divergensi. Semua dikategorikan ke dalam 4 komponen utama: konteks histori sosial, orientasi akomodatif penutur, situasi langsung dan evaluasi, dan niat masa hadapan. Komponen-komponen itu penting untuk teori akomodasi berkomunikasi dan efek kajian dan hasil perbincangan antara budaya.

*Konteks histori* sosial mengacu pada cara di mana interaksi masa lalu antara kelompok-kelompok di mana komunikator mempengaruhi perilaku komunikasi interlokutor. Itu termasuk hubungan antara kelompok-kelompok yang mempunyai hubungan dan kaedah sosial tentang jaringan (kontak). Hubungan antara kelompok yang berbeza-beza mempengaruhi tingkah laku komunikator. Di antara faktor sosiohistori yang mempengaruhi komunikasi: politik atau hubungan histori (sejarah) di antara nation (bangsa), perbezaan agama atau pandangan ideologi antara yang dimiliki oleh dua kelompok yang ikut serta di dalam perbincangan, antara lain orientasi yang akomodatif.

*Orientasi akomodatif* mengacu kepada kecenderungan para pembicara melihat pertemuan tanpa anggota-anggota kelompok dalam hal antara peribadi, antara

kelompok, atau sebuah kombinasi di antara kedua-duanya. Ada tiga faktor yang sangat penting untuk orientasi akomodatif. (1) faktor keperibadian intra personal (termasuk keperibadian pembicara). (2) faktor antara kelompok (termasuk perasaan komunikator terhadap luar kelompok), dan (3) orientasi permulaan (termasuk antisipasi potensi konflik). Isu-isu yang mempengaruhi faktor terakhir termasuk: konteks budaya kolektif atau apakah budaya itu kolektif atau individualistis; sejarah menyedihkan dari interaksi, ketegangan yang ada di antara kelompok-kelompok kerana interaksi masa lalu; stereotip (meniru-niru); kaedah untuk menjaga kelompok; dan solidariti kelompok yang tinggi, bagaimana kelayakan seseorang di dalam kelompok.

*Situasi langsung* mengacu kepada saat di mana komunikasi yang sebenar terjadi itu berbentuk oleh lima aspek yang saling berhubungan: (1) gabungan psikologi sosial, (2) motivasi dan tujuan pertemuan, (3) strategi sosiolinguistik (konvergensi dan divergensi), (4) sikap atau perilaku dan taktik (topik, aksen), dan (5) pelabelan dan atribut.

*Evaluasi dan perhatian masa hadapan.* Aspek ini berhubungan dengan bagaimana para komunikator memandang perilaku teman berbincang mereka dan dampaknya pada pertemuan mendatang di antara kedua-dua kelompok. Nilai positif perbincangan kemungkinan besar akan menyebabkan komunikasi selanjutnya antara kawan bicara (interlokutor) dan anggota lain dari kelompok mereka masing-masing.

### **3.4.2.3 Teori Akomodasi Berkomunikasi dalam Tindakan**

Giles, Coupland, & Coupland (1991) juga membahas teori akomodasi sebagai bahagian dari peralihan bahasa (*language switching*), ketika individu dwibahasa harus memutuskan bahasa mana yang akan digunakan jika mereka berada pada sebuah lingkungan organisasi dengan individu berdwibahasa pula. Ini boleh menjadi pilihan

yang sangat penting untuk membuat, terutama dalam pengaturan urusan kerana penilaian atau tuduhan yang salah di tempat berbahasa ini tanpa disedari dapat mempromosikan reaksi negatif di antara dua pihak atau lebih yang terlibat. Tambahan, teori akomodasi sangat terkait dengan cara seseorang perantau menerima atau diterima oleh negara atau kawasan tempatan. Sebuah contoh akomodasi yang berlebihan dari seorang individu yang bermigrasi dapat tidak sengaja merosak perasaan orang-orang tempatan, sementara sebuah divergen yang berlebihan dari seorang individu perantau daripada budaya mereka dapat mendorong penduduk asli (tempatan) negara setempat untuk bereaksi negatif terhadap mereka kerana individu-individu perantau berlaku divergen.

Pada kajian pengekaln dan peralihan bahasa di dalam komuniti minoriti Batak Toba di Bandar Pontianak, Indonesia juga menerapkan teori akomodasi ini. Apabila komuniti pendatang (perantau) Batak Toba berhubung dengan komuniti tempatan (eksternal) memilih konvergen, itu maknanya komuniti Batak Toba sudah meninggalkan pemakaian bahasa Batak Toba sebagai bahasa Ibunda mereka. Selain itu pula, pemakaian bahasa di dalam lingkungan sesama komuniti Batak Toba (internal) akan dikaji untuk menentukan berlaku konvergensi atau divergen.

Sebab apabila generasi termuda berlaku divergen kepada generasi tua dan tertua, itu maknanya bahasa tempatan yang berlaku dalam perhubungan, tetapi apabila generasi termuda konvergen kepada generasi tua dan tertua maka yang berlaku tentulah pengekaln bahasa Batak Toba. Hal itu sesuai dengan yang didapat David, M.K., Ibtisam, M.H. Naji & Sheena, K. (2003) dalam kajian mereka terhadap komuniti Sikh Punjabi di Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

### **3.5 Metodologi Kajian**

Pengkajian bidang sociolinguistik untuk mengetahui tanda-tanda pengejalan, dan peralihan bahasa di kalangan komuniti Batak Toba di bandar Pontianak dilakukan melalui penyelidikan lapangan. Penyelidikan lapangan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu penyelidikan yang bersifat kualitatif dan penyelidikan yang bersifat kuantitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah pemerhatian dan kaedah soal selidik.

#### **3.5.1 Kaedah Mengumpul Data**

Untuk memperoleh data penyelidikan mengenai tanda-tanda pengejalan dan peralihan bahasa, faktor-faktor yang menyebabkan peralihan bahasa, dan cadangan mengenai usaha-usaha pengejalan bahasa yang boleh dijalankan berasaskan faktor-faktor yang menyebabkan peralihan bahasa, maka ditentukanlah data dan sumber data, kaedah kajian, dan analisis data. Adalah data kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik untuk mendapatkan latar belakang responden, penguasaan bahasa responden, dan pemilihan bahasa para ahli-ahli Batak Toba di Bandar Pontianak sesuai dengan Analisis Domain Perlakuan Bahasa. Selanjutnya, data kualitatif diperoleh melalui pemerhatian ikut serta dan perakaman sesuai teori Akomodasi.

##### **3.5.1.1 Kaedah Pemerhatian Ikut Serta**

Untuk memperoleh data kualitatif, pemerhatian dilakukan dengan cara menyamar dan tidak berstruktur. Dalam pemerhatian, penyelidik tidak membawa pedoman tentang apa-apa yang akan muncul, melainkan penyelidik mencatat atau merakam pemakaian bahasa secara semula jadi (teori akomodasi pertuturan). Pemerhatian dilaksanakan, misalnya menyemak para informan semasa berada di tempat berkumpul, seperti di rumah, di tempat arisan, di tempat bekerja termasuk sekolah, di



tempat rehat, seperti kedai kopi, taman rekreasi, di tempat pertemuan am, seperti di hospital, di bengkel, tempat beli-belah, tempat ibadah, pula dalam majlis adat, misalnya adat kelahiran, pernikahan, tepung tawar, dan kematian. Semua pertuturan di tempat-tempat tersebut diperhatikan untuk memperjelas data kuantitatif sebagaimana dikemukakan oleh Loka Sundari (2004).

### 3.5.1.2 Kaedah Soal Selidik

Kaedah soal selidik dilakukan terhadap responden untuk menanyakan beberapa hal untuk memperoleh maklumat yang dibahagi atas empat soalan pokok. Soalan itu mengenai data-data *tempat tinggal responden*, meliputi: nama jalan, nama gang, nombor rumah, dan kompleks perumahan. Dari data tempat tinggal tersebut akan diketahui perbandingan responden yang bertempat tinggal di tepi jalan, di tepi gang, dan di kompleks perumahan. Maklumat ini akan menunjukkan gambaran kawasan tempat tinggal komuniti Batak Toba di bandar Pontianak. Bahagian ini disenaraikan di dalam Borang Bahagian A.

Selanjutnya, Borang Bahagian B yang mengandungi *data peribadi* atau latar belakang responden meliputi: nama responden, jenis kelamin, tanggal lahir, tempat lahir. Berasaskan pada tempat lahir dan usia, responden dikelompokkan ke dalam tiga generasi. Generasi pertama (G I) ialah pendatang asli di bandar Pontianak (lahir di tanah Batak), lelaki atau perempuan, berusia 65 tahun atau lebih. Generasi kedua (G II) ialah keturunan atau anak daripada G I, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak. Generasi III (G III) ialah keturunan atau anak daripada G II, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak, berusia minimum 12 tahun. Khusus kepada generasi pertama diminta informasi tarikh kedatangannya ke bandar Pontianak.

Informasi berikutnya mengenai data peribadi responden ialah agama, status perkahwinan, iaitu kahwin suami dan isteri suku Batak Toba, kahwin suami Batak Toba dan isteri non Batak Toba, kahwin suami non Batak Toba dan isteri Batak Toba, dan belum kahwin. Bagi informan yang belum kahwin pula diminta memberi informasi apakah ayah dan ibu daripada suku Batak Toba, ayah suku Batak Toba dan ibu suku non Batak Toba, dan ayah non suku Batak Toba dan ibu suku Batak Toba.

Data berikutnya ialah pekerjaan responden daripada ketiga-tiga generasi, iaitu bekerja persendirian (wira usaha), pegawai pemerintah, pegawai swasta, sudah pensiun (pencen) atau masih pelajar. Daripada pekerjaan yang dijalankan responden diperoleh juga informasi mengenai tempat melaksanakan pekerjaan dan posisi (pangkat) mereka di dalam pekerjaan tersebut. Setiap responden pula diminta memberitahukan taraf pendidikan yang sudah mereka tempuh. Adakah yang tidak bersekolah, pada taraf sekolah rendah (dasar), menengah pertama, menengah atas dan pendidikan tinggi.

Informasi penghuni rumah dan jiran kiri kanan, dan jiran di hadapan rumah turut memberi gambaran tentang keadaan komuniti Batak Toba di persekitaran responden. Hal lain ialah aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh responden. Dalam kajian ini yang pertama diambil ialah aktiviti mengikuti persekutuan (organisasi) sosial kemasyarakatan. Apakah responden aktif ikut organisasi politik (partai), organisasi masyarakat, organisasi keagamaan, dan organisasi profesi. Aktiviti kemasyarakatan berikutnya ialah aktiviti sosial budaya Batak Toba yang dijalankan responden dan aktiviti menjalankan peribadatan (kerohanian). Seluruh informasi mengenai latar belakang responden yang sudah disebutkan di atas disenaraikan di dalam Borang bahagian B.

Borang Bahagian C memuat penguasaan bahasa responden. Hal ini terdiri dari lima bahagian. Pertama, kemampuan berbicara dalam bahasa Indonesia dan bahasa Batak

Toba. Kedua, kemampuan mendengar percakapan secara berhadapan dalam bahasa Indonesia dan dalam bahasa Batak Toba. Ketiga, kemampuan membaca dalam bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba, termasuk membaca aksara Batak Toba. Keempat, kemampuan menulis dalam bahasa Indonesia dan dalam bahasa Batak Toba, termasuk menulis melalui aksara Batak Toba. Kelima, penguasaan bahasa adat Batak Toba. Penguasaan bahasa ini diukur dalam skala lima, yaitu (1) tidak tahu, (2) kurang, (3) sedang, (4) lancar, dan (5) sangat lancar

Pemilihan bahasa responden berdasarkan analisis domain perlakuan bahasa disenaraikan dalam Borang Bahagian D. Pemilihan bahasa ini diambil daripada sembilan domain berbahasa, iaitu domain keluarga dengan 14 subdomain; domain jiran dengan 5 subdomain; domain persahabatan dengan 5 subdomain; domain jual beli (berbelanja) dengan 6 subdomain; domain agama dengan 7 subdomain; domain pendidikan dengan 5 subdomain; domain kerja dengan 5 subdomain; domain pemerintahan dengan 5 subdomain; dan domain adat dengan 9 subdomain. Jawapan diukur dalam skala 5, iaitu (1) berbahasa Indonesia sahaja, (2) lebih kerap bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba, (3) sama kerap bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba, (4) lebih kerap bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia, dan (5) berbahasa Batak Toba sahaja.

Ada tiga bentuk soalan, iaitu soalan terbuka, soalan tertutup, dan soalan separa tertutup. Soalan terbuka, ertinya soalan yang tidak menyediakan alternatif jawapan sehingga responden bebas menuliskan jawapannya sendiri. Soalan tertutup, ertinya soalan yang jawapannya sudah disediakan, sehingga responden hanya tinggal memilih salah satu jawapan dengan membubuhkan tanda di hadapan jawapan yang berkenaan. Soalan bentuk yang ketiga pula ialah soalan yang menyediakan beberapa alternatif jawapan dan juga menyediakan tempat bagi jawapan lain apabila responden tidak bersetuju dengan alternatif jawapan yang sudah diberikan penyelidik.

Bentuk terbuka digunakan untuk seluruhnya soal dalam Borang Bahagian A, sementara itu gabungan beberapa soal berbentuk terbuka, tertutup, dan separa tertutup berlaku untuk Borang Bahagian B. Bagi Borang Bahagian C (penguasaan bahasa responden) dan Borang Bahagian D (pemilihan bahasa responden) berlaku soal berbentuk tertutup dengan lima alternatif jawapan. Responden menandakan tahap penguasaan dan pemilihan bahasa mereka berdasarkan skala yang diberi. Demikianlah bentuk-bentuk soal ada yang dibuat bervariasi bagi borang tertentu dan ada yang satu bentuk sahaja.

Seluruh soal berjumlah 119: dengan perincian Borang Bahagian A, 5 soal, mengenai tempat tinggal responden. Borang Bahagian B, 34 soal mengenai latar belakang responden. Borang Bahagian C, 19 soal mengenai penguasaan bahasa responden. Borang Bahagian D, 61 soal mengenai pemilihan bahasa responden dalam berbagai-bagai-bagai domain berbahasa. Setiap responden menjawab soal-soal yang ada dalam borang secara langsung (borang terlampir).

### **3.5.2 Responden**

Populasi yang menjadi sumber data terhadap penyelidikan ini ialah perantau orang Batak Toba beserta keturunannya yang bertempat tinggal di bandar Pontianak, Kalimantan Barat. Jumlah populasi itu dikirakan 2000 orang (menurut bancian HKBP Resort Pontianak, 2011). Daripada populasi orang Batak Toba yang bertempat tinggal di Bandar Pontianak diambil sampel 10 peratus, iaitu seramai 200 orang dan dari sampel tersebut akan ditentukan masing-masing sepertiga untuk setiap generasi, iaitu dibulatkan masing-masing 67 orang sehingga seluruhnya menjadi 201 orang.

Mengenai sampel ini, Sudjana (1991) mengatakan

*Sampel ditentukan oleh penyelidik berdasarkan pertimbangan masalah, tujuan, hipotesis, metode, dan instrumen penelitian. Berdasarkan pertimbangan tersebut, penyelidik dihadapkan kepada persoalan yang berkenaan dengan teknik penarikan sampel, besarnya sampel, keabsahan sampel untuk menaksir sifat dan karakteristik populasi. Dengan kejelasan persoalan tersebut penyelidik memperoleh sampel yang representatif. (p. 71-76).*

Sampel yang menjadi responden dalam penyelidikan ini terdiri daripada tiga generasi, iaitu:

- 1) Pendatang asli di bandar Pontianak, lelaki atau perempuan, berusia 65 tahun atau lebih, disebut generasi pertama (disingkatkan G I)
- 2) Keturunan daripada generasi pertama, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak, disebut generasi kedua (disingkatkan G II ),
- 3) Keturunan daripada generasi kedua, lelaki atau perempuan, lahir di bandar Pontianak, berusia minimum 12 tahun, disebut Generasi ketiga (disingkatkan G III).

Pengelompokan responden itu bersesuaian dengan “konsep generasi” pemakai bahasa, utamanya komuniti penghijrah di dalam analisis domain perlakuan bahasa. Nambiar, di dalam David. Ed. (2002) mengatakan

*Dalam banyak penyelidikan penentuan generasi tidak selalu sama. Biasanya disusun berdasarkan genealogi (susur-galur), iaitu ayah (generasi pertama), anak (generasi kedua), dan cucu (generasi ketiga). Ada pula yang membuatnya generasi pertama sebagai generasi pendatang (perantau), generasi kedua, iaitu anak yang lahir di daerah baru, dan anak daripada yang sudah lahir di daerah baru sebagai generasi ketiga. Ada pula yang membuatnya berasaskan umur. Tujuh puluh tahun ke atas sebagai generasi pertama, 40-70 tahun, generasi kedua, dan bawah empat puluh tahun sebagai generasi ketiga. (p. 21).*

Pada pengkajian pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan perantau Batak Toba di Bandar Pontianak penentuan generasi dilakukan berasaskan pada gabungan kaedah kedua dan ketiga, iaitu G I sebagai generasi pendatang berusia 65 tahun atau lebih, G II sebagai keturunan G I atau generasi pertama yang lahir di daerah baru, dan G

III sebagai keturunan G II atau generasi kedua yang lahir di daerah baru, berusia minimum 12 tahun.

Pembahagian daripada sampel itu dimaksudkan untuk membezakan peringkat penguasaan bahasa dan pemilihan bahasa di antara kelompok-kelompok itu. Hal itu berhubung kait dengan permasalahan kajian mengenai pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan orang Batak Toba di Bandar Pontianak.

### **3.5.3 Kaedah Menganalisis Data**

Data yang diperoleh daripada soal selidik terhadap tiga kelompok generasi responden mulai daripada latar belakang responden secara umum dan secara khusus dan latar belakang responden sebagai ahli-ahli komuniti Batak Toba di bandar Pontianak semuanya diarahkan kepada yang berhubungan dengan penguasaan atau kebolehan berbahasa responden. Daripada semua dapatan itu yang bersumber daripada data kuantitatif diolah menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 11.5 *for windows*. Daripada hasil itu diperoleh tingkat kekerapan atau frekuensi, peratusan atau *percentage* dan nilai *mean* atau purata daripada tiap-tiap latar belakang dan penguasaan bahasa responden. Daripada penguasaan bahasa ini pula dilihat bagaimana tingkat kekerapan pemilihan bahasa responden berasaskan domain perlakuan bahasa. Tingkat pemilihan bahasa ini kemudian dihubungkan dengan masing-masing kelompok atau generasi responden. Daripada temuan itu didapati maklumat untuk mengambil kesimpulan ke arah adanya tanda-tanda pengekalan bahasa yang disebabkan tingginya atau besarnya tingkat pemakaian sesuatu bahasa di kalangan semua kelompok responden dan peralihan bahasa yang ditandai terhadapnya pemakaian bahasa dalam beberapa domain sahaja dan pemakainya tidak lagi kerap, terutama di kalangan generasi kedua dan ketiga. Demikian pula data yang diperoleh melalui pemerhatian ikut serta diolah berasaskan teori akomodasi (penyesuaian) berbahasa.

### 3.6 Rumusan

Komuniti pendatang di bandar-bandar raya yang jumlahnya minoriti dan tidak berpengaruh secara ekonomi dan politik sememangnya malah meleburkan kehidupannya dengan penduduk tempatan yang jumlahnya majoriti dan menentukan kehidupan mereka. Para pendatang akan terdedah bahasa tempatan dalam memudahkan mereka hidup bersosial. Anak-anak mereka pula akan mendapatkan pelajaran di sekolah-sekolah yang berbahasa tempatan. Dengan demikian komuniti pendatang berpeluang menjadi dwibahasa.

Kehidupan dinamik orang Batak Toba di Pontianak yang berlangsung dalam beberapa dasawarsa dan dalam tiga generasi sahaja telah menampakkan gaya hidup baru utamanya bagi generasi muda yang tidak lagi pernah merasa kehidupan masa lalu di desa kampung asal leluhur. Hidup di alam moden dengan segala kemajuan dan tuntutan kehidupan telah membuat orang Batak Toba menerima pengaruh pergaulan sosial dari luar keluarga ke dalam lingkungan keluarga. Salah satu akibatnya ialah perubahan pola berbahasa di dalam keluarga atau di rumah tidak lagi dominan berbahasa warisan Batak Toba. Hal ini dipandang perlu dikaji melalui sosiolinguistik untuk mengenal pasti keadaan tersebut dan menjelaskan pula faktor-faktor yang menyebabkan keadaan itu boleh berlaku bagi orang Batak Toba di Pontianak. Perkara ini dirumuskan dalam konsep operasional kajian ini mulai daripada kedwibahasaan, pemilihan bahasa, peralihan bahasa, kepupusan bahasa, faktor penyebab kepupusan bahasa, sehingga faktor penentu kelestarian bahasa.

Daripada pokok-pokok penting lainnya yang dibincangkan di dalam Bab 3 ini adalah mengenai pendekatan-pendekatan dan teori-teori yang dijalankan dalam pengkajian yang berhubung kait dengan pengekalan dan peralihan bahasa. Daripada pendekatan tersebut yang relevan dengan kajian pengekalan dan peralihan bahasa Batak

Toba di bandar Pontianak ialah pendekatan sosiologi dan psikologi. Pendekatan sosiologi mengutamakan data kuantitatif, iaitu mengenai analisis domain pemakaian bahasa di dalam tiga generasi penutur bahasa Batak Toba di Pontianak. Hasil analisis ini akan memberikan maklumat bagi status bahasa Batak Toba di Pontianak. Apakah masih aman atau sudah di ambang kepupusan? Sementara itu, guna melihat kenyataan yang sebenar di lapangan ditempuh pula jalan melalui pendekatan psikologi, mengemukakan data kualitatif mengenai akomodasi atau penyesuaian dalam berbahasa yang diperoleh melalui pengamatan ikut serta secara tertutup terhadap pemakaian bahasa Batak Toba di bandar Pontianak.

Metodologi kajian mengenai pengekalan dan peralihan bahasa Batak Toba di bandar Pontianak telah menentukan kaedah-kaedah penyelidikan. Kaedah pengumpulan data, populasi, sampel dan responden kajian, dan kaedah analisis data.



## **BAB 4: LATAR BELAKANG DAN PENGUASAAN BAHASA ORANG BATAK TOBA DI PONTIANAK**

### **4.1 Pendahuluan**

Untuk meneroka tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan penghijrah minoriti Batak Toba di Pontianak, bahan yang paling mustahak dikaji ialah data atau maklumat berkenaan dengan latar belakang dan penguasaan bahasa penghijrah yang diwakili oleh responden, dalam kajian ini seramai 201 orang responden. Berbagai-bagai kajian mengenai pengekalan dan peralihan bahasa selalu menerokai latar belakang dan penguasaan bahasa ahli-ahli komuniti bahasa. Sama ada komuniti perantau mahupun komuniti tempatan di sebuah kawasan kajian. Seperti yang dilakukan oleh Coluzzi (2010) di Temburong, Brunei terhadap bahasa kelompok etnik minoriti Murut (Lun Bawang). Kajian tersebut menunjukkan bahawa komuniti ini hidup di pedalaman hutan belantara, berpendidikan rendah, bekerja sebagai peladang berpindah, dan mereka menjalankan perkahwinan endogami. Dalam hal penguasaan bahasa, penguasaan bahasa Murut (Lun Bawang) dalam bidang berbicara, mendengar, membaca dan menulis tergolong rendah. Dalam kajian yang sama terhadap komuniti lain, Nor Hisham Osman (1999) mendapati penguasaan bahasa Tanjong oleh komuniti Tanjong di Kapit, Sarawak sangat rendah berbanding penguasaan komuniti itu terhadap bahasa Kanowit. Gogonas (2009) mengkaji peralihan bahasa ibu (Albania) ke bahasa Yunani di dalam generasi kedua perantau Albania yang merantau ke Negara jiran, di Athena, Greece. Beliau membandingkan penguasaan bahasa murid (remaja) Albania dalam mendengar, berbicara, menulis dan membaca di dalam bahasa Yunani dan Albania. Semua kajian di atas menyimpulkan akan segera beralih bahasa ibu kaum minoriti ke bahasa yang lebih dominan, iaitu bahasa kaum majoriti.

## 4.2 Latar Belakang Responden

Pada bahagian terdahulu kajian ini sudah disampaikan hal-hal yang menjadi persyaratan responden kajian ini. Responden dikelompokkan ke dalam tiga generasi yang masing-masing memiliki persyaratan khas, yakni generasi pertama (G I) ialah pendatang asli di bandar Pontianak (lahir di Tanah Batak) lelaki atau perempuan, berusia 65 tahun atau lebih. Generasi kedua (G II) ialah keturunan atau anak daripada G I, lelaki atau perempuan yang lahir di bandar Pontianak. Generasi ketiga (G III) ialah keturunan atau anak daripada G II yang lahir di bandar Pontianak, lelaki atau perempuan, berusia minimum 12 tahun. Di samping syarat-syarat khas tersebut, berikut ini dipaparkan pula dalam bentuk jadual-jadual data-data responden yang berhubung kait kelak dengan hala tuju penyelidikan ini. Urutan-urutan daripada huraian ini disesuaikan dengan urutan-urutan yang terdapat pada borang soal selidik. Pada bahagian berikut ini dipaparkan sekali gus latar belakang responden G I, G II, dan G III masing-masing dalam satu jadual, yang mengandungi angka kekerapan, peratusan, dan nilai *mean* atau purata latar belakang tersebut.

*Yang pertama* ialah maklumat tempat tinggal responden G I. Berasaskan data yang terkumpul tampak bahawa majoriti responden G I (49.3%) bertempat tinggal di tepi lorong atau *gang* (jalan sais sederhana) dan di kompleks perumahan (26.9%). Selebihnya di tepi jalan raya (23.9%). Di bandar Pontianak belum ada tempat tinggal penduduk yang dibuat daripada bangunan kondominium.

Sejak pemerintah menggalakkan pembangunan perumahan rakyat (tarikh 1980-an) membuat G II lebih ramai bertempat tinggal di kompleks perumahan (49.3%) daripada di tepi *gang* (26.9%) dan tepi jalan raya (23.9%). Hal ini dapat dimaklumi sebagai akibat perkembangan bandar Pontianak. Ketika G I mula-mula merantau ke Bandar Pontianak pada tarikh pertengahan abad ke-20 bandar Pontianak belum memiliki

kawasan perumahan yang dibina oleh sesuatu pengembang (*developer*). G I sebagai pendatang awal bertempat tinggal secara berpencar-pencar di rumah-rumah dinas atau rumah jawatan pekerja pemerintah apabila ianya seorang staf atau kakitangan pemerintah. Pendatang lainnya mencari dan membeli tanah kosong di sebarang pinggir jalan milik warga tempatan dan mendirikan rumah di atasnya. Seiring dengan kemajuan dan penambahan penduduk, pada tarikh tahun 80-an Dewan Bandar Raya Pontianak mulai membina projek perumahan untuk rakyat. Masyarakat boleh memilikinya dengan cara membeli tunai atau kredit. Keadaan ini membuat keluarga generasi-generasi muda lebih ramai bertempat tinggal di perumahan-perumahan yang tersebar merata-rata di bandar Pontianak.

Tidak jauh berbeza dengan responden G I dan G II, responden G III juga menyatakan bahawa sebahagian besar menyatakan rumah tempat tinggal mereka terletak di kompleks perumahan (49.3%) dan mereka tentu tinggal bersama dengan ibu bapa masing-masing kerana mereka belum ada yang berumah tangga.

**Jadual 4.1:** Letak Rumah Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Tepi jalan raya	16	23.9	16	23.9	11	16.4
Tepi <i>Gang</i> atau Lorong	33	49.3	18	26.9	23	34.3
Kompleks Perumahan	18	26.9	33	49.3	33	49.3
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-3</i>	2.03		2.25		2.33	

Apakah hubung kait kajian ini dengan tempat tinggal? Tempat tinggal sangat menentukan di dalam pengekalan dan peralihan bahasa. Coluzzi, (2010) mendapati komuniti minoriti Murut (Lun Bawang) di Temburong, Brunei boleh mengekalkan bahasa etnik kerana mereka hidup berkelompok di rumah panjang (*long house*). Komuniti pendatang yang menempati suatu kawasan tertentu akan lebih sering-sering berinteraksi daripada yang bertempat tinggal secara berpencar-pencar. Komuniti yang kerap berinteraksi dengan sesama satu komuniti akan berpeluang mengekalkan bahasa

mereka sementara pihak yang jarang-jarang berinteraksi akan cepat beralih ke bahasa yang lain.

*Yang kedua* ialah jantina. Dalam jadual 4.2 tampak bahawa responden G I lebih ramai lelaki (64.2%) daripada perempuan (35.8%), sementara responden G II lebih ramai perempuan (55.2%) daripada lelaki (44.8%). Sama dengan responden G II bahawa responden G III yang terjaring lebih ramai perempuan daripada lelaki, iaitu 52.2% perempuan berbanding 48.2% lelaki.

Di dalam menjalankan kehidupan sehari-hari komuniti Batak Toba tidak memandang perbezaan jenis kelamin (gender). Tidak ada kedudukan yang mesti diperuntukkan untuk kaum lelaki ataupun untuk kaum perempuan sahaja. Semua berpeluang menduduki apa sahaja yang mahu dipangku. Kaum perempuan Batak Toba sudah ramai yang menjalankan profesi sebagai pendeta di gereja (penyiar agama Kristian) dan lebih lagi menjadi pemimpin majlis jemaah di berbagai-bagai gereja. Perkecualian hanya di bidang upacara adat. Orang yang dilantik atau dipilih menjadi *raja parhata* (juru bicara) dalam sebuah upacara adat tidak pernah daripada kalangan perempuan. Itu peraturan adat tradisional yang belum berubah hingga saat ini.

Dalam penyelidikan ini, melalui data kualitatif pengamatan ikut serta (berpartisipasi) didapati bahawa kaum perempuan dalam satu kumpulan, dominan berbahasa Indonesia daripada berbahasa Batak Toba. Dalam kumpulan yang lain yang diamati di mana hadir sekelompok lelaki dan sekelompok perempuan didapati bahawa kaum lelaki cenderung berbahasa Batak Toba terhadap rakan sesama lelaki sedangkan kaum perempuan cenderung berbahasa Indonesia. Pada pertengahan hingga penghujung perkumpulan itu didapati bahawa kedua-dua kaum menjadi sama-sama berbahasa Indonesia. Maknanya, berlaku penyesuaian (akomodasi), iaitu kaum lelaki menyesuaikan bahasa kepada kaum perempuan.

**Jadual 4.2:** Jantina Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	43	64.2	30	44.8	30	44.8
Perempuan	24	35.8	37	55.2	37	55.2
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/purata: 1-2</i>		1.36		1.55		1.55

*Yang ketiga*, latar belakang responden di bidang agama. Para responden tidak dipilih berdasarkan agama, walaupun data yang terkumpul menunjukkan bahawa responden G I dan G III seluruhnya beragama Kristian Protestant. Seperti tampak pada jadual di bawah ini. Perbezaan agama terdapat di antara responden. Apabila responden G I dan G III seluruhnya Kristian, responden G II ada yang memeluk agama Katolik dan Islam. Di bandar Pontianak pemeluk agama Islam adalah majoriti.

Di Indonesia ada peribadatan yang dijalankan menggunakan bahasa etnik tertentu kerana umatnya majoriti daripada etnik itu. Hal itu pula yang terjadi pada peribadatan komuniti Batak Toba di bandar Pontianak. Ada masa ibadah menggunakan bahasa Batak Toba (bahasa etnik), dan ada masa menggunakan bahasa Indonesia. Jemaah sila memilih sebarang masa mengikut kehendaknya. Setakat ini yang memilih masa berbahasa Indonesia lebih ramai daripada yang memilih masa berbahasa Batak Toba. Ini boleh menjadi salah satu penyebab akan semakin segera berlaku peralihan bahasa Batak Toba. Kajian yang dilakukan Norizah Ardi (2005) di universiti selatan Thailand terhadap mahasiswa yang ikut pengajian bahasa Melayu menyatakan kekal menggunakan bahasa Melayu untuk menjalankan ibadah agama Islam. Kajian David, et al (2003) terhadap komuniti Sikh Punjabi di Petaling Jaya Kuala Lumpur mendapati kelompok usia tua (70 tahun ke atas) majoriti mengekalkan bahasa Punjabi dalam menjalankan ibadah, sama ada berbicara dan menulis dalam *Gurmukh* (tulisan bahasa Punjabi) dan di *Gurdwara* (tempat ibadah). Kemerosotan pemakaian bahasa Punjabi di *gurdwara* bermula dari kelompok usia muda (16-25 tahun) menggunakan bahasa Inggeris, atau campuran tiga bahasa, bahasa Inggeris-Punjabi, Melayu Punjabi.

**Jadual 4.3:** Agama Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Kristian Protestan	67	100.0	62	92.5	67	100.0
Katolik Roma	0	0.0	1	1.5	0	0.0
ISLAM	0	0.0	4	6.0	0	0.0
Hindu	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Buddha	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Konghucu	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-6		1.00		1.13		1.00

*Yang keempat* mengenai status perkahwinan responden dan hubung kaitnya terhadap objektif kajian ini. Bagi responden yang sudah berumah tangga diminta untuk memberitahukan asal-usul suku bangsa suami dan isteri. Sehingga diperoleh perkahwinan sesama etnik dan perkahwinan campur antara etnik. Dalam penyelidikan ini didapati perkahwinan campur pada G I, iaitu 9 peratus dan pada G II 13.4%.

Dalam perkara perkahwinan pula semakin bervariasi antara G I dan G II. Di dalam responden G II perkahwinan sesama etnik Batak Toba masih mendominasi (61.2%), tetapi tampak terjaring perkahwinan antara etnik yang menunjukkan bukan lagi hanya lelaki Batak Toba yang berkahwin dengan perempuan daripada etnik lain, tetapi juga perempuan Batak Toba sudah berkahwin pula dengan lelaki dari etnik lain.

Di dalam komuniti Batak Toba perkahwinan merupakan pintu gerbang bagi warga komuniti memasuki adat Batak Toba *dalihan na tolu*. Tiada seorang pun warga yang boleh menjalankan istiadat Batak Toba apabila orang itu belum menikah di dalam adat. Dengan demikian kanak-kanak, remaja, dan muda-mudi tidak berhak bersuara di dalam majlis adat. Seseorang yang sudah lanjut usia pun apabila belum berkahwin di dalam adat Batak Toba tidak mendapat jemputan ke dalam upacara adat.

Hubung kait perkahwinan seorang warga komuniti Batak Toba dengan kajian pengejalan dan peralihan bahasa bahawa upacara adat ialah sarana penting dalam mempelajari bahasa Batak Toba. Upacara adat Batak Toba hanya diselenggarakan

menggunakan bahasa Batak Toba. Orang yang kerap terlibat di dalam upacara ini akan terdedah menggunakan bahasa adat Batak Toba dan bahasa Batak Toba dalam situasi formal. Keadaan yang membezakan pihak yang belum menikah di satu sisi dan pihak perempuan di sisi yang lain di dalam menjalankan upacara adat Batak Toba boleh membuat kedua kaum tersebut kurang atau tidak menguasai bahasa adat Batak Toba. Keadaan ini boleh semakin mengurangkan pengetahuan ahli-ahli komuniti berbahasa Batak Toba.

**Jadual 4.4:** Status Perkahwinan Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Kahwin (Suami dan Isteri suku Batak Toba)	61	91.0	41	61.2	0	0.0
Kahwin (Suami Batak Toba dan Isteri non Batak Toba)	6	9.0	7	10.4	0	0.0
Kahwin (Suami non Batak Toba dan Isteri Batak Toba)	0	0.0	2	3.0	0	0.0
Belum Kahwin	0	0.0	0	0.0	67	100.0
Total	67	100.0	50	74.6	67	100.0
Missing 999	0	0.0	17	25.4	0	0.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-4		1.09		1.22		4.00

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa responden G I dan G II semuanya sudah menikah walaupun G II seramai 25.4% tidak memberi jawapan (*missing*), kerana ada yang sudah menjanda dan menduda. Dalam kaitan dengan status pernikahan ini pula bahawa seluruh responden G III (100.0%) menyatakan belum menikah.

G II yang menyatakan bahawa ia berasal dari keluarga ayah dan ibu sama-sama etnik Batak Toba sebesar 15% dan ada yang menyatakan berasal dari keluarga campuran, iaitu ayah Batak Toba dan Ibu dari etnik lain (3.0%). Selebihnya (74.6%) tidak memberi jawapan kerana ibu bapa mereka sudah meninggal. Walaupun demikian mereka juga etnik Batak Toba kerana mereka semua mempunyai marga Batak Toba. Sementara itu, G III 4.5% berasal daripada perkahwinan campuran. Pemakaian bahasa

di dalam perkahwinan campur sudah dilakukan oleh Dumaning (2010) terhadap pasangan *Philippino-Malaysian* di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa pasangan perkahwinan tersebut lebih suka berbahasa Inggeris (bahasa kedua bagi masing-masing pasangan) dengan sedikit peralihan kepada bahasa Malaysia, bahasa Cina, dan bahasa Filippina. Bahasa kedua menjadi bahasa pilihan utama dalam beralih kod.

**Jadual 4.5:** Keadaan perkahwinan Orang Tua (ibu bapa) Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Ayah dan Ibu suku Batak Toba	0	0.0	15	22.4	64	95.5
Ayah suku Batak Toba dan Ibu non Batak Toba	0	0.0	2	3.0	1	1.5
Ayah non Batak Toba dan Ibu suku Batak Toba	0	0.0	0	0.0	2	3.0
Total	0	0.0	17	25.4	67	100.0
Missing 999	67	100.0	50	74.6	0	0.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-4</i>		0.0		1.12		1.07

*Yang kelima* ialah mengenai pekerjaan dan jawatan responden. Jadual 4.6 berikut menunjukkan bahawa responden G I secara majoriti (74.6%) sudah pencen, walaupun masih ada yang bekerja sebagai pegawai kerajaan (pemerintah), swasta dan persendirian. Di Indonesia seseorang yang berusia 65 tahun apabila ia seorang profesional (profesor, hakim agung, peguam, atau politikus) dapat aktif sehingga berusia 70 tahun.

**Jadual 4.6:** Pekerjaan Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Wira usaha/Pengusaha	2	3.0	18	26.9	1	1.5
PNS/TNI/POLRI	1	1.5	16	23.9	0	0.0
Pegawai wasta/BUMN	2	3.0	22	32.8	7	10.4
Pelajar/Mahasiswa	0	0.0	0	0.0	59	88.1
Pensiunan	50	74.6	3	4.5	0	0.0
Lainnya	12	17.9	8	11.9	0	0.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-6</i>		4.96		2.67		3.85



Berbeza daripada G I, dalam jadual 4.6 di atas tampak bahawa Responden G II sememangnya ialah generasi produktif atau pekerja. Taburan data menunjukkan Responden G II bekerja pada sebarang lapangan kerja dan hanya 4.5% yang menyatakan diri sudah pencen. Sementara itu, lebih dari setengah responden G III menyatakan pekerjaan mereka ialah pelajar atau mahasiswa (88.1%). Itu memang dapat dimaklumi kerana usia mereka masih di puseran itu. Sedangkan G III yang sudah lepas dari dunia pendidikan semuanya sudah bekerja dan lebih ramai mereka bekerja sebagai staf atau pegawai di perusahaan swasta (11.9%).

Dalam berbagai-bagai kajian disebutkan bahawa lapangan pekerjaan dan posisi atau jawatan pekerja telah menjadi salah satu penyokong terbesar pada peralihan bahasa. Seperti kajian Gal (1979) mengenai peralihan bahasa Hungarian ke bahasa Jerman di Oberwart, Austria, kajian Weinreich (2010) terhadap peralihan bahasa Domaaki di Lembah Hunza dan Nager ke bahasa Shina di timur laut Pakistan, demikian pula bahasa Phasto ke bahasa Urdu di kawasan Pakistan Utara, demikian pula kajian Fakuade Gbenga, & Abdullah (2003) di Girei, Song, dan Gombi kawasan pemerintah lokal di negara bahagian Adamawa, Nigeria Utara telah berlaku peralihan bahasa daripada bahasa ibu kepada bahasa Fulfulde (bahasa orang Fulani) dan kepada bahasa Hausa demi mendapatkan pekerjaan. Demikian pula di Malaysia telah terjadi hal yang sama daripada bahasa ibu kaum minoriti kepada bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris (Asmah Omar (1992b); Nor Hisham Osman (1999); Vijaya Sankar (2004); Nambiar (2007). Hal ini pula yang dikhuatirkan menjadi penyebab berkurangnya pemakaian bahasa Batak Toba oleh para komuniti minoriti Batak Toba di bandar Pontianak yang diwakili oleh para responden.

Sehubungan dengan pekerjaan maka jawatan (posisi) yang dijalankan responden semasa bekerja juga lebih ramai sebagai pemimpin atau pengarah. Dalam hal ini mereka

sangat berperanan dalam mengendalikan kejayaan institusi yang dipercayakan negara kepada mereka.

Sesuai dengan pekerjaan yang dijalankan responden G II pada setakat ini mereka masih lebih ramai yang menjadi staf di tempat mereka bekerja, walaupun ada juga yang sudah menjadi pemimpin. Bagi responden G III yang sudah bekerja mengaku mereka menjalankan pekerjaan sebagai staf (4.5%) dan sebagai karyawan (7.5%). Ini menunjukkan mereka sebagai pekerja pemula.

**Jadual 4.7:** Jawatan Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Pemimpin	28	41.8	13	19.4	0	0.0
Staf	21	31.3	37	55.2	3	4.5
Karyawan/kerani	5	7.5	8	11.9	5	7.5
Lainnya	6	9.0	8	11.9	0	0.0
Total	60	89.6	66	98.5	8	11.9
Missing 999	7	10.4	1	1.5	59	88.1
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-4</i>		1.82		2.67		2.63

*Yang keenam* pendidikan responden. Di Indonesia ada 4 peringkat pendidikan formal, iaitu sekolah dasar (SD) atau sekolah rendah selama 6 tahun. Selepas SD ialah sekolah menengah pertama (SMP) atau setarafnya, sekolah lanjutan tingkat pertama (SLTP) selama 3 tahun. Selepas SMP atau SLTP ialah sekolah menengah atas (SMA) atau setarafnya, sekolah lanjutan tingkat atas (SLTA) selama 3 tahun. Selepas SLTA ialah sekolah tinggi atau sekolah siswazah, terdiri atas strata nol (S0), strata satu (S1) atau sarjana, strata dua (S2) atau magister, dan strata tiga (S3) atau doktor.

Tampak bahawa hampir separuh responden G I (49.3%) yang berpendidikan tinggi tamat universiti atau lebih ramai daripada yang berpendidikan dasar atau sekolah rendah (1.5%) dan sekolah menengah (44.8%). Pendidikan yang ditempuh para responden G II lebih ramai yang berpendidikan tinggi tamat universiti (77.6%) dan paling rendah tamatan sekolah lanjutan tingkat atas (22.4%). Hal ini menunjukkan bahawa responden

G I berpendidikan yang paling rendah pada peringkat sekolah dasar (SD) sedangkan taraf pendidikan G II yang paling rendah pada peringkat SLTA. Walau bagaimanapun kedua-dua responden menunjukkan bahawa mereka seluruhnya berpendidikan, tidak ada yang tidak berpendidikan.

Responden G III menunjukkan bahawa mereka semua orang-orang yang berpendidikan. Ada yang sudah menyelesaikan pendidikan sehingga tamat universiti (44.8%) ada pula yang masih bersekolah di peringkat sekolah menengah pertama (9%). Majoriti daripada mereka menjalankan pendidikan sebagai pelajar sekolah lanjutan Atas (46.3%).

Disebabkan bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi negara mengikut Undang-Undang Dasar Republik Indonesia Tahun 1945, pemerintah mewajibkan pemakaian bahasa Indonesia sebagai bahasa pengantar dalam dunia pendidikan mulai dari sekolah rendah sehingga sekolah tinggi di seluruh Indonesia, kecuali dalam pengajian asing. Ini bermakna, semua murid dan mahasiswa di Indonesia akan terdedah ke dalam pemakaian bahasa Indonesia dan terus pula ke dalam pergaulan di sekolah dan di luar sekolah. Di dalam sebuah kongres bahasa daerah di Bandar Lampung, di ujung selatan Pulau Sumatera, yang bertajuk pengkalan bahasa-bahasa daerah, pembicara utama, Multamia Lauder, seorang pakar linguistik dari Universiti Indonesia, menggugat (mendakwa) bahasa Indonesia sebagai penyebab merosot pemakaian bahasa etnik atau bahasa daerah (di dalam Dwidjo Utomo, 2009) .

Hafriza Buranudeen Meedin (1993) yang mengkaji tentang penggunaan bahasa dan sikap orang Melayu Malaysia telah merumuskan lima faktor pemilihan bahasa, salah satu di antaranya ialah faktor bahasa pengantar persekolahan. Responden yang mendapat pendidikan Inggeris akan cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris, demikian juga responden yang mendapat pendidikan aliran Melayu cenderung untuk

menggunakan bahasa Melayu. Hal yang sama boleh berlaku di bandar Pontianak bagi komuniti Batak Toba yang dalam purata berpendidikan menengah atas dan pendidikan tinggi.

**Jadual 4.8:** Pendidikan Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Tidak sekolah	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Sekolah dasar	1	1.5	0	0.0	0	0.0
SMP/SLTP	3	4.5	0	0.0	6	9.0
SMA/SLTA	30	44.8	15	22.4	31	46.3
Perguruan Tinggi	33	49.3	52	77.6	30	44.8
Total	67	100.0	67	100.0	67	100
Mean/Purata: 1-5		4.42		4.78		4.36

*Yang ketujuh* kawasan tempat tinggal. Selain dunia pendidikan faktor lain yang boleh membuat sesuatu komuniti beralih bahasa ialah kawasan tempat tinggal. Satu yang menjadi “kekurangan atau kelebihan” komuniti Batak Toba yang berada di perantauan ialah tidak ada yang hidup secara berkelompok. Hal ini terjadi kerana kedatangan mereka ke Pontianak tidaklah secara berkelompok, melainkan secara persendirian. Orang Batak Toba yang datang ke Pontianak terlebih dahulu akan mencari tempat tinggal di mana-mana permukiman yang masih boleh dihuni. Tidak seperti etnik atau suku bangsa lain walaupun berada di perantauan, mereka berusaha hidup secara berkelompok. Ada kelompok kecil mahupun besar. Sehingga dikenal Kampung Melayu, Kampung Bali, Kampung Ambon, atau kawasan seperti kawasan Madura, Jawa, Bugis, Cina, dan yang lainnya. Keadaan orang Batak ini tampak pada pengakuan responden G I, G II, dan G III pada jadual 4.9 berikut, lebih 71 peratus tidak memiliki jiran sesama orang Batak Toba. Kejiranan menunjukkan bahawa rumah tempat tinggal responden berada di persekitaran rumah-rumah warga lain yang dihuni penduduk komuniti suku bangsa lain pula. Apakah di sebelah kiri, sebelah kanan dan di hadapan rumah responden penghuninya orang Batak Toba, atau bukan? Apabila responden berjiran dengan hanya satu rumah etnik Batak Toba maka itu dinyatakan sedikit. Apabila

terdapat dua jiran rumah di kiri dan di kanan yang diduduki orang Batak Toba dinyatakan memiliki ramai Batak Toba, dan apabila sebelah kiri, kanan dan hadapan rumah sesama Batak Toba ini bermakna seluruh jiran Batak Toba. Jadual berikut ini menunjukkan kejiranan responden G II masih lebih ramai yang menyatakan tak berjiran dengan sesama orang Batak Toba (71.6%).

**Jadual 4.9:** Jiran Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Semua Batak Toba	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Banyak Batak Toba	0	0.0	1	1.5	3	4.5
Sedikit Batak Toba	19	28.4	18	26.9	14	20.9
Tidak ada Batak Toba	48	71.6	48	71.6	50	74.6
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/purata: 1-4</i>		3.72		3.70		3.70

Demikian pula rumah tempat tinggal responden G III merata-rata di antara rumah-rumah penduduk bukan Batak Toba di bandar Pontianak. Hal itu menunjukkan bahawa lebih dominan di antara mereka yang tidak memiliki jiran sesama orang Batak Toba (74.6%). Pengaruh jiran dan tempat tinggal yang minim sesama Batak Toba akan mengurangkan kesempatan memakai bahasa Batak Toba dalam kehidupan di sekitar tempat tinggal, terutama bagi kanak-kanak yang biasa bermain-main dengan teman sebaya sesama jiran di halaman rumah tentu saja tidak memakai bahasa Batak Toba lagi. Seperti dihuraikan pada analisis tempat tinggal di bahagian atas kajian ini, Coluzzi, (2010) mencatat betapa mustahak jiran di dalam pengekalan dan peralihan sesuatu bahasa. Dalam kajiannya didapati bahasa Iban dan bahasa Murut (Lun Bawang) di distrik Temburong, sebuah kawasan terpencil di tengah hutan belantara di bahagian timur negara Brunei Darussalam, masih kekal dan vital dengan tingkat transmisi atau pewarisan yang sangat tinggi. Hal itu disebabkan kedua kelompok masyarakat sangat kompak (berhubung erat) dalam jaringan sosial. Mereka masih bertempat tinggal di rumah panjang.

*Yang kedelapan* ialah aktiviti sosial. Bahagian kehidupan lain yang dikaji ialah partisipasi komuniti Batak Toba dalam berbagai-bagai aktiviti perkumpulan atau syarikat. Kehidupan sosial dalam hal bersyarikat tampak melalui pengakuan responden seperti terakam dalam jadual-jadual yang berikut. Keikutsertaan dalam organisasi politik sangat minim hanya 4.5 peratus. Minat untuk mengikuti organisasi politik bagi responden G II sama dengan G I. Tidak seorang pun di antara mereka yang memasuki partai. Sama seperti responden G II, responden G III pun tidak ada yang mengikuti organisasi politik. Responden kajian ini yang mengikuti organisasi politik hanya pada responden G I, itu pun tidak seberapa.

**Jadual 4.10:** Organisasi Politik Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Ikut	3	4.5	0	0.0	0	0.0
Tidak ikut	64	95.5	67	100.0	67	100.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-2		1.96		2.00		2.00

Demikian pula dalam organisasi massa lainnya keikutsertaan orang Batak Toba jarang dijumpai seperti tampak pada pendapat responden G I. Dalam organisasi masyarakat responden G II pun hanya sedikit yang mengikutinya walaupun sudah lebih ramai daripada G I. Ini menunjukkan bahawa perhubungan dengan orang-orang lain di luar Batak Toba secara tidak langsung ada peningkatan. Dalam hal mengikut organisasi masyarakat responden, berbanding dengan responden G I dan G II terdapat pengurangan partisipasi responden G III. Mungkin saja ini disebabkan oleh majoriti mereka masih berstatus sebagai pelajar sekolah menengah.

**Jadual 4.11:** Organisasi Masyarakat Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Ikut	7	10.4	6	9.0	7	10.4
Tidak Ikut	60	89.6	61	91.0	60	89.6
Total	67	100.0	100.0	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-2		1.90		1.91		1.90

Melalui organisasi politik dan organisasi masyarakat yang ada seumpama partai, syarikat pekerja, atau syarikat pengusaha merupakan kesempatan bagi seseorang untuk bergaul dan bersosialisasi dengan orang lain, terutama lintas suku bangsa atau etnik.

Tidak seperti mengikut syarikat politik ataupun syarikat masyarakat bukan politik seperti ditunjukkan di atas. Ternyata di bidang organisasi agama, seluruh responden G I menyatakan ikut organisasi agama yang dipeluknya. Di dalam organisasi keagamaan tampak pengikutsertaan responden G II pula sangat tinggi. Hanya 1.5% yang menyatakan tidak ikut dan ini tidak berbeza jauh dari responden G I yang menyatakan semua ikut organisasi keagamaan yang dipeluknya. Semua responden G I, G II dan G III mengakui bahawa mereka mengikut organisasi keagamaan yang dipeluknya. Jadual berikut menunjukkan pengikutsertaan itu 100%.

**Jadual 4.12:** Organisasi Keagamaan Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Ikut	67	100.0	66	98.5	67	100.0
Tidak ikut	0	0.0	1	1.5	0	0.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-2</i>		1.00		1.01		1.00

Walaupun demikian, seperti disebutkan di atas bahawa organisasi keagamaan yang dianut majoriti komuniti Batak Toba tidak lagi menjadi benteng pertahanan pengekal bahasa Batak Toba kerana lembaga agama tersebut sudah membolehkan jemaah memilih ibadah berbahasa Indonesia atau berbahasa Batak Toba, sama ada lisan mahupun tulisan. Tidak seperti dalam etnik lain, domain agama, misalnya di dalam masyarakat Punjabi Malaysia dominan menggunakan bahasa ibunda. Sementara di dalam domain keluarga, masyarakat Punjabi sudah lebih dominan menggunakan bahasa Inggeris (Kundra, 2000 di dalam Vijaya Sankar, 2004).

Di bidang organisasi sesama pekerja atau kepakaran (profesi) responden G I tidak memperlihatkan minat yang tinggi pula. Kerana tampak dalam pengakuan ini bahawa yang aktif hanya 9%. Pada organisasi profesi (kepakaran) tampak adanya peningkatan pengikutsertaan di antara responden G I dan G II. Responden G II lebih ramai yang ikut organisasi profesi daripada Responden G I. Dengan demikian bertambah pula tingkat perhubungan dengan sesama rakan anggota organisasi itu. Dalam mengikuti organisasi profesi semakin meningkat di kalangan responden G III jika dibandingkan dengan responden G I dan G II. Ini menunjukkan adanya peningkatan perhubungan di antara sesama penduduk yang memiliki profesi yang sama dan berbahasa Indonesia.

**Jadual 4.13:** Organisasi Profesi Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Ikut	6	9.0	16	23.9	22	32.8
Tidak ikut	61	91.0	51	76.1	45	67.2
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-2</i>		1.91		1.76		1.67

*Yang kesembilan* ialah aktiviti dalam bidang sosiobudaya Batak Toba. Dalam kegiatan atau aktiviti bersosial budaya, ternyata orang Batak Toba di perantauan, khas di bandar Pontianak mengikut data responden G I mendekati sangat aktif (52.2%). Hal ini dapat dilihat daripada pengikutsertaan mereka dalam berbagai-bagai upacara adat, seperti adat pernikahan, kematian, dan adat lainnya yang tampak ramai pesertanya. Dalam beraktiviti di bidang sosiobudaya Responden G II menunjukkan aktiviti yang tidak terlalu menonjol. Ada yang tidak aktif, ada yang kurang aktif ada yang sedang, ada yang aktif (34.3%), walau ada juga yang sangat aktif (14.9%). Dibandingkan dengan aktiviti responden G I di bidang sosiobudaya, jadual 4.14 berikut menunjukkan terjadi penurunan aktiviti sosiobudaya di kalangan responden G II.

Terlebih lagi di kalangan G III, ada pengurangan yang sangat tajam dalam hal melakukan aktiviti sosiobudaya. Mereka lebih ramai yang tidak aktif (73.1%) daripada



yang aktif atau jika diambil purata mereka semuanya antara tidak aktif dan kurang aktif. Ini mungkin kerana mereka tidak dilibatkan secara langsung dalam urusan adat-istiadat. Memanglah tiada kelihatan setakat ini anak-anak muda yang ambil bahagian dalam kegiatan adat-istiadat.

**Jadual 4.14:** Aktiviti sosiobudaya Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Tidak aktif	0	0.0	6	9.0	49	73.1
Kurang aktif	0	0.0	10	14.9	12	17.9
Sedang	2	3.0	18	26.9	3	4.5
Aktif	28	41.8	23	34.3	3	4.5
Sangat aktif	37	55.2	10	14.9	0	0.0
Total	67	100.0	67	100	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.52		3.31		1.40

*Yang kesepuluh* ialah aktiviti dalam menjalankan ibadah. Dalam mengikuti ibadah Minggu, orang Batak Toba selalu tampak ramai setiap hari Ahad, iaitu di rumah-rumah ibadah yang dimiliki orang Batak Toba di bandar Pontianak termasuk pula kegiatan-kegiatan keagamaan yang lain. Jadual di bawah ini menunjukkan keadaan itu. Namun, di bidang aktiviti keagamaan terjadi pengurangan di kalangan responden G II berbanding responden G I. Dalam melaksanakan aktiviti keagamaan, tampak bahawa aktiviti keagamaan responden G III lebih tinggi daripada aktiviti mereka di bidang sosiobudaya. Perbandingan ini pun tidak terlalu besar kerana purata mereka di antara sedang dan aktif.

**Jadual 4.15:** Aktiviti Keagamaan Responden G I, G II, dan G III

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Tidak aktif	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang aktif	0	0.0	7	10.4	13	19.4
Sedang	2	3.0	27	40.3	36	53.7
Aktif	32	47.8	25	37.3	15	22.4
Sangat aktif	33	49.3	8	11.9	3	4.5
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.46		3.51		3.12

Aktiviti bersyarikat yang dijalankan ahli-ahli komuniti Batak Toba di Bandar Pontianak menunjukkan pertembungan dengan masyarakat yang lain. Aktiviti ini dapat mengekalkan atau pun mengalihkan sesuatu bahasa yang dimiliki oleh ahli-ahli komuniti sesuatu etnik. Keadaan seperti ini tergambar dalam kajian Nor Hisham Osman (1999) atas komuniti Tanjong dan Kanowit di Kapit, Sarawak. Komuniti Tanjong tidak dapat memelihara bahasa ibunda mereka kerana terdedah ke dalam syarikat-syarikat istiadat Kanowit.

#### 4.3 Penguasaan Bahasa Responden

Dalam penguasaan bahasa ini yang dikaji ialah penguasaan bahasa lisan dan bahasa tulis orang Batak Toba di Pontianak. Penguasaan bahasa lisan mencakup kemahiran berbicara dan kemahiran mendengar. Yang kedua pula ialah kemahiran berbahasa tulis, yang mencakup kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Semua kemahiran ini hanyalah dalam menggunakan bahasa Indonesia dan menggunakan bahasa Batak Toba. Bahasa Batak Toba mencakup bahasa Batak Toba ragam (kelainan bahasa) sehari-hari, bahasa Batak Toba ragam *raksa ni hadatuon* (bahasa berhubung dengan ritual para dukun), bahasa Batak Toba ragam *raksa ni andung* (ratapan), dan kemahiran berbahasa adat Batak Toba. Penyelidikan dilakukan terhadap tiga kelompok generasi responden, iaitu kelompok responden G I seramai 67 orang, kelompok responden G II seramai 67 orang, dan terhadap kelompok responden G III seramai 67 orang. Maksudnya ialah untuk mengadakan perbandingan penguasaan bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba di antara ketiga-tiga kelompok responden tersebut. Apakah penguasaan bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba semua generasi pada taraf sangat lancar? Bilamana itu terjadi maka kekallah kedua-dua bahasa itu. Atau, apakah penguasaan Bahasa Indonesia semua generasi lebih besar daripada penguasaan bahasa Batak Toba? Apabila ini yang terjadi maka kekallah bahasa Indonesia dan tanda-tanda

peralihan bagi bahasa Batak Toba. Atau sebaliknya, penguasaan bahasa Batak Toba semua generasi lebih besar daripada bahasa Indonesia? Apabila ini yang terjadi maka kekallah bahasa Batak Toba dan bahasa Indonesia yang beralih. Kemudian, kelompok generasi mana yang penguasaan bahasa Indonesia lebih besar dan kelompok generasi mana penguasaan bahasa Batak Toba lebih besar? Pada akhirnya, adakah penguasaan bahasa itu berlaku seturut pada perbezaan generasi atau tidak? Apabila pertanyaan terakhir ini berlaku, hal itu menjadi maklumat bagi berlangsungnya tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan orang Batak Toba di bandar Pontianak.

#### **4.3.1 Kemahiran Berbicara Responden**

Bagi mendapatkan maklumat kemahiran berbicara dalam bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba kepada semua responden G I, G II, dan G III diminta memberikan jawapan dalam bentuk pengakuan peribadi secara tertutup, iaitu memilih salah satu jawapan berikut (1) tidak faham, (2) kurang (3) sedang, (4) lancar, dan (5) sangat lancar. Hasilnya seperti berikut.

##### **4.3.1.1 Kemahiran Berbicara dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I**

Responden G I atau generasi pertama ialah generasi yang berhijrah ke Bandar Pontianak dari tempat asalnya di Sumatera Utara Indonesia. Mereka yang dipilih menjadi responden dengan syarat, minimal berusia 65 tahun dan sudah berada di Bandar Pontianak sekurang-kurangnya 20 tahun. Berikut ini dipaparkan dalam bentuk jadual-jadual kemampuan berbahasa mereka untuk melihat kekerapan, peratusan, dan purata atas penguasaan bahasa tersebut.

Di bawah ini dipaparkan bilangan di dalam jadual yang menunjukkan penguasaan responden G I dalam berbicara dalam bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba.

**Jadual 4.16:** Kemahiran Berbicara G I: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba Sehari-hari

	Berbicara	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kurang	0 (0.0%)	1 (1.5%)
Sedang	3 (4.5%)	2 (3.0%)
Lancar	21 (31.3%)	7 (10.4%)
Sangat Lancar	43 (64.2%)	57 (85.1%)
Total	67 (100%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	4.60	4.79

Jadual di atas menunjukkan kemahiran G I berbahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba sehari-hari. Pada Generasi ini tampak bahawa penguasaan bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba dalam pemakaian lisan (berbicara) dalam purata tergolong tinggi. Walaupun demikian penguasaan bahasa Batak Toba masih lebih tinggi daripada penguasaan bahasa Indonesia. Keadaan ini dapat dimaklumi kerana generasi ini berasal langsung dari kampung halaman, tetapi anehnya ada pula di antara generasi ini yang mengaku kurang faham berbicara menggunakan bahasa Batak Toba (satu orang, 1.5%).

Penguasaan bahasa Indonesia dalam taraf lancar sangat berhubung kait dengan latar belakang responden, utamanya, (1) letak rumah tempat tinggal G I 49.3% di tepi gang (jalan sais sederhana) di antara rumah-rumah penduduk di bandar yang dapat dibuat dan dihuni oleh sesiapa sahaja, selebihnya di tepi jalan raya 23.9% dan di kompleks perumahan 26.9%. Puratanya ialah 2.03. Ertinya, majoriti G I bertempat tinggal di tepi gang; (2) Jiran G I 71.6% menyatakan tidak memiliki jiran sesama Batak Toba dan 28.4% menyatakan memiliki sedikit jiran Batak Toba. Dalam keadaan seperti (1) dan (2), kebolehan berbahasa Indonesia di antara sesama jiran menjadi diutamakan; (3) Pekerjaan G I 74.6% pensiun sebagai kakitangan pemerintah atau perusahaan; (4)

Jawatan G I semasa bekerja adalah sebagai pemimpin 41.8% dan selebihnya sebagai staf 31.3% dan karyawan 7.5%. Daripada sisi pekerjaan dan jawatan tersebut pula menuntut kemahiran menggunakan bahasa Indonesia; dan (5) Taraf pendidikan pula menunjukkan G I 49.3% tamat universiti, 44.8% tamat SMA. Ini menunjukkan bahawa G I majoriti berpendidikan tinggi yang berpotensi menjadikan mereka terdedah berbahasa Indonesia semasa mudanya.

Kemahiran berbahasa Batak Toba sehari-hari G I ternyata tidak selari dengan kemahiran mereka berbahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*. Sudah dapat dipastikan bahawa sesiapa sahaja yang tidak menguasai bahasa Batak Toba sehari-hari dalam pertuturan, tidak mungkin menguasai bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*. Kerana diperlukan masa dan tempat khas untuk mempelajarinya. Itu pun tidak dilakukan secara terbuka, tetapi secara tertutup. Apabila kita periksa jadual di bawah ini (4.17), tidak ada di antara responden G I yang mengaku fasih (lancar) dalam menjalankan bahasa ini, separuh mengatakan tidak faham sama sekali.

Walaupun demikian terlihat sedikit petunjuk bahawa responden G I lebih ramai yang mengetahui bahasa Batak Toba *raksa ni andung* daripada bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon*. Tampak perbandingan itu dalam jadual 4.17. Ragam bahasa *andung* lebih terbuka penggunaannya dan boleh disaksikan di kampung-kampung asal Batak Toba apabila ada orang yang sedang meratapi orang yang meninggal dunia. Kelainan ini lebih mudah mempelajarinya daripada bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon*.

Walaupun kemahiran berbahasa Batak Toba *raksa ni andung* lebih tinggi daripada kemahiran berbahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon*, tetapi kedua-dua kebolehan tersebut secara purata sudah menunjukkan kejatuhan penggunaan kedua-dua kelainan bahasa yang terdapat dalam bahasa Batak Toba. Keadaan ini sebagai akibat kedatangan

G I ke bandar Pontianak masih dalam usia muda, jarang mendengarkannya sebelumnya dan tiadanya lagi tradisi kedua-dua kelainan bahasa ini dilanjutkan di bandar Pontianak. Fakta ini menunjukkan bahawa tanda-tanda peralihan bahasa Batak Toba sudah dimulai daripada G I.

**Jadual 4.17:** Kemahiran Berbicara G I: dalam Bahasa Batak Toba: *Raksa ni Hadatuon* dan *Raksa ni Andung*

	Berbicara	
	<i>Raksa ni hadatuon</i>	<i>Raksa ni Andung</i>
Tidak faham	50 (74.6%)	40 (59.7%)
Kurang	15 (22.4%)	21 (31.3%)
Sedang	2 (3.0%)	5 (9.0%)
Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	1.28	1.49

#### 4.3.1.2 Kemahiran Berbicara dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II

Bagi generasi keturunan penghijrah yang sudah lahir di Pontianak pun, iaitu responden G II ditanyakan kemahiran mereka dalam menggunakan bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba. Soalan-soalan yang diajukan sama dengan yang diajukan kepada responden G I. Hal ini pula untuk mengetahui perbandingan di antara generasi Batak Toba dalam penguasaan bahasa. Apakah penguasaan bahasa Indonesia atau bahasa Batak Toba semakin meningkat atau semakin menurun pada generasi yang lebih muda?

**Jadual 4.18:** Kemahiran Berbicara G II: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Berbicara	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	2 (3.0%)
Kurang	0 (0.0%)	20 (29.9%)
Sedang	0 (0.0%)	36 (53.7%)
Lancar	9 (13.4%)	8 (11.9%)
Sangat Lancar	58 (86.6%)	1 (1.5%)
Total	67 (100%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	4.87	2.79

Kemahiran berbahasa lisan dalam hal berbicara dalam bahasa Indonesia oleh responden G II 86.6% pada taraf sangat lancar (purata 4.87). Lebih tinggi daripada pengetahuan responden G I.

Kemahiran berbahasa Indonesia tersebut sangat berhubung kait dengan latar belakang responden G II, utamanya: (1) responden G II merupakan generasi yang dilahirkan dan dibesarkan di bandar Pontianak; (2) responden G II lebih dominan bertempat tinggal di kompleks perumahan (49.3%) daripada di tepi gang dan tepi jalan raya. Hal ini membuat mereka bercampur dengan berbagai-bagai warga etnik lain; (3) Dalam soal perkahwinan pula semakin bervariasi antara G I dan G II. Di dalam responden G II perkahwinan sesama etnik Batak Toba masih mendominasi, tetapi tampak terjaring perkahwinan antar etnik yang menunjukkan bukan lagi hanya lelaki Batak Toba yang berkahwin dengan perempuan daripada etnik lain, tetapi juga perempuan Batak Toba sudah kahwin pula dengan lelaki dari etnik lain; (4) Taburan data menunjukkan Responden G II bekerja pada sebarang lapangan kerja (95.5%) dan hanya 4.5% yang menyatakan diri sudah pensiun; (5) responden G II pada setakat ini mereka masih lebih ramai yang menjadi staf di tempat mereka bekerja (55.2%),

walaupun ada juga yang sudah menjadi pemimpin (19.4%); (6) Pendidikan yang ditempuh para responden G II lebih ramai yang tamat universiti (77.6%) dan paling sedikit tamatan sekolah lanjutan tingkat atas (22.4%); (7) responden G II majoriti yang menyatakan tak berjiran dengan sesama Batak Toba (71.6%).

Gambaran latar belakang responden G II seperti dihuraikan di atas membolehkan kemahiran berbicara dalam bahasa Indonesia berbanding terbalik dengan kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba sehari-hari. Kemahiran G II berbahasa Batak Toba majoriti pada taraf sedang (53.7%) dan semua responden G II pada purata 2.79 di bawah purata sedang. Anehnya, di antara responden G II -- keturunan pertama orang Batak Toba yang lahir di Pontianak – sudah ada yang mengaku tidak faham berbicara dalam bahasa Batak Toba (3%). Keadaan ini menunjukkan semakin pasti berlaku peralihan bahasa Batak Toba dari penutur asli di Pontianak.

Apabila kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba responden G II pada purata level kurang, hal itu juga ternyata berbanding lurus dengan kemahiran generasi ini berbahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan bahasa Batak Toba *raksa ni andung*. Akan menjadi aneh apabila mereka menyatakan lancar berbahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* atau *andung*, tetapi apabila berbicara dalam bahasa Batak Toba sehari-hari mereka kurang faham.

Jadual 4.19 di bawah menunjukkan bahawa kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* G II majoriti mengaku tidak faham (95.5%) dan pada purata 1.04 atau level tidak faham. Demikian pula kemahiran G II berbicara dalam bahasa Batak Toba *raksa ni andung* semakin merosot lagi, iaitu 97.0% mengaku tidak faham dan semuanya pada purata tidak faham (1.03). Dalam penguasaan kedua-dua kelainan bahasa Batak Toba ini responden G I (1.28 dan 1.49) masih lebih tinggi daripada responden G II. Walaupun demikian, gambaran ini menunjukkan bahawa G II



Batak Toba di Pontianak sudah tidak faham lagi menggunakan kedua-dua kelainan bahasa Batak Toba ini. Semakin menambah sokongan bagi segera beralih bahasa Batak Toba.

**Jadual 4.19:** Kemahiran Berbicara G II: dalam Bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*

	Berbicara	
	<i>Raksa ni hadatuon</i>	<i>Raksa ni andung</i>
Tidak faham	64 (95.5%)	65 (97.0%)
Kurang	3 (4.5%)	2 (3.0%)
Sedang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	1.04	1.03

#### 4.3.1.3 Kemahiran Berbicara dalam bahasa Indonesia dan Batak Toba G III

Sebagaimana pada G I dan G II, pada G III pun kemahiran berbahasa mereka turut diperiksa. Tiada lain dan tiada bukan tujuannya ialah untuk mengetahui penguasaan bahasa tiap-tiap generasi yang dijadikan sumber data dalam penyelidikan ini.

Jika diperhatikan jadual 4.20 di bawah ini ternyata penguasaan bahasa lisan G II, dalam hal ini kemahiran berbicara dalam bahasa Indonesia, lebih tinggi daripada kemahiran G III berbicara dalam bahasa Indonesia. Ini dapat dimaklumkan kerana di antara anggota kalangan G III ini sebahagiannya merupakan anak-anak murid sekolah dasar atau sekolah rendah yang masih kerap bersama ibu bapanya. Apabila dibandingkan ketiga-tiga generasi, ternyata G II yang paling tinggi berbahasa Indonesia dan G I yang paling rendah (G I = 4.60; G II = 4.87; dan G III = 4.82). Secara purata

ketiga-tiga Generasi dapat dikatakan mempunyai penguasaan bahasa lisan dalam bahasa Indonesia di atas lancar, bahkan mendekati sangat lancar. Ini pula merupakan pertanda semakin kukuhnya bahasa Indonesia bagi orang Batak Toba di Pontianak.

**Jadual 4.20:** Kemahiran Berbicara G III: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Berbicara	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	13 (19.4%)
Kurang	0 (0.0%)	38 (56.7%)
Sedang	1 (1.5%)	15 (22.4%)
Lancar	10 (14.9%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	56 (83.6%)	1 (1.5%)
Total	67 (100.0%)	67 (100%)
Mean/Purata: 1-5	4.82	2.07

Sementara itu, kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba sehari-hari dari generasi tua ke generasi muda ternyata semakin menurun. Pada G I kemahiran ini masih tergolong tinggi di atas lancar dengan purata 4.79. Pada kalangan G II kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba tersebut langsung menurun tajam ke purata di atas kurang-di bawah sedang 2.79, dan semakin jatuh lagi di kalangan G III di purata 2.07. Perbandingan lainnya ialah bahawa G II yang tidak faham berbicara dalam bahasa Batak Toba hanya 3.0%, dan yang kurang faham 29.9%. Pada G III yang tidak faham sudah naik menjadi 19.4% dan yang kurang faham lebih dari setengah jumlah responden (56.7%). Sudah boleh dibayangkan penyusutan yang terjadi bagi generasi-generasi seterusnya. Maknanya, G III sudah pada taraf kurang berbicara dalam bahasa Batak Toba.

Melihat kenyataan G III sudah pada taraf kurang pengetahuannya dalam berbicara dalam Bahasa Batak Toba sehari-hari maka tidak perlu lagi dipersoalkan apabila pengetahuan generasi ini berbicara dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung* tidak ada lagi. Semua responden G III (100%) mengaku tidak faham berbicara dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung* seperti dinyatakan dalam jadual di bawah ini.

**Jadual 4.21:** Kemahiran Berbicara G III: dalam Bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*

	Berbicara	
	<i>Raksa ni hadatuon</i>	<i>Raksa ni Andung</i>
Tidak faham	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Kurang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sedang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	1.00	1.00

Ini bermakna, satu demi satu bahagian dari unsur kekayaan budaya yang dimiliki suku bangsa Batak Toba yang terperi di dalam bahasa Batak Toba di tanah rantau sudah di ambang kepupusan.

#### 4.3.2 Kemahiran Mendengar Responden

Seperti dalam kajian berbicara, untuk mendapatkan maklumat kemahiran mendengar dalam bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba kepada semua responden G I, G II, dan G III diminta memberikan jawapan dalam bentuk pengakuan peribadi

secara tertutup, iaitu memilih salah satu jawapan berikut (1) tidak faham, (2) kurang (3) sedang, (4) lancar, dan (5) sangat lancar. Hasilnya seperti berikut.

#### 4.3.2.1 Kemahiran Mendengar dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I

Pada jadual di bawah ini ditunjukkan kemahiran mendengar dalam bahasa Indonesia oleh responden G I, iaitu dalam purata mendekati sangat lancar, iaitu 4.66 dari nilai 5.00. Lagi pula tak ada informan G I yang mengaku kurang lancar, apalagi tak faham.

**Jadual 4.22:** Kemahiran Mendengar G I: Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba Sehari-hari

	Mendengar	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kurang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sedang	1 (1.5%)	3 (4.5%)
Lancar	21 (31.3%)	15 (22.4%)
Sangat Lancar	45 (67.2%)	49 (73.1%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	4.66	4.69

Dalam berbahasa Batak Toba sehari-hari, kemahiran mendengar lebih tinggi lagi daripada kemahiran mendengar dalam bahasa Indonesia. Dalam hal ini terdapat 73.1% responden yang mengaku pemahamannya sangat lancar. Ini tentu sangat wajar apabila mengingat latar belakang mereka ialah orang pendatang asli dari kampung halaman. Semasa di kampung halaman, mereka (G I) hidup sesama orang Batak Toba. Jiran, sahabat, teman kerja, pekedai, pemandu bas, guru, doktor perubatan, polis, kaki tangan

kerajaan, beribadah, menjalankan aktiviti adat, minum kopi di kantin, semua sesama orang Batak Toba.

Kemahiran mendengar dalam bahasa Batak Toba sehari-hari apabila dibandingkan dengan kemahiran mendengar dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung* sangat tempang (tak seimbang). Responden G I yang tidak faham Bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung* lebih ramai daripada responden yang kurang faham.

**Jadual 4.23:** Kemahiran Mendengar G I: Berbahasa Batak Toba *Raksa ni Hadatuon* dan *Raksa ni Andung*

	<b>Mendengar</b>	
	<i>Raksa ni Hadatuon</i>	<i>Raksa ni Andung</i>
Tidak faham	49 (33.1%)	38 (56.7%)
Kurang	15 (22.4%)	25 (37.3%)
Sedang	2 (3.0%)	3 (4.5%)
Lancar	1 (1.5%)	1 (1.5%)
Sangat Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	1.33	1.51

Hanya sedikit perbezaan antara yang dapat memahami pembicaraan orang dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*. Kemahiran mendengar bahasa Batak Toba *raksa ni andung* lebih baik daripada *raksa ni hadatuon*. Tetapi bagi kedua-dua pemahaman kelainan bahasa ini pada purata 1.33 dan 1.51. Maknanya, purata kemahiran responden G I adalah di antara tidak faham dan kurang faham. Hal ini pula semakin menambah tekanan bagi penguasaan Bahasa Batak Toba di Pontianak.

#### 4.3.2.2 Kemahiran Mendengar dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II

Kemahiran G II mendengar dalam bahasa Indonesia pula menunjukkan pada taraf yang tinggi, iaitu 86.6% responden mengaku sangat lancar, seperti diperlihatkan oleh jadual di bawah ini.

**Jadual 4.24:** Kemahiran Mendengar G II : dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Mendengar	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kurang	0 (0.0%)	9 (13.3%)
Sedang	2 (3.0%)	33 (49.3%)
Lancar	7 (10.4%)	18 (26.9%)
Sangat Lancar	58 (86.6%)	7 (10.4%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	4.84	3.34

Apabila kemahiran mendengar dalam bahasa Indonesia seperti di atas dibandingkan dengan kemahiran mendengar dalam bahasa Batak Toba adalah 4.84 berbanding 3.34. Itu bererti, kemahiran mendengar dalam bahasa Indonesia G II pada taraf di atas lancar, sedangkan kemahiran mendengar dalam bahasa Batak Toba sehari-hari G II pada taraf sedang. Ini menunjukkan pula adanya kemunduran G II dalam penguasaan bahasa Batak Toba.

Apabila kemahiran G II ini dibandingkan dengan kemahiran responden G I dalam kemahiran mendengar dalam bahasa Batak Toba sehari-hari, maka terjadi penurunan yang drastik, iaitu 4.69 bagi responden G I berbanding 3.34 bagi responden G II, iaitu pemahaman sangat lancar berbanding pemahaman sedang. Ini menunjukkan bahawa

penguasaan bahasa Batak Toba di kalangan G II sudah berkurang jauh daripada G I dan ini semakin melebarkan pintu bagi berlalunya bahasa Batak Toba di Pontianak.

Melihat pula kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba sehari-hari dan kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan bahasa Batak Toba *raksa ni andung*, demikian pula dalam kemahiran mendengar dalam bahasa Batak Toba sehari-hari oleh responden generasi II yang rendah, maka mustahil mengharapkan adanya kemahiran yang tinggi pada mendengar dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *andung*. Hal ini dapat disaksikan pada jadual berikut ini tentang kemahiran mendengar dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan bahasa Batak Toba *raksa ni andung*. Kedua-dua kemahiran berada pada level tidak tahu, masing-masing purata sama (1.03). Ini pula menegaskan semakin pekat tanda-tanda beralih bahasa ini dari pemiliknya.

**Jadual 4.25:** Kemahiran Mendengar G II: Berbahasa Batak Toba *Raksa ni Hadatuon* dan *Raksa ni Andung*

	Mendengar	
	<i>Raksa ni Hadatuon</i>	<i>Raksa ni Andung</i>
Tidak faham	65 (97.0%)	65 (97.0%)
Kurang	2 (3.0%)	2 (3.0%)
Sedang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	1.03	1.03

### 4.3.2.3 Kemahiran Mendengar dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba III

Sebagaimana G I dan G II, kemahiran G III dalam mendengar atau memahami pembicaraan orang dalam bahasa Indonesia tidak perlu diragukan lagi. Generasi ini berada pada taraf mendekati sangat lancar dengan purata 4.78.

**Jadual 4.26:** Kemahiran Mendengar G III: Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Mendengar	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	7 (10.4%)
Kurang	0 (0.0%)	22 (32.8%)
Sedang	1 (1.5%)	28 (41.8%)
Lancar	13 (19.4%)	8 (11.9%)
Sangat Lancar	53 (79.1%)	2 (3.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata	4.78	2.64

Apabila berhubungan dengan kemahiran berbahasa Batak Toba, sama ada berbicara, mahupun mendengar sepertinya sudah berlaku penurunan. Daripada kemampuan mendengar G I yang berada pada purata 4.69, turun menjadi 3.34 bagi G II, dan sekarang peringkat itu di kalangan G III hanya menjadi 2.64. Ini merupakan penurunan yang sistematik. Makin ke bawah makin rendah. Apabila ini berterusan sangat dimungkinkan generasi berikutnya tidak akan ada lagi yang mengetahui bahasa Batak Toba apalagi pada bahasa batak Toba yang lebih khusus, iaitu bahasa Batak Toba *raksa ni andung* dan bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon*.

Dalam dua kemahiran berbahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*, responden G III 100% mengaku tidak faham, sama ada berbicara dan mendengar. Sementara G I masih ada yang mengaku pada taraf sedang walaupun hanya



9.0% dan taraf kurang 31.3%. Sedangkan G II sudah hampir sama dengan G III tidak ada lagi mengaku mencapai taraf sedang, hanya 3.0% yang mengaku taraf kurang dan selebihnya tidak faham.

**Jadual 4.27:** Kemahiran Mendengar G III: dalam Bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*

	<b>Mendengar</b>	
	<b><i>Raksa ni hadatuon</i></b>	<b><i>Raksa ni Andung</i></b>
Tidak faham	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Kurang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sedang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	1.00	1.00

### 4.3.3 Kemahiran Membaca Responden

Sekarang tibalah pada meneroka kemahiran berbahasa bahagian yang kedua, iaitu berbahasa tulis yang dimulakan daripada membaca. Dalam hal penguasaan membaca, dibagi menjadi empat kemahiran, iaitu kemahiran membaca melalui huruf atau abjad Latin/Rumi dan kemahiran membaca melalui huruf atau aksara Batak Toba. Kemahiran berikutnya ialah kemahiran memahami isi bacaan dalam bahasa Indonesia dan kemahiran memahami isi bacaan dalam bahasa Batak Toba, tentu dalam huruf Latin.

#### 4.3.3.1 Kemahiran Membaca dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I

Yang pertama ialah bahawa kemahiran membaca dalam abjad atau huruf Rumi/Latin oleh responden G I di peringkat lancar dan sangat lancar. Dalam hal ini yang sangat lancar lebih ramai daripada yang lancar.

**Jadual 4.28:** Kemahiran Membaca G I: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak Toba

	Membaca	
	Aksara Latin	Aksara Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	27 (40.3%)
Kurang	0 (0.0%)	24 (35.8%)
Sedang	0 (0.0%)	10 (14.9%)
Lancar	18 (26.9%)	6 (9.0%)
Sangat Lancar	49 (73.1%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata	4.73	1.93

Berbeza daripada pemahaman membaca dalam abjad Latin, kemahiran membaca dalam aksara Batak Toba hanya 9% G I yang lancar dan lebih ramai yang tidak faham lagi 40.3% dan purata mereka pada taraf kurang faham (1.93). Ini berlaku kerana sudah jarang atau sulit ditemui terbitan atau akhbar yang menyertakan berita dalam aksara Batak Toba. Kekurangan G I Ini pula semakin menambah petunjuk berlakunya peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak.

Untuk persoalan menyemak, sama ada dalam bacaan berbahasa Indonesia dan bacaan berbahasa Batak Toba kedua-dua kemahiran ini sama-sama menunjukkan kemahiran yang tinggi mendekati sangat lancar (purata 4.66 dan 4.69). Walaupun demikian bahawa kemahiran menyemak isi bacaan dalam bahasa Batak Toba oleh

responden G I masih lebih tinggi lagi daripada kemahiran mendengar dalam bahasa Indonesia.

**Jadual 4.29:** Kemahiran Membaca G I: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Membaca	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kurang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sedang	1 (1.5%)	3 (4.5%)
Lancar	21 (31.3%)	15 (22.4%)
Sangat Lancar	45 (67.2%)	49 (73.1%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	4.66	4.69

#### 4.3.3.2 Kemahiran Membaca dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II

Berikut ini pembahasan tentang kemahiran membaca dalam bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba oleh responden G II. Tanpa diragukan lagi, berkenaan dengan pendidikan formal generasi ini, wajarlah apabila responden G II mengaku pada taraf lancar (16.4%) dan sangat lancar (83.6%) membaca dalam abjad huruf Latin. Responden G II Tiada yang mengaku kemahiran di bawah lancar. Kemahiran G II membaca menggunakan huruf Latin dalam purata 4.84. Apalagi di Pontianak, hanya huruf inilah yang dipakai dalam bahasa tulis rasmi dalam dunia pendidikan dan sastera. Jadual berikut ini menunjukkan kemahiran itu.

Langsung berbalik daripada pengetahuan membaca dalam abjad Latin, kemahiran membaca G II dalam abjad atau aksara Batak Toba dapat dikatakan berada pada taraf tidak faham (1.12). Memanglah di perantauan tidak ada lagi sekolah yang bersedia memberi pelajaran berbahasa daerah bagi murid-murid keturunan penghijrah dari

daerah lain. Inilah yang menjadi perhatian pihak ibu bapa dan pemerhati budaya lainnya.

**Jadual 4.30:** Kemahiran Membaca G II: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak Toba

	<b>Membaca</b>	
	<b>Aksara Latin</b>	<b>Aksara Batak Toba</b>
Tidak faham	0 (0.0%)	59 (88.1%)
Kurang	0 (0.0%)	8 (11.9%)
Sedang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Lancar	11 (16.4%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	56 (83.6%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	4.84	1.12

Apabila kemahiran ini dibandingkan dengan kemahiran responden G I dalam membaca aksara Batak Toba ternyata pada generasi II ini sudah jauh menurun. Pada G I masih ada yang cemerlang sangat lancar, apabila G II hanya ada taraf kurang dan tidak faham.

**Jadual 4.31:** Kemahiran G II Membaca: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	<b>Membaca</b>	
	<b>Bahasa Indonesia</b>	<b>Bahasa Batak Toba</b>
Tidak faham	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kurang	0 (0.0%)	9 (13.4%)
Sedang	2 (3.0%)	33 (49.3%)
Lancar	7 (10.4%)	18 (26.9%)
Sangat Lancar	58 (86.6%)	7 (10.4%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	4.84	3.34

Demikian pula kemahiran G II membaca dalam bahasa Indonesia dan membaca dalam bahasa Batak Toba adalah rumpang, di mana kemahiran membaca dalam bahasa Indonesia majoriti responden G II mengaku sangat lancar (86.6%), sementara membaca dalam bahasa Batak Toba hampir separuh responden G II mengaku di taraf sedang (49.3%), di taraf lancar (26.9%), dan lebih sedikit lagi pada taraf sangat lancar (10.4%). Dalam keseluruhan kemahiran G II membaca dalam bahasa Batak Toba pada purata 3.34. Purata kemahiran responden G II berada sedikit di atas sedang.

#### 4.3.3.3 Kemahiran Membaca dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G III

Kemahiran membaca dalam huruf Latin responden G III ternyata sudah di atas purata lancar (4.84), walaupun sebenarnya masih ada di antara mereka yang masih berpendidikan sekolah rendah. Sebahagian besar responden G III mengaku sangat lancar (83.6%) dan selebihnya mengaku lancar (14.4%) Kebenaran itu dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.32:** Kemahiran Membaca G III: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak Toba

	Membaca	
	Aksara Latin	Aksara Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	67 (100.0%)
Kurang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sedang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Lancar	11 (14.4%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	56 (83.6%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	4.84	1.00

Dalam hal membaca dalam aksara Batak Toba, ternyata juga sudah memperlihatkan penurunan yang sistematik. Pada G I Kemampuan ini masih pada taraf 1.93 di antara

responden masih ada yang berkemampuan peringkat lancar. Mereka yang berada pada G II ternyata sudah semakin menurun ke purata 1.12, dan akhirnya G III tidak ada lagi yang mengaku kurang faham, 100% mengaku tidak faham membaca abjad Batak Toba itu. Keadaan ini pun apabila berlangsung berterusan, kelak tidak ada lagi orang Batak Toba yang dapat membaca aksara Batak Toba. Semakin banyaklah unsur budaya yang pupus.

Boleh disimpulkan bahawa bagi G III orang Batak Toba di pontianak kemahiran dalam bahasa *raksa ni hadatuon*, *raksa ni andung*, dan kemahiran membaca dan menulis menggunakan aksara Batak Toba sudah pupus.

Di pihak lain, seiring dengan semakin meningkatnya taraf pendidikan responden, kemahiran mereka pun dalam mendengar dalam bahasa Indonesia semakin meningkat. Namun bagi sebahagian responden G III masih berpendidikan rendah sesuai dengan usia mereka sehingga untuk setakat ini pengetahuan membaca mereka masih seperti pada jadual di bawah ini, iaitu pada taraf lancar (4.78), ada yang masih taraf sedang walaupun di antara mereka juga sudah ada yang sudah sangat lancar, seperti pada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.33:** Kemahiran Membaca G III: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Membaca	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	7 (10.4%)
Kurang	0 (0.0%)	22 (32.8%)
Sedang	1 (1.5%)	28 (41.8%)
Lancar	13 (19.4%)	8 (11.9%)
Sangat Lancar	53 (79.1%)	2 (3.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	4.78	2.64

Kemahiran membaca dalam bahasa Batak Toba, penurunannya sudah terasa pada G II. G II hanya mendapat purata 3.34. Maknanya, mereka tidak ada lagi yang mencapai taraf sedang. Sekarang, pada G III kemampuan ini sudah turun hampir mendekati tidak faham (2.64).

#### **4.3.4 Kemahiran Menulis Responden**

Kemahiran menulis pun, dibagi menjadi empat macam, iaitu kemahiran menulis melalui huruf atau abjad Latin dan kemahiran menulis melalui huruf atau aksara Batak Toba. Kemahiran berikutnya ialah kemahiran menulis sebarang maklumat dalam bahasa Indonesia dan kemahiran menulis sebarang maklumat dalam bahasa Batak Toba, tentu dalam huruf Latin.

##### **4.3.4.1 Kemahiran Menulis dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G I**

Seperti pada kemahiran membaca, kemahiran menulis pun dibagi ke dalam empat bahagian, iaitu kemahiran menulis melalui huruf Latin dan kemahiran menulis dalam huruf Batak Toba. Kemahiran berikutnya ialah kemahiran menulis sesuatu cerita atau sebarang maklumat lainnya dalam bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba.

Jadual 4.34 di bawah ini menunjukkan kemahiran G I menulis dalam huruf Latin. Disimpulkan bahawa kemahiran ini di peringkat purata 4.66. Maknanya, G I sangat lancar dalam kemahiran menulis melalui abjad Latin. Hampir sama dengan kemahiran membaca responden G I melalui abjad Batak Toba, dalam jadual 4.34 pula ditunjukkan bahawa kemahiran G I menulis melalui abjad atau aksara Batak Toba tergolong rendah hanya di purata 1.88. Hal itu bermakna, kemahiran G I terletak di bawah kurang. Keadaan ini semakin melengkapkan petunjuk ke arah peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak

**Jadual 4.34:** Kemahiran Menulis G I: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak Toba

	Menulis	
	Aksara Latin	Aksara Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	27 (40.3%)
Kurang	0 (0.0%)	25 (37.3%)
Sedang	1 (1.5%)	11 (16.4%)
Lancar	21 (31.3%)	4 (6.0%)
Sangat Lancar	45 (67.2%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	4.66	1.88

Kemahiran menulis cerita atau sebarang maklumat apa pun dalam bahasa Indonesia oleh responden G I tergolong pada taraf purata 4.34, maknanya purata di atas lancar. Hal itu dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.35:** Kemahiran Menulis G I: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Menulis	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kurang	0 (0.0%)	2 (3.0%)
Sedang	3 (4.5%)	5 (7.5%)
Lancar	38 (56.7%)	35 (52.7%)
Sangat Lancar	26 (38.8%)	25 (37.3%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	4.34	4.24

Hampir sama dengan kemampuan menulis dalam bahasa Indonesia, kemampuan menulis sebarang cerita dalam bahasa Batak Toba dalam taraf 4.24, iaitu di atas lancar.



Walaupun dalam hal ini kemahiran menulis dalam bahasa Indonesia menduduki peringkat lebih tinggi.

#### 4.3.4.2 Kemahiran Menulis dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G II

Kemahiran G II dalam Menulis melalui aksara Latin tidak berbeza dari kemahiran mereka dalam membaca menggunakan aksara Latin, iaitu purata di atas lancar (4.81). Itu wajar kerana mereka majoriti tamat universiti dan menggunakan bahasa Indonesia dalam menempuh pendidikan sebagai bahasa rasmi, sama ada lisan, mahupun tulisan. Jadual di bawah ini menyatakan kebenaran itu.

**Jadual 4.36:** Kemahiran Menulis G II : dalam Aksara Latin dan Aksara Batak Toba

	Menulis	
	Aksara Latin	Aksara Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	60 (89.6%)
Kurang	0 (0.0%)	7 (10.4%)
Sedang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Lancar	13 (19.4%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	54 (80.6%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	4.81	1.10

Sama halnya dengan kemahiran membaca dalam aksara Batak Toba, kemahiran menulis dalam abjad Batak Toba juga berada pada peringkat yang rendah, iaitu majoriti mengaku tidak faham (89.6%) dan yang lainnya (10.4%) mengaku kurang faham. Kemahiran menulis dalam abjad Batak Toba semua G II boleh dikatakan pada purata tidak faham (1.10).

Tidak berbeza dari kemahiran menyemak tulisan dalam bahasa Indonesia, kemahiran menulis dalam bahasa Indonesia responden G II juga mencapai di purata lancar 4.19. Sementara itu dalam kemahiran menulis dalam bahasa Batak Toba Responden G II majoriti mengaku kurang faham (56.7%), kemudian mengaku faham taraf sedang, dan tidak faham. Tak seorang pun responden G II mengaku lancar dan sangat lancar.

**Jadual 4.37:** Kemahiran Menulis G II: dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Menulis	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	12 (17.9%)
Kurang	1 (1.5%)	38 (56.7%)
Sedang	1 (1.5%)	17 (25.4%)
Lancar	49 (73.1%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	16 (23.9%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	4.19	2.07

Apabila dibandingkan G I dan G II pada kemahiran yang sama, iaitu menulis dalam bahasa Batak Toba terdapat perbezaan yang cukup besar, iaitu G I pada purata 4.24, di atas taraf lancar, sedangkan G II pada purata 2.07, taraf mendekati kurang faham. Selain itu, responden G II pula sudah ada yang mengaku tidak faham menulis dalam bahasa Batak Toba (17.9%). Ini menandakan bahawa pada generasi kedua sudah terjadi tanda-tanda peralihan bahasa bagi orang Batak Toba di Pontianak.

#### 4.3.4.3 Kemahiran Menulis dalam Bahasa Indonesia dan Batak Toba G III

Kemahiran membaca dan menulis menggunakan huruf Latin bagi G III yang sebahagian daripada anggotanya pelajar sekolah rendah dan menengah boleh dikatakan pada taraf meningkatkan kemampuan diri. Dalam kemahiran ini G III masih di bawah G I dan G II. Selengkapnya di dalam jadual 4.38 di bawah.

Bagi G III ini, sepertinya masalah '*kebatakan*' sudah semakin menipis daripada benak mereka sehingga pengetahuan mereka terhadap unsur-unsur budaya Batak Toba dalam kajian ini sudah pada taraf hilang. Demikianlah pula pada kemampuan menulis melalui aksara Batak Toba tak seorang pun di antara mereka yang menyatakan masih memiliki pengetahuan untuk menjalankannya. Sementara di pihak lain penguasaan unsur-unsur budaya baru semakin kuat, seperti penguasaan bahasa Indonesia.

**Jadual 4.38:** Kemahiran Menulis G III: dalam Aksara Latin dan Aksara Batak Toba G III

	Menulis	
	Aksara Rumi/Latin	Aksara Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	67 (100.0%)
Kurang	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Sedang	1 (1.5%)	0 (0.0%)
Lancar	10 (14.9%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	56 (83.6%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
Mean/Purata: 1-5	4.82	1.00

Selanjutnya, kemahiran menulis teks dalam bahasa Indonesia Oleh G III menunjukkan tingkat yang relatif sama dengan kemahiran membaca dalam bahasa Indonesia. Walaupun masih di bawah taraf G I dan G II, mereka sudah menunjukkan tarafnya sebagai pelajar pada taraf di atas sedang (3.87).

**Jadual 4.39:** Kemahiran G III Menulis: Bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba

	Menulis	
	Bahasa Indonesia	Bahasa Batak Toba
Tidak faham	0 (0.0%)	34 (50.0%)
Kurang	0 (0.0%)	31 (46.3%)
Sedang	9 (13.4%)	2 (3.0%)
Lancar	58 (86.6%)	0 (0.0%)
Sangat Lancar	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Total	67 (100.0%)	67 (100.0%)
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	3.87	1.52

Kemahiran menulis dalam bahasa Batak, walaupun menggunakan huruf Latin, ternyata G III sudah tetap tidak menunjukkan kebolehannya pada taraf sedang. Responden G III pada peringkat pertama 50.0% mengaku tidak faham lagi menulis dalam bahasa Batak Toba. Mereka secara purata hanya sampai pada taraf di bawah kurang (1.52). Semakin pudarlah bahasa Batak Toba dalam kalangan orang Batak Toba generasi berikutnya di Pontianak.

#### 4.3.5 Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba

Bahasa adat Batak Toba adalah satu kelainan bahasa yang biasanya digunakan pada saat berlangsung upacara adat Batak Toba. Upacara adat itu hanya boleh dihadiri warga adat Batak Toba. Syarat menjadi warga adat Batak Toba ialah apabila seseorang sudah berkahwin (menikah) dan perkahwinannya dirasmikan di dalam majlis adat Batak Toba.

Bahasa adat itu tampak indah dan diucapkan dengan jelas dengan pilihan kata-kata khas dan disertai pula dengan pemakaian pantun-pantun dan peribahasa untuk menegaskan pesan-pesan yang ingin disampaikan. Untuk menggunakan bahasa adat ini

tidak cukup hanya memiliki keterampilan berbahasa, tetapi diperlukan pula kecerdasan emosional dan kepandaian yang tinggi. Penutur merupakan juru bicara yang ulung dan tangkas dalam perdebatan atau perbahasan. Tidak boleh terjadi pertengkaran walau bagaimanapun sulitnya sesuatu yang dibicarakan antara dua pihak yang terlibat dalam perundingan permasalahan adat.

#### 4.3.5.1 Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba G I

Dalam kajian ini didapati bahawa sebahagian besar responden G I menyatakan lancar menjalankan bahasa adat Batak Toba (34,3%). Ada pula yang mengaku tidak faham. Selengkapanya dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.40:** Kemahiran G I Berbicara sambil Memakai Pantun Batak Toba *Umpasa* dan *Umpama* dalam Upacara Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	6	9.0
Kurang	21	31.3
Sedang	13	19.4
Lancar	23	34.3
Sangat Lancar	4	6.0
Total	67	100.0
Purata/ <i>Mean</i> : 1-5	2.97	

*Parsinabung/parsinabul* (juru bicara) dalam upacara adat memiliki peranan yang sangat penting. Kelancaran jalannya upacara adat berada di tangannya. Kepiawaiannya berbicara akan membuat orang lain yang mendengarnya terkesima. Diperlukan latihan yang cukup lama untuk dapat menjadi *parsinabul* yang baik.

Dengan keadaan yang harus dimiliki oleh seorang *parsinabul* pada zaman ini dan berlaku di perantauan lagi memanglah sudah jarang orang Batak Toba yang mahir memandu jalannya upacara adat Batak Toba. Sehingga kita dapat melihat pengakuan

responden G I berikut ini dalam jadual 4.41 di bawah ini yang mengatakan bahawa hanya 10.4% sahaja yang masih memiliki kategori sangat lancar untuk menjalankannya. Kalau diambil purata, seluruhnya di bawah sedang (2.72).

**Jadual 4.41:** Kemahiran G I Berbicara sebagai *Parsinabung/Parsinabul* dan Memandu Upacara Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	14	20.9
Kurang	19	28.4
Sedang	13	19.4
Lancar	14	20.9
Sangat Lancar	7	10.4
Total	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		2.72

Kemahiran yang terakhir dalam penyelidikan bahasa adat ini ialah kemahiran untuk menjelaskan segala material adat yang dijadikan sebagai media untuk sesuatu simbol atau falsafah dalam upacara adat. Ini pula menunjukkan kekayaan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang yang mengerti adat Batak Toba. Jadual 4.42 di bawah ini memperlihatkan bahawa penguasaan responden G I menjelaskan segala material adat Batak Toba secara keseluruhan masih di atas sedang (2.96) walaupun ada yang mengaku sangat lancar (6.0%) dan tidak faham (7.5%).

Semua kemahiran G I dalam bahasa adat Batak Toba tidak ada yang mencapai purata taraf sedang (3.0). Ini menunjukkan bahawa responden G I lebih ramai yang kurang faham daripada yang faham. Apabila keadaan ini sudah berlaku bagi G I maka semakin sedikit peluang bahasa Batak Toba diturunkan bagi generasi seterusnya di Pontianak.

**Jadual 4.42:** Kemahiran G I Menjelaskan Makna Simbol-simbol Material Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	5	7.5
Kurang	21	31.3
Sedang	17	25.4
Lancar	20	29.9
Sangat Lancar	4	6.0
Total	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		2.96

#### 4.3.5.2 Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba G II

Berbanding dengan pengetahuan G I di bidang berbahasa adat Batak Toba, khas bahagian yang pertama, berbicara sambil melantunkan pantun-pantun dan peribahasa, pengetahuan G II di bidang yang sama sudah jauh menurun. Pada pengetahuan ini, G I masih ada yang dapat melakukannya dengan sangat lancar walaupun tingkat purata mereka berada di atas kurang (2.97), atau mendekati sedang (3.00). Hal yang berbeza terjadi pada G II ialah bahawa tidak ada lagi kalangan ini yang mengaku mencapai taraf sedang. Mereka berada di purata 1.30, iaitu di golongan tidak faham.

**Jadual 4.43:** Kemahiran G II Berbicara sambil Memakai Pantun Batak Toba *Umpasa* dan *Umpama* dalam Upacara Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	47	70.1
Kurang	20	29.9
Total	67	100.0
<i>Mean/ Purata: 1-5</i>		1.30

Kemahiran menjadi *parsinabul* pun menjadi semakin berkurang, karena kepandaian ini lebih sulit/berat daripada sekadar melantunkan pantun-pantun. Responden G II yang

tidak faham melakonkan *parsinabul* semakin ramai dibandingkan dengan pada bidang yang pertama di atas. Inilah yang terlihat pada jadual 4.44 berikut ini.

**Jadual 4.44:** Kemahiran G II Berbicara sebagai *Parsinabung/Parsinabul* dan Memandu Upacara Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	58	86.6
Kurang	9	13.4
Total	67	100.0
Purata/ <i>Mean</i> : 1-5	1.13	

Daripada kemahiran di pihak yang ketiga ini, ternyata ada perbezaan daripada kemahiran di bahagian yang pertama dan kedua kerana masih ada responden yang mengaku berpengetahuan sedang, tetapi secara am generasi ini sudah dapat dikatakan tidak sanggup lagi berbahasa adat Batak Toba. Ini dipaparkan pada jadual 4.45 di bawah.

Kemahiran berbahasa adat Batak Toba antara G I dan G II kedua-dua generasi sudah pada level lemah, iaitu hanya berada di bawah purata sedang. Walaupun demikian kemahiran G I lebih tinggi daripada G II. Responden G I Masih ada yang mengaku sangat lancar, lancar, dan sedang dalam ketiga-tiga kemahiran berbahasa adat Batak Toba.

**Jadual 4.45:** Kemahiran G II Menjelaskan Makna Simbol-simbol Material yang Digunakan dalam Upacara Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	48	71.6
Kurang	18	26.9
Sedang	1	1.5
Total	67	100.0
<i>Mean</i> /Purata: 1-5	1.30	



Sedangkan G II hanya satu orang yang mengaku berbahasa adat Batak Toba pada taraf sedang. Selebihnya Tidak faham dan kurang faham. Satu lagi yang tampak daripada kemahiran berbahasa adat Batak Toba ini ialah bahawa G I pendatang asli daripada kampung halaman sudah lebih ramai yang tidak faham daripada yang faham. Hal ini menunjukkan bahawa dunia adat pun nyata tidak sanggup mengekalkan pemakaian Bahasa Batak Toba di Pontianak.

#### 4.3.5.3 Kemahiran Berbahasa Adat Batak Toba G III

Kemahiran berbahasa adat yang ditunjukkan G III ini walaupun di antara mereka sebenarnya sudah ada yang dewasa dan mulai belajar mempersiapkan diri untuk berumah tangga, tetapi taraf pencapaian G III dalam bahasa adat boleh dikatakan tidak sejalan dengan kedewasaan mereka. Penguasaan mereka dalam berbahasa adat Batak Toba berada pada taraf tidak tahu. Sepertinya mereka tidak lagi tertarik pada nilai-nilai budaya Batak Toba. Hal ini dapat dilihat pada jadual 4.46 di bawah ini mengenai kemampuan G III dalam berbahasa adat.

**Jadual 4.46:** Kemahiran Berbicara G III sambil Memakai Pantun Batak Toba *Umpasa* dan *Umpama* dalam Upacara Adat Batak Toba

	Kekerapan	Peratusan
Tidak faham	61	91.0
Kurang	6	9.0
Total	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	1.09	

Penguasaan G III dalam bahasa adat Batak Toba, berbicara sambil memakai pantun-pantun dalam upacara adat sudah sangat minim. Sebahagian besar di antara mereka mengaku tidak faham (91.0%) selebihnya mengaku kurang (9.0%). Mereka tidak dapat lagi diandalkan untuk memimpin upacara adat,

**Jadual 4.47:** Kemahiran Berbicara G III sebagai *Parsinabung/Parsinabul* dan Memandu Upacara Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	66	98.5
Kurang	1	1.5
Total	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	1.01	

Berkenan dengan kelemahan G III pada berbicara dalam adat Batak, maka sepatutnya pulalah semakin tidak berdaya apabila mereka diminta memandu upacara adat. G III hanya seorang lagi (1.5%) yang masih mengaku kurang faham, selebihnya 98.5% mengaku tidak faham memandu upacara adat.

Demikian pula apabila kepada G III diminta untuk menjelaskan makna berbagai-bagai benda-benda yang berhubung kait dengan falsafah adat Batak Toba, seperti daun sirih, beras, wang kertas atau wang yang terbuat daripada logam, rupa-rupa ulos, bakul empat segi, dan jenis-jenis haiwan yang dimasak dan dihantar oleh kaum penyelenggara adat, responden G III 88.1% mengaku tidak faham. Hanya tinggal satu orang sahaja (1.5%) yang mengaku kemahiran sedang. Semuanya ini menandakan bahawa G III tak dapat lagi diharapkan mempertahankan kemahiran dalam menjalankan istiadat, untuk membina kemahiran berbahasa Batak Toba.

**Jadual 4.48:** Kemahiran G III Menjelaskan Makna Simbol-simbol Material Adat yang Digunakan dalam Upacara Adat Batak Toba

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak faham	59	88.1
Kurang	7	10.4
Sedang	1	1.5
Total	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	1.13	

Demikianlah dipaparkan kemahiran berbahasa responden G I, G II dan G III yang didapati daripada soal selidik yang ditanyakan kepada seluruh responden tersebut. Pada

paparan tersebut turut pula disampaikan perbandingan kemampuan berbahasa dalam bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba yang dimiliki oleh ketiga-tiga kelompok responden tersebut.

Melihat tanda-tanda di atas dapat dikatakan bahawa telah terjadi proses kemerosotan kemampuan berbahasa Batak Toba di kalangan responden dimulai dari G II. Selanjutnya, pada G III sudah pada taraf tidak faham berbahasa Batak Toba. Secara khusus, kemerosotan kemampuan berbahasa Batak Toba *raksa ni andung*, *raksa ni hadatuon* dan kemampuan berbahasa adat sudah tampak dimulai dari G I. Demikian pula dalam hal kemampuan menggunakan aksara atau abjad Batak Toba, responden G I hanya enam orang lagi yang menyatakan dirinya lancar. Penguasaan aksara Batak Toba semua responden G I berada dalam purata 1.93 (di bawah kurang). Sebaliknya, peningkatan kemampuan berbahasa Indonesia terus ditunjukkan dan meningkat pada generasi muda G II dan G III.

#### **4.4 Deskripsi Penguasaan Bahasa Responden G I**

Berasaskan pengakuan yang diberikan oleh responden G I mengenai penguasaan terhadap bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba menunjukkan bahawa G I menguasai bahasa Indonesia, sama ada secara lisan mahupun secara tertulis dalam purata taraf lancar. Penguasaan bahasa Batak Toba sehari-hari, secara lisan mahupun secara tertulis juga dalam purata taraf lancar. Namun di sisi lain penggunaan bahasa Batak Toba, iaitu penguasaan bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*, sama ada lisan mahupun tertulis sudah pada purata taraf yang rendah, iaitu kurang lancar. Demikian pula kebolehan menggunakan aksara (huruf) Batak Toba dalam kehidupan sehari-hari berada pada taraf purata kurang lancar. Kebolehan berbahasa adat Batak Toba pula, seperti berbicara sambil menggunakan pantun dan peribahasa Batak Toba, menjadi *parsinabul/parsinabung* dalam upacara adat Batak Toba, dan memahami makna

simbol-simbol material dalam upacara adat Batak Toba oleh G I berada pada taraf purata kurang dan sedang. Keadaan yang bertolak belakang ini (antara pemakaian bahasa Batak Toba sehari-hari dengan pemakaian bahasa Batak Toba dalam adat dan budaya) dapat menunjukkan bahawa sudah mulai terjadi penyusutan penguasaan bahasa Batak Toba dimulai daripada G I di perantauan bandar Pontianak.

#### **4.5 Deskripsi Penguasaan Bahasa Responden G II**

Pendedahan terhadap bahasa Indonesia di bandar Pontianak sejak masa kanak-kanak, remaja, dan sehingga dewasa, melalui sahabat jiran rumah, sahabat di sekolah, dan sahabat di tempat bekerja, siaran radio, television, dan surat khabar menjadikan G II terbiasa dan selesa menggunakan bahasa Indonesia. Sebaliknya, berkurangnya interaksi dengan sesama komuniti Batak Toba mulai daripada keluarga, sahabat di tempat permukiman, di tempat bekerja, tempat membeli-belah, dan semakin minim terlibat dalam pelaksanaan adat serta tiadanya lembaga pemerhati yang mengurus kelestarian budaya dan istiadat Batak Toba di Bandar Pontianak menjadi bahagian dari faktor yang menyebabkan semakin rendahnya pengetahuan berbahasa Batak Toba.

Demikianlah penguasaan bahasa G II apabila dibandingkan dengan G I, kesimpulannya ialah bahawa penguasaan bahasa Indonesia sama ada lisan (berbicara dan mendengar) mahupun tulis (membaca dan menulis) di kalangan responden G II semakin meningkat atau lebih tinggi daripada G I, iaitu mendekati taraf sangat lancar. Sebaliknya, apabila penguasaan bahasa Batak Toba dibandingkan antara G I dan G II ternyata hasilnya bertolak belakang dengan penguasaan dalam berbahasa Indonesia. Penguasaan G I dalam bahasa Batak Toba sehari-hari, lisan dan tulis berada dalam taraf mendekati sangat lancar, sedangkan penguasaan G II dalam bahasa Batak Toba sehari-hari, lisan, iaitu berbicara, berada pada taraf kurang dan mendengar, berada pada taraf

sedang. Sementara, penguasaan bahasa tulis (membaca dan menulis) kedua-duanya berada pada taraf kurang.

Perbezaan pula tampak pada penguasaan bahasa Batak Toba *raksa ni andung* dan *raksa ni hadatuon* antara G I dan G II. Walaupun kedua-dua generasi sudah berada pada purata taraf tidak faham, tetapi G I masih ada yang mengaku menguasai kedua-dua kelainan (ragam) bahasa ini dalam taraf lancar dan sangat lancar. Hal yang sebaliknya terjadi pada G II hanya 2-3 orang sahaja yang mengaku kurang faham, selebihnya mengaku tidak faham. Demikian pula perbandingan penguasaan aksara atau abjad Batak Toba antara G I dan G II. Kedua-dua generasi sudah pada purata tidak faham, tetapi G I masih ada yang mengaku memahami pada taraf lancar, sedangkan G II tinggal 8 orang sahaja yang mengaku kurang menguasai.

Akhirnya, pada penguasaan bahasa adat Batak Toba antara G I dan G II sudah sama-sama memperlihatkan kemunduran. G I sudah lebih ramai yang mengaku tidak faham daripada yang mengaku lancar dan sangat lancar. Keseluruhan penguasaan bahasa adat G I hanya berada pada purata kurang mendekati sedang. Sementara itu, penguasaan bahasa adat Batak Toba oleh G II sudah sangat rendah, hanya berada pada taraf kurang dan tidak faham.

Gambaran di atas mengesankan bahawa kemerosotan penguasaan bahasa Batak Toba sudah terjadi pada generasi pertama orang Batak Toba yang tiba di Bandar Pontianak. Kemudian diikuti oleh G II. Tidaklah menghairankan apabila penurunan yang lebih serius akan terjadi pada generasi selanjutnya.

#### **4.6 Deskripsi Penguasaan Bahasa Responden G III**

Penguasaan bahasa G III dalam berbahasa Indonesia lisan mahupun tulisan sudah mengarah ke taraf sangat lancar. Sementara itu, kemahiran berbicara dalam

bahasa Batak Toba sehari-hari dari generasi tua ke generasi muda ternyata semakin menurun. Pada G I kemahiran ini masih tergolong tinggi di atas lancar dengan purata 4.79. Pada kalangan G II kemahiran berbicara dalam bahasa Batak Toba tersebut langsung menurun tajam ke purata di atas kurang, mendekati sedang 2.79, dan semakin jatuh lagi di kalangan G III di purata 2.07. Maknanya, G III sudah pada taraf kurang atau sudah berada di golongan tidak faham. Melihat kenyataan G III sudah sangat kurang pengetahuannya dalam berbicara dalam Bahasa Batak Toba sehari-hari maka tidak perlu lagi dipersoalkan apabila kemahiran generasi ini dalam berbicara dalam bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* tidak ada lagi. Demikian pula pengetahuan G III ini dalam berbahasa Batak Toba *raksa ni andung* sama-sama sudah tidak ada lagi. Ini bermakna satu demi satu bahagian dari unsur kekayaan budaya yang dimiliki suku bangsa Batak Toba yang terperi di dalam bahasa Batak Toba di tanah rantau sudah di ambang kepunahan.

Dalam hal membaca dalam aksara Batak Toba, ternyata juga sudah memperlihatkan penurunan yang sistematik dan mencemaskan. Pada G I Kemampuan ini masih pada taraf 1.93 di antara responden masih ada yang berkemampuan peringkat lancar. Mereka yang berada pada G II ternyata sudah semakin rendah ke purata 1.12, dan akhirnya G III tidak ada lagi yang mengaku dapat membaca abjad Batak Toba itu. Keadaan ini pun apabila berlangsung berterusan kelak tidak ada lagi orang Batak Toba yang mengerti membaca aksara Batak Toba. Oleh itu, semakin banyaklah unsur budaya Batak Toba yang hilang.

Kemampuan menyemak isi bacaan (teks tertulis) dalam bahasa Batak Toba, penurunannya sudah terasa pada G II. G II hanya mendapat purata 2.87. Maknanya, mereka tidak ada lagi yang mencapai taraf sedang. Sekarang, pada G III kemahiran ini sudah turun tajam hampir mendekati taraf tidak faham (2.07). Bagi G III ini, sepertinya masalah *kebatakan* sudah semakin menipis daripada benak mereka sehingga

pengetahuan mereka terhadap unsur-unsur budaya Batak Toba dalam kajian ini sudah pada taraf hilang. Demikianlah pula pada kemahiran menulis melalui abjad Batak Toba tak seorang pun di antara mereka yang menyatakan masih memiliki pengetahuan untuk menjalankannya. Dalam menulis cerita (teks) dalam bahasa Batak, walaupun menggunakan huruf Latin, ternyata G III sudah tetap tidak menunjukkan kebolehan pada taraf sedang. Mereka secara purata hanya sampai pada taraf di bawah kurang (1.52).

Penguasaan bahasa adat yang ditunjukkan G III ini walaupun di antara mereka sebenarnya sudah ada yang dewasa dan mulai belajar mempersiapkan diri untuk berumah tangga, tetapi taraf pencapaian G III dalam bahasa adat boleh dikatakan tidak sejalan dengan kedewasaan mereka. Penguasaan mereka dalam bahasa adat Batak Toba berada pada taraf tidak faham. Sepertinya mereka tidak lagi tertarik pada nilai-nilai budaya Batak Toba.

#### **4.7 Rumusan**

Penguasaan bahasa Indonesia: berbicara, mendengar, menulis dan membaca responden G I, G II, dan G III pada purata di atas lancar. Sedangkan penguasaan bahasa Batak Toba tampak ketempangan antara generasi. Hanya responden G I yang menguasai bahasa Batak Toba sehari-hari pada purata lancar. Sementara responden G II berada pada purata sedang, dan responden G III pada purata kurang. Ini menunjukkan penurunan yang sistematik bagi penguasaan bahasa Batak Toba di kalangan orang Batak Toba di Pontianak. Tanda peralihan sudah dimulai daripada G II. Apabila tidak ada perhatian yang serius untuk menyelamatkan bahasa Batak Toba di Pontianak, dijangka pada dua atau tiga generasi berikut bahasa Batak Toba akan pupus di Pontianak.

Kajian lain pun menunjukkan bahawa bahasa kaum majoriti selalunya menguasai bahasa kaum minoriti Fakuade Gbenga, & Abdullah (2003), Gogonas (2009), Coluzzi (2010), Roksana Bibi Abdullah (2002)). Walaupun demikian, ada pula golongan minoriti yang tidak mengikuti bahasa atau kelainan bahasa golongan majoriti (Nor Hisham Osman (1994)).

Apabila dilihat penguasaan bahasa Batak Toba dari sisi yang lain, iaitu penguasaan bahasa Batak Toba *raksa ni andung* dan *raksa ni hadatuon* dan penguasaan pemakaian aksara Batak Toba, bahawa sebenarnya peralihan bahasa Batak Toba sudah dimulai daripada G I. Penguasaan ketiga-tiga kelompok generasi berada pada taraf purata tidak faham. Penguasaan bahasa adat Batak Toba pun menunjukkan perbezaan antara generasi. G I pada purata lancar, G II pada purata sedang, dan G III pada purata kurang. Lembaga adat pun tampaknya tak dapat menjadi benteng pertahanan bagi pengekaln bahasa Batak Toba di Pontianak.

David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003) dalam penyelidikan mereka terhadap komuniti Punjabi Sikh di Petaling Jaya, Kuala Lumpur mendapati bahawa kelompok usia tua sangat fasih berbahasa Punjabi dalam empat kemahiran berbahasa. Sebaliknya, penguasaan bahasa Punjabi semakin buruk sesuai penurunan usia, tetapi penguasaan bahasa Inggeris semakin meningkat bagi kalangan muda.

Mengikut pendapat Crystal (2000) yang membuat klasifikasi untuk membezakan antara bahasa yang 'aman' dan 'tidak aman' dalam lima tahap maka apabila keadaan bahasa Batak Toba di Pontianak sudah pada kondisi seperti digambarkan di atas tadi, maka bahasa Batak Toba sudah pada tahap ketiga, *Endangered Languages* 'Bahasa yang terancam pupus' kerana jumlah penutur yang menguasai bahasa Batak Toba semakin berkurang.



Grenoble & Whaley (2006: 18) di dalam Austin & Julia Sallabank, 2011), pun merumuskan enam klasifikasi dalam menilai kepupusan bahasa. Mengikut rumusan itu, bahasa Batak Toba di kalangan penutur minoriti di Pontianak seperti yang berlaku sekarang ini, keadaan itu sudah pada klasifikasi tahap ketiga, iaitu *Disappearing* 'Menghilang'. Bahasa menghilang bila tampak ada peralihan terhadap bahasa lain di masyarakat tempat bahasa ini dituturkan, pewarisan antara generasi berkurang, jumlah penutur utama menyusut. Bahasa menghilang disebabkan oleh pemakaian yang sangat terbatas dalam set domain, dan bahasa komunikasi yang lebih luas mulai menggantikan dalam taraf dan peratusan yang lebih besar di rumah.

## **BAB 5: PEMILIHAN BAHASA ORANG BATAK TOBA DI PONTIANAK**

### **5.1 Pendahuluan**

Daripada dapatan penguasaan bahasa responden seperti dihuraikan di dalam bab sebelum ini, pada pembahasan selanjutnya akan melihat bagaimana tingkat kekerapan pemilihan bahasa tiap-tiap kelompok generasi responden berdasarkan domain perlakuan bahasa. Tingkatan pemilihan bahasa ini kemudian dihubungkan dengan masing-masing kelompok atau generasi responden. Daripada peringkat itu didapati maklumat untuk mengenal pasti adanya tanda-tanda pengejalan bahasa yang disebabkan tingginya atau besarnya tingkat pemakaian sesuatu bahasa di kalangan semua kelompok responden dan peralihan bahasa pula yang ditandai dengan terhadnya pemakaian sesuatu bahasa di dalam beberapa domain sahaja dan pemakaian itu tidak lagi ramai, utamanya di kalangan generasi kedua dan ketiga. Gambaran pemakaian bahasa juga akan tampak melalui pola pemakaian bahasa masing-masing responden. Akhirnya, melalui latar belakang responden, penguasaan bahasa responden, dan pemilihan bahasa responden dapat menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan pengejalan dan peralihan bahasa tersebut di kalangan penutur komuniti migran Batak Toba di Pontianak.

### **5.2 Pemilihan Bahasa Responden**

Tindakan selanjutnya ke atas maklumat yang didapati daripada penguasaan bahasa Indonesia dan penguasaan bahasa Batak Toba responden, ialah melihat bagaimana hubung kait di antara penguasaan bahasa dengan pemilihan bahasa orang Batak Toba di Pontianak. Merujuk kepada kajian-kajian lalu bahawa semakin berjaya seseorang menguasai sesuatu bahasa maka semakin besar pula peluang seseorang menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan sehariannya. Sebaliknya, semakin

rendah penguasaan seseorang terhadap sesuatu bahasa, maka semakin jarang sesuatu bahasa itu digunakan (David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003)). Sebagaimana dikatakan di muka pula bahawa komuniti dwibahasa boleh berpeluang memilih satu daripada bahasa yang dikuasainya, misalnya untuk keperluan keluarga dan memilih bahasa yang lain lagi untuk keperluan di luar keluarga (Fishman, 1964). Apabila keadaan seperti itu berlangsung berterusan, maka kekallah kedua-dua bahasa itu, tetapi apabila salah satu bahasa kemudian menjadi dominan dalam perhubungan di dalam sebuah komuniti dan bahasa yang lain menjadi jarang digunakan, maka besar kemungkinannya akan terjadi peralihan bahasa.

Masyarakat Indonesia dari Sabang sehingga ke Merauke di Papua – selari dengan Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945, fasal 36 yang mengatakan bahawa “Bahasa negara ialah bahasa Indonesia” – wajib menggunakan bahasa Indonesia dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara. Orang yang merantau ke sesuatu daerah di Indonesia dan orang tersebut tidak faham menggunakan bahasa daerah tempatan tersebut maka orang itu boleh menggunakan bahasa Indonesia sebagai alat komunikasi di antara mereka tanpa ada rasa saling curiga (Effendy, 1980). Demikianlah bahasa Indonesia menjadi sangat luas merata-rata pemakaiannya sehingga ke pelosok-pelosok seluruh negeri Indonesia.

Sementara itu, di kawasan negara Republik Indonesia duduk berbagai-bagai suku bangsa yang memiliki bahasa dan istiadat yang berbeza-beza. Di Pulau Sumatera, misalnya terdapat suku bangsa Melayu, iaitu di Medan, Palembang, Bangka, Riau Daratan, Riau Kepulauan, dan Jambi. Demikian pula di Pulau Kalimantan terdapat suku bangsa Melayu yang mendiami daerah Sambas, Pontianak, Sintang, Melawi, Ketapang, Sanggau, dan Putussibau. Bahasa Indonesia yang digunakan di daerah-daerah Melayu tersebut merupakan dialek bahasa Indonesia kerana bahasa Indonesia berasal dari bahasa Melayu. Bahasa Indonesia memiliki beragam dialek sesuai dengan daerah

pemakaiannya. Ada bahasa Indonesia dialek Pontianak, Jakarta, Bandung, Yogyakarta, Medan, Riau, Ambon dan lain sebagainya (Moeliono, 1988). Demikianlah di bandar Pontianak, orang yang berbahasa Indonesia yang *kemelayu-melayuan* disebut berbahasa Indonesia dialek Pontianak. Oleh itu, dalam kajian ini tidak dibezakan bahasa Indonesia rasmi (formal atau baku) dengan bahasa Indonesia dialek Pontianak (ragam tak formal atau tak baku). Kedua-duanya disebutkan bahasa Indonesia sahaja. Sehubungan dengan itu, pemilihan bahasa oleh responden kajian dalam domain berbahasa ini hanya pada pemilihan bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba sahaja.

Kajian ini mengetengahkan sembilan domain dan setiap domain memiliki lagi subdomain. Kesemua domain ini berhampiran dengan sisi kehidupan bermasyarakat orang Batak Toba di perantauan bandar Pontianak. Domain yang dikaji ialah domain kekeluargaan, domain kejiwaan, domain persahabatan, domain jual beli, domain keagamaan, domain pendidikan, domain pekerjaan, domain pemerintahan, dan domain adat. Kajian ini berasaskan soal selidik yang dianalisis menggunakan program SPSS versi 11.5 *for windows*. Data-data berupa kekerapan, peratusan, serta purata pemilihan bahasa tersebut disajikan dalam bentuk jadual-jadual. Tujuannya ialah bagi melihat keadaan sebenar mengenai pemakaian bahasa di kalangan orang Batak Toba di bandar Pontianak, Indonesia. Bahasa apakah yang paling kerap dipilih atau digunakan responden di dalam semua domain? Apakah pemakaian itu sama bagi semua generasi atau berbeza? Jawapan soalan-soalan itu akan memperkukuhkan input bagi mengenal pasti tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan orang Batak Toba di Pontianak.

### **5.2.1 Domain Kekeluargaan**

Sebelum membincangkan hasil kajian domain-domain, perlu diketahui adanya perbezaan di antara responden (G I, G II, dan G III) sehubungan dengan domain-domain

yang dikaji. Penyelidikan pemilihan bahasa terhadap G III di dalam beberapa domain mungkin berlaku penuh kepada mereka, tetapi di dalam domain tertentu walaupun tetap dijalankan terhadap generasi ini hasilnya mungkin tidak dijadikan sebagai pegangan. Sebagai contoh, pada domain keluarga ini apabila kepada G III ditanyakan hal-hal yang berada di luar keadaan mereka maka mereka sebahagian besar atau malahan semuanya tidak boleh memberi jawapan (*missing*). Misalnya, yang berhubungan dengan mertua, anak kandung, menantu, suami, isteri, apalagi mengenai cucu, sebab mengikut data yang didapati bahawa responden G III semuanya belum ada yang berkahwin. Demikian pula, misalnya yang berhubungan dengan domain pekerjaan dan domain pemerintahan, mereka tidak boleh semuanya menjawabnya disebabkan sebahagian daripada mereka masih pelajar sekolah dan muda belia. Jadi belum pada masanya mereka berurusan dengan pekerjaan ataupun pemerintahan.

Di dalam domain kekeluargaan ini dikaji sebanyak 14 perhubungan di antara sesama anggota keluarga, sama ada keluarga inti mahupun keluarga luas (arisan atau berkutu marga), termasuk pula penghuni rumah yang bukan merupakan anggota keluarga atau kerabat: membicarakan masalah seharian bersama anggota keluarga di rumah; berbicara di dalam arisan keluarga; berbicara kepada datuk nenek; berbicara kepada ibu bapa; berbicara kepada mertua; berbicara kepada paman bibi; berbicara kepada anak kandung; berbicara kepada kemanakan; berbicara kepada menantu; berbicara kepada saudara kandung; berbicara kepada sepupu; berbicara kepada cucu; berbicara kepada suami isteri; dan berbicara kepada pembantu rumah tangga. Kekerapan, peratusan, dan purata pemilihan bahasa tiap-tiap generasi dipaparkan seperti pada jadual-jadual di bawah ini.

### 5.2.1.1 Membicarakan masalah sehari-hari bersama anggota keluarga di rumah

Pemilihan bahasa oleh responden G I dalam domain keluarga, khususnya dalam membicarakan masalah sehari-hari bersama anggota keluarga di rumah adalah di purata 2.97, sedangkan G II 1.49, dan G III 1.85. Berasaskan analisis statistik ini pemilihan bahasa cenderung ke bahasa Indonesia.

**Jadual 5.1:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Membicarakan masalah sehari-hari bersama anggota keluarga di rumah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	12	17.9	43	64.2	29	43.3
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	12	17.9	17	25.4	23	34.3
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	18	26.9	5	7.5	11	16.4
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	16	23.9	2	3.0	4	6.0
Bahasa Batak Toba sahaja	9	13.4	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>	2.97		1.49		1.85	

Apabila kita melihat kembali data tentang penguasaan bahasa lisan responden G I berbahasa Indonesia dan berbahasa Batak Toba masing-masing dalam purata di atas lancar (4.60) dan (4.79). Walaupun demikian, penguasaan bahasa Indonesia lebih rendah daripada bahasa Batak Toba. Namun dalam pemakaian, G I lebih kerap memilih bahasa Indonesia. Begitu pula G II dalam berbahasa Indonesia dan berbahasa Batak Toba sehari-hari, didapati bahawa penguasaan bahasa Indonesia lebih tinggi daripada penguasaan berbahasa Batak Toba, iaitu purata (4.87) berbanding (2.79). Hal itu berbanding lurus dengan pemakaian bahasa mereka, iaitu G II lebih kerap menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Sementara itu, data mengenai penguasaan bahasa Batak Toba sehari-hari dan bahasa Indonesia sehari-hari responden G III adalah pada purata 2.07 (taraf kurang) berbanding 4.82 (taraf lancar atau mendekati sangat lancar, 5.00). Ini pula menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Batak Toba responden G III sudah berada di bawah G II, iaitu 2.79 berbanding 2.07.

penguasaan ini pula tentu turut mempengaruhi pemilihan bahasa oleh responden G III yang cenderung kepada bahasa Indonesia. Walaupun demikian masih ada satu orang lagi responden G III yang mengaku boleh berbahasa Batak Toba dengan sangat lancar. Seluruh kenyataan perbandingan tersebut dapat dibayangkan akan sangat mempengaruhi pemilihan bahasa dalam domain-domain berbahasa.

Gambaran pemilihan bahasa G I dalam membicarakan masalah seharian bersama anggota keluarga di rumah menunjukkan beragam variasi. Peringkat pertama G I (26.9%) memilih sama banyak campuran bahasa Indonesia dan Bahasa Batak Toba. Peringkat kedua (23.9%) responden menggunakan lebih banyak campuran bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia. Peringkat ketiga dan ke empat, iaitu sama jumlahnya (17.9%) responden memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja dan menggunakan lebih banyak campuran bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Peringkat kelima menunjukkan bahawa hanya 13.4% responden menggunakan bahasa Batak Toba sahaja. Purata pemakaian bahasa G I menunjukkan hampir sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (2.97). Ini menunjukkan bahawa di dalam kehidupan keluarga sehari-hari ternyata pemakaian bahasa Batak Toba daripada G I tidak lagi majoriti. Responden G I sudah tidak kuat lagi mempertahankan pemakaian bahasa ibunda di tengah-tengah keluarga apabila berbincang dengan anggota keluarga. Mereka tidak menurunkan kepandaian bercakap dalam bahasa Batak Toba kepada ahli-ahli keluarganya. David, (1996) menemukan hal yang sama pada komuniti Sindhi di Malaysia, di mana kaum tua menyesuaikan tuturan mereka kepada generasi muda, iaitu bahasa Inggeris atau Melayu membuat bahasa Sindhi dijangka akan segera berlalu setelah kaum tua berlalu.

Di dalam membicarakan masalah seharian oleh para ahli-ahli keluarga di rumah oleh kelompok G II mengikut data dan analisis purata data pada Jadual 5.1 di atas menyatakan bahawa mereka pada amnya memilih bahasa Indonesia daripada bahasa

Batak Toba. Purata pada taraf (1.49), atau sudah lebih ramai menggunakan bahasa Indonesia dan tak ada lagi di antara mereka yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja dalam pembicaraan masalah keluarga. Gambaran pemakaian bahasa G II ialah majoriti atau lebih daripada setengah daripada responden (64.2%) berbahasa Indonesia sahaja. Peringkat kedua ialah (25.4%) menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Peringkat ke tiga ialah 7.5% responden menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba. Peringkat terakhir ialah hanya 2 orang sahaja responden G II (3.0%) yang menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia. Responden G II tak seorang pun yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja. Ini menunjukkan bahawa G II sudah dominan menggunakan bahasa Indonesia. Ini pula mengesankan bahawa G II sudah terdedah sejak masa kanak-kanak sampai dewasa menggunakan bahasa Indonesia di luar rumah, misalnya di sekolah, membeli-belah, sesama jiran, di tempat kerja, sahabat dan dampaknya adalah ke rumah bersama keluarga menjadi berbahasa Indonesia. Sementara itu, ibu bapa mereka (G I) sibuk bekerja menghabiskan masa di luar rumah sehingga jarang bersantai bersama keluarga berkeluh-kesah atau bersenda gurau dalam bahasa ibunda. Gogonas, (2009) pun mendapati situasi seperti itu di dalam komuniti penghijrah Albania di Greece. Anak-anak generasi pertama Albania yang lahir di Greece sudah terdedah memakai bahasa Yunani melalui persekolahan, persahabatan dan persekitaran lainnya. Sementara ibu bapa mereka sibuk bekerja dan jarang berkumpul bersama keluarga. Hal ini membuat anak-anak Albania kurang faham berbahasa ibunda.

Istimewanya G III dapat dikatakan bahawa dalam berhubung dengan ahli-ahli keluarga di rumah, responden G III sudah menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Gambarannya ialah peringkat pertama 43.3% responden menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Peringkat kedua 34.3% menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Peringkat ketiga ialah 16.4%



menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba. Peringkat terakhir 6.0% responden G III menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia. Responden G III tidak ada yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja dalam membincangkan masalah sehari-hari bersama ahli-ahli keluarga di rumah. Variasi menunjukkan bahawa selain berbahasa Indonesia, responden G III menggunakan campuran lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba.

Seluruh subdomain kekeluargaan ini di dalam semua jadual menunjukkan angka purata di bawah 2.00 (menggunakan bahasa Indonesia sahaja). Apabila hasil ini dibandingkan dengan hasil G I dalam domain ini pula, maknanya bahawa di kalangan G II dan G III sudah terjadi peningkatan (peralihan) ke penggunaan bahasa Indonesia dan pengurangan penggunaan bahasa Batak Toba dalam perbezaan generasi.

Kalaupun dibandingkan pemakaian bahasa dalam domain kekeluargaan ini antara G II dan G III hasilnya hampir sama. Sehingga dapat dikatakan bahawa pemakaian bahasa Batak Toba di lingkungan keluarga Batak Toba hanya berlaku pada G I, iaitu generasi pendatang asli yang hijrah dari kampung halaman. Perubahan pemilihan bahasa di kalangan responden ini berlangsung sangat cepat, langsung terjadi perputaran arah 180 darjat pada G II dan G III. Dalam kes ini kesan am ialah berlaku peralihan bahasa ke bahasa Indonesia di kalangan G II dan G III.

#### **5.2.1.2 Berbincang di dalam arisan keluarga**

Apabila pembicaraan di atas adalah melibatkan keluarga-keluarga inti dan luas (mara) dalam satu keturunan, maka berikut ini pembicaraan melibatkan keluarga yang lebih luas lagi. Mungkin keterikatan mereka adalah di dalam marga atau fam.

**Jadual 5.2:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Sub Doman Berbicara di dalam arisan Keluarga

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	2	3.0	25	37.3	35	52.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	4	6.0	20	29.9	15	22.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	18	26.9	12	17.9	6	9.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	28	41.8	3	4.5	3	4.5
Bahasa Batak Toba sahaja	15	22.4	0	0	0	0
Total	67	100.0	60	89.6	59	88.1
Missing 999			7	10.4	8	11.9
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/purata: 1-5</i>		3.75		1.88		1.61

Jadual 5.2 di atas menunjukkan bahawa pada acara arisan keluarga yang dihadiri oleh sanak keluarga, G I condong memilih bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia. Dan pada pemakaian ini terdapat semua variasi berbahasa, iaitu peringkat pertama, lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (41.8%), peringkat kedua, sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (26.9%) peringkat ketiga, berbahasa Batak Toba sahaja (22.4%), peringkat keempat, lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (6.0%), dan peringkat kelima, berbahasa Indonesia sahaja (3.0%). Jadual 5.1 dan 5.2 yang mengenai pemilihan bahasa di rumah dan di arisan di atas menunjukkan perbezaan, iaitu pada amnya responden G II dan G III menggunakan bahasa Indonesia dan tak seorang pun di antara mereka yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja. Pada G II dan G III selain berbahasa Indonesia sahaja, tampak variasi penggunaan campuran bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba, iaitu lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Ternyata hasilnya kurang lebih sama dengan bahasa yang mereka gunakan apabila berhadapan dengan keluarga-keluarga inti mereka. Berbeza dengan G I apabila di rumah bersama keluarga inti, mereka memilih lebih banyak bahasa Indonesia, sedangkan pada arisan keluarga mereka memilih lebih banyak bahasa Batak Toba. Kesan am pula ialah bahawa di dalam arisan keluarga pula berlaku peralihan bahasa ke bahasa Indonesia di kalangan G II dan

G III. Kedua-dua jadual di atas adalah merupakan pembicaraan di dalam kelompok (forum).

### **5.2.1.3 Berbincang kepada datuk nenek**

Berikut ini adalah pemilihan bahasa G1, G II, dan G III jika berhubung dengan datuk nenek mereka atau dua generasi di atas taraf mereka. Walaupun secara fizikal, datuk nenek, ibu bapa, mertua, dan atau paman dan bibi G I semua atau sebahagian sudah meninggal dunia, tetapi beberapa di antara responden masih mengingat perlakuan mereka pada masa lalu ketika datuk nenek mereka masih hidup. Menurut Jadual 5.3 di bawah, pembicaraan G I dengan datuk nenek pada amnya berlangsung dalam bahasa Batak Toba (purata 4.57). Variasi penggunaannya ialah majoriti (61.2%) menggunakan bahasa Batak Toba sahaja. Peringkat kedua (4.5%) menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Peringkat ketiga masing-masing (3.0%) sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba dan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia. Hanya 1.5% memilih lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba.

Tak jauh berbeza dari pembicaraan antara G I dengan datuk nenek mereka, pembicaraan antara G I dengan ibu bapa, mertua, dan dengan paman bibi mereka (satu generasi di atas mereka) juga berlangsung dalam bahasa Batak Toba (purata di atas nilai 4.00). Walaupun demikian, sebanyak tiga orang di antara responden menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Secara keseluruhan, sifat ini masih pekat pembawaan dari kampung halaman. Sebagai generasi pendatang asli, mereka menunjukkan kebiasaan di kampung asal. Wajarlah berbahasa Batak Toba kepada generasi satu tingkat dan dua tingkat di atas mereka.

Pemilihan bahasa apabila berhadapan dengan datuk nenek oleh kelompok G II adalah pada level purata 1.90, maknanya mereka sudah lebih ramai yang berbahasa Indonesia sahaja (35.8%). Berikutnya, campuran bahasa Indonesia lebih banyak daripada bahasa Batak Toba (25.4%), campuran sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (6.0%), dan campuran lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (4.5%), dan berbahasa Batak Toba sahaja (4.5%). Pada kajian yang sama oleh G I kepada datuk nenek masih memilih lebih banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia. Dan itu berterusan apabila kelompok G I berhubung dengan generasi yang lebih tua atau sama tarafnya dengan mereka.

Pada perhubungan terhadap datuk nenek dan ibu bapa oleh G III tampak pemakaian bahasa Indonesia sahaja menduduki peringkat pertama (49.3%), dan peringkat kedua ialah campuran bahasa Indonesia lebih banyak daripada bahasa Batak Toba (26.9%), peringkat ketiga ialah campuran sama bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba dan berbahasa Batak Toba sahaja (7.5%), peringkat keempat, campuran lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (6.0%). Pada subdomain ini tampak bahawa ternyata ada responden G III yang masih boleh berbahasa Batak Toba sahaja (7.5%), bahkan lebih ramai dari pada G II (4.5%). Secara keseluruhan, purata pemakaian bahasa menunjukkan dominasi pemakaian bahasa Indonesia pada G II dan G III apabila berhubung dengan datuk nenek. Keadaan itu dapat disemak dalam jadual di bawah ini.

**Jadual 5.3:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada Datuk Nenek

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	3	4.5	24	35.8	33	49.3
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	17	25.4	18	26.9
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	2	3.0	4	6.0	5	7.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	2	3.0	3	4.5	4	6.0
Bahasa Batak Toba sahaja	41	61.2	3	4.5	5	7.5
Total	49	100.0	51	76.1	65	97.0
Missing 999	18	26.9	16	23.9	2	3.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.57		1.90		1.92

### 5.2.1.4 Berbincang kepada ibu bapa

Selanjutnya, dihuraikan jadual-jadual yang berikut ini. Bagaimana apabila G I, G II, dan G III berhubung dengan orang-orang yang lebih tinggi satu generasi daripada mereka (ibu bapa, mertua bagi yang sudah menikah, dan paman bibi)?

**Jadual 5.4:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada Ibu Bapa

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	3	4.5	34	50.7	30	44.8
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	20	29.9	25	37.3
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	3	4.5	9	13.4	7	10.4
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	3	4.5	1	1.5	3	4.5
Bahasa Batak Toba sahaja	41	61.2	1	1.5	2	3.0
Total	51	100.0	65	97.0	67	100.0
Missing 999	16	23.9	2	3.0		
Total	67	100.0	67	100.0		
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.53		1.69		1.84

Tampak pada dua jadual di atas bahawa ketika berhadapan dengan ibu bapa mereka, G II dan G III lebih kerap lagi menggunakan bahasa Indonesia berbanding kepada datuk nenek mereka, sedangkan G I sangat dominan menggunakan bahasa Batak Toba.

### 5.2.1.5 Berbincang kepada mertua

Menurut data-data yang dipaparkan pada Jadual 5.4 di atas dan 5.5 di bawah nanti, ternyata terdapat perbezaan pemilihan bahasa apabila kelompok G II Berbicara kepada ibu bapa mereka dan apabila berbicara kepada mertua mereka. Perbezaannya ialah apabila berbicara kepada ibu bapa, G II lebih banyak lagi bahasa Indonesia (purata 1.69), tetapi apabila berhubung dengan mertua penggunaan bahasa Indonesia sedikit berkurang atau penggunaan bahasa Batak Toba sedikit bertambah (purata 2.02). Barang kali ada sedikit rasa lebih hormat atau segan kepada mertua.

**Jadual 5.5:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada mertua

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	3	4.5	22	32.8	0	0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3	12	17.9	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	5	7.5	6	9.0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	2	3.0	4	6.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	42	62.7	3	4.5	0	0
Total	54	80.6	47	70.1	0	0
Missing 999	13	19.4	20	29.9	67	100.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.44		2.02		0.00

### 5.2.1.6 Berbincang kepada paman bibi

Penggunaan bahasa dalam keluarga apabila G II dan G III berhubung kepada paman bibi berhampiran dengan penggunaan bahasa kepada ibu bapa, iaitu lebih dominan lagi menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba.

**Jadual 5.6:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada paman bibi

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	3	4.5	36	53.7	30	44.8
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	15	22.4	22	32.6
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	7	10.4	9	13.4	4	6.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	3	4.5	3	4.5	4	6.0
Bahasa Batak Toba sahaja	38	56.7	1	1.5	0	0
Total	53	79.1	64	95.5	60	89.6
Missing 999	14	20.9	3	4.5	7	10.4
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.34		1.72		1.70

### 5.2.1.7 Berbincang kepada saudara kandung

Demikian pula ketika kelompok G I berhubung dengan saudara kandung, sepupu, dan suami isteri mereka (generasi setaraf mereka), mereka juga memilih menggunakan bahasa Batak Toba (purata 4.44). Demikian pula apabila G II dan G III berhubung dengan sesama satu generasi (setaraf) dengan mereka, iaitu saudara kandung

atau sepupu mereka, bahasa yang digunakan adalah tetap majoriti bahasa Indonesia (1.30 dan 1.44). Keadaan yang sama terjadi pada perhubungan dengan saudara sepupu, majoriti G II dan G III berbahasa Indonesia sahaja, dan tidak ada yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja.

**Jadual 5.7:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada saudara kandung

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	3	4.5	51	76.1	45	67.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	12	17.9	10	14.9
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	4	6.0	4	6.0	9	13.4
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	10	14.9	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	46	68.7	0	0	0	0
Total	65	97.0	67	100.0	64	95.5
Missing 999	2	3.0			3	4.5
Total	67	100.0			67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.45		1.30		1.44

Gambaran pemilihannya ialah peringkat pertama majoriti responden G II dan G III menggunakan bahasa Indonesia sahaja dalam berhubung dengan saudara kandung (76.1% dan 67.2%), peringkat kedua memilih campuran lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (17.9% dan 14.9%), peringkat ketiga memilih campuran sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (6.0% dan 13.4%). Ternyata dalam berhubung kepada saudara kandung, G II dan G III tidak seorang pun menggunakan campuran lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia, apalagi berbahasa Batak Toba sahaja.

### 5.2.1.8 Berbincang kepada saudara sepupu

Demikian pula G II dan G III dalam berhubungan dengan saudara sepupu, peringkat pertama ialah lebih daripada setengah responden (76.6% dan 58.2%) menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Peringkat kedua ialah menggunakan lebih banyak campuran bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba, dan peringkat keempat

menggunakan sama banyak campuran bahasa Indonesia dan Batak Toba. Dalam perhubungan dengan sepupu tak seorang pun G II dan G III menggunakan campuran lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia dan menggunakan bahasa Batak Toba sahaja.

**Jadual 5.8:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada saudara sepupu

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	5	7.5	52	77.6	39	58.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	3	4.5	10	14.9	17	25.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	7	10.4	5	7.5	6	9.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	12	17.9	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	38	56.7	0	0	0	0
Total	65	97.0	67	100.0	62	92.5
Missing 999	2	3.0			5	7.5
Total	67	100.0			67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.15		1.30		1.47

### 5.2.1.9 Berbincang kepada suami isteri

Pemilihan bahasa G II di dalam berhubungan kepada suami atau isteri, peringkat pertama pula tetap menggunakan bahasa Indonesia sahaja (37.3%), peringkat kedua menggunakan campuran banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (19.4%), peringkat ketiga menggunakan campuran sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (9.0%), peringkat keempat masing-masing 1.5% ialah lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia dan berbahasa Batak Toba sahaja. Seperti itulah gambaran pemakaian bahasa apabila G II dan G III berhubung dengan keluarga yang setaraf dengan mereka. Pada perhubungan dengan suami atau isteri, G III tidak ada yang memberikan jawapan kerana tak seorang pun di antara mereka yang sudah berkahwin. Pada pemilihan bahasa untuk berhubung dengan saudara kandung dan saudara sepupu tidak ada lagi di antara responden G II dan G III yang memilih bahasa Batak Toba sahaja.



Perhubungan dengan suami isteri di kalangan G II sedikit agak berbeza berbanding dengan kepada saudara kandung atau sepupu. Penggunaan bahasa Batak Toba sedikit lebih banyak di kalangan responden G II jika berhubung antara sesama suami isteri. Penyebab barang kali adalah bersangkutan paut dengan responden yang sudah menikah dan menjadi janda atau duda.

**Jadual 5.9:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada Suami Isteri

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	4	6.0	25	37.3	0	0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	13	19.4	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	8	11.9	6	9.0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	11	16.4	1	1.5	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	28	41.8	1	1.5	0	0
Total	53	79.1	46	68.7	0	0
Missing 999	14	20.9	21	31.3	67	100.0
Total	67	100.00	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.08		1.70		0.00

Pemilihan bahasa oleh G II dan G III di dalam domain kekeluargaan ini, bila berhubung mulai dari kerabat taraf tertinggi (datuk nenek, ayah ibu, paman bibi) sehingga kerabat setarafnya, seperti saudara kandung, saudara sepupu, dan suami isteri sudah lebih ramai menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Perbezaannya ialah pada perhubungan dengan kerabat taraf lebih tinggi daripada mereka masih ada responden G II dan G III yang memilih menggunakan lebih banyak campuran bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia dan hanya menggunakan bahasa Batak Toba sahaja.

Daripada semua pertemuan antara individu dalam domain keluarga boleh dikata bahawa apabila kelompok G I berbincang dengan kerabat keluarga satu atau dua generasi di atas taraf mereka dan setaraf (satu generasi) dengan mereka, pada amnya mereka berbahasa Batak Toba.

Kebalikan dalam pemilihan bahasa ini pula ialah apabila kelompok G I berbincang dengan kerabat di bawah taraf mereka di dalam keluarga (anak kandung, kemanakan, menantu, cucu, dan termasuk pembantu rumah) dalam perbincangan masalah keluarga, mereka pada umumnya berbahasa Indonesia (purata di bawah 3.00). Walaupun demikian, di antara responden G I ada juga yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja.

Demikian pula apabila pemilihan bahasa oleh G II ini diteruskan pemeriksaannya kepada taraf di bawah mereka, seperti kepada anak kandung, dan atau kepada cucu sudah dapat diduga bahawa pemilihan bahasa mereka semakin kerap menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Hal sebenar boleh dilihat pada jadual-jadual berikut ini.

#### **5.2.1.10 Berbincang kepada anak kandung**

Gambaran pemilihan bahasa G I dan G II kepada taraf yang lebih rendah (anak kandung) ialah peringkat pertama menggunakan bahasa Indonesia sahaja (41.8% dan 53.7%), peringkat kedua ialah menggunakan banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba, peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba, peringkat keempat bagi G I sahaja ialah menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (10.4%), dan peringkat kelima ialah menggunakan bahasa Batak Toba sahaja (6.0%). Di dalam subdomain ini responden G III tidak memberi jawapan kerana mereka belum ada yang berkahwin.

**Jadual 5.10:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada anak kandung

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	28	41.8	36	53.7	0	0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	11	16.4	4	6.0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	17	25.4	2	3.0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	7	10.4	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	4	6.0	0	0	0	0
Total	67	100.0	42	62.7	0	0
Missing			25	37.3	67	100.0
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		2.22		1.19		0.00

### 5.2.1.11 Berbincang kepada kemanakan

Demikian pula dalam berhubung dengan kerabat lainnya yang bertaraf lebih rendah (kemanakan, menantu), G I, G II dan G III pemilihan bahasa mereka menduduki peringkat pertama, iaitu berbahasa Indonesia sahaja (31.3%), (82.1%), (46.3%), peringkat kedua menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (29.9%), (9.0%), (6.0%), peringkat ketiga sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (17.9%), (9.0%), (6.0%), peringkat keempat lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (13.4%), (1.5%), (3.0%), dan peringkat lima (hanya G I) berbahasa Batak Toba sahaja (6.0%).

**Jadual 5.11:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada kemanakan

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	21	31.3	55	82.1	31	46.3
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	20	29.9	6	9.0	4	6.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	12	17.9	2	3.0	4	6.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	9	13.4	1	1.5	2	3.0
Bahasa Batak Toba sahaja	4	6.0	0	0	0	0
Total	66	98.5	64	95.5	41	61.2
Missing 999	1	1.5	3	4.5	26	38.8
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		2.32		1.20		1.44

### 5.2.1.12 Berbincang kepada menantu

Berbincang kepada menantu peringkat pertama sama ada G I dan G II adalah memilih bahasa Indonesia sahaja (29.9% dan 7.5%). Peringkat kedua bagi G I, banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (22.4%), Peringkat ketiga banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba G I (17.9%), peringkat keempat sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba G I (16.4%), dan peringkat kelima bahasa Batak Toba sahaja G I (11.9%). Sementara itu peringkat kedua G II ialah sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (1.5%). Semua responden G III belum ada yang mempunyai menantu.

**Jadual 5.12:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada menantu

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	20	29.9	5	7.5	0	0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	12	17.9	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	11	16.4	1	1.5	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	15	22.4	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	8	11.9	0	0	0	0
Total	66	98.5	6	9.0	0	0
Missing 999	1	1.5	61	91.0	67	100.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		2.68		1.33		0.00

Mengikut keturunan, apabila dibandingkan perlakuan G I dan G II dalam memilih bahasa kepada anak-anaknya dan kepada cucunya, ternyata bergerak lurus. Semakin ke bawah, pemakaian bahasa Indonesia semakin besar. G I dan G II berhubung dengan anak-anaknya menggunakan bahasa Indonesia sahaja pada peringkat pertama (62.2%) dan pada level purata (2.22 dan 1.19).

### 5.2.1.13 Berbincang kepada cucu

Ternyata G I apabila berhubung kepada cucu dominan menggunakan bahasa Indonesia sahaja (67.2%), lebih tinggi dibandingkan kepada anak kandung (62,2%). Di

sisi lain penggunaan bahasa Batak Toba kepada cucu semakin merosot, hanya 3% yang berbahasa Batak Toba sahaja.

Kepada cucunya G I dan G II memilih bahasa Indonesia pada peringkat purata (1.62 dan 1.40). Hal itu menunjukkan bahawa semakin tipislah penggunaan bahasa Batak Toba kepada generasi muda itu.

**Jadual 5.13:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada cucu

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	45	67.2	4	6.0	0	0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	6	9.0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	10	14.9	1	1.5	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	2	3.0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	2	3.0	0	0	0	0
Total	65	97.0	5	7.5	0	0
Missing 999	2	3.0	62	92.5	67	100.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.62		1.40		0.00

#### 5.2.1.14 Berbincang kepada pembantu rumah

Pemakaian bahasa oleh G I, dan G II kepada pembantu rumah tangga 100% atau purata (1.00) memilih menggunakan bahasa Indonesia, manakala G III pada purata (1.07). Itu dapat dimaklumkan kerana pembantu rumah tersebut kemungkinan besar berasal daripada etnik yang berbeza, dan pula G I, G II dan G III tidak mengajarkan kepandaian berbahasa Batak Toba kepada pembantu-pembantu rumah mereka. Jadi, persoalannya adalah pada pengetahuan berbahasa di antara mereka.

**Jadual 5.14:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kekeluargaan: Subdomain Berbicara kepada pembantu rumah tangga

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	29	43.3	37	55.2	28	41.8
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	2	3.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	29	43.3	37	55.2	30	44.8
Missing 999	38	56.7	30	44.8	37	55.2
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.00		1.07

Seperti pada kajian-kajian lalu, Gal (1979) dalam penyelidikan pemilihan bahasa terhadap komuniti dwibahasa Hungarian dan Jerman di Oberwart, kawasan sempadan Jerman Austria telah menemukan perbezaan pemakaian bahasa di kalangan keluarga. Majoriti golongan muda (14-25 tahun) berbahasa campuran Hungarian Jerman apabila berbincang dengan datuk nenek mereka, sedangkan golongan yang lebih tua dari itu semuanya berbahasa Jerman. Apabila dalam perbincangan dengan ibu bapa dan yang setaraf dengan ibu bapa, kalangan muda sudah beralih hanya menggunakan bahasa Jerman sahaja, golongan tua majoriti berbahasa Hungarian dan sebahagian kecil berbahasa Jerman Hungarian. Apabila berbincang dengan saudara kandung, angkatan muda hanya berbahasa Jerman, sedangkan angkatan tua sebahagian kecil berbahasa campur Jerman Hungarian, majoriti angkatan tua hanya berbahasa Hungarian. Demikian pula apabila berbincang dengan pasangan suami isteri, angkatan muda yang sudah menikah hanya menggunakan bahasa Jerman, sedangkan golongan tua sebahagian kecil berbahasa Hungarian Jerman, dan majoriti golongan tua berbahasa Hungarian sahaja. Terhadap anak dan yang setaraf dengan anak, angkatan muda menggunakan bahasa Jerman sahaja, sedangkan golongan tua sebahagian kecil berbahasa campuran Hungarian Jerman dan sebahagian besar berbahasa Hungarian. Akhirnya, apabila berbincang kepada cucu, Majoriti angkatan tua berbahasa Jerman Hungarian, sebahagian kecil berbahasa Jerman sahaja dan berbahasa Hungarian sahaja. Dalam

semua pemilihan bahasa ini memberi kesan bahawa bahasa Hungarian akan beralih ke bahasa Jerman apabila generasi tua sudah habis. Kajian pemilihan bahasa dalam domain keluarga boleh disemak dalam David, 1996; David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003); Roksana Bibi Abdullah, 2002; Vijaya Sankar, 2004; Nambiar, 2007. Kajian-kajian itu mengesankan bahawa pemakaian bahasa ibunda sesuatu komuniti minoriti di kalangan keluarga di bandar raya telah mengalami kemerosotan daripada generasi tua kepada generasi-generasi berikutnya dan akan segera beralih sepenuhnya kepada bahasa yang dominan. Jadual berikut ini menyimpulkan peralihan bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia di kalangan komuniti minoriti Batak Toba di Pontianak, Indonesia.

**Jadual 5.15:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II dan G III di dalam Domain Kekeluargaan

Sub Domain	Domain Kekeluargaan	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Membicarakan masalah seharian bersama anggota keluarga di rumah	2.97	1.49	1.85
2.	Berbicara di dalam arisan keluarga	3.75	1.88	1.61
3.	Berbicara kepada Datuk/nenek	4.57	1.90	1.92
4.	Berbicara kepada ibu bapa	4.53	1.69	1.84
5.	Berbicara kepada mertua	4.44	2.02	-
6.	Berbicara kepada paman/bibi	4.33	1.72	1.70
7.	Berbicara kepada saudara kandung	4.45	1.19	1.44
8.	Berbicara kepada sepupu	4.15	1.30	1.47
9.	Berbicara kepada suami/isteri	4.08	1.70	-
10.	Berbicara kepada anak kandung	2.22	1.30	-
11.	Berbicara kepada kemanakan	2.32	1.20	1.44
12.	Berbicara kepada menantu	2.68	1.33	-
13.	Berbicara kepada cucu	1.62	1.40	-
14.	Berbicara kepada pembantu di rumah	1.00	1.00	1.07
Mean/purata			1.00-5.00	

*Keterangan:* Mean/purata 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak Bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja

Daripada 14 subdomain kekeluargaan yang dikaji, terdapat variasi pemakaian atau pemilihan bahasa oleh G I sesuai dengan subdomain yang dimasuki. Tujuh subdomain menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia, satu subdomain menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba, empat subdomain menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba,

dan dua subdomain menggunakan bahasa Indonesia sahaja. sebaliknya, tak ada satu pun subdomain menggunakan bahasa Batak Toba sahaja.

Peralihan penggunaan bahasa Batak Toba dalam subdomain kekeluargaan ini tampak bermula apabila G I berhadapan dengan generasi setingkat di bawah mereka, iaitu terhadap anak dan yang setaraf dengan anak. Semakin merosot apabila G I berhubung dengan generasi dua tingkat di bawah mereka, seperti cucu. Purata di atas pula menunjukkan bahawa majoriti pemilihan bahasa di dalam domain kekeluargaan oleh G II sudah beralih kepada bahasa Indonesia sahaja. Walaupun demikian purata pemakaian bahasa di dalam domain keluarga kadang-kadang G III menunjukkan pemakaian bahasa Batak Toba lebih tinggi daripada G II. Hal ini bersesuaian dengan kajian Lieberson (1972) mengenai pemeliharaan bahasa Perancis di Montreal yang mendapati generasi kanak-kanak masih ekabahasa Perancis. Hal ini dimungkinkan oleh pengaruh para ibunda yang mengasuh anak-anaknya menggunakan bahasa Perancis (di dalam Fasold, 1984, p. 227-231). Pada amnya, kekerapan pemilihan bahasa Indonesia dalam domain kekeluargaan dalam kalangan G II dan G III adalah disebabkan penguasaan bahasa Batak Toba mereka pada taraf kurang faham. Data yang didapati menunjukkan bahawa domain keluarga tidak lagi menjadi benteng pertahanan bagi melestarikan bahasa Batak Toba di bandar Pontianak.

Daripada soal selidik yang ditanyakan kepada G III, beberapa subdomain kekeluargaan tidak mendapat jawapan, antara lain yang berhubungan dengan mertua, anak kandung, menantu, cucu, dan suami isteri. Hal ini dapat dimaklumi kerana di antara responden belum ada yang menikah. Hal itu tampak pada jadual yang kosong.



## 5.2.2 Domain Kejiranan

Berasaskan data dalam Jadual 4.9 mengenai latar belakang responden G I, G II, dan G III, khasnya mengenai jiran yang berbangsa Batak Toba tampak bahawa bilangan 1 menyatakan jiran semua orang Batak Toba, bilangan 2 menyatakan jiran banyak orang Batak Toba, bilangan 3 menyatakan jiran sedikit orang Batak Toba, dan bilangan 4 menyatakan jiran tidak ada orang Batak Toba. Pilihan responden G I ialah bilangan 1 = 0%, bilangan 2 = 0%, bilangan 3 = 19%, dan bilangan 4 = 48%. Deskripsi statistik G I menyatakan bahawa purata hasil pilihan itu ialah 3.72. Itu bermakna bahawa pada amnya responden G I tidak memiliki jiran sesama orang Batak Toba. Sama dengan itu, apabila kita memperhatikan kembali latar belakang responden G II mengenai kejiranan, nyata bahawa responden pada amnya tidak memiliki jiran sesama komuniti Batak Toba (3.70), tetapi berjiran dengan berbagai-bagai komuniti atau etnik. Demikian pula G III majoriti (76.6%) menyatakan tidak memiliki jiran sesama etnik Batak Toba dan 25.4% menyatakan masih memiliki jiran sesama Batak Toba. Keadaan itu dapat mempengaruhi pilihan bahasa jika berhadapan dengan jiran. Seperti pada jadual-jadual di bawah ini.

**Jadual 5.16:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan: Subdomain Memberi nasihat kepada kanak-kanak yang bermain di halaman rumah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	63	94.0	66	98.5	62	92.5
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	1	1.5	4	6.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	66	98.5	67	100.0	67	100.0
Missing 999	1	1.5				
Total	67	100.0				
Mean/Purata: 1-5		1.06		1.01		1.09

Jadual di atas menunjukkan bahawa dalam berhubung dengan anak-anak jiran yang ada di sekitar rumah, semua generasi responden pada purata menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

**Jadual 5.17:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan: Subdomain Berbincang dengan para jiran anak remaja

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	65	97.0	66	98.5	63	94.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	1	1.5	4	6.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.04		1.01		1.06

Jadual di atas pula menunjukkan bahawa dalam berhubung dengan anak-anak remaja jiran yang ada di sekitar rumah, semua generasi responden pada purata menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

**Jadual 5.18:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan: Subdomain Berbincang dengan para jiran anak muda

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	65	97.0	66	98.5	64	95.5
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	1	1.5	3	4.5
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/purata: 1-5</i>		1.04		1.01		1.04

Dalam semua domain kejiranan responden G I, G II, dan G III apabila berbincang dengan jiran kanak-kanak, jiran anak remaja, dan jiran anak-anak muda, mereka (lebih 90% atau hampir 100%) memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Sangat sedikit di antara responden yang memilih campuran lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba dan campuran sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba. Tidak ada yang menggunakan banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia atau berbahasa Batak Toba sahaja.

Jadual-jadual berikut ini menunjukkan pemakaian bahasa responden G I, G II dan G III apabila berhubung dengan jiran yang merupakan orang tua dan sesiapa orang tua yang secara kebetulan bertemu di hadapan rumah.

**Jadual 5.19:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan: Subdomain Berbincang dengan para jiran orang tua

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	63	94.0	64	95.5	63	94.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	2	3.0	3	4.5
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	1	1.5	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	1	1	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		1.10		1.06		1.07

Demikian pula apabila berbincang dengan jiran yang sudah tua di kawasan perumahan mereka, responden G I, G II, dan G III lebih dari 90% memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

**Jadual 5.20:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan: Subdomain Menyapa orang tua renta yang melintas di hadapan rumah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	63	94.0	64	95	65	97.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	3	4.5	1	1.5
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	65	98.5	67	100.0	67	100.0
Missing 999	1	1.5				
Total	67	100.0				
Mean/Purata: 1-5		1.06		1.04		1.04

Jawapan yang diberikan oleh responden G I, G II, dan G III mengenai pemilihan bahasa yang dilakukan ketika berhubung dengan jiran kaum tua pula adalah majoriti responden (lebih daripada 90%) menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Kesimpulan pemakaian bahasa dengan jiran dikemas seperti berikut.

**Jadual 5.21:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Kejiranan

Sub Domain	Domain Kejiranan	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Memberi Nasihat kepada Kanak-kanak yang Bermain di Halaman Rumah	1.06	1.01	1.09
2.	Berbincang dengan Para Jiran Anak Remaja	1.04	1.01	1.06
3.	Berbincang dengan Para Jiran Anak Muda	1.04	1.01	1.04
4.	Berbincang dengan Para Jiran Orang Tua	1.10	1.06	1.07
5.	Menyapa Orang Tua Renta yang Melintas di Hadapan Rumah	1.06	1.04	1.04
<i>Mean/Purata</i>			1.00-5.00	

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja

Selari dengan tempat tinggal orang Batak Toba di Pontianak yang merata-rata di berbagai tempat permukiman membuat komuniti ini jarang berjiran dengan sesama orang Batak Toba dan oleh itu pula membuat mereka tidak menggunakan bahasa Batak Toba apabila berhubung dengan jiran. Kebenaran itu tampak pada jawapan responden pada domain kejiranan. Daripada pemilihan bahasa dalam domain kejiranan di kalangan komuniti minoriti Batak Toba di Pontianak dikesan bahawa telah terjadi peralihan bahasa ke bahasa Indonesia.

Kajian David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003) terhadap pemilihan bahasa komuniti penghijrah Sikh Punjabi di Petaling Jaya, Kuala Lumpur menyebutkan bahawa bahasa Punjabi jarang digunakan di luar rumah. Para responden dilaporkan menggunakan bahasa Dominan (Inggeris dan Melayu) di luar rumah. Oleh itu, di luar rumah ada peralihan daripada menggunakan bahasa etnik kepada penggunaan bahasa Inggeris atau sebuah bahasa campuran daripada tiga bahasa (Inggeris, Melayu dan Punjabi).

Coluzzi (2010) mencatat betapa mustahak jiran di dalam pengekal dan peralihan sesuatu bahasa. Dalam kajiannya didapati bahasa Iban dan bahasa Murut (Lun Bawang) di distrik Temburong, sebuah kawasan terpencil di tengah hutan belantara di bahagian timur negara Brunei Darussalam, masih kekal dan vital dengan tingkat transmisi atau pewarisan yang sangat tinggi. Hal itu disebabkan kedua-dua kelompok masyarakat

sangat kompak (berhubung erat) dalam jaringan sosial. Mereka masih bertempat tinggal di rumah panjang.

### 5.2.3 Domain Persahabatan

Pada domain persahabatan ini, sebagaimana orang perantau, tentu responden boleh didapati memiliki sahabat dari berbagai-bagai latar etnik yang ada di daerahnya. Oleh itu, jawapan yang diberikan pun tentu tergantung pada jumlah sahabat dan latar belakang mereka masing-masing. Pemilihan bahasa oleh G I dan G II dan G III ketika berhubung dengan sahabat-sahabat mereka tampak pada jadual di bawah ini.

**Jadual 5.22:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Persahabatan: Subdomain Membicarakan aktiviti seharian kepada sahabat lebih muda

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	19	28.4	60	89.6	56	83.6
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	6	9.0	4	6.0	10	14.9
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	21	31.3	3	4.5	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	10	14.9	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	11	16.4	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		2.82		1.15		1.18

Pemilihan bahasa untuk sahabat lebih muda ternyata responden G I pada peringkat pertama memilih campuran sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (31.3%), pada peringkat kedua memilih bahasa Indonesia sahaja (28.4%), peringkat ketiga menggunakan bahasa Batak Toba sahaja (16.4%), peringkat keempat memilih campuran lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (14.9%), dan peringkat kelima menggunakan lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba.

Sementara itu, pemilihan bahasa G II dan G III ketika berbincang dengan sahabat lebih muda pada peringkat pertama ialah majoriti responden menggunakan bahasa

Indonesia sahaja (89.6% dan 83.6%). Peringkat kedua ialah banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (6.0% dan 14.9%), peringkat ketiga ialah menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (4.5% dan 1.5%). Selanjutnya, perbincangan G II dan G III kepada sahabat lebih muda menunjukkan tak seorang pun menggunakan campuran bahasa Batak Toba lebih banyak daripada bahasa Indonesia dan berbahasa Batak Toba sahaja.

Berbeza dari sahabat yang lebih muda, menghadapi sahabat sebaya ternyata responden G I memilih lebih banyak menggunakan bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia dan menggunakan bahasa Batak Toba sahaja, masing-masing (25.4%) sebagai peringkat pertama. Peringkat kedua ialah menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (22.4%), peringkat ketiga ialah menggunakan bahasa Indonesia sahaja (17.9%), peringkat keempat ialah menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (9.0%).

Sebaliknya, G II dan G III apabila berhubung dengan sahabat sebaya, majoriti menggunakan bahasa Indonesia sahaja (86.6% dan 85.1%) sebagai peringkat pertama, peringkat kedua ialah menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (9.0% dan 13.4%), dan peringkat ketiga pula menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (4.5% dan 1.5%). Sementara itu, penggunaan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia dan penggunaan bahasa Batak Toba sahaja tidak berlaku oleh G II dan G III ketika berhubung dengan sahabat sebaya.

**Jadual 5.23:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Persahabatan: Subdomain Membicarakan hobby kepada sahabat sebaya

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	12	17.9	58	86.6	57	85.1
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	6	9.0	6	9.0	9	13.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	15	22.4	3	4.5	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	17	25.4	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	17	25.4	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		2.31		1.18		1.16

Responden G I apabila berbincang dengan sahabat lebih tua, mereka menggunakan bahasa Batak Toba sahaja (peringkat pertama, 43.3%), peringkat kedua masing-masing 17.9%, iaitu menggunakan bahasa Indonesia sahaja dan banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia, peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (16.4%), dan peringkat keempat ialah banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba.

Walaupun penggunaan bahasa Batak Toba bertambah dalam berbincang dengan sahabat lebih tua, namun pemakaian bahasa Indonesia sahaja oleh G II dan G III tetap menempati peringkat pertama, iaitu 80.6% dan 79.1%, diikuti peringkat kedua, iaitu menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (11.9% dan 19.4%). Peringkat ketiga dalam pemilihan bahasa dalam berbincang dengan sahabat lebih tua ialah menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (4.5% dan 1.5%). Sementara peringkat keempat hanya terdapat pada G II iaitu memilih lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (3.0%). Penggunaan bahasa Batak Toba sahaja kepada sahabat lebih tua tidak terjadi.

**Jadual 5.24:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Persahabatan: Subdomain Membicarakan pengalaman hidup kepada sahabat lebih tua

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	12	17.9	54	80.6	53	79.1
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	3	4.5	8	11.9	13	19.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	11	16.4	3	4.5	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	12	17.9	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	29	43.3	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		3.64		1.30		1.22

Kemudian kekerapan penggunaan bahasa Indonesia tersebut berkurang sedikit lagi apabila berhubung dengan sahabat lebih tua (80.6%), apabila berbincang dengan para sahabat di kedai kopi (76.1%), dan apabila berbincang dengan para sahabat di sebuah pesta (68.7%). Purata pemilihan bahasa berada pada kisaran (1.15–1.42). Itu bermakna penggunaan bahasa Indonesia sahaja dalam berbincang dengan sahabat sangat kerap. Tidak berbeza dengan G II, generasi G III ada yang mempunyai jiran sesama Batak Toba, tetapi tidak seorang pun di antara mereka yang memilih bahasa Batak Toba sebagai bahasa perhubungan dengan sahabat-sahabat mereka.

Sebagaimana G I berhubung dengan sahabat sebaya (yang menunjukkan purata pemakaian bahasa Batak Toba yang tinggi), ternyata juga apabila berhubung dengan sahabat lebih tua pula mereka lebih banyak lagi menggunakan bahasa Batak Toba (purata 3.31 berbanding 3.64).

Berikut ini apabila G I, G II, dan G III menghadapi sahabat-sahabatnya di tempat-tempat umum, seperti di kedai kopi, dan atau di tempat pesta.



**Jadual 5.25:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Persahabatan: Subdomain Berbincang dengan sahabat di kedai kopi

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	13	19.4	51	76.1	45	67.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	7	10.4	12	17.9
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	10	14.9	2	3.0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	15	22.4	1	1.5	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	15	22.4	0	0	0	0
Total	55	82.1	61	91.0	57	85.1
Missing 999	12	17.9	6	9.0	10	14.9
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		3.31		1.23		1.21

Di tempat bersantai, seperti di kedai kopi, saat rehat kerja atau pada hari cuti kerja biasanya kedai kopi ramai dikunjungi orang. Pengunjung menikmati hidangan kopi, teh, atau minuman penyegar sambil berbincang dengan teman-teman yang datang bersama-sama atau secara kebetulan berjumpa di kedai tersebut. Pembicaraan boleh mengenai apa sahaja. Biasanya mengenai isu-isu yang sedang hangat di berbagai-bagai bidang kehidupan. Pembicaraan tergantung kepada siapa yang memulai pembicaraan dan maklum balas daripada teman-teman yang mendengarkan. Tidak terlalu serius dan biasanya diiringi dengan canda dan senda gurau.

Melalui data yang terakam, G I memilih menggunakan bahasa Batak Toba sahaja dan memilih menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia pada saat berbincang dengan sahabat di kedai kopi, masing-masing 22.4%. Di peringkat kedua memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja (19.4%) dan di peringkat ketiga memilih menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (14.9%). Sementara itu G II dan G III generasi yang lahir di bandar Pontianak majoriti memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja ketika berbincang dengan sahabat di kedai kopi (68.7% dan 80.6%). Sebahagian lagi memilih menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (22.4% dan 17.9%) sebagai peringkat kedua. Peringkat ketiga memilih menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa

Batak Toba (7.5% dan 1.5%). Kedua-dua generasi ini tidak seorang pun yang memilih menggunakan bahasa Batak Toba sahaja di kedai kopi.

**Jadual 5.26:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Persahabatan: Subdomain Berbincang dengan sahabat dalam acara pesta

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	7	10.4	46	68.7	54	80.6
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	3	4.5	15	22.4	12	17.9
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	11	16.4	5	7.5	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	18	26.9	1	1.5	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	28	41.8	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Missing 999						
Total						
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		3.85		1.42		1.21

Acara pesta bagi orang Batak Toba (pernikahan, perayaan ulang tahun, dan yang lainnya) biasanya dilaksanakan di sebuah gedung yang dapat menampung 500 orang atau lebih. Pihak penyelenggara pesta menjemput hadir para sanak keluarga dan sahabat karib dan kenalan lainnya. Pesta orang Batak Toba selalu diiringi dengan adat Batak Toba. Para tetamu yang hadir tidak hanya sekadar datang, lalu makan, dan menyalami pihak penyelenggara, dan pulang. Pesta orang Batak Toba memiliki atur cara yang merupakan bahagian daripada adat itu sendiri dan diikuti semua hadirin. Atur cara itu, misalnya pukul 11.00 a.m. menjemput masuk semua hadirin sesuai dengan kedudukan mereka di dalam adat (*hula-hula, dongan tubu, dongan sahuta, aleale*, dan yang lainnya). Setelah hadirin semua berkumpul di dalam gedung, kemudian dilanjutkan dengan acara makan bersama-sama. Selepas acara makan, dilanjutkan dengan acara memberi salam kepada penyelenggara pesta. Acara adat kemudian dilanjutkan dengan tradisi memberi *ulos* (kain khas Batak Toba) dan ucapan tahniah-tahniah lainnya sehingga acara selesai menjelang malam hari.

Orang-orang yang tidak berperanan penting di dalam istiadat boleh mengikuti dan mendengarkan pembicaraan di dalam adat (menonton) sambil sesekali mengamini isi pembicaraan. Yang lainnya boleh berbincang-bincang dengan sesiapa sahaja utamanya dengan para sahabat sambil menikmati hidangan-hidangan berikutnya sebelum pulang ke rumah masing-masing.

Di pihak lain G II dan G III secara majoriti tetap menunjukkan pemakaian bahasa Indonesia sahaja di peringkat pertama (68.7% dan 80.6%). Peringkat kedua menggunakan bahasa Indonesia lebih banyak daripada bahasa Batak Toba (22.4% dan 17.9%), peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (7.5% dan 1.5%). Kedua-dua generasi tak seorang pun yang mengaku berbahasa Batak Toba sahaja dalam acara pesta.

Ternyata pemilihan bahasa G I di tempat umum antara di kedai kopi dan di tempat pesta terdapat sedikit perbezaan, iaitu pemakaian bahasa Batak Toba di dalam acara pesta lebih kerap daripada di kedai kopi (purata 3.31 berbanding 3.85). Berbeza dengan G I, dalam berbincang di kedai kopi, G II lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia (1.23) daripada di tempat pesta (1.42). Dalam suasana santai di warung kopi dan dalam suasana pesta, pemakaian bahasa Indonesia G III tetap sama dominan daripada bahasa Batak Toba. Hal itu boleh dimaklumkan kerana responden G III sebahagian masih kanak-kanak, belum mempunyai kebiasaan bermain di warung kopi atau ke tempat pesta. Kesimpulan pemakaian bahasa terhadap sahabat dapat disemak di dalam jadual yang berikut.

**Jadual 5.27:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, GII, dan G III di dalam Domain Persahabatan

Sub Domain	Domain Persahabatan	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Membicarakan Aktiviti Seharian kepada Sahabat Lebih Muda	2.82	1.15	1.18
2.	Membicarakan Hobby kepada Sahabat Sebaya	3.31	1.18	1.16
3.	Membicarakan Pengalaman Hidup kepada Sahabat Lebih Tua	3.64	1.30	1.22
4.	Berbincang dengan Sahabat di Kedai Kopi	3.31	1.23	1.21
5.	Berbincang dengan Sahabat dalam Acara Pesta	3.85	1.42	1.21
Mean/Purata			1.00-5.00	

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja.

Di dalam domain persahabatan G I memakai bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba secara seimbang, kecuali apabila berhubung dengan sahabat lebih muda. Pada subdomain itu, G I memilih lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba.

Sementara itu, pemilihan bahasa G II dan III dalam mana-mana subdomain persahabatan tidak tampak adanya pemakaian bahasa Batak sahaja. Merujuk pada latar belakang responden, G II dan G III merupakan generasi yang lahir dan menjalani kehidupan sesuai usia mereka di Pontianak. Demikian juga para sahabat mereka (sebaya atau lebih muda, atau lebih tua) sama-sama orang berpengetahuan minim berbahasa Batak Toba. Kehidupan mereka di Pontianak terdedah berbahasa Indonesia. Ini menyebabkan tanda-tanda penyusutan pemakaian Bahasa Batak Toba di kalangan orang pendatang yang sudah lahir di bandar Pontianak.

Dalam kajian terhadap komuniti Sikh Punjabi, David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003) mendapati bahawa dalam domain persahabatan kelompok usia 70 ke atas, majoriti memilih bahasa Punjabi terhadap sahabat lebih muda ataupun lebih tua. Kelompok usia muda (19-25) menyatakan mereka menggunakan bahasa Inggeris sahaja, atau campuran daripada dominan Inggeris dan sedikit Melayu dan Punjabi. Dalam hal ini berlaku penyusutan pemakaian bahasa etnik apabila berbincang dengan sahabat.

Demikian pula yang didapat oleh Gogonas (2009) di dalam penyelidikannya terhadap anak-anak imigran Albania yang lahir di Greece dan yang dibawa serta ibu bapa berhijrah ke Greece sebelum usia sekolah. Setelah anak-anak Albania ini berumur rata-rata 14 tahun dan bersekolah di Greece, pemilihan bahasa mereka terhadap sahabat-sahabat mereka adalah 52.8% berbahasa Yunani sahaja, 27.1% sama banyak bahasa Yunani dan Albania, dan 8.6% berbahasa Albania sahaja. Kesannya ialah bahawa bahasa Albania sudah semakin merosot di perantauan dan beralih ke bahasa Yunani..

#### **5.2.4 Domain Jual Beli**

Bandar Pontianak memperlihatkan bermacam-macam corak atau cara masyarakat untuk melaksanakan transaksi jual beli keperluan sehari-hari. Ada peniaga atau penjaja keliling masuk-keluar kampung (*door to door*), ada peniaga di pinggir jalan (*kaki lima*), ada kedai kecil (warung), ada pasar rakyat (gabungan berbagai-bagai pekedai yang diurus pemerintah tempatan), ada toko yang menjual barang-barang luks (mewah) milik persendirian, dan ada pula pusat perbelanjaan mewah (*shopping center, megamall* atau *supermarket*).

Data yang terkumpul menunjukkan bahawa pemakaian bahasa G I dalam domain jual beli di mana-mana tempat, peserta dan topik pembicaraan menunjukkan kesamaan, iaitu memilih menggunakan bahasa Indonesia. Purata berada pada 1.00-1.09. Hanya di kedai saja yang masih ada responden mengakui menggunakan bahasa Batak Toba.

Dalam semua domain jual beli responden G II berlaku sama, iaitu 98.5% menggunakan bahasa Indonesia sahaja, selebihnya 1.5% (satu orang sahaja) memilih lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Pemakaian bahasa Indonesia secara total dalam domain beli-belah terdapat pada responden G III. Pemilihan bahasa oleh responden G III dalam aktiviti membeli-belah dalam semua

domain jual beli, sama ada di warung (kedai), pedagang kaki lima (tepi jalan) mahupun di *supermarket*, 100% responden menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

Hal ini kembali menguatkan bahawa pemakaian bahasa Indonesia semakin menyebarkan merata-rata ke berbagai-bagai aspek kehidupan. Selengkapnya semak jadual-jadual di bawah ini.

**Jadual 5.28:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli : Subdomain Menanyakan harga barang kepada pekedai

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	65	97.0	66	98.5	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	1	1.5	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.09		1.01		1.00

Berbeli belah di kedai, hampir semua responden G I (97%), dan G II (98.5%) menggunakan bahasa Indonesia, dan G III seluruhnya berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.29:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Memesan (menempah) rupa-rupa bahan perbelanjaan di pasar rakyat

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	66	98.5	66	98.5	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.03		1.01		1.00

Demikian pula apabila membeli belah di pasar rakyat, hampir semua responden G I dan G II masing-masing (98.5%) menggunakan bahasa Indonesia, dan G III sepenuhnya berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.30:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Meminta penjelasan penggunaan barang kepada pembantu kedai di toko

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	66	98.5	66	98.5	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/purata: 1-5		1.03		1.01		1.00

Sama dengan membeli belah pasar rakyat, membeli belah di toko pun hampir semua responden G I dan G II (98.5%) menggunakan bahasa Indonesia, dan G III seluruhnya berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.31:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Menanyakan kualiti barang kepada pembantu kedai di supermarket

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	67	100.0	66	98.5	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		1.00		1.01		1.00

Berbeli belah di *supermarket* hanya seorang responden G II yang masih menggunakan campuran banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba, selebihnya semua responden menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

**Jadual 5.32:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Memesan (menempah) jajanan kepada pedagang keliling

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	67	100.0	66	98.5	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		1.00		1.01		1.00

Berbeli belah dengan penjaja keliling pun semua responden memilih sama menggunakan bahasa Indonesia seperti di *supermarket*.

**Jadual 5.33:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli: Subdomain Menanyakan harga berbagai-bagai barang mainan kanak-kanak kepada pedagang tepi jalan

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	65	97.0	66	98.5	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	65	97.0	67	100.0	67	100.0
Missing 999	2	3.0				
Total	67	100.0				
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.01		1.00

Berbeli belah dengan penjaja keliling pun semua responden memilih sama menggunakan bahasa Indonesia seperti di tepi jalan (selusur kaki) atau kaki lima. Kesimpulan pemilihan bahasa berbeli belah tampak dalam jadual berikut ini.

**Jadual 5.34:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Jual Beli

Sub Domain	Domain Jual Beli	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Menanyakan Harga Barang kepada Pekedai	1.09	1.01	1.00
2.	Memesan Rupa-rupa Bahan Perbelanjaan di Pasar Rakyat	1.03	1.01	1.00
3.	Meminta Penjelasan Penggunaan Barang Elektrik kepada Pramuniaga di Toko	1.03	1.01	1.00
4.	Menanyakan Beza Kualiti Barang kepada Pramuniaga di Supermarket	1.00	1.01	1.00
5.	Memesan Jajanan kepada Pedagang Keliling	1.00	1.01	1.00
6.	Menanyakan Harga Berbagai-bagai Barang Mainan Kanak-kanak kepada Pedagang Tepi Jalan	1.00	1.01	1.00
<i>Mean/Purata</i>			1.00-5.00	

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja.

Pada domain jual beli tampak pemilihan bahasa oleh G I, G II, dan G III tiada lagi dibezakan menurut sesiapa peniaga dan di mana tempat transaksi. Purata di atas mengesankan bahawa segala urusan jual beli dengan peniaga, sama ada kecil mahupun besar, di pinggir jalan, di kedai, mahupun di tempat berprestij, seperti di *supermarket*,



responden G I, G II, dan G III memilih bahasa Indonesia sahaja. Apabila diperiksa, peniaga-peniaga yang menjalankan semua jenis usaha ini di Pontianak, mereka majoriti etnik Cina, Minang Kabau, Melayu, Madura, dan sedikit etnik yang lain.

Temuan yang berbeza dilaporkan oleh Tan (1993) terhadap pemilihan bahasa di dua tempat membeli belah. Tempat yang ramai dikunjungi orang kelas atas dan Tempat yang ramai dikunjungi orang kelas pertengahan dan bawahan. Kajian mendapati bahawa, di tempat yang ramai dikunjungi orang dari kelas atasan cenderung berbahasa Inggeris, manakala tempat yang ramai dikunjungi orang kelas menengah ke bawah cenderung berbahasa Mandarin, Hokkien, Teochew, dan Kantonis. Bagi orang Batak Toba keadaan ini tidak berlaku. Sama ada tempat yang dikunjungi kalangan atas mahupun kalangan bawah, mereka hanya berbahasa Indonesia.

#### **5.2.5 Domain Keagamaan**

Daripada latar belakang responden menunjukkan bahawa 100% responden G I dan G III memeluk agama Kristian, khususnya, *Huria Kristen Batak Protestan* (Gereja Kristian Batak Protestan). Responden G II pula tampak majoriti (92.5%) menganut agama Kristian Protestan, selebihnya Islam dan Katolik. Lembaga peribadatan khas komuniti Batak Toba ini diselenggarakan komuniti Batak Toba sahaja. Pemimpin tertinggi, kaki tangan, dan para pendeta, semuanya orang Batak Toba. Agama yang dipeluk majoriti responden tidak mengatur mana-mana bahasa sebagai bahasa rasmi. Dalam menjalankan ibadah di tempat ibadah ada masa berbahasa Batak Toba dan ada masa berbahasa Indonesia. Ketika berdoa, bernyanyi, berdakwa, pengajian, secara sendiri mahupun kelompok (berjemaah), para jemaah bebas menentukan bahasa yang akan digunakannya jika berhubung dengan Yang Maha Kuasa. Para jemaah sila memilih acara berbahasa Batak Toba atau berbahasa Indonesia. Demikian pula kitab

suci dan buku-buku peribadatan lain ada yang tertulis dalam bahasa Indonesia dan ada pula dalam bahasa Batak Toba.

Pemilihan bahasa di dalam menjalankan aktiviti keagamaan secara peribadi oleh G I sama dengan kebiasaan mereka memilih bahasa dalam menjalankan ibadah di kampung asal, iaitu menggunakan bahasa Batak Toba. Berbeza jauh daripada itu, G II dan G III dominan memilih menggunakan bahasa Indonesia. Dalam peribadatan interaktif boleh terjadi pemimpin ibadah berbahasa Indonesia, sementara itu jemaah memberi respons dengan bahasa Batak Toba.

**Jadual 5.35:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Berdoa

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	8	11.9	61	91.0	57	85.1
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	5	7.5	7	10.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	8	11.9	1	1.5	3	4.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	9	13.4	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	42	62.7	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.15		1.10		1.19

Dalam menjalankan ibadah secara peribadi atau memanjatkan doa peribadi kepada yang Maha Kuasa, responden G I dominan berbahasa Batak Toba sahaja (62.7%) di peringkat pertama, menggunakan banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia di peringkat kedua (13.4%), dan di peringkat ketiga berbahasa Indonesia sahaja dan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba, masing-masing 11.9%. Pada kegiatan yang sama G II dan G III secara majoriti memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja (91.0% dan 85.1%) di peringkat pertama, menggunakan banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba di peringkat kedua (7.5% dan 10.4%), dan menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba di peringkat ketiga (1.5% dan 4.5%). G II dan G III tidak ada lagi yang berbahasa Batak Toba sahaja

atau menggunakan banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia ketika berdoa (purata 1.10 dan 1.19).

Jikalau sembahyang di tempat ibadah, pengurus tempat-tempat peribadatan Kristian di bandar Pontianak membuat senarai (*time schedule*) peribadatan menurut kelompok (kanak-kanak, remaja dan pemuda, dan kelompok am) dan masa ibadah. Ada masa sembahyang pagi, siang (tengah hari), petang, dan malam hari. Ibadah kelompok kanak-kanak, remaja dan pemuda disajikan dalam bahasa Indonesia sahaja. Ibadah kelompok am (majoriti orang tua) ada yang berbahasa etnik dan berbahasa Indonesia. Kelompok berbahasa asing belum ada sehingga setakat ini.

Dalam subdomain keagamaan lainnya, iaitu dalam menjalankan ibadah berjemaah bersama jemaah lainnya, seperti sembahyang di tempat ibadah, sembahyang bersama keluarga di rumah, sembahyang di rumah-rumah jemaah, sembahyang kelompok perkauman, dan belajar agama terdapat perbezaan dalam pemilihan bahasa. Walaupun responden masih majoriti memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja, tetapi ada juga responden yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja dalam menjalankan sembahyang berjemaah. Pada semua sembahyang berjemaah purata terletak di antara 1.48-1.97.

**Jadual 5.36:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Sembahyang di tempat ibadah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	3	4.5	35	52.2	49	73.1
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	20	29.9	10	14.9
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	19	28.4	8	11.9	8	11.9
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	10	14.9	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	33	49.3	2	3.0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.01		1.75		1.39

Pemilihan bahasa dalam menjalankan peribadatan di tempat ibadah responden G I masih memilih bahasa Batak Toba sahaja (49.3%) di peringkat pertama, menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba di peringkat kedua (28.4%), menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (4.9%) di peringkat ketiga, menggunakan bahasa Indonesia sahaja (4.5%) di peringkat keempat, dan menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (3.0%) di peringkat kelima. Purata pemilihan bahasa G I dalam beribadah di tempat ibadah 4.01, bermakna dominan berbahasa Batak Toba. Dalam kegiatan yang sama G II dan G III sama-sama memiliki peringkat yang sama, iaitu peringkat pertama berbahasa Indonesia sahaja (52.2% dan 73.1%), peringkat kedua menggunakan banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (29.9% dan 14.9%), peringkat ketiga, menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (masing-masing 11.9%), peringkat keempat (3.0%) menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia dan berbahasa Batak Toba sahaja (G II sahaja). Responden G III tidak ada yang menggunakan banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia, apa lagi berbahasa Indonesia sahaja.

**Jadual 5.37:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Sembahyang bersama keluarga di rumah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	10	14.9	41	61.2	43	64.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	20	29.9	11	16.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	25	37.0	6	9.0	10	14.9
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	9	13.4	0	0	1	1.5
Bahasa Batak Toba sahaja	21	31.3	0	0	2	3.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		3.43		1.48		1.63

Jadual 5.37 di atas menunjukkan bahawa dalam menjalankan ibadah bersama anak-anak dan anggota keluarga lainnya di rumah terdapat pengurangan pemakaian bahasa Batak Toba dan penambahan penggunaan bahasa Indonesia oleh G I daripada beribadah

secara persendirian (Jadual 5.35). Ini boleh terjadi kerana pengetahuan anak-anak mereka yang sudah menurun dalam penguasaan bahasa Batak Toba. Pemilihan bahasa dalam beribadah di rumah bersama ahli-ahli keluarga peringkat pertama bukan lagi pada pilihan berbahasa Batak Toba sahaja, tetapi pada pilihan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (37.0%), manakala pilihan berbahasa Batak Toba sahaja turun ke peringkat kedua (31.3%). Seterusnya, peringkat ketiga berbahasa Indonesia sahaja (14.9%), dan peringkat keempat menggunakan banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (13.4%). Di pihak G II dan G III tetap sama, iaitu peringkat pertama majoriti responden tetap menggunakan bahasa Indonesia sahaja (61.2% dan 64.2%), peringkat kedua banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (29.9% dan 16.4%), peringkat ketiga sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (9.0% dan 14.9%). Dalam menjalankan ibadah di rumah, responden G II tidak ada yang berbahasa Batak Toba sahaja, tetapi G III ada yang menggunakan bahasa Batak Toba sahaja (3.0%).

Di tempat ibadah pemilihan bahasa lebih kerap berbahasa Indonesia daripada di rumah. Kemungkinan ini boleh terjadi kerana pengaruh ibu bapa dalam menentukan bahasa dalam ibadah keluarga. Demikian pula apabila beribadah di rumah jemaah dan perkauman tiada pilihan bahasa selain yang disajikan pemimpin ibadah dan kebanyakan berbahasa Batak Toba atau campuran bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba.

**Jadual 5.38:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III Di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Sembahyang di rumah-rumah jemaah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	1	1.5	29	43.3	43	64.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	17	25.4	8	11.9
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	12	17.9	12	17.9	8	11.9
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	26	38.8	3	4.5	1	1.5
Bahasa Batak Toba sahaja	27	40.3	3	4.5	2	3.0
Total	67	100.0	64	95.5	62	92.5
Missing 999			3	4.5	5	7.5
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.15		1.97		1.56

Menjalankan ibadah yang diadakan oleh pemimpin gereja secara bergantian di rumah jemaah yang diikuti oleh responden G I juga masih menggunakan bahasa Batak Toba sahaja sebagai peringkat pertama walaupun tidak majoriti (40.3%), peringkat kedua pula menggunakan banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (38.8%), peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (17.9%). Responden G I ada pula yang menggunakan hanya bahasa Indonesia sahaja dalam ibadah di rumah jemaah (1.5%). Ibadah seperti ini dihadiri majoriti kalangan orang tua. Demikian pula G II dalam menjalankan ibadah di rumah jemaah tidak lagi majoriti menggunakan bahasa Indonesia sahaja walaupun pemakaian itu masih menduduki peringkat pertama (43.3%), sedangkan G III tetap majoriti menggunakan bahasa Indonesia sahaja (64.2%). Pada peringkat kedua G II dan G III sama-sama menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (25.4% dan 11.9%), peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (G II sahaja 17.9%). Pada subdomain ini, terdapat penggunaan bahasa Batak Toba sahaja, sama ada G II dan G III (4.5% dan 3.0%).

**Jadual 5.39:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Sembahyang kelompok perkauman

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	2	3.0	34	50.7	46	68.7
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	12	17.9	9	13.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	17	25.4	8	11.9	5	7.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	22	32.8	1	1.5	1	1.5
Bahasa Batak Toba sahaja	23	34.3	1	1.5	0	0
Total	64	95.5	56	83.6	61	91.0
Missing 999	3	4.5	11	16.4	6	9.0
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.00		1.63		1.36

Sembahyang kelompok perkauman ini terdiri daripada kelompok bapak, kelompok ibu, kelompok anak-anak muda, anak remaja, dan kanak-kanak. Dalam menjalankan sembahyang kelompok perkauman responden G I juga tidak majoriti menggunakan

bahasa Batak Toba sahaja walaupun pemilihan itu menduduki peringkat pertama (34.3%), kemudian di peringkat kedua menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (32.8%), dan peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (25.4%). G I pula dalam menjalankan ibadah kelompok ini ada yang menggunakan bahasa Indonesia sahaja (3.0%). Sementara G II dan G III tetap konsisten majoriti menggunakan bahasa Indonesia sahaja dalam menjalankan ibadah kelompok perkauman, sekali gus menduduki peringkat pertama (50.7% dan 68.7%). Peringkat kedua menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (17.9% dan 13.4%), dan peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (11.9% dan 7.5%). G II ada yang berbahasa Batak Toba sahaja (1.5%), sedangkan G III tidak ada yang berbahasa Batak Toba sahaja.

Selanjutnya, belajar ajaran agama (dogma/syariat) diwajibkan pula oleh lembaga peribadatan yang dipeluk responden. Pelajaran ini diutamakan ketika jemaah masih berusia 15-20 tahun. Berasaskan pengakuan responden G I pemilihan bahasa Batak Toba sahaja tetap menduduki peringkat pertama (46.3%) walaupun tidak majoriti), penggunaan campuran lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia menduduki peringkat kedua (28.4%). Terdapat pula G I menggunakan bahasa Indonesia sahaja ketika belajar ajaran agama (10.4%) merupakan peringkat ketiga. Peringkat keempat menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (6.0%).

Dalam belajar agama G II dan G III tetap majoriti menggunakan bahasa Indonesia sahaja, tetapi G III lebih banyak daripada G II (65.7% dan 86.6%). peringkat kedua menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (19.4% dan 10.4%), dan peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (11.9% dan 3.0%). G II ada yang berbahasa Batak Toba sahaja (3.0%), sedangkan pada responden G III tidak ada yang berbahasa Batak Toba sahaja.

**Jadual 5.40:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III dalam Domain Keagamaan: Subdomain Belajar Dogma Agama

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	7	10.4	44	65.7	58	86.6
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	2	3.0	13	19.4	7	10.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	4	6.0	8	11.9	2	3.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	19	28.4	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	31	46.3	2	3.0	0	0
Total	63	94.0	67	100.0	67	100.0
Missing 999	4	6.0				
Total	67	100.0				
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.03		1.55		1.16

Di luar peribadatan, dalam domain agama sering pula diadakan pertemuan jemaah dengan pemimpin jemaah. Pertemuan itu berupa mesyuarat jemaah untuk membincangkan hal ehwal hak dan kewajiban jemaah. Biasanya jemaah yang mendapat jemputan berasal daripada kalangan pemuda dan orang tua.

**Jadual 5.41:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan: Subdomain Berbicara dalam mesyuarat antara jemaah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	4	6.0	41	61.2	50	74.6
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	3	4.5	13	19.4	7	10.4
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	7	10.4	4	6.0	3	4.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	27	40.3	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	26	38.8	1	1.5	0	0
Total	67	100.0	61	91.0	60	89.6
Missing			6	9.0	7	10.4
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.03		1.51		1.22

Mesyuarat jemaah dilaksanakan di tempat ibadah paling sedikit dua kali setahun. Dalam mesyuarat jemaah ini para jemaah boleh menggunakan sebarang bahasa yang dia kuasai. Boleh terjadi majlis berbahasa Indonesia, tetapi para jemaah dalam memberikan maklum balas menggunakan bahasa Batak Toba atau sebaliknya. Dari Jadual 5.41 yang ditampilkan di atas tampak bahawa dalam mesyuarat jemaah responden G I lebih banyak yang menggunakan bahasa Batak Toba, sedangkan G II dan G III lebih banyak memakai bahasa Indonesia.



Di dalam Domain keagamaan ini pemilihan bahasa Batak Toba masih mendominasi di kalangan G I. Pemilihan bahasa dalam domain agama disimpulkan sebagai berikut.

**Jadual 5.42:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Keagamaan

Sub Domain	Domain Keagamaan	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Berdoa	4.15	1.10	1.19
2.	Sembahyang di Tempat Ibadah	4.01	1.75	1.39
3.	Sembahyang Bersama Keluarga di Rumah	3.43	1.48	1.63
4.	Sembahyang di Rumah-rumah Jemaah	4.15	1.97	1.56
5.	Sembahyang Kelompok/Perkauman	4.00	1.63	1.36
6.	Belajar agama	4.03	1.55	1.16
7.	Berbicara dalam Mesyuarat antara Jemaah	4.01	1.51	1.22
<i>Mean//Purata</i>		1.00-5.00		

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja.

Di dalam semua subdomain agama yang dilakukan oleh G I pemilihan bahasa mereka lebih banyak berbahasa Batak Toba (purata 4.00-4.15), kecuali pada sembahyang bersama anggota keluarga di rumah (purata 3.43), iaitu sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba.

Umat agama Buddha, Hindu, atau Islam selalunya mewajibkan setiap pemeluknya menggunakan bahasa yang sesuai dengan kitab suci masing-masing (David, 1996; Roksana Bibi Abdullah, 2002). Agama Kristian yang dipeluk orang Batak Toba di Pontianak tidak mewajibkan mana-mana bahasa semasa menjalankan peribadatan. Umat boleh memilih peribadatan yang diselenggarakan dalam bahasa Indonesia atau bahasa Batak Toba. Oleh itu, pengekalan bahasa Batak Toba melalui lembaga gereja di Bandar Pontianak tidak dapat lagi dijadikan sebagai benteng pertahanan. Hal itu tampak pada purata pemilihan bahasa dalam berbagai subdomain keagamaan oleh G II dan G III yang sentiasa majoriti atau dominan memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Gal (1979) mendapati orang Austria di Oberwart yang dwi bahasa Hungarian Jerman, sama ada kaum tua mahupun kaum muda semuanya kekal menggunakan bahasa

Hungarian dalam peribadatan. Tak seorang pun responden memilih bahasa Jerman atau campuran Jerman Hungarian dalam peribadatan.

Pemilihan bahasa dalam menjalankan peribadatan pula berbeza antara generasi tua dan muda di kalangan komuniti Sikh Punjabi (David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003)). Kaum tua majoriti menggunakan bahasa Punjabi sahaja, sedangkan kaum tua lainnya bercampur kod bahasa Punjabi dan Melayu, Punjabi dan Inggeris. Di pihak lain, kelompok usia muda cenderung menggunakan bahasa Inggeris sahaja atau campuran bahasa Inggeris dan Melayu dan Punjabi apabila beribadah di *gurdwara* (rumah ibadah agama Punjabi). Kesimpulannya ialah bahawa bahasa peribadatan yang selama ini dikenal menonjol atau dominan menggunakan bahasa etnik kini boleh berubah menggunakan bahasa lingua franca.

#### **5.2.6 Domain Pendidikan**

Pemilihan bahasa dalam domain pendidikan ini mestilah dipengaruhi oleh peringkat pendidikan yang ditempuh oleh masing-masing responden. Apabila diperhatikan kembali latar belakang pendidikan responden (semak semula Jadual 4.8) diperoleh maklumat bahawa responden G I sebanyak 33 orang (49.3%) berpendidikan tinggi, 3 orang (4.5%) sekolah lanjutan pertama, dan 1 orang (1.5%) sekolah dasar. G II 52 orang (77.6%) berpendidikan tinggi dan 15 orang (22.4%) sekolah lanjutan atas, G III pula 30 orang berpendidikan tinggi (44.8%), 31 orang (46.3%) sekolah lanjutan atas, dan 6 orang (9.0%) sekolah menengah pertama. Boleh dikata bahawa majoriti responden G I, G II, dan G III berpendidikan tinggi. Sistem pendidikan di Indonesia mewajibkan pemakaian bahasa Indonesia di seluruh aras pendidikan di Indonesia.

Responden G I tidak ada lagi yang sedang menjalankan aktiviti sebagai seorang pelajar. Usia mereka bukan lagi usia pelajar, mereka semua sudah hampir pencen

daripada pekerjaan. Sebahagian besar responden G II pun sudah tidak bersekolah lagi. Sementara G III sesuai usia mereka majoriti masih bersekolah. Walaupun demikian, responden G I, G II, dan G III diminta memberi jawapan sebagaimana pengalaman mereka dalam menempuh pendidikan pada masa lalu. Oleh itu, di bawah ini dikemukakan pilihan bahasa mereka dalam berbagai-bagai domain pendidikan.

Jadual 5.43 di bawah ini menunjukkan bahawa pilihan bahasa oleh G I dalam menjawab soalan guru ialah bahasa Indonesia (purata 1.05). Pemakaian bahasa Indonesia sahaja tampak merata-rata pada semua responden G II dan G III (100%) atau purata 1.00. Hal ini boleh terjadi kerana bahasa rasmi dalam dunia pendidikan ialah bahasa Indonesia.

**Jadual 5.43:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan: Subdomain Menjawab soalan pengajar/guru

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	37	55.2	67	100.0	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	38	56.7	67	100.0	67	100.0
Missing 999	29	43.3				
Total	67	100.0				
Mean/Purata: 1-5		1.05		1.00		1.00

Begitu pun sebaliknya, dalam bertanya kepada guru, responden G I purata (1.05) dan responden G II dan G III memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja (masing-masing pada purata 1.00).

**Jadual 5.44:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III: Memberi soalan kepada pengajar/guru

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	37	55.2	67	100.0	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	1	1.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	38	56.7	67	100.0	67	100.0
Missing 999	29	43.3				
Total	67	100.0				
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.05		1.00		1.00

Jadual-jadual berikut ini merupakan perhubungan dengan sesama pelajar dalam membincangkan topik-topik pelajaran dan dalam mesyuarat antara pelajar. Jawapan yang diberikan menyatakan bahawa G I memilih bahasa Indonesia dalam urusan sekolah (purata 1.00-1.16), sementara G II dan G III purata 1.00.

**Jadual 5.45:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan: Subdomain Mendiskusikan pelajaran dengan teman sesama pelajar

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	35	52.2	67	100.0	67	100.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	3	4.5	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	38	56.7	67	100.0	67	100.0
Missing 999	29	43.2				
Total	67	100.0				
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.16		1.00		1.00

Penggunaan bahasa Indonesia secara total oleh semua responden G I, G II, dan G III terdapat pada diskusi kelas sesama pelajar dan pada mesyuarat antara pelajar berlaku 100% menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

**Jadual 5.46:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan: Subdomain Membentangkan hasil diskusi di bilik kelas

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	37	55.2	67	100.0	66	98.5
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	37	55.2	67	100.0	66	98.5
Missing 999	30	44.8			1	1.5
Total	67	100.0			67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.00		1.00

Penggunaan bahasa Indonesia secara total pula oleh semua responden G I, G II, dan G III terdapat pada membentangkan (*presentation*) hasil diskusi kelas di hadapan sesama pelajar di bilik kelas berlaku 100% menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

**Jadual 5.47:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pendidikan: Subdomain Berbicara di dalam mesyuarat antara pelajar/mahasiswa

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	37	55.2	66	98.5	66	98.5
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	37	55.2	66	98.5	66	98.5
Missing 999	30	44.8	1	1.5	1	1.5
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.00		1.00

Demikian pula dalam bermesyuarat sesama pelajar atau mahasiswa, semua responden sepenuhnya berbahasa Indonesia. Kesimpulan pemilihan bahasa dalam domain pendidikan dapat disemak seperti jadual berikut.

**Jadual 5.48:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa dalam Domain Pendidikan Responden G I, G II, dan G III

Sub Domain	Domain Pendidikan	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Menjawab Pertanyaan Pengajar/Guru	1.05	1.00	1.00
2.	Bertanya kepada Pengajar/Guru	1.05	1.00	1.00
3.	Mendiskusikan Pelajaran dengan Teman Sesama Pelajar	1.16	1.00	1.00
4.	Melaporkan Hasil Diskusi di Depan Kelas	1.00	1.00	1.00
5.	Berbicara dalam Mesyuarat antara Pelajar/Mahasiswa	1.00	1.00	1.00
<i>Mean/Purata</i>			1.00-5.00	

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja.

Pilihan bahasa responden G II dan G III pada semua domain pendidikan 100% menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Pemilihan ini boleh dikata sama dengan jawapan responden G I walaupun mereka lahir di tanah asal. Penyebab pemilihan ini ialah hukum negara Indonesia mewajibkan pemakaian bahasa Indonesia dalam dunia pendidikan mulai dari peringkat rendah hingga universiti. Selain itu, tiap-tiap sekolah, universiti atau lembaga sekolah lainnya, guru-guru, atau pensyarah, atau pelajar-pelajar majoriti di luar etnik Batak Toba. Pendidikan ini pula yang sering didakwa menjadi faktor peralihan bahasa ibunda sesuatu etnik dalam sebuah kerajaan atau negara. Hafriza Buranudeen Meedin (1993) yang mengkaji tentang penggunaan bahasa dan sikap orang Melayu Malaysia telah merumuskan lima faktor pemilihan bahasa, salah satu di antaranya ialah faktor bahasa pengantar persekolahan. Responden yang mendapat pendidikan Inggeris akan cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris, demikian pula responden yang mendapat pendidikan aliran Melayu cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu. Pendapat serupa disampaikan oleh Nor Hisham Osman, (1999) terhadap peralihan bahasa di Kapit, Sarawak; David, Ibtisam, Naji & Sheena, (2003) terhadap peralihan bahasa Punjabi di Kuala Lumpur; Fakuade Gbenga, & Abdullah (2003) terhadap peralihan bahasa etnik Girei, Song dan Gombi ke bahasa Fulfulde di Nigeria; Gogonas, (2009) terhadap peralihan bahasa Albania di Greece, dan

Multamia Lauder (di dalam Dwidjo Utomo, 2009) terhadap peralihan bahasa-bahasa daerah di Indonesia ke bahasa Indonesia.

Jadual (5.43-5.47) di atas menunjukkan bahawa apa pun kegiatan di sekolah seperti tampak pada domain pendidikan semuanya menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

### **5.2.7 Domain Pekerjaan**

Merujuk kepada data deskripsi latar belakang responden G I bahawa 74.6% sudah pencen. Oleh itu, mereka merupakan bekas pegawai, sama ada pegawai kerajaan atau swasta. Latar belakang responden G II menyatakan bahawa pada amnya mereka ialah pekerja-pekerja formal, sama ada persendirian mahupun pekerja lembaga swasta dan lembaga negara atau pemerintah termasuk yang sudah pencen (88.1%), sedangkan yang bekerja pada sektor informal 11.9%. Sebagaimana maklumat latar belakang responden bahawa responden G III lebih banyak bekerja sebagai pelajar atau mahasiswa (88.1%). Di bandar Pontianak sangat memungkinkan seorang pelajar atau mahasiswa juga berperanan sebagai seorang pekerja. Di universiti ada kelas pagi hingga tengah hari dan ada kelas petang hingga malam hari. Bagi calon pelajar/mahasiswa yang juga pekerja sila memilih masa belajar pagi hingga tengah hari atau petang hingga malam hari.

Sebagai seorang pekerja atau bekas pekerja di sebuah lembaga kerajaan atau swasta maka orang itu tidak lepas dari sesama pekerja lainnya di lembaga tersebut. Untuk menjalankan pekerjaan sehari-hari, mereka akan berkomunikasi satu sama lain. Jadual di bawah ini akan memperlihatkan pemilihan bahasa dalam domain pekerjaan.

**Jadual 5.49:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Berbicara dalam sebuah mesyuarat jabatan bersama pimpinan dan para kaki tangan

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	53	79.1	59	88.1	18	26.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	53	79.1	60	89.6	18	26.9
Missing 999	14	20.9	7	10.4	49	73.1
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		1.00		1.02		1.00

Daripada responden yang memberi jawapan mengenai pemilihan bahasa ketika bermesyuarat bersama pimpinan ialah G I dan G III sama-sama 100% berbahasa Indonesia, sementara G II 88.1% majoriti berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.50:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Melaporkan keadaan tugas kepada pemimpin

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	52	77.6	59	88.1	17	25.4
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	52	77.6	60	89.6	17	25.4
Missing 999	15	22.4	7	10.4	50	74.6
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		1.00		1.02		1.00

Demikian pula ketika memberi laporan kerja (*report*) kepada pemimpin, daripada responden yang memberi jawapan G I dan G III sama-sama 100% berbahasa Indonesia, sementara G II 88.1 % majoriti berbahasa Indonesia.



**Jadual 5.51:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Mendiskusikan pekerjaan dengan teman sejawat

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	53	79.1	58	86.6	17	25.4
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	1	1.5	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	53	79.1	60	89.6	17	25.4
Missing 999	14	20.9	7	10.4	50	74.6
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.05		1.00

Berdiskusi dengan teman sejawat pun, daripada responden yang memberi jawapan G I dan G III sama-sama 100% berbahasa Indonesia, sementara G II 86.6% majoriti berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.52:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Menginstruksikan pekerjaan kepada staf/anak buah

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	52	77.6	59	88.1	16	23.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	52	77.6	60	89.6	16	23.9
Missing 999	15	22.4	7	10.4	51	76.1
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.02		1.00

Memberi instruksi kepada anak buah dalam sesebuah pekerjaan, daripada responden yang memberi jawapan G I dan G III sama-sama 100% berbahasa Indonesia, sementara G II 88.1% majoriti berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.53:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pekerjaan: Subdomain Berbincang dengan teman sekerja ketika rehat di kantin kantor/perusahaan

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	53	79.1	58	86.6	17	25.4
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	1	1.5	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	53	79.1	60	89.6	17	25.4
Missing 999	14	20.9	7	10.4	50	74.6
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
Mean/Purata: 1-5		1.00		1.05		1.00

Dalam suasana santai ketika rehat di kantin pun, daripada responden yang memberi jawapan G I dan G III sama-sama 100% berbahasa Indonesia, sementara G II 86.6% majoriti berbahasa Indonesia.

Daripada data yang diberikan oleh responden G I, G II, dan G III dalam memilih bahasa dalam berhubung dengan pekerjaan, sama ada dalam mesyuarat, diskusi, kepada atasan, kepada anak buah, mahupun ketika rehat bahawa semua responden memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja (purata 1.00). Kesimpulannya dapat disemak sebagai berikut.

**Jadual 5.54:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III dalam Domain Pekerjaan Responden

Sub Domain	Domain Pekerjaan	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Berbicara dalam sebuah Mesyuarat Jabatan Bersama Pimpinan dan Para Kaki Tangan	1.00	1.02	1.00
2.	Melaporkan Keadaan Tugas kepada Pimpinan	1.00	1.02	1.00
3.	Mendiskusikan Pekerjaan dengan Teman Sejawat	1.00	1.05	1.00
4.	Menginstruksikan Pekerjaan kepada Staf/Anak Buah	1.00	1.02	1.00
5.	Berbincang dengan Teman Sekerja ketika Rehat di Kantin Kantor/Perusahaan	1.00	1.05	1.00
Mean/Purata			1.00-5.00	

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja.

Pemilihan bahasa responden G II pada seluruh domain pekerjaan berkisar pada purata 1.02 – 1.05 atau di antara 96.7% - 98.3% yang memilih menggunakan bahasa

Indonesia sahaja. Dalam domain pekerjaan ini ada responden G II yang mencampur ke bahasa Indonesia sedikit bahasa Batak Toba. Kekerapan pemakaian bahasa Indonesia ini dalam domain pekerjaan tidak terlepas dari fungsi bahasa Indonesia sebagai bahasa perhubungan di dalam lembaga-lembaga formal. Para pekerja pula sama ada di lembaga pemerintah mahupun di lembaga swasta majoriti berasal dari etnik di luar Batak Toba.

Dalam berbagai-bagai kajian disebutkan bahawa lapangan pekerjaan dan posisi atau jawatan pekerja telah menjadi salah satu penyokong terbesar pada peralihan bahasa. Seperti kajian Gal (1979) mengenai peralihan bahasa Hungarian ke bahasa Jerman di Oberwart, Austria, mendapati penyisihan bahasa di kalangan penduduk dwibahasa di Oberwart, Austria. Penduduk Kawasan ini merupakan petani dwibahasa Jerman-Hungarian yang sudah berdwbahasa sejak tahun 1500. Pada permulaan kurun ke-20 kawasan ini berubah daripada pertanian menjadi kawasan perindustrian. Orang Jerman ramai datang ke kawasan ini sebagai kakitangan kerajaan, peniaga, dan golongan artisan (profesional). Walaupun pada mulanya pada kedua golongan penduduk ini tidak terdapat persaingan di antara mereka, namun oleh kepentingan hidup dan pergaulan membuat mereka bergabung. Golongan petani mulai meninggalkan pekerjaan sebagai petani dan menjadi pekerja industri dan kakitangan kerajaan. Dalam perjalanan waktu mereka meninggalkan bahasa Hungarian dan menjadi ekabahasa Jerman yang lebih berprestij.

Demikian pula kajian Weinreich (2010) terhadap peralihan bahasa Domaaki di Lembah Hunza dan Nager ke bahasa Shina di timur laut Pakistan, demikian pula bahasa Phasto ke bahasa Urdu di kawasan Pakistan Utara. Kajian Fakuade Gbenga, & Abdullah (2003) di Girei, Song, dan Gombi kawasan pemerintah lokal di negara bahagian Adamawa, Nigeria Utara telah berlaku peralihan bahasa daripada bahasa ibu ke bahasa Fulfulde (bahasa orang Fulani) dan ke bahasa Hausa demi mendapatkan pekerjaan. Demikian pula di Malaysia telah terjadi hal yang sama daripada bahasa ibu kaum

minoriti ke bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris (Asmah Omar (1992b); Nor Hisham Osman (1999); Vijaya Sankar (2004); Nambiar (2007)).

### **5.2.8 Domain Pemerintahan**

Susunan pemerintahan di bandar Pontianak bermula daripada ketua rukun tetangga (RT) yang mengurus syarikat 50 hingga 100 keluarga. Berikutnya ialah ketua rukun warga (RW) yang mengurus syarikat 2 hingga 5 RT. Ketua RT dan Ketua RW dipilih langsung oleh warga tempatan daripada sesama warga tempatan secara bergilir dan mereka tidak digaji oleh pemerintah. Pemerintahan yang berada di atas syarikat RW ialah pemerintah kelurahan yang diketuai oleh seorang lurah (penghulu). Lurah merupakan pegawai pemerintah yang menerima gaji daripada negara (kerajaan). Syarikat 5 kelurahan membentuk sebuah kecamatan. Pemerintahan kecamatan diketuai oleh seorang camat. Sama dengan lurah, camat juga adalah pegawai pemerintah. Demikianlah bandar Pontianak terdiri atas 6 kecamatan dipimpin oleh seorang Datuk Bandar (Wali Kota). Wali Kota dipilih oleh rakyat bandar 1 kali dalam 5 tahun dalam pilihan raya. Pemerintahan di daerah yang paling tinggi ialah provinsi. Ketua provinsi (gubernur) memimpin pemerintahan provinsi yang membawahi ketua bandar dan bupati (ketua kabupaten). Selanjutnya ialah pemerintah tertinggi, iaitu pemerintahan pusat yang dipimpin kepala negara (presiden).

Seperti dalam domain pendidikan dan domain pekerjaan, dalam domain pemerintahan pun tidak semua responden G III dapat memberikan jawapan. Hal itu berhubung kait dengan keperluan mereka sebagai warga negara. Mereka pada amnya masih muda belia sehingga belum aktif berurusan dengan lembaga-lembaga pemerintah, seperti membuat identiti kad, lesen pemandu kerana mereka belum berhak memilikinya. Lain dari itu, apabila responden G III diminta maklumat dalam urusan perubatan dengan doktor perubatan pemerintah, seluruh responden memberi jawapan.

Di dalam domain pemerintahan (kerajaan) yang ditanyakan ialah masalah yang berhubung kait dengan pelayanan kemasyarakatan untuk warga negara. Pelayanan itu dimulai dari pemerintah peringkat terendah (RT dan RW) sehingga pemerintah peringkat tertinggi di Bandar Pontianak (datuk bandar atau wali kota).

Perhatikan jadual-jadual di bawah ini yang berkaitan dengan pemilihan bahasa di dalam domain pemerintahan.

**Jadual 5.55:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Membicarakan pengurusan kad keluarga kepada petugas RT/RW

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	67	100.0	66	98.5	45	67.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	45	67.2
Missing 999					22	32.8
Total					67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.01		1.00

Di pejabat kompleks perumahan, responden yang masih merupakan jiran responden, daripada responden yang memberi jawapan G I dan G III sama-sama 100% berbahasa Indonesia, sementara G II 98.5% majoriti berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.56:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Membicarakan Pengurusan sijil kelahiran anak kepada petugas pencatatan sipil

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	67	100.0	66	98.5	42	63.0
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	42	63.0
Missing 999					25	37.5
Total					67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.01		1.00

Berhubung dengan pejabat yang lebih tinggi di dewan bandar ketika mengurus sesuatu keperluan, daripada responden yang memberi jawapan G I dan G III sama-sama 100% berbahasa Indonesia, sementara G II 98.5% majoriti berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.57:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Membicarakan masalah kesihatan kepada doktor perubatan pemerintah di klinik/hospital

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	66	98.5	66	98.5	66	98.5
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	1	1.5	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	66	98.5
Missing 999					1	1.5
Total					67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.01		1.01		1.00

Berhubung dengan para petugas *medical hospital* ketika melakukan pemeriksaan kesihatan, daripada responden yang memberi jawapan G I dan G II sama-sama 98.5% berbahasa Indonesia, sementara G III 100% berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.58:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Membicarakan masalah pembangunan Bandar kepada datuk bandar

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	65	97.0	66	98.5	35	52.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	65	97.0	66	98.5	35	52.2
Missing 999	2	3.0	1	1.5	32	47.8
Total	67	100.0	67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		1.00		1.00		1.00

Kepada pejabat tertinggi di bandar Pontianak, semua responden 100% menggunakan bahasa Indonesia. Hal ini dapat dimaklumi kerana datuk bandar hanya satu orang dan bukan dari kalangan orang Batak Toba.

**Jadual 5.59:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan: Subdomain Berbicara kepada anggota polis dalam pengurusan lesen memandu

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	67	100.0	67	100.0	39	58.2
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	0	0	0	0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	0	0	0	0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	39	58.2
Missing 999					28	41.8
Total					67	100.0
Mean/Purata: 1-5		1.00		1.00		1.00

Dalam berhubung dengan petugas polis pun tak ada lagi penggunaan bahasa Batak Toba barang sedikit pun. Semua responden berbahasa Indonesia.

Dalam domain pemerintahan semua responden G I mahupun G III menyatakan memilih bahasa Indonesia saja dalam berhubung dengan sesiapa pegawai pemerintah atau kaki tangan kerajaan. Daripada Responden G II ada yang mencampur bahasa Indonesia dengan sedikit bahasa Batak ketika berbincang dengan kaki tangan pemerintah. Itu pun 1.5% sahaja. Ini menunjukkan bahawa komuniti bandar Pontianak menjalankan fungsi bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi dalam pemerintahan. Semua pemilihan bahasa dalam domain pemerintahan disimpulkan sebagai berikut.

**Jadual 5.60:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Pemerintahan

Sub Domain	Domain Pemerintahan	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1.	Membicarakan Pengurusan Kad Keluarga kepada Petugas RT/RW	1.00	1.01	1.00
2.	Membicarakan Pengurusan Sijil Kelahiran Anak kepada Petugas Pencatan Sipil	1.00	1.01	1.00
3.	Membicarakan Masalah Kesihatan kepada Doktor Perubatan Pemerintah di Klinik/Hospital	1.00	1.01	1.00
4.	Membicarakan Masalah Pembangunan Bandar kepada Datuk Bandar	1.00	1.00	1.00
5.	Berbicara kepada Anggota Polis dalam Pengurusan Lesen Memandu	1.00	1.00	1.00
Mean/Purata			1.00-5.00	

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja.

Pemilihan bahasa Indonesia di dalam domain pemerintahan ini seiring dengan kedudukan bahasa Indonesia sebagai bahasa Negara yang berfungsi sebagai bahasa pentadbiran di Indonesia. Oleh itu, semua kaki tangan pemerintah dan masyarakat am apabila berhubung di pejabat pemerintah takluk kepada aturan ini. Penyebab lain ialah bahawa kaki tangan pemerintah di Pontianak lebih banyak yang berasal daripada etnik di luar Batak Toba.

Gal (1979) yang menyelidik peralihan bahasa Hungarian ke bahasa Jerman di Oberwart, Austria mendapati responden dari berbagai-bagai usia ketika berhubung dengan petugas kerajaan, seperti doktor perubatan. Pemilihan bahasa menunjukkan kaum usia muda 100% memilih bahasa Jerman, sedangkan kaum usia tua sebahagian besar memilih bahasa Jerman, dan sebahagian kecil memilih bahasa Hungarian saja.

### **5.2.9 Domain Adat**

Satu yang khas dalam penyelidikan ini ialah menyertakan pemilihan bahasa dalam domain istiadat komuniti Batak Toba. Seperti disampaikan dalam paparan pendahuluan kajian ini, khasnya mengenai kekerabatan komuniti Batak Toba, di dalam upacara adat Batak Toba harus hadir tiga unsur pokok, yakni *hula-hula*, *boru* dan *dongan tubu*. Sebagai pelengkap hadir pula *dongan sahuta*, dan *ale-ale* (sahabat karib). Merekalah yang berperanan dalam menjalankan upacara adat. Di dalam upacara adat pemakaian bahasa sangat formal diiringi oleh pantun-pantun nasihat atau pengharapan. Di Bandar Pontianak upacara adat Batak Toba berlangsung seperti di kampung halaman dan hingga pada saat ini masih sering dilaksanakan ketika ada kelahiran, pernikahan, kematian, dan peristiwa adat lainnya.

Selari dengan data latar belakang responden G I mengenai penguasaan bahasa didapati bahawa generasi ini memiliki penguasaan bahasa Indonesia dan Bahasa Batak



Toba dalam pemakaian lisan (berbicara) secara purata tergolong tinggi. Walaupun demikian penguasaan bahasa Batak Toba masih lebih tinggi daripada penguasaan bahasa Indonesia. Keadaan ini dapat dimaklumi kerana generasi ini berasal langsung dari kampung halaman, tetapi anehnya ada pula di antara generasi ini yang mengaku kurang faham berbicara menggunakan bahasa Batak Toba.

Berasaskan data latar belakang responden pula, semua Responden G III mengaku belum menikah maka secara formal belum mempunyai hak berbicara di dalam upacara adat. Dalam budaya masyarakat Batak Toba seseorang yang belum menikah walaupun usianya sudah lanjut, orang tersebut tetap berstatus *naposo bulung* (anak muda). Kedudukan anak-anak muda di dalam upacara adat hanyalah sebagai penolong atau pembantu untuk melayani memberikan tenaga untuk memperlancar jalannya upacara adat. Misalnya, memasang tenda, membentangkan tikar di halaman untuk tempat duduk tetamu, memasak nasi dan lauk-pauk, menghidangkan makanan dan minuman, mencuci pinggan dan peralatan makan lainnya. Pada upacara adat kematian, kehadiran anak-anak muda sangat diperlukan. Misalnya, untuk menggali liang kubur, mengusung jenazah ke tempat pemakaman yang jauh dari permukiman ke atas bukit sehingga menguburkan. Apabila mereka belum pulang dari pemakaman, upacara adat belum boleh dilanjutkan.

Di dalam upacara adat Batak Toba, anak-anak muda sambil bekerja, mereka menyaksikan dan menyemak isi pembicaraan para juru bicara adat (*parsinabul*). Kelak apabila anak-anak muda sudah menikah mereka dapat langsung memerankan atau menjadi pembicara di dalam upacara adat.

Lain di kampung halaman, lain di bandar raya. Di bandar Pontianak kehadiran anak-anak muda untuk membantu penyelenggaraan upacara adat sudah sangat langka. Mereka semua sibuk menjalankan pendidikan, pekerjaan, atau menjalankan usaha.

Maka tidaklah menghairankan apabila anak-anak muda Batak Toba di Bandar Pontianak menjadi ketinggalan dalam adat budaya Batak Toba. Termasuk dalam pemakaian bahasa dalam domain adat. Jadual-jadual berikut ini akan menunjukkan pemilihan bahasa G I, G II, dan G III dalam domain adat Batak Toba.

**Jadual 5.61:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada *hulahula* atau *tulang* dalam upacara adat Batak Toba

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	0	0	34	50.7	9	13.4
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	19	28.4	3	4.5
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	4	6.0	7	10.4	2	3.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	7	10.4	3	4.5	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	55	82.1	3	4.5	0	0
Total	67	100.0	66	98.5	14	20.9
Missing 999			1	1.5	53	79.1
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.73		1.82		1.50

Selari dengan kaedah menjadi ahli-ahli upacara adat (sudah menikah dan dirasmikan di dalam adat Batak Toba) maka seluruh responden G III belum boleh bersuara di dalam upacara adat Batak kerana mereka belum menikah. Peranan mereka di dalam adat hanyalah sebagai penolong untuk melancarkan berlakunya upacara adat. Mereka melayani mulai daripada persiapan pesta sehingga pelaksanaan pesta (membersihkan tempat upacara, memasang tikar atau kerusi, memasak nasi dan lauk-pauk, menghidangkan makanan, melayani tetamu dan membersihkan peralatan pesta). Itulah sebabnya responden G III hanya sekitar 11 orang sampai dengan 15 orang sahaja (22.4%) yang mahu memberikan jawapan soal selidik sehubungan dengan perbincangan di dalam sebuah penyelenggaraan upacara adat.

Tampak pemilihan bahasa oleh G I mendekati purata 5.00, bermakna responden G I majoriti berbahasa Batak Toba sahaja (82.1%) berbicara kepada *hula-hula* atau *tulang* (tokoh paling dihormati di dalam adat Batak Toba) dan tak seorang pun di antara mereka yang berbahasa Indonesia sahaja kepada *hulahula* dan *tulang*. Kemampuan

berbahasa Batak Toba tidak menurun kepada G II ketika bercakap kepada *hulahula dan tulang*. Kebolehan G II sudah sangat merosot dan hanya 4.5% yang berbahasa Batak Toba sahaja kepada *hulahula dan tulang*. G II sudah lebih dominan (50.7%) beralih menggunakan bahasa Indonesia sahaja, lebih banyak berbahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (28.4%), menggunakan sama banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba, dan yang paling sedikit ialah yang menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba dan yang berbahasa Batak Toba sahaja sama-sama 4.5%. Puncaknya, G III tidak ada lagi yang mengaku berbahasa Batak Toba sahaja kepada *hulahula dan tulang* atau menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (0.0%), berbahasa Indonesia sahaja di peringkat pertama (13.4%), banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba di peringkat kedua (4.5%), sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (3.0%) dan tidak menjawab 79.1%. Kecuali G I, majoriti responden memilih bahasa Indonesia (G II purata 1.82, G III purata 1.50) berbicara kepada *hulahula dan tulang*.

**Jadual 5.62:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada *dongan tubu* dalam upacara adat Batak Toba

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	0	0	39	58	10	14.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	15	22.4	4	6.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	4	6.0	7	10.4	0	0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	7	10.4	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	55	82.1	4	6.0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	14	20.9
Missing 999					53	79.1
Total					67	100.0
Mean/Purata: 1-5		4.73		1.76		1.29

Di dalam jadual 5.60 di atas dan 5.61 dan 5.62 terdapat satu keunikan, iaitu walaupun dominan responden G I menggunakan bahasa Batak Toba (di atas 50%) dalam berbincang dengan *hula-hula, dongan tubu, boru, dan dongan sahuta*, tetapi tak

satu orang pun di antara mereka dalam perhubungan ini yang menggunakan bahasa Indonesia sepenuhnya.

**Jadual 5.63:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada *boru, bere, dan ibebere* dalam upacara adat Batak Toba

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	0	0	39	58.2	10	14.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	14	20.9	3	4.5
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	6	9.0	9	13.4	2	3.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	9	13.4	1	1.5	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	51	76.1	4	6.0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	15	22.4
Missing 999					52	77.6
Total					67	100.0
Mean/Purata: 1-5		4.64		1.76		1.47

Di pihak G II dan G III di dalam berbicara kepada *dongan tubu, boru, bere, ibebere, dongan sahuta, aleale* dan *raja na ginokkon* hampir sama peringkat bilangannya atau polanya dengan apabila G II dan G III berbicara kepada *hulahula* dan *tulang*.

**Jadual 5.64:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara kepada *dongan sahuta, aleale* dan *raja na ginokkon* dalam upacara adat Batak Toba

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	0	0	39	58.2	10	14.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	15	22.4	3	4.5
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	4	6.0	7	10.4	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	8	11.9	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	54	80.6	4	6.0	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	14	20.9
Missing 999					53	79.1
Total					67	100.0
Mean/Purata: 1-5		4.72		1.76		1.36

Ini menunjukkan bahawa responden G II dan G III konsisten dalam memilih bahasa dalam berhubung dengan para pelaku adat, iaitu memilih menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia (purata 1.76 dan 1.36). Apabila kepada *hulahula* atau *tulang* sudah memilih bahasa Indonesia maka sememangnya hal yang sama dilakukan pada

*dongan tubu, boru dan bere, dan dongan sahuta*. Kerana semuanya berada pada lingkaran upacara adat yang menggunakan bahasa formal.

Hal yang lain tampak pada jadual-jadual di bawah ini yang menunjukkan bahawa dalam domain adat lainnya, seperti memberi petua kepada pengantin, memberi penghiburan bagi keluarga yang kemalangan, berbicara dalam mesyuarat marga, dan menjemput kerabat ke sebuah pesta, responden G I ada yang sepenuhnya berbahasa Indonesia (3.0%), walaupun kebanyakan di antara mereka memilih menggunakan bahasa Batak Toba sahaja (35.8%).

Pada situasi yang sama G II menunjukkan pola yang sama, iaitu majoriti memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja (58.2%, 64.2%, dan 62.7%), peringkat kedua, lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (22.4%, 22.4%, dan 23.9%), peringkat ketiga menggunakan sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (10.4%, 7.5%, dan 9.0%), peringkat keempat menggunakan bahasa Batak Toba sahaja (4.5%, 4.5%, dan 4.5%) dan peringkat terakhir lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia (3.0%, 1.5%, dan 0.0%). Sementara G III pula tidak menunjukkan pola yang berbeza daripada pemakaian bahasa di dalam domain adat. Peringkat pertama tetap pada penggunaan bahasa Indonesia sahaja (11.9%, 14.9%, dan 16.4%), peringkat kedua lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba (3.0%, 4.5%, dan 3.0%), peringkat ketiga sama banyak bahasa Indonesia dan bahasa Batak Toba (1.5%, 3.0%, dan 1.5%), dan peringkat keempat, tidak ada yang menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia dan tidak ada pula yang menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

Ada kalanya pemilihan bahasa disebabkan oleh pembicara yang tidak faham berbahasa Batak Toba sehingga memilih bahasa Indonesia atau sebaliknya, interlokutor atau pendengar tidak tahu berbahasa Batak Toba sehingga memilih bahasa Indonesia.

**Jadual 5.65:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Memberi Petua kepada pengantin dalam upacara adat perkahwinan Batak Toba

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	2	3.0	39	58.2	8	11.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	5	7.5	15	22.4	2	3.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	23	34.3	7	10.4	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	13	19.4	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	24	35.8	3	4.5	0	0
Total	67	100.0	66	98.5	11	16.4
Missing 999			1	1.5	56	83.6
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		3.78		1.71		1.36

Dalam memberi petua atau nasihat atau kata sambutan kepada mempelai ketika upacara adat berlangsung pemakaian bahasa Batak Toba tidak lagi mendominasi. Walaupun G I lebih banyak yang berbahasa Batak Toba dan campuran Batak Toba dengan bahasa Indonesia, ada pula G I yang hanya berbahasa Indonesia sahaja kepada pengantin. Kalangan G II dan G III majoriti berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.66:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Memberikan ucapan selamat kepada keluarga dalam upacara adat kelahiran Batak Toba

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	2	3.0	43	64.2	10	14.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	15	22.4	3	4.5
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	24	35.8	5	7.5	2	3.0
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	21	31.3	1	1.5	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	19	28.4	3	4.5	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	15	22.4
Missing 999					52	77.6
Total					67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		3.81		1.60		1.47

Demikian pula ketika memberi sambutan atau petua dalam acara selamat kelahiran anak, G I majoriti berbahasa Batak Toba, manakala G II dan G III berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.67:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Memberikan ucapan penghiburan kepada keluarga yang berduka pada upacara adat kematian Batak Toba

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	1	1.5	42	62.7	11	16.4
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	16	23.9	2	3.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	17	25.4	6	9.0	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	26	38.8	0	0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	23	34.3	3	4.5	0	0
Total	67	100.0	67	100.0	14	20.9
Missing 999					53	79.1
Total					67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.04		1.60		1.29

Dalam upacara adat kematian pun ketika memberi sepatah dua kata penghiburan kepada keluarga atau kerabat yang ditinggalkan, di antara responden G I, walaupun majoriti berbahasa Batak Toba, tetapi selalu ada yang berbahasa Indonesia sahaja. Di pihak lain responden G II walaupun dominan berbahasa Indonesia, tetapi ada pula yang hanya berbahasa Batak Toba sahaja. G III tetap dominan berbahasa Indonesia.

Di dalam semua domain adat di atas responden G II pada amnya memilih bahasa Indonesia di dalam pemberian sepatah dua kata kepada sasaran atau si penerima ucapan tersebut. Hal ini boleh terjadi apabila kedua belah pihak sama-sama tidak lancar berbahasa Batak Toba, atau si penutur yang tidak dapat berbahasa Batak Toba atau sebaliknya.

Berikut ini pemilihan bahasa ketika melakukan mesyuarat syarikat marga dan ketika menjemput hadir kerabat ke sebuah pesta.

**Jadual 5.68:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Berbicara dalam mesyuarat syarikat marga

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	1	1.5	38	56.7	11	16.4
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	0	0	16	23.9	2	3.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	10	14.9	6	9.0	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	23	34.3	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	33	49.3	2	3.0	0	0
Total	67	100.0	64	95.5	14	20.9
Missing			3	4.5	53	79.1
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		4.30		1.66		1.29

Di dalam berbicara dalam mesyuarat syarikat marga dan Menjemput famili atau kerabat untuk menghadiri sebuah pesta adat, kedua-dua acara ini pun responden G I menunjukkan pola yang sama seperti pada sub domain adat yang lain. Berbahasa Batak Toba (49.3% dan 31.3%) tetap berada pada peringkat pertama walaupun ada yang menggunakan bahasa Indonesia sahaja (1.5%, dan 1.5%). G II memilih bahasa Indonesia (purata 1.66 dan 1.80) dan G III pada purata (1.29 dan 1.27). Kedua-dua generasi sama-sama dominan berbahasa Indonesia.

**Jadual 5.69:** Pemilihan Bahasa G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat: Subdomain Menjemput famili/kerabat untuk menghadiri sebuah pesta adat

	G I		G II		G III	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Indonesia sahaja	1	1.5	39	58.2	12	17.9
Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba	1	1.5	11	16.4	2	3.0
Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia	37	55.2	10	14.9	1	1.5
Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia	7	10.4	2	3.0	0	0
Bahasa Batak Toba sahaja	21	31.3	4	6.0	0	0
Total	67	100.0	66	98.5	15	22.4
Missing			1	1.9	52	76.6
Total			67	100.0	67	100.0
<i>Mean/Purata: 1-5</i>		3.69		1.80		1.27

Pemilihan bahasa pada domain kekeluargaan berasaskan pada data-data yang terkumpul seperti terdapat pada jadual-jadual terdahulu melibatkan (G I, G II, dan G III) dapat dikatakan bahawa dalam berhubung dengan ahli-ahli keluarga di rumah, responden G II dan G III sudah menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia daripada



bahasa Batak Toba. Seluruh subdomain kekeluargaan ini di dalam semua jadual menunjukkan angka purata di bawah 2.00.

Kalaupun dibandingkan pemakaian bahasa dalam domain kekeluargaan ini antara G II dan G III hasilnya hampir sama. Sehingga dapat dikatakan bahawa pemakaian bahasa Batak Toba di lingkungan keluarga Batak Toba hanya kekal berlaku pada G I, iaitu generasi pendatang asli yang hijrah dari kampung halaman. Itu pun hanya pada domain yang berhubung kait dengan keluarga dan sosiobudaya Batak Toba, iaitu sahabat, istiadat, dan agama. Perubahan pemilihan bahasa di kalangan responden ini berlangsung sangat cepat, hanya dalam satu generasi, langsung terjadi perputaran arah 180 darjat dimulai pada G II. Walaupun bahasa orang Batak Toba sudah mulai beralih ke bahasa Indonesia, adat Batak Toba masih hidup kekal di Pontianak.

**Jadual 5.70:** Deskripsi Purata Pemilihan Bahasa Responden G I, G II, dan G III di dalam Domain Adat

Sub Domain	Subdomain Adat	Purata G I	Purata G II	Purata G III
1	Berbicara kepada <i>Hulahula</i> atau <i>Tulang</i> dalam Upacara Adat Batak Toba	4.73	1.82	1.50
2.	Berbicara kepada <i>Dongan Tubu</i> dalam Upacara Adat Batak Toba	4.73	1.76	1.29
3.	Berbicara kepada <i>Boru, Bere, Ibebere</i> dalam Upacara Adat Batak Toba	4.64	1.76	1.47
4.	Berbicara kepada <i>Dongan Sahuta, Aleale, dan Raja Na Ginokkon</i> dalam Upacara Adat	4.72	1.76	1.36
5.	Memberi Petua kepada Pengantin dalam Upacara Adat Perkahwinan Batak Toba	3.78	1.71	1.36
6.	Memberikan Ucapan Selamat kepada keluarga dalam Upacara Adat Kelahiran Batak Toba	3.81	1.60	1.47
7.	Memberikan Ucapan Penghiburan kepada Keluarga yang Berduka pada Upacara Adat Kematian Batak Toba	4.04	1.60	1.29
8.	Berbicara dalam Mesyuarat Perkumpulan Marga	4.30	1.66	1.29
9.	Menjemput Famili/Kerabat untuk Menghadiri Sebuah Pesta Adat	3.69	1.80	1.27
<i>Mean/Purata</i>			1-5	

*Keterangan:* Mean 1.00 = Bahasa Indonesia sahaja; 2.00 = Banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba; 3.00 = Sama banyak bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia; 4.00 = Banyak bahasa Batak Toba daripada Bahasa Indonesia; 5.00 = Bahasa Batak Toba sahaja.

Ternyata domain adat pula yang dianggap sebagai benteng terakhir penjaga kelestarian bahasa Batak Toba tidak lagi menunjukkan kecemerlangan pemakaian bahasa Batak Toba oleh orang Batak Toba generasi II di Bandar Pontianak.

Data pemilihan bahasa dalam domain adat oleh G III menunjukkan bahawa tak satu pun G III masih menggunakan bahasa Batak Toba sahaja. Keadaan ini semakin memperjelas bahawa kalangan G III orang Batak Toba di Bandar Pontianak sudah menuju ke masyarakat eka bahasa.

### **5.3 Pola Pemilihan Bahasa G I**

Kesimpulan yang dapat diberikan daripada corak atau pola pemilihan bahasa oleh G I dalam semua domain yang dikaji dapat dikategorikan ke dalam 2 bahagian, iaitu domain yang berhubungan dengan masyarakat am, semuanya menggunakan bahasa Indonesia, sama ada domain tinggi mahupun domain rendah, (Ferguson, 1964). Domain tinggi yang berhubung kait dengan masyarakat am, iaitu domain pendidikan, domain pekerjaan, dan domain pemerintahan. Mana kala domain rendah berhubung kait dengan masyarakat am, iaitu domain kejiwaan, dan domain jual beli. Kedua, pemilihan bahasa pada domain-domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya masyarakat Batak Toba sama ada domain tinggi, mahupun domain rendah para responden G I lebih banyak menggunakan bahasa Batak Toba. Domain tinggi yang berhubung kait dengan sosiobudaya orang Batak Toba ialah domain agama dan domain adat, sedangkan domain rendah yang berhubung kait dengan sosiobudaya orang Batak Toba ialah domain kekeluargaan dan domain persahabatan.

Pada domain yang berhubungan dengan sosiobudaya Batak Toba pula masih memiliki variasi pada pemilihan bahasa oleh G I. Hal itu dapat diperhatikan dalam domain kekeluargaan. Apabila responden G I berhubung dengan orang-orang yang tarafnya atau kedudukan di dalam keluarga semakin lebih tinggi daripada mereka, misalnya datuk nenek, ibu bapa, paman bibi, mertua maka semakin tinggi pemilihan bahasa Batak Toba. Semakin rendah taraf atau kedudukan orang-orang lawan berbicara

di dalam keluarga, seperti saudara kandung, sepupu, suami isteri, anak kandung, kemanakan, menantu, dan cucu semakin kerap pemilihan bahasa Indonesia.

Hal yang sama berlaku dalam domain adat. Semakin tinggi kedudukan yang disapa di dalam upacara adat, misalnya kepada *hula-hula*, *tulang*, *dongan tubu*, *dongan sahuta*, *aleale*, dan *raja naginokkon* semakin kerap pemilihan bahasa Batak Toba, tetapi semakin rendah posisi di dalam adat, seperti *boru*, *bere*, *ibebere*, *anggi*, dan *ianakkon* atau apabila mengarah kepada orang yang lebih muda umurnya di dalam upacara adat, misalnya kepada pasangan pengantin, keluarga yang berpesta kerana anak lahir maka dapat semakin kendur pemakaian bahasa Batak Toba.

#### **5.4 Campur Kod dan Alih Kod Responden G I**

Dalam semua domain perlakuan bahasa di kalangan responden G I, yang terjadi ialah adanya campur kod dan alih kod. Tidak ada lagi domain yang dikaji memperlihatkan seratus peratus responden menggunakan bahasa Batak Toba secara utuh, tetapi ada beberapa domain yang memperlihatkan terjadinya alih kod, iaitu seratus peratus responden beralih ke Bahasa Indonesia sepenuhnya. Keadaan itu dapat dilihat pada huraian berikut ini.

##### **1) Domain Kekeluargaan**

Pada domain kekeluargaan sesuai dengan pengakuan responden G I telah terjadi percampuran kod dan alih kod dalam pemakaian bahasa. Percampuran kod terjadi secara bervariasi. Pertama, ada kalanya responden menggunakan lebih banyak bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia, iaitu pada purata di atas 4.00. Misalnya, apabila Responden G I berhubung dengan ahli-ahli keluarga yang lebih tinggi tarafnya daripada mereka, misalnya datuk nenek, ayah ibu, mertua, paman bibi dan yang setaraf dengan mereka, misalnya saudara kandung, sepupu, dan suami isteri. Kedua, sama banyak

bahasa Batak Toba dengan bahasa Indonesia, iaitu pada purata di atas 3.00. Keadaan ini tampak pada acara bersekutu keluarga. Ketiga, lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba, iaitu pada purata di atas 2.00. Ini terjadi apabila G I berhubung dengan anak kandung dan kemanakan mereka. Selanjutnya, pada domain kekeluargaan ternyata pula telah terjadi alih kod (beralih bahasa). Apabila responden berhubung dengan ahli keluarga yang bertaraf dua kali lebih rendah daripada mereka, iaitu kepada cucu mereka, majoriti G I memilih bahasa Indonesia, iaitu pada purata 1.62. Demikian pula apabila berhubung dengan pembantu rumah tangga mereka iaitu pada purata 1.00.

## 2) Domain Kejiranan

Pemilihan bahasa oleh G I pada domain kejiranan adalah pada purata di bawah 2.00 (bahasa Indonesia sahaja) jelasnya, di antara 1.04 - 1.10. yang terjadi adalah alih kod. Majoriti G I telah beralih kod daripada bahasa Batak Toba kepada bahasa Indonesia.

## 3) Domain Persahabatan

Para responden G I memperlihatkan pemakaian bahasa bercampur kod apabila berhubung dengan sesama sahabat. Ada dua macam percampuran kod dalam perhubungan itu. Apabila G I berhubung terhadap sahabat yang lebih muda maka lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba, iaitu di bawah purata 3.00. Akan tetapi apabila berhubung terhadap sahabat lebih tua maka mereka menggunakan sama banyak bahasa Batak Toba dan bahasa Indonesia, iaitu purata di bawah 4.00.

#### 4) Domain Jual Beli

Sama dengan yang terjadi pada domain kejuruan, pada domain jual beli pula telah terjadi alih kod, iaitu majoriti G I telah menggunakan bahasa Indonesia sahaja apabila berhubung dengan para peniaga. Sama ada peniaga di emperan kaki lima, penjaja keliling, peniaga pasar rakyat, peniaga toko, ataupun peniaga *supermarket*.

#### 5) Domain Keagamaan

Dalam domain keagamaan pun berlaku juga percampuran kod. Pada domain keagamaan ini majoriti responden menggunakan bahasa secara bercampur kod. Yang pertama, campur kod yang memperlihatkan lebih banyak pemakaian bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia, iaitu pada purata 4.00-4.15. Yang kedua ialah percampuran kod yang memperlihatkan sama banyak pemakaian bahasa Batak Toba dan bahasa Indonesia, iaitu pada purata 3.43.

#### 6) Domain Pendidikan

Pada domain pendidikan majoriti responden G I memilih menggunakan bahasa Indonesia sahaja, iaitu pada purata 1.00-1.16. Hal itu bermakna bahawa telah terjadi alih kod atau peralihan bahasa dari bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia.

#### 7) Domain Pemerintahan

Apabila pada domain pendidikan responden G I secara majoriti beralih kod dari bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia sahaja maka pada domain pemerintahan semua responden mengaku telah beralih kod dari bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia sahaja, iaitu purata 1.00. Maksudnya, G I menggunakan bahasa Indonesia sahaja apabila berhubung dengan semua kaki tangan atau pegawai pemerintah dan pejabat-pejabat pemerintah.

## 8) Domain Pekerjaan

Sama dengan pemilihan bahasa pada domain pemerintahan, pada domain pekerjaan pun semua responden mengaku telah beralih kod dari bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia sahaja (purata 1.00). Hal itu bermakna apabila berhubung dengan majikan atau atasan atau sebaliknya. Demikian pula apabila berhubung dengan rakan-rakan sesama pekerja.

## 9) Domain Adat

Dalam domain yang memperlihatkan ciri khas komuniti Batak Toba di antara komuniti lainnya, ternyata majoriti responden G I tidak lagi menggunakan bahasa Batak Toba sepenuhnya. Dalam domain adat telah terjadi percampuran kod. Ada percampuran kod yang memperlihatkan lebih banyak pemakaian bahasa Batak Toba daripada bahasa Indonesia. Dan sudah terjadi pula percampuran kod yang memperlihatkan sama banyak penggunaan bahasa Batak Toba dan Bahasa Indonesia.

## 5.5 Pola Pemilihan Bahasa G II

Kesimpulan pemilihan bahasa dalam berbagai-bagai domain oleh responden G II dapat dikatakan bahawa pemilihan bahasa responden G II dalam semua domain pemakaian bahasa yang diselidiki sudah berada pada purata di bawah 2.00. Maksudnya ialah majoriti responden G II dalam berhubung dengan sesiapa saja di Bandar Pontianak sudah memilih Bahasa Indonesia sebagai bahasa perhubungan. Bahasa Batak Toba menjadi bahasa minoriti di kalangan G II kerana tinggal beberapa orang lagi sahaja yang masih mengaku menggunakannya dalam komunikasi sehari-hari. Pemilihan bahasa tersebut sangat bersesuaian dengan kemampuan berbahasa G II dalam berbahasa Batak Toba yang berada pada taraf atau purata kurang lancar (2.79) berbanding dengan

penguasaan bahasa Indonesia yang berada pada taraf lancar (4.87) atau mendekati sangat lancar (5.00)

Pola peralihan bahasa Batak Toba oleh G II bermula pada berkurangnya pemakaian bahasa tersebut pada domain-domain yang berhubung kait langsung dengan kehidupan sosiobudaya Batak Toba (sama ada domain tinggi ataupun domain rendah). Domain tersebut ialah domain keluarga, domain persahabatan, domain keagamaan, dan domain adat. Hal itu pula berbanding lurus dengan pengurangan pemilihan bahasa Batak Toba pada domain-domain yang berhubung kait dengan kehidupan am berbagai-bagai komuniti di Bandar Pontianak termasuk kehidupan kenegaraan. Pada domain kejiwaan, jual beli, pendidikan, pekerjaan, pemerintahan sudah tak jelas lagi pemakaian bahasa Batak Toba oleh G II. G II sudah beralih ke bahasa Indonesia.

Walau bagaimana pun apabila diasiasi pola pemilihan bahasa G II dalam semua domain, tampak bahawa domain-domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya komuniti Batak Toba, seperti domain kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, dan istiadat menggunakan sedikit bahasa Batak Toba. Pada pemakaian yang sedikit itu pun tampak adanya tingkat kekerapan yang berbeza sehingga membentuk pola pemakaian bahasa. Dalam domain kekeluargaan, perhubungan yang melibatkan banyak orang, seperti berbicara dengan anggota keluarga di rumah dan pada arisan atau berketu keluarga pemakaian bahasa Batak Toba semakin rendah, tetapi apabila berhubung dengan individu di dalam domain keluarga, peningkatan pemakaian bahasa Batak Toba tampak bervariasi. Bercakap dengan orang yang lebih tinggi kedudukan sosial dalam keluarga, seperti kepada datuk nenek, ibu bapa, mertua, paman bibi, menaikkan penggunaan bahasa Batak Toba. Berhadapan dengan orang yang lebih rendah atau sama kedudukan sosial dalam keluarga, seperti saudara kandung, suami isteri, menantu, sepupu, kemanakan, anak kandung, cucu, dan pembantu rumah mengurangkan

pemakaian bahasa Batak Toba. Demikian pula dalam domain persahabatan. Percakapan dengan sahabat lebih muda, menjadi lebih rendah pemakaian bahasa Batak Toba daripada kepada sahabat lebih tua.

Domain agama juga memperlihatkan pola pemakaian bahasa yang berbeza. Apabila berhubung dengan ibadah peribadi (berdoa sendirian) pemakaian bahasa Batak Toba lebih rendah daripada beribadah bersama dengan anggota keluarga di rumah. Semakin ibadah melibatkan orang-orang di luar anggota keluarga, seperti ibadah di rumah-rumah jemaah, ibadah di gereja, ibadah kelompok perkauman, mesyuarat jemaah, belajar agama, pemakaian bahasa Batak Toba semakin meningkat.

Perbezaan status sosial juga tampak dalam domain adat. Apabila berhubung dengan *hulahula* atau *tulang*, sebagai pihak yang sangat dihormati di dalam adat, responden G II menunjukkan kenaikan penggunaan bahasa Batak Toba. Sementara perhubungan dengan pemilik status sosial yang sama, seperti *dongan tubu*, *dongan sahuta*, *ale-ale*, *raja na ginokkon*, terjadi pengurangan bahasa Batak Toba. Berterusan pula berkurang apabila berhubung dengan pemilik status sosial yang lebih rendah, seperti *boru* dan *bere* atau *ibebere*, atau mereka yang dianggap lebih muda usianya atau sebagai sasaran nasihat.

Domain-domain yang berhubung dengan masyarakat am tidak tampak lagi pemakaian bahasa Batak Toba. Domain itu ialah domain kejiwaan, jual-beli, pendidikan, pekerjaan, dan pemerintahan. Pada domain tersebut responden G II menggunakan sepenuhnya bahasa Indonesia.



## 5.6 Campur Kod dan Alih Kod G II

Berasaskan data yang didapat menyatakan bahawa penggunaan bahasa Batak Toba di kalangan responden G II sudah tipis, iaitu mendekati bilangan purata 1.00. Maksudnya bahawa majoriti G II telah beralih kod dalam semua perhubungan. Walaupun demikian, apabila penggunaan bahasa Batak Toba yang sangat sedikit tersebut diamati di dalam berbagai-bagai domain, masih tampak adanya percampuran kod dalam beberapa domain.

### 1) Domain Kekeluargaan

Campur kod yang terjadi dalam domain kekeluargaan oleh G II ialah masih adanya sedikit pemakaian bahasa Batak Toba oleh sebahagian kecil responden di dalam berinteraksi dengan ahli-ahli keluarga. Mengenai tingkatan campur kod tersebut ada kemiripan antara G I dan G II. Campur kod yang memperlihatkan pemakaian bahasa Batak Toba tampak lebih banyak terjadi apabila responden berhubung dengan ahli keluarga yang lebih tinggi statusnya di dalam keluarga. Misalnya, kepada datuk nenek, ibu bapa, paman bibi, mertua. Campur kod yang memperlihatkan semakin berkurang pemakaian bahasa Batak Toba terjadi apabila perhubungan dilakukan terhadap ahli keluarga yang sama atau lebih rendah statusnya di dalam keluarga. Misalnya, terhadap saudara kandung, sepupu, suami isteri, kemanakan, menantu, cucu, dan pembantu rumah.

### 2) Domain Kejiranan

Di dalam domain kejiranan dapat dikata bahawa yang terjadi ialah alih kod. G II telah beralih bahasa, iaitu menggunakan bahasa Indonesia sahaja apabila berhubung dengan para jiran. Apabila masih didapati pemakaian bahasa Batak Toba dalam semua subdomain kejiranan, hal itu tidak dapat lagi dikatakan sebagai percampuran kod.

Dalam domain kejiwaan ini pula tidak tampak lagi pola pemakaian bahasa kerana semua perhubungan pada subdomain kejiwaan berada pada purata 1.01 (sangat minim bahasa Batak Toba).

### 3) Domain Persahabatan

Pemakaian bahasa di dalam domain persahabatan masih memperlihatkan pola pemakaian bahasa Batak Toba walaupun dalam kadar sangat minim (di antara purata 1.15-1.42). Oleh kerana itu, masih dianggap terjadi campur kod.

### 4) Domain Jual Beli

Dalam segala urusan dengan peniaga, responden G II pula telah beralih kod, iaitu menggunakan bahasa Indonesia sahaja. Walaupun data menunjukkan adanya pemakaian bahasa Batak Toba yang sangat minim pada purata 1.01, hal itu sudah dapat diabaikan sebagai percampuran kod. Apalagi tidak didukung adanya pola pemakaian bahasa.

### 5) Domain Keagamaan

Seperti pada domain kekeluargaan, pada domain keagamaan pun pemakaian bahasa Batak Toba oleh G II sudah sangat tipis untuk tidak dikatakan beralih bahasa. Dalam hal ini, campur kod yang terjadi hanya memperlihatkan sedikit sahaja pemakaian bahasa Batak Toba. Apabila ibadah dilangsungkan melibatkan orang banyak, percampuran kod akan semakin tinggi menggunakan bahasa Batak Toba, dan akan lebih sedikit lagi apabila ibadah dijalankan secara persendirian. Misalnya, berdoa sendirian.

#### 6) Domain Pendidikan

Dalam domain pendidikan pemakaian bahasa oleh G II tidak ada lagi terjadi campur kod, melainkan alih kod. Tidak ada lagi responden yang menggunakan bahasa Batak Toba walau sedikit pun.

#### 7) Domain Pekerjaan

Dalam domain pekerjaan pula tidak lagi tampak pemakaian bahasa Batak Toba secara signifikan oleh responden G II apabila berhubung dengan sesama pekerja yang menimbulkan adanya campur kod, tetapi sudah beralih kod.

#### 8) Domain Pemerintahan

Tidak berbeza daripada domain pekerjaan, dalam domain pemerintahan pun tiada lagi tampak secara signifikan pemakaian bahasa Batak Toba dalam perhubungan dengan pejabat pemerintah. Dalam domain ini sudah berlaku alih kod.

#### 9) Domain Adat

Domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya Batak Toba masih menunjukkan adanya percampuran kod, iaitu sedikit pemakaian bahasa Batak Toba di dalam upacara adat Batak Toba. Semakin tinggi kedudukan seseorang yang disapa semakin bertambah pemakaian bahasa Batak Toba. Semakin rendah kedudukan yang disapa di dalam adat semakin tipis pemakaian bahasa Batak Toba.

### **5.7 Pola Pemilihan Bahasa G III**

Melalui data yang diperoleh, penggunaan bahasa Batak Toba di Bandar Pontianak oleh responden G III dalam semua domain yang diterokai sudah sangat tipis, iaitu di bawah purata 2.00, maknanya ialah responden G III sudah tidak faham lagi

menggunakan bahasa Batak Toba dalam semua domain sehingga beralih menggunakan bahasa Indonesia. Walaupun demikian apabila diamati penggunaan bahasa Batak Toba yang sangat tipis tersebut masih tampak adanya pemakaian Bahasa Batak Toba dalam beberapa domain, yaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, keagamaan, dan adat (sama ada daripada domain tinggi dan domain rendah). Semua domain tersebut berhubung rapat dengan sosiobudaya Batak Toba. Sementara domain-domain yang berhubung kait dengan kehidupan am, seperti domain kejurangan, jual beli, pendidikan, pekerjaan, dan pemerintahan tidak lagi menggunakan bahasa Batak Toba, melainkan bahasa Indonesia.

Pola penggunaan bahasa di dalam domain kekeluargaan mengesankan bahawa apabila responden berhubung dengan ahli-ahli keluarga yang lebih tinggi statusnya di dalam keluarga, misalnya datuk nenek, ibu bapa, paman bibi maka tampak peningkatan pemakaian bahasa Batak Toba. Sebaliknya, pemakaian bahasa Batak Toba akan berkurang apabila responden G III berhubung dengan ahli-ahli keluarga yang statusnya di dalam keluarga sama atau semakin lebih rendah daripada responden. Misalnya, berhubung dengan saudara kandung, sepupu, kemanakan, dan pembantu rumah.

Demikian pula di dalam domain persahabatan tampak bahawa responden G III menunjukkan pola pemakaian bahasa yang berbeza apabila berhubung dengan para sahabat. Penggunaan bahasa Batak Toba semakin lebih kerap terhadap sahabat lebih tua, dan semakin berkurang lagi apabila berhubung dengan sahabat sebaya, dan lebih berkurang lagi apabila berhubung dengan sahabat lebih muda.

Hal yang sama pula tampak dalam domain keagamaan. Apabila responden berhubung secara peribadi (berdoa) kepada Yang Maha Kuasa dan belajar agama (mengaji, membaca ayat suci) penggunaan bahasa Batak Toba semakin berkurang. Apabila beribadah berjemaah secara kekeluargaan dengan ahli-ahli keluarga pemakaian

bahasa Batak Toba semakin kerap. Misalnya, beribadah di rumah bersama orang tua, datuk nenek dan ahli-ahli keluarga lainnya. Sementara ibadah yang taraf heterogeniti atau percampuran jemaah semakin tinggi, pemakaian bahasa Batak Toba semakin jarang. Misalnya, beribadah di gereja yang dihadiri berbagai-bagai kaum (kaum bapak, ibu, pemuda, anak remaja, atau kanak-kanak sekali gus).

Perbezaan pemakaian bahasa di kalangan responden G III pula tampak dalam domain istiadat. Walaupun demikian, perbezaan tersebut tidaklah serijil atau sepasti seperti pada pemakaian bahasa yang dilakukan oleh responden G II, apalagi G I. Sebabnya ialah bahawa responden G III belum ada yang sudah menikah, membuat mereka tidak memiliki hak di dalam upacara adat. Keadaan ini membuat mereka tidak terlalu memahami makna pembicaraan di dalam adat. Kenyataannya ialah bahawa responden G III masih ada yang menyedari bahawa mereka adalah bahagian dari warga masyarakat Batak Toba yang memiliki adat-istiadat dan menjalankan adat-istiadat tersebut dalam kehidupan sehari-hari di perantauan.

Kesedaran tersebut tampak dalam pemakaian bahasa apabila berhubung dengan orang-orang yang berbeza status di dalam adat. Data menunjukkan kekerapan penggunaan bahasa Batak Toba meningkat apabila berhubung dengan pihak yang sangat dihormati di dalam adat. Misalnya terhadap *hulahula* atau *tulang*. Pemakaian bahasa Batak Toba semakin berkurang apabila berhubung dengan yang setaraf atau semakin rendah tarafnya dari mereka di dalam adat. Misalnya, kepada *dongan tubu* atau *boru* dan *bere*.

## **5.8 Campur Kod dan Alih Kod G III**

Memperhatikan data soal selidik yang didapat bahawa sebenarnya responden G III setakat ini sudah boleh dikatakan telah beralih bahasa. Kerana purata pemilihan

bahasa mereka dalam semua domain ada di antara bilangan 1.00-1.92, iaitu berbahasa Indonesia sahaja. Walaupun demikian, pada domain yang masih berhubung kait dengan sosiobudaya Batak Toba tersebut masih tampak walau segelintir sahaja adanya percampuran kod bahasa Batak Toba ke dalam bahasa Indonesia. Domain-domain tersebut ialah domain kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, dan istiadat. sementara dalam domain-domain yang berhubungan dengan masyarakat am sudah beralih kod sepenuhnya.

### 1) Domain Kekeluargaan

Responden G III dalam berhubung dengan ahli-ahli keluarga yang memiliki status kekeluargaan yang lebih tinggi, seperti datuk nenek, ibu bapa, paman bibi tampak adanya percampuran kod bahasa Batak Toba di dalam pemakaian bahasa Indonesia. Semakin tinggi status, semakin tinggi pula pemakaian bahasa Batak Toba. Sebaliknya, semakin rendah status kekeluargaan semakin tipislah percampuran kod. Misalnya, kepada saudara kandung, sepupu, kemanakan, dan pembantu rumah.

### 2) Domain Kejiranan

Kehidupan sosial yang dimulai daripada orang tua mereka sebagai pendatang yang sudah lahir di bandar Pontianak dan memiliki tempat tinggal di perumahan yang dihuni oleh berbagai-bagai suku bangsa menjadikan mereka terdedah menggunakan bahasa Indonesia dalam berhubung dengan jiran. Di dalam domain kejiranan masih tampak walau sedikit sekali percampuran kod bahasa Batak Toba yang dibuat oleh responden G III.

### 3) Domain Persahabatan

Percampuran kod di dalam domain persahabatan lebih besar lagi daripada domain kejiranan. Percampuran itu menunjukkan pola sesuai dengan keadaan sahabat

yang dihadapi. Jika berhubung dengan sahabat lebih tua, percampuran kod bahasa Batak Toba semakin tinggi, dan terhadap yang sebaya dan lebih muda lagi memperlihatkan percampuran kod semakin menipis.

#### 4) Domain Jual Beli

Penggunaan bahasa di dalam domain jual beli tidak tampak lagi adanya campur kod, sememangnyaalah responden G III sudah beralih kod daripada bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia sahaja.

#### 5) Domain Keagamaan

Percampuran kod pada domain keagamaan oleh G III tampak lebih kerap lagi daripada domain kejiranan dan persahabatan. Kekerapan itu berbeza menurut jenis ibadah yang dijalankan oleh responden. Semakin bersifat peribadi ibadah yang dijalankan, semakin tipis percampuran kod, tetapi semakin heterogen jemaah yang menjalankan ibadah, pemakaian bahasa Batak Toba semakin kerap.

#### 6) Domain Pendidikan

Responden G III sudah beralih kod apabila berbicara dalam domain pendidikan. Tak seorang pun responden yang masih menunjukkan campur kod.

#### 7) Domain Pekerjaan

Penggunaan bahasa pada domain pekerjaan oleh responden G III sudah beralih kod, iaitu menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

#### 8) Domain Pemerintahan

Dalam berhubung dengan semua kakitangan atau pejabat pemerintah atau kenegaraan mulai daripada pejabat yang terendah sehingga yang lebih tinggi semua responden G III sudah beralih kod menggunakan bahasa Indonesia sahaja.

#### 9) Domain Adat

Tradisi adat-istiadat belum pupus sama sekali dari kehidupan responden G III di Bandar Pontianak. Masih ada segelintir lagi yang masih memperlihatkan percampuran kod bahasa Batak Toba di dalam adat. Pemakaian bahasa tersebut pula memperlihatkan tingkat percampuran kod yang berbeza. Apabila responden berhubung dengan pihak yang memiliki kedudukan tinggi di dalam adat, pemakaian bahasa Batak Toba meningkat pula. Semakin rendah kedudukan seseorang dalam adat semakin tipis penggunaan bahasa Batak Toba.

### 5.9 Rumusan

Daripada sembilan domain perlakuan bahasa yang diterokai di dalam pemilihan bahasa kalangan minoriti Batak Toba di Pontianak telah memberi kesan bahawa hanya ada empat domain sahaja yang masih menunjukkan pemakaian bahasa Batak Toba, iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain istiadat, dan domain agama. Pemakaian itu pun sebahagian besar berlangsung di kalangan G I, sementara di kalangan G II dan G III sudah pada taraf kurang menggunakan bahasa Batak Toba. Hal ini pula, adalah akibat langsung daripada penguasaan bahasa Batak Toba pada taraf sangat lancar hanyalah kelompok G I (85.1% atau purata 4.79). Sebaliknya, penguasaan bahasa Batak Toba di kalangan G II, dan G III sudah pada taraf di bawah sedang (53.7% atau purata 2.79) dan kurang (56.7% atau purata 2.07). Apalagi, pada lima domain yang berhubung kait dengan masyarakat am, iaitu domain kejurangan, pendidikan, pekerjaan,



jual beli, dan pemerintahan pemakaian bahasa Batak Toba tidak tampak lagi, semua perbincangan dalam domain-domain itu hanya berbahasa Indonesia sahaja.

Bersesuaian dengan kehidupan orang Batak Toba di Pontianak, domain-domain dalam kajian ini dibahagi dua kelompok. Kelompok pertama adalah domain yang berhubung kait dengan masyarakat am. Domain di dalam kelompok am dibahagi lagi ke dalam dua kelompok: domain tinggi, iaitu domain pendidikan, pekerjaan dan pemerintahan; dan domain rendah, iaitu domain kejiwaan dan jual beli. Kelompok kedua adalah yang berhubung kait dengan sosiobudaya orang Batak Toba. Domain di dalam kelompok ini pun dibagi lagi ke dalam dua kelompok: domain tinggi, iaitu domain agama dan adat; dan domain rendah, iaitu domain kekeluargaan dan persahabatan.

Bahasa Batak Toba bagi orang Batak Toba di Pontianak pada dua atau tiga generasi yang akan datang sudah beralih ke bahasa Indonesia. Alasannya ialah pertama, hanya G I sahaja yang masih menguasai Bahasa Batak Toba dalam purata lancar. Kedua, hanya G I pula yang masih boleh dominan memilih bahasa Batak Toba di dalam domain-domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya Batak Toba di Pontianak. Ketiga, domain pemakaian bahasa Batak Toba di Pontianak pula semakin terhad.

Keadaan ini apabila dihubungkan dengan pendapat Crystal (2000) yang mengklasifikasikan kematian bahasa kepada lima tahap maka peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak sudah pada tahap ketiga, iaitu *Endangered Languages* 'Bahasa yang terancam pupus': jumlah penutur yang menguasai bahasa semakin berkurang. Atau terhadap klasifikasi yang dirumuskan kembali oleh Grenoble dan Whaley (2006: 18) di dalam Austin & Julia Sallabank, (2011), yang mencadangkan pembezaan enam jenis dan taraf peralihan bahasa, maka bahasa Batak Toba sudah berada pada tahap ketiga pula, iaitu *Disappearing* 'Menghilang': bahasa menghilang bila tampak ada peralihan

terhadap bahasa lain di masyarakat tempat bahasa ini dituturkan, pewarisan antara generasi berkurang, jumlah penutur utama menyusut. Bahasa menghilang adalah disebabkan daripada pemakaian yang sangat terbatas dalam set domain, dan bahasa perhubungan yang lebih luas mulai menggantikan dalam taraf dan peratusan yang lebih besar di rumah.

University of Malaya

## **BAB 6: AKOMODASI BERBAHASA, PERALIHAN, DAN PELESTARIAN**

### **BAHASA BATAK TOBA DI PONTIANAK**

#### **6.1 Pendahuluan**


Daripada pengamatan ikut serta (observasi berpartisipasi) diperoleh perakaman terhadap sekumpulan orang Batak Toba di bandar Pontianak. Beberapa jenis perbualan yang berhasil dirakam ada yang berlangsung di rumah melibatkan ibu bapa dan anak-anak. Ada jenis perakaman yang terjadi pada masa berlangsung sebuah majlis perkahwinan di tempat ibadah. Ada pula rakaman yang melibatkan pelaksanaan majlis adat, perakaman ketika sekelompok orang Batak Toba mengadakan berkutu, dan ketika sebuah mesyuarat sedang berlangsung. Selepas itu di dalam bab ini pula akan dibahasakan faktor-faktor penyebab peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak, dan usaha pelestarian bahasa yang sedang mengalami peralihan tersebut.

#### **6.2 Akomodasi Berbahasa di Kalangan Orang Batak Toba di Pontianak**

Apabila diperhatikan dengan saksama perbincangan-perbincangan yang dirakam tersebut semuanya boleh digolongkan atas lima macam pola berbahasa yang dilakukan komuniti Batak Toba di Pontianak. Pola dan deskripsi berbahasa tersebut ditunjukkan sebagai berikut.

##### **6.2.1 Pemakaian Bahasa Indonesia Sepenuhnya**

Contoh perbualan semacam ini dihadirkan daripada keluarga ibu bapa dan dua orang anak-anak mereka. Berbual sambil makan bersama keluarga di rumah (sila perhatikan **Lampiran B**, transkripsi perbualan di dalam sebuah keluarga).



**Rajah 6.1:** Perbualan Ibu bapa dan anak-anak dalam keluarga

Berlaku akomodasi (penyesuaian), iaitu ibu bapa konvergen (selari) membalas bualan melalui bahasa yang digunakan anak-anak (terjadi peralihan bahasa).

### 6.2.2 Pemakaian Bahasa Berselang-seli

Contoh pemakaian bahasa semacam ini berlangsung dalam sebuah majlis. Isi rakaman merupakan pemakaian bahasa pada majlis perkahwinan yang berlangsung di sebuah gereja HKBP. Gereja ini terkenal sebagai gereja Batak Toba. Majlis ini dihadiri kerabat dari kedua-dua calon pengantin, iaitu semuanya orang Batak Toba dan orang tua (ibu bapa).

Rakaman: Perjanjian Pra nikah Sepasang Pemuda yang sudah lahir di Bandar Pontianak di Gereja Batak Toba Bandar Pontianak (Pemakaian dua bahasa berselang-seli dalam satu majlis).

#### 1) Pendeta Melantik Majlis (Bahasa Batak Toba):

*Marhitehite goar ni Debata ama dohot goar ni anakna Tuhan Jesus Kristus dohot goar ni Tondi Parbadia Amen. Sai marhaposan tu Jahowa ma ho jala ulahon na dengan jakkon ma hatai jala radoti haburjuon jala halomohon Jahowa jadi lehononna ma tu ho pinangido ni roham. Amen, martangiang mahita. Ale Tuhan debata amanami na di banua ginjang mauliata hupasahat hami tu Ho ala di togu ho do dongan nami on Marnala Dina Nancy Simanungkalit on dohot Wilson Afrizal Silalali naeng marpadan di jolom andorang so mangido pasupasu dope sian Ho marhite huriam sai tatap ma nasida di bagasan asi ni roham ramoti ma nasida marhite panjangkononMu asa tung marlas ni roha nasida di tingki na niasianMu. Tangihon ma tangiang nami on, ala ni asi dohot holong ni rohaM. Amen. Hundul ma hita*

*Tu jolo ma satokkin pengantin. Huria ni Tuhanta asa tabege majolo songon padan nasida di jolo ni Tuhanta marhite huriana asa nasida ma manjaha surat parpadanan nasida i.*

2) Colon Pengantin Memperkenalkan diri: (Bahasa Indonesia):

Saya, Wilson Afrizal Silalahi putera dari bapak St. Dr. Paul Silalahi, ibu Reniwati boru Tobing alamat Balai Karangan, HKBP Balai Karangan, Resort Sanggau, Lahir 12 April 1989, dibabtis 10 Juni 1990, sidi 13 Juli 2002 dengan:

Saya, Dina Nancy Marnala Simanungkalit puteri dari bapak Edy Simanungkalit ibu Sarmina boru Simanjuntak, alamat Jl M. Yusuf Gang Permai No. 11, Gereja HKBP Jeruju, Resort Jeruju. Lahir 3 Januari 1988, dibabtis 25 Desember 1989, Sidi April 2005:

Melaksanakan perjanjian ikat janji dengan ketentuan sebagaimana tertera di bawah ini. Dengan segala kebulatan hati kami hendak melangsungkan perkahwinan. Kami harus saling mengasihi sebagaimana layaknya perkahwinan orang Kristen. Kami tidak akan bercerai kecuali dipisahkan oleh kematian dan kami akan setia sekata mengikuti aturan dan peraturan yang berlaku di HKBP Huria Kristen Batak Protestan. Status keanggotaan kami dalam jemaat adalah jelas dan benar. Apabila ada penghambat, permasalahan dalam proses perkahwinan kami maka kami harus lebih dahulu menyelesaikannya dan kemudian memohon dilaksanakan pemberkatan nikah.

3) Pendeta bertanya (Bahasa Batak Toba):

*Hamu dongan sahuria, nuaeng sahat ma hita tuparpadanan ni anak dohot boru ni hurianta. Tu hamu padua nanaeng marpadan sadarion pinangido ma asa jongjong hamu di inganan muna. Andorang so ditandatangani hamu surat parpadanan on jumolo ma husukkun hamu nuaeng. Di jolo ni Debata dohot di jolo ni Huria alusi hamuma nahupasukkunhon on tu hamu. Hu sukun ma ho jumolo ale pangoli, Wilson Afrizal Silalahii, boha adong dope tagamon pangambat parbogasonmu dohot si Dina Nancy Marnala boru Simanungkalit on? Isara ni hatam manang janjim tu boru na asing? Alusi ma:*

4) Calon Pengantin lelaki memberi jawapan (Bahasa Batak Toba):

*Dang adong...!*

Pendeta bertanya kepada calon pengantin lelaki (Bahasa Batak):

*Molo tung adong sogot na gabe pangambat di sangkap parbogasonmu dohot si dina Nancy Marnala boru simanungkalit on boha rade do ho jumolo paujungkon i dungi pe asa jaloonu pasupasu pardongan saripeonmuna? Alusi ma:*

5) Calon Pengantin lelaki memberi jawapan: (Bahasa Batak Toba):

*Rade do ahu.*

6) Pendeta bertanya kepada calon pengantin perempuan (Bahasa Batak Toba):

*Husukkun maho nuaeng ale inang oroan, Dina Nancy Marnala boru Simanungkalit, boha adong dope tagamon pangambat sangkap parbogasonmu dohot Wilson Afrizal Silalahi on, isara ni hata na ni undukkonmu manang janjim dohot na asing? Alusima:*

7) Calon Pengantin Wanita memberi jawapan (Bahasa Batak Toba):

*Dang adong.*

8) Pendeta bertanya kepada calon pengantin perempuan (Bahasa Batak Toba):

*Molo adong sogot nagabe pangambat parbogasonmu dohot Wilson Afrizal Silalahi on rade do ho jumolo paujungkon i, dungi pe asa jaloonmu pasupasu pardongansaripeonmuna? Alusi ma:*

9) Calon Pengantin Wanita memberi jawapan (Bahasa Batak Toba):

*Rade do ahu.*

10) Pendeta bertanya kepada kedua-dua calon pengantin (Bahasa Batak Toba):

*Tu hamu padua rap ma hamu mangalusi sukkunsukkun on . Olo do hamuna unduk tu aturan dohot ruhut ni hakristenon HKBP taringot tu pardongan saripeon ni halak Kristen natutu? Alusi hamuma:*

11) Kedua-dua calon Pengantin memberi jawapan (Bahasa Batak Toba):

*Naolo do hami.*

12) Pendeta bertanya kepada kedua-dua calon pengantin (Bahasa Batak Toba):

*Naolo dohamu padua dipanguhuman sogot songon natama diparsaripeon ni halak Kristen jala so tupa sirang hamu ia so sinirang ni hamatean? Alusi hamuma:*

13) Kedua-dua calon Pengantin memberi jawapan (Bahasa Batak Toba):

*Na olo do hami.*

14) Khutbah Pembimbing Pendeta (Bahasa Indonesia):

Syalom, Saudara-saudara yang Tuhan kasihi pada kesempatan ini kita mengucapkan syukur bahwa Tuhan memperkenankan kita melaksanakan acara partumpolon di gereja ini, yaitu Wilson dan Dina. Kalau orang bilang, kalau hujan begini, banyak berkat, ya. Amin? (bersamaan hujan sangat deras turun) Firman Tuhan untuk perjanjian nikah Wilson dan Dina 2 Korintus 13: 11. “Akhirnya saudara-saudaraku bersuka citalah usahakanlah dirimu supaya tekun terimalah segala nasihatku hiduplah dalam damai sejahtera maka Allah sumber dari damai sejahtera akan menyertaimu”.

Wilson dan Dina, ada pepatah yang mengatakan, dari mana datang lintah, dari sawah turun ke kali, dari mana datangnya cinta dari mata turun ke hati. Seperti itukah Wilson? Atau

demikian juga si Dina? Apakah dari pandangan pertama. Demikianlah peristiwa itu, Dia mempertemukan kita dari pandangan. ....

**Jadual 6.1:** Dalam Sebuah Majlis: berlaku dua bahasa berselang-seli

MASA	KEGIATAN	BAHASA
I.	Pendeta membuka majlis perkahwinan	Bahasa Batak Toba
II.	Mempelai memperkenalkan diri	Bahasa Indonesia
III.	Pendeta bertanya; mempelai masing-masing menjawab pertanyaan	Bahasa Batak Toba
IV.	Pendeta memberi Nats (khutbah) Pembimbing	Bahasa Indonesia

### 6.2.3 Bermula Dua Bahasa dan Berlanjut (Mengerucut) Menjadi Satu Bahasa

Perbualan di dalam sebuah pertemuan arisan keluarga. Kaum Bapak: duduk berdekat-dekatan (satu kelompok) dan kaum ibu duduk berdekat-dekatan (satu kelompok) di dalam satu bilik tetamu sebuah rumah tempat berkumpul. Semua yang hadir warga Batak Toba.

#### **Kelompok Kaum Bapak:**

#### **Awal Pertemuan:**

“Marhua Sianturi on ruas ni HKBP”, ninna rohakku kan?

*Oh, ditanda hamu doi ate?*

Ai abang na i antong borunami do na marpesta di wisma harun i.

*Ngaleleng marsahit ninna i ate.*

Nga lelung marsahit i. Na mangadati i pe abang na i, nga marsahit i.

*Oo... adong mangadati Abang na di son?*

A ima na di wisma harun i antong!

*Nan digan?*

Nga adong sataon, tingki... pesta na rap dohot manurung.

*Sinaga dohot sibuea i ate!*

*Daong, Gang Syukur, eh Gang Sukarame. Namarboru Tampubolon, Sinaga par YPK ibotona, na marboru Silaban, Dayak alai dibaen boru Silaban. Ibotoni i. alai di aha nuaeng mangajar di Nanga Pinoh.*

Marnatal nama nimmu.

*Ido, hape marpestai dope hami da.*

Ari Sinen anggo di Medan antong nga natal pertama, biasa doi Natal Oikumene. Natal Oikumene selalu minggu pertama Advent se-SUMUT. Natal Oikumene Sumatera Utara.

*Anggo di hitaan nuaeng antong rame do natal.*

Mmm.. sude antong marga, huta, torus do natal. Gereja dope muse, singkola, parmargaon, parhutaon. Alai nang pe songon i jarang do di hita an Januari Natal. Hampir dang adong do antong.

#### **Pertengahan Pertemuan:**

*Yang pangaribuan itu mana?*

Adong pangaribuan di son?

*Indion ...par kobun, par PTP.*

Mau pesta nanti 26 Februari.

*Pesta apa?*

Boruna...!

*Borunya?*

Sama Situmorang ya...?

*Situmorang ini, mertuanya Sihotang...isterinya Simbolon, jadi dah ke rumah dah kemaren ... Pokoknya kami ke sini, wah ...langsung, dia datang untuk melamar kali. Marhata sinamot kayaknya.*

Nunga marhata sinamot.

*Ya...Bulan Februari ngak salah ya ...*

26 Februari, jadi di sini, par Sibolga...

#### **Akhir Pertemuan:**

Natal di sini?



*Di sini!*

Koor gabungan.

*Ai molo mulak jam ualu nga loja naeng modom nama.*

Apalagi nga lewat jam 8 nga lewat lembur, kan ...paling lama jam lima kan?

*Lama di jalan pulangnya itu. Iba di daerah luar kota do.*

Koor gabungan natal gereja. Senin - Jumat. Khusus Minggu natal ini.

*Open house natal atau tahun baru?*

Biar tau kan...kami tanggal 1 berangkat... pesawat Batavia ada 21 hari yang murah. Nda rencana. Bertiga kami. Bolak balik, jadi satu orang nda sampe 230 ribu PP.

*Pulangnya tanggal berapa lagi?*

Tanggal enam...

*Biasanya 800 ribu untuk satu orang PP. Hari Minggu..., maka tanggal satu. Mulai Januari hingga satu Mei. Aah udahlah, libur tahun baru ja kan? Pas dapat. Sebenarnya resminya itu dua setengah juta bertiga.*

### **KAUM IBU:**

Dari Awal sampai Akhir Pertemuan:

*Dua kali mereka pesta. Pesta dua kali, sekalian bikin marga, jadi borunya mama Melly dosen.*

Aa.. udah itu, cepat-cepat mereka diadati kerana *edanya* jadi *parumaen* Situmorang parsingkawang parorgen itu.

*Yang sintua kan?*

Mertuanya Situmorang itukan Simbolon.

*Marhata sinamot tanggal satu. Tanggal 15 pestanya.*

Nantulang mana nih...

*Balik kampung.*

Ndak ...!


*Yang pangaribuan itu mana rumahnya?*

*Mahu pesta nanti 26 Februari. Sama Situmorang.*

Situmorang ini mertuanya Sihotang...Isterinya boru Simbolon, jadi dah ke rumah, dah kemaren ...Pokoknya kami ke sini, wah ...langsung, dia datang untuk melamar kali. Marhata sinamot kayaknya. Nunga marhata sinamot.

*Ya...Bulan Februari ngak salah ya ...*

26 Februari, jadi di sini, par Sibolga...



**Rajah 6.2:** Satu pertemuan: bermula dua bahasa dan berlanjut menjadi satu bahasa (dalam sebuah bilik)

Perbualan di dalam perjumpaan seperti ini mengesankan terjadi akomodasi oleh pihak kaum bapa kepada kaum ibu, iaitu tindakan konvergen. Akomodasi ini mengesankan berlaku peralihan bahasa.

#### 6.2.4 Berlaku Campur dan Alih Kod

Rupa pemakaian bahasa yang keempat ini ialah pemakaian bahasa secara bercampur kod dan kadang-kadang beralih kod. Seorang pembicara (Batak Toba)

memberi Nats Pembimbing mengawali sebuah pertemuan majlis jemaah sesama orang Batak Toba. Semua yang hadir dalam pertemuan ialah kaum bapak dan ibu Batak Toba.

Rakaman: Nats Pembimbing dalam sebuah meisyuarat Majelis Gereja Batak Toba di Bandar Pontianak (terjadi campur kod dan alih kod). Sila perhatikan **Lampiran C**.

### **6.2.5 Sesama Orang Batak Toba Berbahasa Indonesia Sepenuhnya: Perjumpaan Sesama Ibu-ibu**

Perbualan menggunakan hanya bahasa Indonesia sahaja dalam sebuah perjumpaan tidak lagi hanya terjadi melibatkan anak-anak atau anak-anak muda, tetapi juga terjadi dalam perbualan antara ibu-ibu sambil menunggu teman-teman mereka datang sebelum sebuah kegiatan dimulai. Dalam perjumpaan ini dari awal sampai akhir mereka berbahasa Indonesia. Beberapa di antara mereka sudah mempunyai cucu.

Rakaman dimulai ketika sudah berkumpul sekitar 10 orang:

*Mana ini orangnya ini, apa lagi yang ditunggu?*

Tadi bah inangku, sudah rapi sekalilah perempuan ini.

Apa dua-dua ja utusan tiap perempuan yang diundang cuman dua-dua, ina Kamis, kompleks.

*Boru hite tidak datang...,*

Biar seribu kali dibuat pertemuan kayak ginian ini tak ada yang datang, tak jadi-jadi, yang datang ini-ini aja.

*Sebenarnya kalau menurut pendapatku ngak begini caranya. Kita pililah calonnya siapa, kumpulkan semua itu ina Kamis, ina ester, nanti semua itu datang. Nanti bisa kubilang sama anggotaku supaya datang, Jangan begini... kayak gini siapa yang mahu begini caranya.*

Dos ma rohanta tapending majo sampulu minit nai ate... lima minit nai ma?

*Ahhh...!, Ini malah, RNT.*

Ro do anon i, ditelepon do nangkinging au.

*Sekarang, ini masukan ni, saya dari anggota ina Kamis sebenarnya bilang begini, boasa dang dibaen asa dipapungu ma hita antong, asa dipillit ma calonna, ba sude ma*

*hita menumpahi. Kalau gini, kan kita-kita aja ini. Jadi banyak sebenarnya, mahunya begitu, baru dipilih gitu. Kalau gini dua-dua, buktinya dua-dua tiap pungen, tak ada yang datang.*

Sekarang gini, walaupun itu, udah perwakilan yang dua-dua ini, calonnya ina kamis siapa? Itu ja, sama aja kan?

*Ngak bisa dong, kita kan harus ngomong dengan orangnya.*

Seharusnya calonnya diomongkan dulu, baru dibawa ke rapat. Kan bisa juga.

*Mereka mahunya seperti ini, kalau gini, kayaknya apatis, jadi no coment, ini tidak gampang yang kita pikirkan lho. Ibu-ibu ini kalau misalnya merasa tidak dibuatkan di situ dia tidak mahu bertindak. Dia tidak merasa memberi suara di situ dia tetap tidak mahu datang. Hamu ma disi ninna.*

Kemaren juga kubilang dua-dua. Kenapa tidak pada waktu mama-mama marari kamis, yang dominan itu parari kamis.

*Soalnya persoalannya begini Amang. Kita memang diundang dari kompleks A,B,C, D, dua-dua, pada hal kadang-kadang ada anggota yang dipilih dari kompleks A, pada hal dia itu tidak ikut dalam tiga organisasi ini, bagaimana dia menyelami ibu-ibu ini, gitu lho..Jadi fokusnya itu kalau menurut saya dari Ina Parari Kamis calonnya siapa, ini..., Ester ..., ini...*


Betul, tapi tidak mahu yang satu ini, tidak mahu hanya datang dia begitu. Dia harus rombongannya datang, nanti dia bersuara, gitu. Kerana sudah beberapa kali mereka mengatakan itu sama saya. Boasa dang didokkon marpungu majo hita akka ina. Ok ku bilang. Jadi kalau begini mereka sudah faham.

*Ini kan organisasi. Syukur-syukur dia mahu bergerak,*

*Ngak ada gaji, nda?...*

*Yaaa itu dia,*

*Kadang kala ngumpul kalau dipilih, gak jalan... sama saja....*



**Perjumpaan: Berbahasa  
Indonesia sepenuhnya**

**Rajah 6.3:** Perjumpaan kaum perempuan orang Batak Toba: Berbahasa Indonesia sahaja

Perjumpaan semacam ini mengesankan telah berlangsung peralihan bahasa Batak Toba kepada bahasa Indonesia. Ibu yang tua telah melakukan akomodasi kepada ibu yang lebih muda.

#### **6.2.6 Pola Akomodasi Berbahasa**

Daripada analisis data mengenai akomodasi atau penyesuaian berbahasa yang diamati didapati tiga macam pola akomodasi berbicara di kalangan komuniti minoriti Batak Toba di bandar Pontianak, iaitu konvergensi (selari) dengan interlokutor, kurang konvergen, dan divergen menjadi konvergen (bermula daripada dua bahasa menjadi satu bahasa).

##### **6.2.6.1 Konvergen (Selari)**

Perbualan di antara ibu bapa dan anak-anak di rumah dalam sebuah keluarga Batak Toba sangat jelas menunjukkan bahawa ibu bapa telah melakukan konvergen terhadap bahasa anak-anak, iaitu anak-anak berbahasa Indonesia dan langsung diikuti oleh ibu bapa dalam bahasa Indonesia pula. Daripada awal perbualan hingga selesai perbualan semua berbahasa Indonesia. Ini menunjukkan telah terjadi peralihan bahasa di dalam keluarga orang Batak Toba di bandar Pontianak.

##### **6.2.6.2 Kurang Konvergen (agak mencapah)**

Pola seperti ini berlangsung bermacam-macam-macam. Ada pembicara yang melakukan percampuran kod secara kerap dalam ujaran, demikian pula melakukan peralihan kod, maknanya bahasa Batak Toba sebagai bahasa pengantar ketika pembicara mulai berbicara kemudian secara beransur-ansur mencampur kata-kata

bahasa Indonesia dan kemudian beralih kod dengan menggunakan ayat-ayat bahasa Indonesia.

Pola yang kurang konvergen yang kedua pula adalah terjadinya pemakaian bahasa secara berselang-seli. Misalnya, pada permulaan pembicaraan menggunakan bahasa Batak Toba kemudian berganti menggunakan bahasa Indonesia, kemudian lagi menggunakan bahasa Batak Toba, dan seterusnya lagi menggunakan bahasa Indonesia.

Kedua-dua pola ini pun sudah menunjukkan tanda-tanda peralihan bahasa di kalangan orang Batak Toba di bandar Pontianak.

#### **6.2.6.3 Divergen menjadi Konvergen**

Ada lagi yang sedikit unik pemakaian bahasa dalam sebuah perjumpaan di dalam sebuah tempat oleh keluarga-keluarga orang Batak Toba di bandar Pontianak. Secara tidak sengaja perjumpaan itu berubah menjadi dua kelompok. Ada kelompok lelaki yang duduk berdekatan dan ada kelompok perempuan yang duduk berdekatan. Pada permulaan perjumpaan kelompok lelaki selalu berbahasa Batak Toba, sedangkan kelompok perempuan selalu berbahasa Indonesia. Lelaki sibuk dengan bualannya dan perempuan serius dengan bualannya. Akan tetapi pada pertengahan pertemuan hingga akhir pertemuan kedua-dua kelompok menjadi larut saling berbual dan menggunakan bahasa Indonesia. Dalam hal ini kelompok lelaki melakukan akomodasi (menyesuaikan tuturan) daripada bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia. Sebaliknya, kelompok perempuan melakukan divergensi (mencapah) tidak mahu ikut bahasa kelompok lelaki berbahasa Batak Toba.

Ini pun menandakan bahawa bahasa Batak Toba sudah berada pada masa peralihan di dalam perkumpulan orang Batak Toba di bandar Pontianak.

### **6.3 Faktor-faktor Penyebab Peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak**

Daripada penyelidikan mengenai pengekalan dan peralihan bahasa yang dilakukan terhadap kalangan minoriti perantau Batak Toba di Bandar Pontianak maka didapati fakta yang menjadi faktor penyebab atau punca peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak.

#### **6.3.1 Penguasaan Bahasa Batak Toba Makin Berkurang**

Penghijrahan orang Batak Toba ke Bandar Pontianak telah menubuhkan suasana kehidupan baru di kalangan komuniti. Daripada suasana tradisional di kampung halaman tempat asal, yang hidup seharian secara berdampingan bersama kerabat dan sesama ahli komuniti Batak Toba kepada kehidupan moden di bandar raya Pontianak yang hidup berdampingan dengan berbagai-bagai komuniti etnik lain yang berbeza budaya, bahasa dan pola kehidupan yang lain. Salah satu dampaknya yang paling mustahak ialah anak-anak penghijrah G II dan G III terdedah dengan lingkungan persekitaran baru melalui sekolah, sahabat, jiran, beli-belah, tempat kerja, pemerintahan, siaran radio, television, dan surat khabar. Semua lingkungan persekitaran itu dikuasai penduduk tempatan. Oleh itu, membuat keturunan para penghijrah orang batak Toba di Pontianak G I dan G II lebih menguasai bahasa lingua franca dalam taraf lancar dan sangat lancar daripada menguasai bahasa ibunda Batak Toba yang berada pada taraf kurang dan tidak faham. Penguasaan bahasa Batak Toba yang lemah tersebut berimpak terhadap pemilihan bahasa dalam domain-domain berbahasa. Domain yang berhubung kait dengan masyarakat am, iaitu domain pendidikan, pekerjaan, pemerintahan, jiran, jual beli tidak tampak lagi pemakaian bahasa Batak Toba. Dalam domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya Batak Toba pun pemakaian bahasa Batak Toba tidak lagi tampak dominan. Hanya G I yang masih dominan berbahasa Batak Toba dalam domain berbahasa yang berhubung kait

dengan sosiobudaya Batak Toba. Walaupun demikian G I dalam beberapa subdomain yang berhubung kait dengan sosiobudaya Batak Toba tampak pula dominan berbahasa Indonesia. Dalam domain kekeluargaan, G I dominan berbahasa Indonesia kepada anak-anak dan kepada cucu.

Di pihak lain, orang tua sibuk bekerja sehingga jarang-jarang berkumpul di rumah bersama keluarga untuk berbual, bersenda gurau, berkeluh kesah, ataupun bercengkerama dengan anak-anak menggunakan bahasa ibunda. Gogonas, (2009) pun mendapati situasi seperti itu di dalam komuniti penghijrah Albania di Greece. Anak-anak generasi pertama Albania yang lahir di Greece sudah terdedah memakai bahasa Yunani melalui persekolahan, persahabatan, dan persekitaran lainnya. Sementara orang tua mereka sibuk bekerja dan jarang berkumpul berbual bersama keluarga. Hal ini membuat anak-anak Albania kurang faham berbahasa ibunda dan membuat mereka majoriti menggunakan bahasa Yunani kepada ibu bapa di rumah.

### **6.3.2 Jumlah Penduduk Minoriti: Domain Berbahasa Batak Toba Terhad**

Apabila di tempat asal, komuniti Batak Toba majoriti membuat mereka boleh menggunakan bahasa Batak Toba dalam semua domain berbahasa, tetapi di Pontianak jumlah mereka sangat minoriti, iaitu kira-kira 2000 orang berbanding 650,000 penduduk tempatan dan pendatang yang lain, maka domain berbahasa Batak Toba bagi mereka sangat terhad. Mereka bercakap hanya pada domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya Batak Toba, iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain istiadat, dan domain keagamaan. Dalam semua domain yang berhubungan dengan sosiobudaya Batak Toba ini pun, hanya responden G I yang masih majoriti kekal menggunakan bahasa Batak Toba. Itu pun tidak berlaku bagi semua generasi. Kepada generasi di bawahnya (anak atau cucu, dan kepada sahabat yang lebih muda) G I menggunakan lebih banyak bahasa Indonesia. Sementara responden G II dan G III



sudah majoriti beralih menggunakan bahasa Indonesia dalam semua domain yang dikaji, termasuk dalam domain yang berhubungan dengan sosiobudaya Batak.

Sementara itu, pengekalan Bahasa Batak Toba di kalangan G I boleh terjadi oleh sebab G I ialah penghijrah yang menguasai secara sempurna bahasa Batak Toba dan yang merasa lebih selesa menggunakan bahasa ibunda kepada sahabat sesama generasi atau kepada yang lebih tua daripada dirinya. Selain itu, G I masih kukuh menjalankan adat-istiadat Batak Toba dan menjalankan tata ibadah dalam bahasa Batak Toba di bandar Pontianak. Di lain pihak G II dan G III yang bukan penghijrah, tetapi kaum yang sudah lahir di bandar Pontianak dan kurang mendapat pengajaran bahasa Batak Toba daripada ibu bapanya ataupun melalui sokongan dari mana-mana lembaga menyebabkan mereka kurang memahami Bahasa Batak Toba dan oleh itu, mereka merasa lebih selesa menggunakan bahasa Indonesia kepada sesiapa sahaja di bandar Pontianak.

Selanjutnya, dalam domain-domain yang berhubung kait dengan masyarakat am pula, seperti domain kejiwaan, domain beli-belah, domain pendidikan, domain kerja, dan domain pemerintahan semua generasi (G I, G II, dan G III) orang Batak Toba sudah beralih menggunakan bahasa Indonesia kerana jumlah orang Batak Toba yang duduk dalam domain-domain tersebut masih tergolong minoriti. Dengan demikian domain-domain di luar sosiobudaya Batak Toba atau masyarakat am tersebut, majoriti membabitkan orang daripada berbagai-bagai suku bangsa dan sepatutnya menggunakan lingua franca, maka berlakulah peralihan bahasa.

### **6.3.3 Taraf Pendidikan**

Setiap orang yang memasuki dunia pendidikan di Indonesia akan terdedah menggunakan bahasa Indonesia. Semakin tinggi pendidikan yang ditempuh seseorang

semakin tinggi pula pengetahuannya memakai bahasa Indonesia dalam keperluan akademiknya. Umpamanya, seorang pelajar sekolah rendah sudah dituntut untuk membuat sesuatu cerita rekaan atau yang sedikit bersifat ilmiah dalam bahasa Indonesia. Demikian pula murid-murid sekolah menengah sudah dituntut untuk membuat kajian dan membentangkan hasil kajian tersebut secara lisan mahupun secara tertulis menggunakan bahasa Indonesia. Tugas ini untuk melatih para pelajar mengkomunikasikan idea-idea yang dimilikinya kepada orang lain. Tuntutan yang lebih tinggi lagi ialah apabila seseorang memasuki perguruan tinggi. Seseorang dituntut membuat kertas kerja, makalah, disertasi, atau tesis dengan tingkat ketelitian yang maksimal sebagai hasil pengajian dan mempertahankannya dalam sebuah majlis persidangan pula dalam bahasa Indonesia.

Apabila kita kembali menyemak semula jadual 4.8 mengenai pendidikan yang ditempuh responden orang Batak Toba di bandar Pontianak didapati bahawa responden yang berpendidikan tinggi G I 49.3%, G II 77.6%, G III 44.8% (sesuai usia mereka); yang berpendidikan menengah atas G I 44.8%, G II 22.4%, G III 46.3%; yang berpendidikan menengah rendah G I 4.5%, G II dan G III tidak ada, demikian pula yang berpendidikan rendah G I 1.5%. sedangkan G II dan G III tidak ada. Yang tidak pernah sekolah daripada semua generasi responden, tidak ada. Dengan perkataan lain, semua responden merupakan orang-orang yang berpendidikan, dan majoriti berpendidikan menengah atas dan pendidikan tinggi. Ini mengesankan tingginya pendedahan dan pemahaman bahasa Indonesia terhadap komuniti Batak Toba di bandar Pontianak. Akibatnya ialah dalam tempoh dua generasi sudah terjadi peralihan bahasa ke bahasa Indonesia. Jadi salah satu yang mendorong peralihan bahasa Batak Toba ke bahasa Indonesia dalam kalangan minoriti migran Batak Toba ialah faktor taraf pendidikan ahli-ahli komuniti.

Hal yang sama berlaku bagi komuniti Sikh Punjabi yang bertempat tinggal di petaling jaya Kuala Lumpur, Malaysia. David, Ibtisam, Naji & Sheena, K (2003) mendapati salah satu sebab peralihan bahasa Punjabi di kalangan generasi muda ke bahasa Inggeris, iaitu taraf pendidikan generasi muda ahli-ahli komuniti itu. Hampir 50% daripada responden berpendidikan tinggi dan lagi 13.5% tamat pascasiswazah atau ijazah tinggi.

#### **6.3.4 Pekerjaan dan Jawatan**

Pekerjaan pula boleh mengekalkan ataupun mengalihkan pemakaian bahasa ibunda sesuatu komuniti. Mengikut data penyelidikan yang dilakukan terhadap penghijrah orang Batak Toba di Bandar Pontianak (semak semula Jadual 4.6) didapati responden G I dan G II majoriti bekerja sebagai pegawai pemerintah atau pegawai perusahaan swasta. Walaupun beberapa responden G I sudah ada yang pencen, tetapi mereka juga merupakan bekas pegawai. Sementara responden G III majoriti sebagai pelajar dan mahasiswa. Pekerjaan ini telah menuntut mereka untuk menggunakan bahasa Indonesia terhadap sesama pekerja dan kepada pimpinan dan kepada sesiapa yang ada urusannya dengan pekerjaan tersebut selama mereka berada di pejabat atau kantor. Keberadaan mereka di pejabat selama delapan jam sehari dan lima hari dalam seminggu membuat mereka terpisah satu sama lain daripada keluarganya. Kebiasaan berbahasa Indonesia di pejabat boleh pula terbawa-bawa ke rumah sehingga menggunakannya bersama keluarga.

Demikian pula jawatan yang dimiliki anggota komuniti ini di tempat bekerja, responden G I seramai 41.8% sebagai pemimpin jawatan, G II seramai 19.4% sebagai pemimpin jawatan. Jawatan ini turut menyumbang pendedahan penggunaan bahasa Indonesia dalam menjalankan pekerjaannya memimpin para staf.

Penyelidikan Coluzzi (2010) terhadap komuniti Iban dan Murut (Lun Bawang) di Brunei Darussalam mendapati kedua-dua komuniti masih mengekalkan pemakaian bahasa ibunda. Pengekalan ini terjadi kerana kedua-dua komuniti hidup secara tradisional sebagai pengumpul hasil-hasil hutan dan memelihara ternak. Kemudian mereka bertempat tinggal di rumah-rumah panjang, dan melanjutkan tradisi perkahwinan endogami.

Lain lagi penyelidikan yang dilakukan Fakuade Gbenga, & Abdullah (2003) di Girei, Song, dan Gombi sebuah kawasan di negara bahagian Adamawa, Nigeria Utara. Komuniti di kawasan kajian tersebut telah beralih meninggalkan bahasa ibunda dan mempelajari dan memakai bahasa Fulani sebagai bahasa sehari-hari untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih berprestij. Kerana pemerintahan di kawasan tersebut menjadikan bahasa Fulani sebagai bahasa rasmi dan menjadikan syarat kebolehan berbahasa Fulani untuk dapat menduduki sesuatu jawatan di pemerintahan.

### **6.3.5 Keadaan Tempat Tinggal**

Apabila diperhatikan lingkungan tempat tinggal komuniti migran Batak Toba di bandar Pontianak maka akan didapati bahawa majoriti komuniti Batak Toba tidak berjiran sesama komuniti Batak Toba. Mereka bertempat tinggal merata-rata di mana-mana kompleks perumahan ataupun permukiman penduduk. Keadaan seperti ini membuat ahli-ahli komuniti Batak Toba jarang-jarang bertemu, utamanya anak-anak mereka tidak boleh bermain bersama-sama rakan sesama komuniti untuk menggalakkan pemakaian bahasa Batak Toba.

Penyelidikan Nor Hisham Osman di Kapit Serawak terhadap komuniti Rejang-Tanjong telah mendapati komuniti yang bertempat tinggal secara berkelompok di sebuah kawasan permukiman akan mengekalkan bahasa ibunda mereka. Di mana

komuniti Tanjong kekal menggunakan bahasa Kanowit walaupun mereka dikelilingi oleh kaum Iban yang berbahasa Iban, dan memasuki sekolah yang berbahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia.

### 6.3.6 Pelanggaran Aturan Adat

Ada sebuah pantun dalam bahasa Batak toba (*umpasa*) mengenai hukum dan adat Batak Toba yang mengatakan:

*Nungnga munsat angka talutuk,  
Nungnga sega angka gadugadu.  
Nungnga muba uhum na buruk,  
Nungnga ro be uhum na baru*

Terjemahan:

Sudah tercabut patok-patok sawah,  
Membuat rosak batas pematang.  
Sudah berubah hukum lama,  
Kerana hukum baru sudah datang.

Makna *umpasa* tersebut sangat jelas yang terkandung dalam isi *umpasa* tersebut, iaitu telah terjadi pergeseran hukum (adat) tatanan kehidupan komuniti Batak Toba daripada hukum (adat) lama kepada adat moden.

Salah satu di dalamnya adalah mengenai adat berbicara yang menjunjung tinggi nilai-nilai kesopanan dan kemuliaan kerana semua orang Batak Toba merasa dirinya sebagai putera atau puteri raja. Orang Batak Toba kalau bertutur sapa dengan sesiapa sahaja harus menjaga harkat dan martabatnya. Dengan demikian terjadilah saling menghargai dan saling menghormati. Tutur sapa komuniti Batak Toba ini masih boleh disemak dalam upacara adat yang masih berlangsung sehingga sekarang ini. Tutur sapa tersebut masih menggunakan bahasa Batak Toba secara utuh.

Perubahan zaman daripada yang kuno (tradisional) kepada yang baru (moden) mengubah pula sedikit demi sedikit tata acara penyelenggaraan upacara adat dan tata acara berbicara atau bertutur dalam upacara adat Batak Toba. Dahulu apabila berbicara dalam upacara adat Batak Toba hanya menggunakan bahasa Batak Toba tulen, dan terasa hikmat, tetapi pada zaman moden ini tak jarang lagi didapati di dalam upacara adat Batak Toba pemakaian bahasa berselang seli antara bahasa Batak Toba dan bahasa Indonesia.

Walaupun ada peribahasa yang mengatakan:

*Adat dan budaya,  
Tidak lapuk oleh hujan,  
Tidak lekang oleh panas.*

Tetapi pada kenyataannya, hal itu tidak kekal kepada komuniti Batak Toba di bandar Pontianak. Komuniti Batak Toba tidak mampu mempertahankan pengekalan adat tradisional Batak Toba semula jadi. Salah satu akibatnya ialah bahasa Batak Toba pun tidak kekal menerusi generasi berikutnya.

### **6.3.7 Perubahan Aturan Berbahasa di Gereja**

Data mengenai latar belakang responden yang didapati menunjukkan bahawa komuniti minoriti migran Batak Toba di Bandar Pontianak majoriti memeluk agama Kristian dan menjalankan peribadatan di Huria (Gereja) Kristen Batak Protestan -- yang mempunyai singkatan nama HKBP -- yang ada di bandar Pontianak. Data yang didapati menunjukkan bahawa komuniti ini di bandar Pontianak sangat rajin menjalankan kegiatan peribadatan yang berlaku di tubuh gereja itu (semak semula Jadual 4.12 dan jadual 4.15). Gereja Batak Toba ini mempunyai induk organisasi (*central office*) di Tarutung, Sumatera Utara, Indonesia.

Rupa peribadatan yang dijalankan, misalnya Ibadah Minggu (setiap hari Ahad), Ibadah Persekutaran Permukiman di rumah jemaah sekali seminggu, Ibadah Perkauman (kaum bapa, kaum ibu, kaum pemuda dan remaja) sekali seminggu, Ibadah Perkahwinan (apabila ada ahli jemaah menikah), Ibadah Kematian atau Penghiburan (apabila ada ahli jemaah meninggal dunia) dan Ibadah Perayaan hari raya keagamaan (Krismas, Tahun Baru, dan Paskah). Selain menjalankan peribadatan, gereja ini pula menjalankan pendidikan (pengajian) khas mengenai dogma agama Kristian, utamanya yang berlaku di gereja HKBP. Pengajian ini ditempuh sekurang-kurangnya selama satu tahun. Setiap warga jemaah wajib mengikuti program ini sebelum memasuki jenjang pernikahan. Lembaga gereja ini juga menerbitkan buku renungan (ibadah) harian atau Almanak, buku nyanyian ibadah dan buku pembimbing lainnya dalam bahasa Batak Toba. Gereja HKBP ini pula memiliki Kitab Suci (Bibel atau Kitab Injil) yang dicetak dalam bahasa Batak Toba yang diterbitkan oleh Lembaga Alkitab Indonesia.

Dahulu (pada tarikh 1970-an dan sebelumnya) ibadah yang dijalankan di HKBP hanya memakai bahasa Batak Toba sahaja. Tetapi pada tarikh 1980-sekarang) seiring mulai semakin ramai penghijrahan dan ramai pula gereja HKBP merata-rata di bandar raya-bandar raya di Indonesia -- yang menganggap bahawa generasi yang lahir di bandar raya tak tahu lagi bercakap bahasa Batak Toba – maka bermula ibadah dengan mimbar berbahasa Indonesia. Semenjak itu, ibadah diselenggarakan ke dalam dua jadual masa, iaitu masa ibadah berbahasa Batak Toba dan masa ibadah berbahasa Indonesia. Jemaah sila memilih jadual yang dikehendaki.

Sarana untuk menjalankan ibadah berbahasa Indonesia pun disediakan, seperti buku nyanyian, Kitab Injil, buku renungan (ibadah) harian (almanak), warta gereja, buletin, dan buku-buku perlengkapan lain dalam bahasa Indonesia.

Perjalanan kedua-dua kelompok peribadatan tersebut semakin memberi peluang kepada seluruh jemaah, utamanya anak-anak muda untuk beralih ke bahasa Indonesia dan semakin melupakan bahasa Batak Toba kerana fakta di lapangan menunjukkan yang mengikuti peribadatan dalam bahasa Indonesia semakin ramai bila dibandingkan dengan yang ikut ibadah bahasa Batak Toba (Buletin Warta Jemaah Mingguan).

Kenyataan daripada perubahan tata kelola peribadatan ini (ibadah dalam dua bahasa) telah menjadikan responden G II dan G III majoriti di dalam domain keagamaan memilih lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Berdoa dalam bahasa Indonesia G I 11.9%, G II 91%, G III 85.1%, manakala yang berbahasa Batak Toba G I 62.7%, G II dan G III kedua-duanya tidak ada. Menjalankan sembahyang di tempat ibadah menggunakan bahasa Indonesia G I 4.5%, G II 52.2%, G III 73.1%. Manakala yang berbahasa Batak Toba G I 49.3%, G II 3%, G III tidak ada. Sama ada pada subdomain keagamaan yang lain semuanya menunjukkan semakin rendah pemakaian bahasa Batak Toba.

Pengurus gereja HKBP sedar atau tidak sedar telah meningkatkan kekerapan bilangan yang menggunakan bahasa Indonesia dan semakin mengurangkan pemakaian bahasa Batak Toba di dalam komuniti migran Batak Toba, khususnya di Bandar Pontianak.

#### **6.3.8 Partisipasi Sosiobudaya Batak Toba**

Partisipasi ahli-ahli komuniti Batak Toba dalam menjalankan sosiobudaya Batak Toba di Bandar Pontianak boleh ditunjukkan melalui kerajinan warga mengikuti acara-acara adat, acara berkutu keluarga atau berkutu marga, mengikuti syarikat-syarikat komuniti Batak Toba. Kerajinan menjalankan acara sosial, misalnya mengunjungi



orang sakit, memberi penghiburan dan pertolongan kepada orang yang ditimpa kemalangan (berdukacita), dan melakukan kerja-kerja gotong-royong (relawan).

Partisipasi ahli-ahli komuniti Batak Toba di dalam kegiatan sosiobudaya Batak Toba ini akan meningkatkan perjumpaan dengan sesama ahli-ahli komuniti Batak Toba yang lain. Perjumpaan ini sepatutnya akan menambah taraf pengekalan budaya, khasnya pengetahuan berbahasa Batak Toba. Sepatutnya pula tiadanya partisipasi ahli-ahli komuniti Batak Toba di dalam sosiobudaya Batak Toba ini, akan menyebabkan seseorang terencil daripada sesama komuniti dan melemahkan pengetahuan sosiobudaya orang yang bersangkutan, termasuk dalam pengekalan bahasa. Tetapi pada kenyataannya seperti tampak dalam latar belakang responden bahawa orang Batak Toba di Pontianak menunjukkan purata pada taraf yang tinggi dalam mengikuti aktiviti sosiobudaya Batak Toba (semak semula Jadual 4.10 sehingga Jadual 4.15). Tetapi keadaan ini sungguh bertentangan dengan kemampuan mereka mengekalkan bahasa Batak Toba kerana kemampuan mereka berbahasa Batak Toba sudah sangat lemah, utamanya pada G II dan G III (semak semula Jadual 4.16 sehingga Jadual 4.20). Hal ini menandakan bahawa aktiviti sosiobudaya pun tidak lagi menjadi andalan di dalam pengekalan bahasa Batak Toba di Bandar Pontianak. Aktiviti ini pun tidak lagi sepenuhnya dijalankan menggunakan bahasa Batak Toba.

### **6.3.9 Dasar Negara**

Dasar negara yang mengatur pemakaian bahasa di Indonesia tertulis dalam Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945, Fasal 36: “Bahasa negara ialah bahasa Indonesia”. Aturan itu mengukuhkan status bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi negara. Jauh sebelum aturan ini dibuat, iaitu pada tahun 1928 tepatnya pada hari 28 Oktober bahasa Indonesia telah dikukuhkan oleh kerapatan pemuda-pemudi Indonesia melalui Sumpah Pemuda menjadi bahasa Nasional

Indonesia. Dengan demikian bahasa Indonesia mempunyai dua kedudukan, yaitu sebagai bahasa Nasional dan sebagai bahasa Rasmi Negara. Sebagai bahasa Nasional, bahasa Indonesia berfungsi sebagai lambang kebanggaan nasional, sebagai lambang identiti nasional, sebagai bahasa perhubungan antara daerah. Dalam kedudukan sebagai bahasa Negara, bahasa Indonesia berfungsi sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pengantar dalam dunia pendidikan, sebagai bahasa pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Oleh dasar negara ini pemerintah Indonesia mewajibkan pemakaian bahasa Indonesia yang baik dan benar pada semua lembaga pemerintahan dan kenegaraan. Pada lembaga pemerintahan misalnya, mewajibkan pemakaian bahasa Indonesia di semua aras atau darjah sekolah mulai daripada sekolah rendah sehingga perguruan tinggi di seluruh negeri Indonesia. Bahasa pengantar di sekolah untuk mengajar murid-murid dan mahasiswa ialah bahasa Indonesia. Penguasaan bahasa Indonesia pula menjadi syarat masuk menjadi pegawai pemerintah di Indonesia.

Kewajipan pemakaian bahasa Indonesia di seluruh lembaga pemerintahan dan kenegaraan ini pernah didakwa oleh pakar bahasa dan linguistik Indonesia Multamia Lauder sebagai perosak bahasa-bahasa daerah atau bahasa-bahasa etnik di Indonesia. Beliau mengatakan bahawa dalam beberapa generasi ke hadapan pemakaian bahasa daerah akan semakin berkurang. Walaupun demikian, polisi negara ini adalah demi kepentingan nasional Indonesia yang harus didudukkan di atas segala kepentingan, sama ada kepentingan peribadi ataupun kepentingan golongan.

### **6.3.10 Berlaku Akomodasi Berbahasa**

Hasil pengamatan dan perakaman pemakaian bahasa oleh komuniti Batak Toba di bandar Pontianak dalam berbagai-bagai majlis mahupun dalam perbincangan

informal didapati bahawa telah berlaku akomodasi berbicara, sama ada di antara sesama orang Batak Toba mahupun kepada ahli-ahli komuniti-komuniti yang lain.

#### **6.3.10.1 Penyesuaian Bahasa (Akomodasi Konvergen) Sesama Orang Batak Toba**

*Yang pertama*, Kaum tua berakomodasi atau menyesuaikan bahasa kepada kaum muda. Di dalam perbincangan sesama anggota keluarga antara ibu bapa dan anak-anak daripada awal sehingga akhir perbincangan bahasa yang mereka gunakan bukan bahasa ibunda, melainkan bahasa Indonesia. Dalam hal ini ibu bapa menyesuaikan bahasa kepada anak-anak dengan membalas menggunakan bahasa yang digunakan anak-anaknya (berlaku konvergen atau selari). Penyesuaian ini terjadi kerana ibu bapa menyedari bahawa anak-anaknya tidak faham lagi berbahasa Batak Toba. David, (1996) dalam kajian beliau kepada komuniti Sindhi di Malaysia mendapati bahawa Generasi I Sindhi sudah bercakap selari dengan bahasa yang digunakan G II dan G III. Kaum tua sudah melakukan akomodasi kepada kaum muda.

*Yang kedua*, akomodasi beratur. Ada pula dalam majlis perkahwinan terdapat pemakaian bahasa berselang-seli. Bilamana pembukaan pertemuan menggunakan bahasa Batak Toba, selepas pembukaan menggunakan bahasa Indonesia untuk menyapa kedua-dua mempelai dan ketika kedua-dua mempelai memperkenalkan dirinya dan ketika kedua-dua mempelai menyampaikan janji pernikahannya. Selepas daripada itu majlis kembali menggunakan bahasa Batak Toba kepada kedua-dua orang tua (ibu bapa) kedua-dua mempelai dan kepada saksi-saksi kedua belah pihak mempelai. Kemudian majlis diakhiri dengan memberi kata-kata pembimbing ataupun nasihat-nasihat kepada kedua-dua mempelai menggunakan bahasa Indonesia lagi. Keadaan seperti itu menunjukkan bahawa di dalam sebuah kegiatan majlis terdapat atau berlaku dua bahasa berselang-seli.

Apabila diperhatikan, sebenarnya penyebab daripada pemakaian dua bahasa ini terjadi kerana majlis melakukan akomodasi (konvergen) terhadap kedua-dua mempelai. Apabila menyangkut komunikasi kepada kedua-dua mempelai maka majlis menggunakan bahasa Indonesia. Tetapi apabila berkomunikasi kepada hadirin majlis menggunakan bahasa Batak Toba.

*Yang ketiga*, daripada mencapah menjadi selari, Rupa akomodasi ini ialah pemakaian bahasa yang didapati dalam pertemuan syarikat marga atau arisan keluarga. Pada awal pertemuan, satu kelompok (bapak-bapak) yang duduk berdekat-dekatan menggunakan bahasa Batak Toba sementara kelompok yang lain (ibu-ibu) yang duduk berdekat-dekatan pula menggunakan bahasa Indonesia di dalam tempat yang sama (di sebuah rumah). Akan tetapi selang beberapa lama kemudian kedua-dua kelompok akhirnya sama-sama menggunakan bahasa Indonesia. Maknanya, kelompok bapak-bapak melakukan akomodasi kepada ibu-ibu.

#### **6.3.10.2 Pertuturan Mencapah (Akomodasi Divergen) Sesama Orang Batak Toba**

Situasi ini didapati ketika dalam sebuah perjumpaan yang dihadiri sekelompok kaum perempuan, sama ada yang muda mahupun yang tua bercakap menggunakan bahasa Indonesia. Ada sesekali terlontar kata-kata bahasa Batak Toba dalam perbualan tersebut, tetapi tak membuat pembicara-pembicara selanjutnya terpengaruh untuk menanggapi dalam bahasa Batak Toba. Perbualan terus berlanjut hingga selesai dengan menggunakan bahasa Indonesia.

#### **6.3.10.3 Penyesuaian Bahasa antara Ahli-ahli Berbagai-bagai Komuniti**

Dalam komunikasi antara ahli-ahli berbagai-bagai komuniti di bandar Pontianak, orang Batak Toba sudah melakukan akomodasi dengan komuniti-komuniti yang lain,

iaitu menggunakan bahasa lingua franca. Tindakan ini merupakan jalan tengah. Komuniti-komuniti yang ada di bandar Pontianak masing-masing mempunyai bahasa etnik, sama ada komuniti tempatan mahupun komuniti pendatang. Kondisi seperti itu menunjukkan bahawa sebenarnya yang terjadi ialah ahli-ahli sesebuah komuniti apabila berkomunikasi dengan ahli-ahli komuniti lain semuanya sama-sama melakukan tindakan akomodasi, iaitu beralih bahasa kepada bahasa Indonesia. Asmah Omar (1998) mengkaji perkaitan antara identiti linguistik dengan individu dan kumpulan di kalangan pensyarah dan pelajar di Universiti Malaya. Didapati bahawa sebahagian besar responden menggunakan bahasa ibunda atau kelainannya apabila berhubung dengan kumpulan atau bangsa sendiri. Namun terdapat juga responden yang menggunakan bahasa Inggeris di rumah. Dalam perhubungan antara etnik, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau percampuran dua bahasa ini digunakan.

#### **6.3.10.4 Akomodasi Kenegaraan**

Di dalam menjalankan hak dan kewajiban kenegaraan adalah berlaku bagi setiap warga negara Indonesia untuk menggunakan bahasa Indonesia. Hal ini bersesuaian dengan hukum negara (Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia) yang memaklumkan bahawa bahasa rasmi negara ialah bahasa Indonesia. Dalam urusan pentadbiran harus menggunakan bahasa Indonesia (Halim, 1980).

Oleh aturan ini, orang Batak Toba dan penduduk yang lain di bandar Pontianak takluk untuk sama-sama menggunakan bahasa Indonesia dalam segala urusan kenegaraan. Dalam suasana seperti ini orang Batak Toba sangat akomodatif terhadap hukum negara.

Peristiwa akomodasi ini telah menyebabkan orang Batak Toba di bandar Pontianak beransur-ansur meninggalkan bahasa Batak Toba dan beralih ke bahasa Indonesia (lingua franca).

#### **6.4 Usaha Pelestarian Bahasa Batak Toba di Pontianak**

Data mengenai penguasaan bahasa Batak Toba responden (orang Batak Toba) di bandar Pontianak sangat jauh berbeza antara G I dan dua generasi berikutnya ( G II dan G III). Penguasaan bahasa Batak Toba G I, iaitu pada purata (*mean*) 4.79 atau di atas lancar dan mendekati sangat lancar (5.00) dan majoriti G I (85.1%) pada posisi sangat lancar berbahasa Batak Toba. Pada pihak lain, penguasaan penutur G II berbahasa Batak Toba berada pada purata 2.79 atau berada di bawah taraf sedang (3.00). Majoriti responden G II (53.7%) berada pada taraf sedang. Demikian pula penguasaan bahasa Batak Toba penutur G III berada pada purata 2.07 atau mendekati taraf kurang (2.00) dan majoriti G III (56.7%) berada pada taraf kurang. Keadaan ini sangat berbahaya bagi kelangsungan hidup bahasa Batak Toba di Bandar Pontianak. Mengikut penyelidikan ini, penyebab yang paling utama yang membolehkan bahasa ibu Batak Toba beralih ialah faktor internal komuniti itu sendiri, seperti faktor keluarga, peribadatan, dan istiadat.

Sehubungan dengan usaha pengekalan bahasa Batak Toba di kalangan orang Batak Toba ini di bandar Pontianak, maka usaha-usaha yang dilakukan sepatutnya dimulakan daripada keluarga, peribadatan dan istiadat.

##### **6.4.1 Menggalakkan Pemakaian bahasa Batak Toba di dalam Keluarga**

Tiadanya mana-mana lembaga yang bertanggungjawab mengekalkan kehidupan sesuatu bahasa etnik di mana-mana kawasan, maka sepatutnya yang paling

bertanggungjawab untuk mengekalkan kehidupan bahasa etnik tersebut ialah bangsa (etnik) pemilik bahasa itu sendiri, sama ada di tempat asal pemilik bahasa itu mahupun di perantauan. Pengekalan bahasa di tempat asal sumber bahasa itu (kampung halaman) belum terlalu mendesak dilakukan kerana keadaan di kampung halaman masih sangat memungkinkan untuk membuat bahasa etnik itu hidup sihat. Berbeza perlakuan apabila bahasa etnik daripada sesuatu komuniti yang minoriti daripada jumlah orangnya dan daripada kekuatan politiknya berada jauh di luar kawasan asal bahasa tersebut kerana adanya penghijrahan. Tiada yang menggunakan bahasa itu selain pemilik bahasa itu sendiri. Sementara pemilik bahasa tersebut pula berhadapan dengan lingua franca untuk berhubung dengan bangsa-bangsa lain yang lebih majoriti dan merata-rata di hampir semua urusan kehidupan sehari-hari. Automatik penutur bahasa etnik minoriti tertentu tidak akan menuturkan bahasa etnik miliknya di luar rumah kepada penutur etnik-etnik yang berbeza.

Hal yang sama berlaku kepada bahasa Batak Toba milik komuniti Batak Toba yang berhijrah dari Tapanuli Utara, di Sumatera Utara, Indonesia ke bandar Pontianak. Apabila komuniti ini tidak mewariskan pemakaian bahasa milik mereka kepada anak-anak mereka di perantauan maka bahasa ini akan tamat daripada pemakaian di bandar Pontianak.

Upaya untuk mengekalkan bahasa Batak Toba di bandar Pontianak harus segera dilaksanakan sebelum penghijrah generasi pertama habis. Setiap rumah tangga (ibu bapa) atau keluarga bertanggungjawab untuk menurunkan bahasa etnik mereka kepada anak-anak mereka dan menjadikan bahasa etnik mereka menjadi bahasa pertama kepada anak-anak mereka. Selanjutnya, membesarkan dan mendidik anak-anak mereka di rumah menggunakan bahasa Batak Toba dalam segala aktiviti di rumah. Ibu bapa pula harus meluangkan masa berkumpul bersama anak-anak di rumah dan bercerita menggunakan bahasa ibunda.

Sejak rumah tangga (keluarga) dibentuk, suami dan isteri harus sama-sama bersetuju untuk menjadikan bahasa Batak Toba menjadi bahasa perhubungan di antara mereka. Demikian pula kelak apabila mereka sudah mempunyai anak, sejak masa bayi, kanak-kanak, sampai dewasa harus disapa dalam bahasa Batak Toba. Anak-anak dibiasakan pula membaca dan menulis berita melalui telefon bimbit dalam bahasa Batak Toba.

Ibu bapa yang sibuk bekerja dan menyerahkan urusan anak-anak kepada pembantu rumah tangga atau pengasuh anak-anak apabila pembantu itu bukan sesama komuniti Batak Toba harus selalu memperhatikan kemajuan anak-anak mereka dalam kehidupan mereka, termasuk berbahasa Batak Toba. Ibu bapa harus menanamkan kehidupan yang teratur dan berdisiplin kepada anak-anak supaya anak-anak patuh kepada mereka. Jangan hanya sibuk bekerja dan menjalankan hobi. Setiap keluarga pula boleh membuat satu hari dalam seminggu sebagai hari keluarga untuk perjumpaan seluruh anggota keluarga duduk bersama membicarakan pengalaman masing-masing, tentu dalam bahasa Batak Toba.

Perjumpaan dengan keluarga luas (datuk- nenek, paman-bibi, dan saudara mara) pun harus mengutamakan pemakaian bahasa Batak Toba sama ada di rumah atau di luar rumah. Begitu pula apabila bertemu dengan sesama ahli komuniti Batak Toba yang ia kenal harus mengutamakan pemakaian bahasa Batak Toba. Ibu Bapa dan orang yang lebih tua apabila berbicara dengan generasi muda dan yang lebih muda lagi harus menyapa dan mengingatkan mereka untuk memakai bahasa Batak Toba.

Apabila keadaan ini terus berlangsung dan dilaksanakan dengan kompak oleh seluruh orang Batak Toba di Bandar Pontianak, pasti bahasa Batak Toba kekal.



#### **6.4.2 Menggalakkan Kehadiran Anak Muda dalam Upacara Adat**

Salah satu yang menyebabkan anak-anak muda (pemuda) kurang mampu bercakap dalam bahasa Batak Toba ialah para pemangku adat tidak pernah membabitkan anak-anak muda ke dalam pertemuan majlis adat. Sebagai tindak lanjut (*follow up*) terhadap penggalakan berbahasa Batak Toba di dalam keluarga upaya selanjutnya ialah menggalakkan anak-anak muda di dalam mengikuti majlis upacara adat. Sebuah pelaksanaan upacara adat, misalnya perkahwinan menempuh lima kali pertemuan. Pertemuan pertama adalah melamar, pertemuan kedua *marhusip* (menaksir harga mahar), pertemuan ketiga *patua hata* (mengikat janji), pertemuan keempat *marhata sinamot* (membayar mahar), dan pertemuan ke kelima *unjuk* (pesta perasmian pernikahan). Semua pertemuan itu berlangsung berselang 2 sampai 3 bulan. Demikian pula upacara adat yang lain selalu mendahulukan musyawarah kerabat dan handai taulan.

Pertemuan-pertemuan tersebut boleh menjemput para pemuda (lelaki atau perempuan) ke dalam majlis adat untuk ikut bermusyawarah memikirkan kelancaran pelaksanaan upacara adat. Terutama dalam memberikan bantuan tenaga, misalnya memasak makanan, menghias pelaminan, menghidangkan makanan, dan yang lain lagi. Melalui kehadiran di majlis adat ini para pemuda akan terlatih menggunakan bahasa Batak Toba dan menambah kemahiran dalam perbendaharaan kata. Majlis adat ini pula akan mengajarkan kerja sama dan pergaulan sesama komuniti Batak Toba di tanah perantauan.

#### **6.4.3 Menggalakkan Pemakaian Bahasa Batak Toba di Gereja**

Gereja (*Huria*) Kristen Batak Protestan di Bandar Pontianak memiliki jemaah 100% komuniti Batak Toba. Walaupun gereja ini tidak memikul tanggungjawab

mengurus kehidupan berbahasa umat, tetapi sebagai gereja pemilik umat terbesar komuniti Batak Toba, gereja ini secara tidak langsung mempunyai peranan yang besar untuk melestarikan bahasa Batak Toba di Bandar Pontianak dan di mana-mana tempat. Peranan yang boleh diberikannya ialah memberi ruang (porsi) yang lebih besar bagi pemakaian bahasa Batak Toba di dalam pelayanan umat. Gereja ini tidak boleh membiarkan kenyataan bahawa pengetahuan umat terutama generasi muda dalam berbahasa Batak Toba di bandar Pontianak sudah semakin berkurang. Hal itu boleh disemak dalam laporan statistik kehadiran umat mengikuti ibadah setiap hari Minggu (hari Ahad) di dalam warta jemaah. Jemaah yang mengikuti Ibadah berbahasa Indonesia jauh lebih ramai daripada yang mengikuti Ibadah berbahasa Batak Toba. Ibadah berbahasa Indonesia majoriti dihadiri oleh anak-anak muda dan keluarga muda. Ibadah berbahasa Indonesia pun diadakan dua kali setiap hari Ahad dan berbahasa Batak Toba hanya satu kali sahaja.

Gereja HKBP tidak mengatur pemakaian bahasa dalam pelayanan terhadap jemaah sebagai perorangan (individu) ataupun dalam pelayanan khas. Pemakaian bahasa tergantung kepada bahasa apa yang dikuasai oleh jemaah (boleh dalam bahasa Batak Toba dan boleh dalam bahasa Indonesia).

Disadari atau tidak disadari kebebasan memilih bahasa di dalam upacara peribadatan yang dilaksanakan oleh gereja HKBP sedikit banyaknya telah membuat para jemaah semakin lemah berbahasa Batak Toba kerana fakta menunjukkan semakin ramai umat yang memilih menjalankan peribadatan dalam bahasa Indonesia. Dari masa ke masa semakin kerap pula peribadatan yang diselenggarakan di gereja ini dalam bahasa Indonesia. Misalnya, di kalangan kanak-kanak (sekolah minggu) peribadatan hanya diadakan dalam bahasa Indonesia. Demikian pula peribadatan kaum remaja dan pemuda pun hanya dalam bahasa Indonesia. Sebahagian besar peribadatan pernikahan ke belakangan ini yang dilaksanakan di gereja ini di bandar Pontianak pun

menggunakan bahasa Indonesia. Apabila pengelola (majlis) gereja HKBP tidak memandang ini sebagai sesuatu yang dapat menimbulkan persoalan bahasa etnik para jemaah kelak, maka majlis gereja HKBP langsung atau tidak langsung telah memulakan memukul loceng kematian dan meluruskan jalan bagi kepunahan bahasa Batak Toba kelak di bandar Pontianak.

Oleh itu, sebelum terlambat, majlis gereja HKBP melalui pelayanannya supaya ikut melestarikan bahasa Batak Toba ke masa hadapan. Usaha pelestarian ini boleh dilakukan melalui pembelajaran bahasa Batak Toba bagi pelajar sidi (anak-anak remaja/anak-anak muda) yang menempuh pelajaran dogma gereja. Pelajaran ini sesuai kurikulum pelajar sidi HKBP berlaku satu tahun penuh.

Apabila berlaku serentak kerja sama di antara semua keluarga Batak Toba, pihak majlis adat, dan pihak majlis peribadatan komuniti Batak Toba di bandar Pontianak untuk merawat bahasa Batak Toba maka pastilah bahasa Batak Toba kekal dan berjaya di bandar Pontianak.

## **6.5 Rumusan**

Data daripada pengamatan ikut serta pula menunjukkan telah berlaku peralihan bahasa Batak Toba kepada bahasa Indonesia. Hal ini ditandai oleh berlakunya penyesuaian (akomodasi) pemilihan bahasa G I kepada G II, dan III. Apabila G I berbual dengan G II atau G III di rumah sudah menggunakan bahasa yang dominan digunakan G II dan G III, iaitu bahasa Indonesia. Begitu pula akomodasi yang terjadi di antara sesama penutur yang semuanya orang tua (ibu dan bapa), di mana kaum bapa melakukan akomodasi dengan kaum ibu yang tidak mahu mengubah bahasa mereka mengikut kaum bapa. Selain di dalam perjumpaan-perjumpaan, akomodasi pun sudah berlaku di dalam majlis-majlis. Semua menunjukkan bahawa tidak ada lagi perbualan

yang seratus peratus berbahasa Batak Toba di Pontianak. Informasi ini telah menyokong dapatan daripada analisis domain berbahasa yang menyatakan bahawa telah berlaku penyusutan domain berbahasa Batak Toba di Pontianak yang menyebabkan peralihan bahasa Batak Toba di kalangan penutur orang batak Toba di Pontianak.

Faktor-faktor tersebut di atas telah menyebabkan bahasa Batak Toba di Pontianak mengalami proses peralihan ke bahasa Indonesia. Pemakaian bahasa Batak Toba hanya berlaku pada domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya orang Batak Toba di Pontianak, iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain adat, dan domain agama. Pemakaian ini pun hanya dominan melibatkan penutur golongan tua-tua sahaja di antara sesama mereka. Bagi kaum muda G II dan G III pemakaian bahasa Batak Toba pada domain yang berhubung kait dengan sosiobudaya Batak Toba sudah lebih dominan memilih bahasa Indonesia, sama ada kepada ibu bapa, datuk nenek, saudara tua atau muda, mahupun kepada sahabat-sahabat mereka. Apabila keadaan ini dibiarkan terus berlangsung maka dijangka dalam dua atau tiga keturunan lagi, tidak ada lagi generasi yang boleh bertutur dalam bahasa Batak Toba di Pontianak. Seperti di katakan oleh Crystal (2000) status bahasa Batak Toba seperti sekarang ini di Pontianak sudah memasuki tahap ke tiga, iaitu *Endangered Languages* ‘bahasa yang terancam pupus’ kerana jumlah penutur yang menguasai bahasa semakin berkurang. Grenoble dan Whaley (2006: 18) di dalam Austin & Julia Sallabank, (2011), yang mencadangkan pembezaan enam jenis dan taraf peralihan bahasa, maka bahasa Batak Toba sudah berada pada tahap ke tiga pula, iaitu *Disappearing* ‘menghilang’, iaitu bahasa menghilang bila tampak ada peralihan terhadap bahasa lain di masyarakat tempat bahasa ini dituturkan, pewarisan antara generasi berkurang, jumlah penutur utama menyusut. Bahasa menghilang adalah disebabkan pemakaian yang sangat terbatas dalam set domain, dan bahasa perhubungan yang lebih luas mulai menggantikan dalam taraf dan peratusan yang lebih besar di rumah atau di dalam domain kekeluargaan. Oleh

itu, diperlukan perhatian semua pihak, sama ada pihak internal (kalangan sesama orang Batak Toba di Pontianak: lembaga adat, lembaga gereja, perkumpulan marga) mahupun pihak eksternal (kalangan di luar orang Batak Toba: pemerintah, lembaga sekolah) untuk melestarikan bahasa Batak Toba di Pontianak.

Daripada berbagai-bagai penyelidikan yang fokus kepada peralihan bahasa dan kepupusan bahasa, Grenoble & Whaley (2006) di dalam Austin & Julia Sallabank, (Ed.). 2011) menyimpulkan bahawa ada empat kategori utama yang mengancam kepupusan bahasa salah satunya ialah melalui dominasi budaya, politik, dan ekonomi. Faktor ekonomi: misalnya, kemiskinan pedesaan mengarah ke penghijrahan ke bandar. Sebaliknya, apabila ekonomi tempatan membaik, pelancongan boleh membawa penutur kepada bahasa majoriti; dominasi budaya oleh masyarakat majoriti, misalnya, pendidikan dan sastera melalui bahasa majoriti atau bahasa negara atau kebangsaan saja. Faktor politik: misalnya, polisi pendidikan yang mengabaikan atau mengecualikan bahasa daerah, kurangnya pengakuan atau perwakilan politik. Kedua-dua faktor di atas sesuai dengan yang berlaku bagi orang Batak Toba di Pontianak. Kerana kelemahan ekonomi di tempat asal membuat komuniti ini berhijrah ke bandar Pontianak untuk mendapatkan kehidupan yang lebih sejahtera. Faktor politik juga tidak menyokong bahasa Batak Toba aman. Jumlah orang Batak yang sedikit berbanding penduduk tempatan dan tiada memiliki kekuasaan yang boleh mengubah keadaan.

Hal-hal yang perlu diperhatikan untuk mencegah peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak ialah faktor penyebab peralihan bahasa Batak Toba itu sendiri, iaitu penguasaan bahasa Batak Toba mengikut generasi makin berkurang; jumlah orang Batak Toba sangat minoriti; majoriti orang Batak Toba berpendidikan tinggi; majoriti orang Batak Toba bekerja sebagai pegawai kerajaan dan pegawai perusahaan dan dalam pekerjaan itu pula mereka menduduki jawatan-jawatan sebagai pemimpin; majoriti orang Batak Toba tidak memiliki jiran sesama bangsa Batak Toba, mereka bertempat

tinggal merata-rata di berbagai-bagai permukiman di Pontianak; majlis adat Batak Toba tidak menjalankan adat semula jadi utamanya dalam pemakaian bahasa; majlis gereja orang Batak Toba (HKBP) mengubah aturan beribadah berbahasa Batak Toba sahaja menjadi berbahasa Batak Toba dan berbahasa Indonesia; partisipasi sosiobudaya Batak Toba tidak menjamin penguasaan bahasa Batak Toba; dasar negara Indonesia yang mengukuhkan bahasa Indonesia menjadi bahasa rasmi negara (kerajaan); dan berlaku akomodasi berbahasa di antara generasi tua dan generasi muda, lelaki dan perempuan, jiran, sahabat, dan dalam berhubung dengan masyarakat am.

Bab ini pula menghujahkan usaha-usaha yang boleh dijalankan bagi pengekalan bahasa Batak Toba, di Pontianak: menggalakkan penguasaan dan pemakaian bahasa Batak Toba di dalam keluarga; menggalakkan kehadiran (partisipasi) anak muda dalam upacara adat; dan menggalakkan pemakaian bahasa Batak Toba di gereja HKBP.

Selanjutnya disampaikan pula oleh Grenoble & Whaley (2006) yang dipetik daripada ahli *ad hoc* bahasa yang terancam pupus yang ditetapkan oleh UNESCO tahun 2003, yang menetapkan sembilan inti set kriteria yang akan digunakan dalam menentukan vitaliti atau kekuatan sesuatu bahasa: (1) transmisi antara generasi; (2) jumlah mutlak penutur; (3) kesesuaian perbandingan penutur dalam total populasi; (4) berlaku atau cenderung ada di domain-domain bahasa; (5) merespon domain baru dan media; (6) menjadi bahan untuk pendidikan bahasa dan keaksaraan; (7) sikap pemerintah dan kelembagaan dan polisi, termasuk status rasmi dan penggunaan; (8) sikap anggota masyarakat terhadap bahasa mereka sendiri; dan (9) jumlah dan kualitas dokumentasi. Apabila semua ini dapat diterapkan bagi bahasa Batak Toba di Pontianak maka kekallah bahasa itu.

## **BAB 7: KESIMPULAN**

### **7.1 Pendahuluan**

Bertolak daripada, latar belakang responden, penguasaan bahasa responden, pemilihan bahasa responden, akomodasi berbahasa yang terjadi di kalangan orang Batak Toba di Pontianak, faktor-faktor penyebab peralihan bahasa, dan cadangan usaha yang boleh melestarikan bahasa Batak Toba di Pontianak, yang sudah dibentangkan di muka, maka membolehkan kajian ini tiba pada kesimpulan yang merupakan deskripsi singkat dalam penutup kajian ini.

### **7.2 Rumusan Kajian**

Penyelidikan sociolinguistik berkenaan dengan pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak adalah atas latar belakang bahawa penutur ini berdwibahasa, iaitu wujudnya pemakaian dua bahasa di kalangan orang Batak Toba di Pontianak. Mereka hijrah dari tanah asal Tapanuli Utara, Sumatera Utara sejak awal abad ke-20 lagi. Pertembungan dengan penduduk tempatan menyebabkan pemilihan bahasa di berbagai-bagai domain berbahasa. Ada domain berbahasa Indonesia (*lingua franca*) dan ada pula domain berbahasa Batak Toba. Dalam perjalanan waktu, bagi bahasa kaum minoriti berhadapan dengan bahasa kaum majoriti boleh berlaku kekal apabila pemiliknya sentiasa memakainya lagi mewariskan kepada generasi muda dan boleh pula beralih ke bahasa kaum majoriti. Untuk mengenal pasti tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan orang Batak Toba di Pontianak penyelidikan ini dijalankan. Kajian ini melalui pendekatan sosiologi yang memandang perubahan yang terjadi dalam sesebuah komuniti dari semasa ke semasa, atau dari satu generasi ke generasi maka dilakukan penyelidikan pemakaian atau pemilihan bahasa ke atas tiga generasi yang bertumpu pada keturunan. Penghijrah ialah

G I, generasi keturunan penghijrah ialah G II, dan G III ialah generasi keturunan G II. Responden kajian seramai 201 orang, iaitu 10% dari jumlah orang Batak Toba di Pontianak, yang ada sekitar 2000 orang. Responden dibagi ke dalam tiga kelompok keturunan, masing-masing 67 orang. Kaedah yang dijalankan bagi pemakaian bahasa ini, iaitu Analisis domain perlakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Schmidt-Rohr (1932) dan dikembangkan oleh Fishman (1964) di mana topik, tempat, dan peserta perbualan menjadi tumpuan kaedah ini.

Pendekatan psikologi juga dijalankan untuk memperkukuhkan dapatan daripada pendekatan sosiologi yang bertumpu pada soal selidik. Pendekatan psikologi ini bertumpu kepada pemerhatian pemakaian bahasa sebenar di dalam kehidupan sehari-hari orang Batak Toba di Pontianak (data kualitatif). Pemerhatian ini dijalankan dengan memandangkan teori akomodasi atau penyesuaian.

Semua maklumat di dalam kajian ini merupakan hasil yang didapati daripada penyelidikan lapangan, iaitu penyelidikan yang bersifat kuantitatif dan penyelidikan yang bersifat kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah pemerhatian dan soal selidik. Data melalui kaedah soal selidik diolah menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi *11.5 for windows*. Daripada hasil itu diperoleh tingkat kekerapan atau *frequency*, peratusan atau *percentage*, dan nilai *mean* atau purata daripada latar belakang responden, penguasaan bahasa responden, dan pemilihan bahasa responden. Data yang didapati melalui pemerhatian dianalisis mengikut teori akomodasi berbahasa (Giles, 1977). Semua maklumat memberi kesan bahawa telah wujud tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia.

Penguasaan bahasa Indonesia: berbicara, mendengar, menulis, dan membaca semua generasi responden majoriti pada taraf sangat lancar. Walaupun demikian, terdapat



sedikit perbezaan penguasaan bahasa Indonesia ini, iaitu Responden G II, dan G III lebih lancar daripada G I. Sebaliknya, penguasaan bahasa Batak Toba dalam semua aspek kemahiran berbahasa, hanya responden G I yang majoriti mencapai taraf sangat lancar, sedangkan responden G II tidak seorang pun yang mengaku mencapai taraf lancar. Mereka secara keseluruhan hanya pada purata taraf kurang, dan responden G III semakin rendah lagi, iaitu pada purata tidak tahu.

Pada bidang lain penguasaan bahasa Batak Toba, iaitu kelainan atau ragam *raksa ni andung* dan *raksa ni hadatuon* didapati bahawa semua responden daripada semua generasi sudah pada purata paling rendah, iaitu tidak tahu. Demikian pula pada penguasaan aksara atau huruf bahasa Batak Toba, responden G I hanya pada purata kurang, sedangkan responden G II dan G III sudah semakin rendah, iaitu pada purata tidak tahu.

Faktor penduduk minoriti pula menyebabkan domain berbahasa Batak Toba di Pontianak sangat terhad, hanya dalam domain kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, dan istiadat sahaja masih tampak pemakaian bahasa Batak Toba.

Kenyataan di lapangan pun menunjukkan bahawa melalui pemerhatian ikut serta tak berstruktur terhadap pemakaian bahasa di kalangan orang Batak Toba dalam berbagai-bagai perjumpaan di Pontianak. Hasil pengamatan melalui perakaman didapati lebih kerap tingkat pemakaian bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Dalam percampuran kedua-dua bahasa ini pun sudah lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Batak Toba. Pemakaian bahasa dalam sebuah perjumpaan, tampak para penutur yang semula berbahasa Batak Toba kemudian mengganti tuturan (beralih kod) menyesuaikan bahasa kepada kawan berbicara yang menggunakan bahasa Indonesia. Dalam permasalahan ini telah berlaku tindakan konvergensi. Banyak perjumpaan di kalangan orang Batak Toba di Pontianak sepenuhnya berbahasa Indonesia daripada

permulaan perjumpaan sehingga berakhir perjumpaan-perjumpaan tersebut, sama ada perjumpaan formal mahupun perjumpaan tak formal. Semua pola akomodasi ini menandakan bahawa bahasa Batak Toba sudah berada pada masa peralihan di kalangan orang Batak Toba di bandar Pontianak.

Penyusutan pemakaian bahasa Batak Toba di kalangan orang Batak Toba di Bandar Pontianak sudah dimulai daripada G I. Para pendatang asli dari kampung halaman itu tidak mengekalkan pemakaian bahasa Batak Toba sepenuhnya dalam domain yang menunjukkan jati diri komuniti Batak Toba, iaitu dalam domain kekeluargaan, agama dan adat. Orang tua (ibu bapa) tidak berdaya mempertahankan bahasa Batak Toba jika berhadapan dengan anak-anak dan cucu-cucu mereka. Keadaan ini ditambah lagi oleh tersedianya layanan ibadah dalam bahasa Indonesia oleh gereja kesukuan yang memiliki majoriti jemaah daripada komuniti Batak Toba. Semula gereja kesukuan Batak Toba ini hanya membuka pelayanan dalam bahasa Batak Toba dalam setiap ibadahnya. Tetapi dengan semakin ramainya G II yang dianggap tidak faham lagi bahasa Batak Toba maka oleh para majlis gereja ditubuhkan ibadah dalam bahasa Indonesia. Majoriti pengikut ibadah berbahasa Indonesia itu ialah anak-anak remaja dan anak-anak muda. Begitu pun dalam upacara adat G I pada amnya tidak lagi mampu menjalankan pembicaraan-pembicaraan yang ada di dalam tradisi itu dengan sepenuhnya. Penguasaan bahasa Adat Batak Toba pada Generasi berikutnya, G II dan G III sudah sangat lemah. Miskinnya penguasaan terhadap bahasa Batak Toba *raksa ni hadatuon* dan *raksa ni andung*, serta tiadanya lagi pengetahuan menggunakan aksara Batak Toba di Bandar Pontianak semakin mengesankan terjadinya peralihan bahasa di dalam komuniti Batak Toba di masa hadapan oleh generasi selanjutnya.

Merujuk pendapat Crystal (2000) keadaan bahasa Batak Toba ini di Pontianak sudah memasuki klasifikasi *Endangered Languages* 'Bahasa yang terancam pupus': kerana jumlah penutur yang menguasai bahasa semakin berkurang. Demikian pula bila

mengikuti daripada pendapat Grenoble & Whaley (2006) keadaan bahasa Batak Toba sudah pada klasifikasi *Disappearing* 'Menghilang': bahasa menghilang bila tampak ada peralihan terhadap bahasa lain di masyarakat tempat bahasa ini dituturkan, pewarisan antara generasi berkurang, jumlah penutur utama menyusut, pemakaian yang sangat terhad dalam set domain, dan bahasa komunikasi yang lebih luas mulai menggantikan dalam taraf dan peratusan yang lebih besar di rumah atau dalam keluarga.

Digunakannya bahasa Indonesia di dalam semua domain perlakuan bahasa oleh semua generasi komuniti Batak Toba di Bandar Pontianak membuat bahasa Indonesia menjadi sangat berjaya di dalam kehidupan komuniti Batak Toba di Bandar Pontianak. Faktor keluarga (kesibukan ibu bapa), jiran, beli-belah, pendidikan, pekerjaan, persahabatan dengan warga tempatan, pemerintahan, agama dan istiadat yang mulai longgar turut memperkukuhkan pengekalannya bahasa Indonesia menjadi bahasa perhubungan di kalangan komuniti Batak Toba di masa hadapan oleh generasi selanjutnya.

Daripada kajian ini didapati sebelas faktor penyebab peralihan bahasa Batak Toba kepada bahasa Indonesia, iaitu (1) penguasaan bahasa Batak Toba dari generasi ke generasi orang Batak Toba semakin berkurang, (2) faktor penduduk minoriti yang menyebabkan pemakaian bahasa Batak Toba dalam domain berbahasa terhad, (3) taraf pendidikan, (4) pekerjaan; (5) jawatan dalam pekerjaan; (6) tempat tinggal, (7) pelanggaran aturan adat, (8) perubahan aturan berbahasa di gereja; (9) Partisipasi sosiobudaya Batak Toba, (10) dasar negara, dan (11) berlaku akomodasi berbahasa.

Sehubungan dengan faktor-faktor penyebab peralihan bahasa Batak Toba di kalangan orang Batak Toba di Pontianak, maka usaha-usaha pelestarian bahasa Batak Toba di kalangan komuniti ini di bandar Pontianak sepatutnya dimulakan daripada: (1) keluarga, iaitu supaya menggalakkan pemakaian bahasa Batak Toba di dalam keluarga,

(2) istiadat, iaitu menggalakkan kehadiran dan partisipasi anak-anak muda ke dalam upacara adat melalui pembaharuan aturan adat, (3) agama, iaitu menggalakkan pemakaian bahasa Batak Toba di gereja, iaitu supaya majlis penyelenggara peribadatan memperbanyak siar agama melalui bahasa Batak Toba, dan (4) Pemerintah, sepatutnya menyelenggarakan mata pelajaran bahasa daerah bagi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah apabila memiliki lebih daripada 20 pelajar mengikut daerah/etnik masing-masing yang ada di sekolah berkenan, dan (5) ke masa hadapan, pemerintah daerah (datuk bandar/wali kota/bupati) dapat membina permukiman baru berasaskan etnik warga daerah termasuk permukiman orang pendatang mengikut daerah asal masing-masing.

Apabila berlaku serentak kerja sama di antara semua keluarga Batak Toba, pihak majlis adat, pihak majlis peribadatan orang Batak Toba di bandar Pontianak, dan pihak kerajaan untuk merawat bahasa Batak Toba maka pastilah bahasa Batak Toba kekal dan berjaya di bandar Pontianak.

### **7.3 Implikasi Hasil Kajian**

Hasil kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa bahasa Batak Toba dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia sedang mengalami proses peralihan ke bahasa Indonesia. Selain membuktikan, kajian ini diharapkan memberikan maklumat kepada berbagai-bagai pihak di antaranya kepada kalangan pemerhati khas, antara lain para pelajar yang sedang menuntut di bidang ini, para pengajar dan pakar yang memberikan perhatian khas kepada kajian-kajian sosiolinguistik, para penyelidik yang sedang dan akan melakukan penyelidikan utamanya di bidang pengekalan dan peralihan bahasa. Salah satu ciri khas dalam kajian ini ialah mempermasalahkan istiadat komuniti dalam pemilihan bahasa. Kajian ini dapat menjadi salah satu bahan rujukan yang berguna bagi mereka yang ingin mendalami lagi khazanah sosiolinguistik, sekarang dan di masa hadapan.

Kajian pengejalan dan peralihan bahasa setakat ini belum pernah dilakukan kepada orang Batak Toba di mana pun. Oleh itu, hasil kajian ini pula menjadi maklumat bagi kalangan orang Batak Toba di mana-mana tempat perantauan di seluruh negeri supaya menjadi modal pengetahuan bagi mereka untuk menjaga dan melestarikan bahasa ibunda di mana pun mereka berada. Maklumat khas pula bagi kalangan minoriti Batak Toba di Pontianak yang menjadi sumber maklumat dan sekali gus alamat penerima hasil kajian ini supaya sedar bahawa bahasa ibunda sudah dalam masa bahaya. Komuniti Batak Toba boleh melanjutkan usaha-usaha yang didapatkan dalam kajian ini untuk mencegah peralihan bahasa Batak Toba.

Tambahan lagi, bagi lembaga-lembaga, syarikat-syarikat yang ikut “di dakwa/dipersalahkan” berkaitan dengan salah satu penyebab peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak boleh menjadi pion terdapan untuk mengekalkan bahasa Batak Toba melalui sorotan yang dialamatkan kepada lembaga-lembaga tersebut. Kekuasaan yang dimiliki lembaga-lembaga tersebut, sama ada langsung mahupun tidak langsung boleh mencegah peralihan bahasa Batak Toba, khas di Pontianak. Dengan demikian bahasa Batak Toba akan tetap kekal lestari.

#### **7.4 Cadangan Kajian Lanjutan**

Untuk menyelesaikan semua persoalan yang berhubung kait dengan pengejalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia, kajian ini belumlah sempurna yang membuat hasilnya pun belum sesempurna yang diharapkan. Untuk mendapatkan hasil yang lebih sempurna ke masa hadapan ada berbagai-bagai cadangan yang boleh dijalankan, di antaranya penyelidik berikut boleh melakukan kaedah-kaedah yang berbeza daripada kaedah-kaedah yang sudah dilakukan dalam kajian ini. *Pertama*, apabila dalam kajian ini pengumpulan data dilakukan terhadap lelaki dan perempuan tanpa memikirkan perbezaan status adat mereka di

dalam komuniti Batak Toba, maka kajian yang akan datang disarankan supaya mengumpulkan data dari kaum lelaki sahaja atau dari kaum perempuan sahaja dengan menambah lagi bilangan responden. *Kedua*, disarankan pula kepada penyelidik yang akan datang supaya membuat penyelidikan tentang perbandingan data yang didapati dari kaum lelaki dan data yang didapati dari kaum perempuan. *Ketiga*, mencari sekumpulan responden yang berasal daripada keluarga yang di dalamnya terdiri daripada datuk nenek sebagai generasi pertama, ibu bapa sebagai generasi kedua, dan anak-anak sebagai generasi ketiga. Keluarga-keluarga tersebut tanpa perkahwinan campur. Hasil-hasil kajian itu kelak akan semakin melengkapkan hasil kajian awal ini. Daripada Teori, kajian yang akan datang terhadap pengekalan dan peralihan bahasa Batak Toba di Pontianak boleh menerapkan teori Sikap bahasa untuk mengetahui apakah orang Batak Toba masih bersikap positif atau tidak terhadap bahasa warisan mereka.

## **7.5 Rumusan**

Kajian pengekalan dan peralihan bahasa di kalangan penghijrah orang Batak Toba di Bandar Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia menyimpulkan bahawa sedang berlangsung pengekalan dan peralihan bahasa di dalam komuniti ini. Bahasa yang sedang mengalami proses peralihan ialah bahasa ibunda Batak Toba, sedangkan bahasa yang mengalami proses pengekalan ialah bahasa Indonesia. Hasil kajian ini pula sekali gus menjelaskan faktor-faktor penyebab peralihan bahasa Batak Toba dan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk melestarikan bahasa Batak Toba yang sedang mengalami peralihan.

Peralihan itu berlaku kerana faktor pendidikan, pekerjaan, tempat tinggal, peribadatan, istiadat, dan polisi bahasa negara. Di lain pihak, untuk melestarikan bahasa yang sedang beralih ini harus menggalakkan pemakaian bahasa Batak Toba melalui keluarga, lembaga peribadatan, lembaga istiadat, dan lembaga pendidikan. Oleh itu,

diperlukan perhatian daripada semua pihak, sama ada pihak internal (kalangan sesama orang Batak Toba di Pontianak: lembaga adat, lembaga gereja, perkumpulan marga), mahupun pihak eksternal (kalangan di luar orang Batak Toba: pemerintah, lembaga sekolah) untuk melestarikan bahasa Batak Toba di Pontianak.

University of Malaya

## BIBLIOGRAFI

- Abdullaziz Mkilifi, M. H. (1978). Triglossia and Swahili English Bilingualism in Tanzania. In J.A. Fisman, (Ed.), *Advances in the Study of Societal Multilingualism* (129-152). The Hague: Mouton..
- Adler, M. (1971). *Welsh and Other Dying Languages in Europe: A Sociolinguistic Study*. Hamburg: Helmut Buske Verlag.
- Asmah Omar. (1982). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1983). *The Malay People of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1985). *Susur Galur Bahasa Malayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1987). *Malay in Its Sociocultural Context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1988). *Penggunaan Bahasa Malaysia di Jabatan-Jabatan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1991). Bilingualism and Biculturalism: an Analysis Based on a Case Study on Malaysian Academics. *Collected Papers from the Conference on Bilingualism an National Development*. Universiti Brunei Darussalam, BAND 1991, 9-12 Dis. Vol. 1A, 72-102.
- \_\_\_\_\_. (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1992a). The Bilingual City of Kuala Lumpur. In Asmah Omar (Ed.), *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1992b). English in Malaysia: A Typology of Its Status and Role. In Asmah Omar (Ed.), *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asuncion-Lande, N. & Pascasio, E. (1979). Language Maintenance and code Switching Among Filipino Bilingual Speakers. In Mackey & J. Ornstain Eds.), *Sociolinguistic Studies in Language Contact: Methods and Cases*. The Hague: Mouton.



- Austin, P. K., & Julia, S. (Eds.). (2011). *The Cambridge Handbook of Endangered Languages*. New York: Cambridge University Press.
- Bibi Aminah Abdul Ghani & abang Ahmad Ridzuan. (1993). Pengekalan dan Peralihan Bahasa Miriek: Satu Pemerhatian, *Journal Dewan Bahasa*. 37, 703-716.
- Bourhis, R.Y., H. Giles & Rosenthal, D. (1981). Notes on the Construction of a Subjective Vitality Questionnaire for Ethnolinguistic Groups. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 2 (2) 145-55.
- Chong, H. K. (1977). A Study of Language Maintenance and Shift in Singapore as a Multilingual Society. *RELC Journal*, 8 (2), 43-62.
- Coluzzi, P. (2010). Endangered Languages in Borneo: A Survey among the Iban and Murut (Lun Bawang) in Temburong, Brunei. *Oceanic Linguistics*, 49,1.
- Coupland, N. & Howard, G. (1998). The Communicative Contexts of Accommodation. *Language & Communication*, 8 (314), 175-182.
- Crystal, D. (2000). *Language Death*. New York: Cambridge University Press.
- David, M.K. (1996). *Language shift Among the Sindhis of Malaysia*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. (Ed.). (2002). *Methodological and Analytical Issues in Language Maintenance and Language Shift Studies*. Frankfurt: Peterlang.
- \_\_\_\_\_, Ibtisam, M.H. Naji & Sheena, K. (2003). Language maintenance or language shift among the Punjabi Sikh community in Malaysia? *International Journal of the Sociology of language* 161, 1-24.
- Dayang Fatimah Awang Chuchu. (2007). *Code-Switching in A Multilingual Environment*. Tanjong Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dorian, N. (1978). The Dying Dialect and the role of the School: East Sutherland Gaelic and Pennsylvanian Dutch. In J. Alatis (Ed.), *Georgetown University Round Table on Language and Linguistics* (646-656). Washington DC: Georgetown University Press.
- Dumaning, P. (2010). *Language Choice in Interracial Marriages: The Case of Filipino Malaysian Couples*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Dwidjo Utomo. (2009). <http://kbi.gemari.or.id/beritadetail.php?id=4524>, Diposkan oleh SELAMATKAN BAHASA-BAHASA LELUHUR KITA di 11.52
- Edwards, J. (1985). *Language, Society and Identity*. Oxford: Basil Blackwell.

- Ephorus Huria Kristen Batak Protestant. (2010). *Almanak Huria Kristen Batak Protestan*. Pematang Siantar: Percetakan HKBP.
- Fakuade Gbenga, M. G., & Abdullah B. (2003). Language Shift from Mother Tongue towards Fulfulde in Adamawa State, Nigeria: Causes and Consequences. *Anthropological Linguistics*, 45, (3) Fall 2003.
- Fasold, R.W. (1984). *The Sociolinguistics and Society*. Oxford: Basil Black well.
- Ferguson, C. (1964). Diglossia. In D. Hymes (Ed.) *Language in Culture and Society*. (429-437). New York: Harper and Row.
- Fishman, J.A. (1964). *Language Loyalty in the United States*. The Hague: Mouton.
- \_\_\_\_\_. (Ed.). (1968). *Readings in The Sociology of Language*. The Hague: Mouton.
- \_\_\_\_\_., Ferguson C. & Das Gupta. J. (Eds.). (1968). *Language Problems of Developing Nations*. New York: John Wiley and Sons.
- \_\_\_\_\_. (1972a). *Language in Sociocultural Change*. Essays Selected and Introduced by Anwar S. Dil. Stanford University Press.
- \_\_\_\_\_. (Ed.). (1972b). *Advances in the Sociology of Language*. (2<sup>nd</sup>). The Hague: Mouton.
- \_\_\_\_\_. (1972c). Language Maintenance and Language Shift as a Field of Inquiry: Revisited. *Language in Sociocultural Change*. Essays Selected and Introduced by Anwar S. Dil. Stanford: Stanford University Press.
- \_\_\_\_\_. (1976). The Spread of English as a New Perspective for the Study of Language Maintenance and Language Shift. *Studies in Language Learning*. 1 (2), 59-104.
- \_\_\_\_\_. (Ed.). 1978. *Advances in the Study of Societal Multilingualism*. The Hague: Mouton.
- \_\_\_\_\_. (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundation of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon: Multilingual Matters.
- \_\_\_\_\_. (1991). *Sosiologi Bahasa: Suatu Pendekatan Sains Kemasyarakatan Antara Disiplin Terhadap Bahasa dalam Masyarakat*. (Alias Mohammad Yatim, Trans.). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gal, S. (1979). *Language Shift: Social Determinants of Linguistic Change in Bilingual Austria*. New York: Academic Press.

- Gallois, C., Ogay, T., & Giles, H. (2005). Communication Accommodation Theory: A look Back and a Look Ahead. In Gudykunst, W.B. (Ed.), *Theorizing About Intercultural Communication*. Thousand Oaks, CA: Sage. 121–148.
- Giles, H. (1977). *Language, Ethnicity and Intergroup Relation*. London: Academic Press.
- \_\_\_\_\_. (Ed.). (1991). *Contexts of Accommodation: Studies in Emotion & Social Interaction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- \_\_\_\_\_, Bourhis, R., & Taylor, D. (1977). Toward a Theory of Language in Ethnic Group Relations. In Giles, H. (Eds.), *Language, Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press.
- \_\_\_\_\_, Coupland, J., & Coupland, N. (1991). Accommodation Theory: Communication, Context, and Consequence. In Giles, H., Coupland, J. & Coupland, N. (Eds.), *Contexts of Accommodation*. New York, NY: Cambridge University Press.
- \_\_\_\_\_. & Smith, P. (1979). Accommodation Theory: Optimal Levels of Convergence”. In Giles, H. & St. Clair, R.N. (Eds.), *Language and Social Psychology*. Baltimore: Basil Blackwell.
- Gogonas, N. (2009). Language Shift in second generation Albanian immigrants in Greece. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 30, (2) March 2009, 95-110.
- Greenfield, L. (1972). Situational Measures of Normative Language Views in Relation to Person, Place and Topic Among Puertorican Bilinguals. In J.A. Fisman (Ed.), *Advances in the Sociology of language (2<sup>nd</sup>)* (17-35). The Hague: Mouton.
- Grenoble, L. A. & Whaley. (2006). Language Ecology and Endangerment. In Austin, P.K., & J. Sallabank (Eds.), *The Cambridge Handbook of Endangered Languages* (27-44). New York: Cambridge University Press.
- Grimes, B. (Ed.). (1992). *Ethnologue: Languages of the World*. (12<sup>th</sup> Ed.) Dallas: Summer Institute of Linguistics.
- Gumperz, J. (1971). *Language in Social Groups*. Stanford, CA: Stanford University Press.
- Hafriza Buranudeen Meedin. (1993). *Language Use and Attitudes Among Malaysia Malays*. (Unpublished doctoral dissertation.). Georgetown University, Washington.
- Halim, Amran. (Ed.). 1980. *Politik Bahasa Nasional*. Jakarta: PN Balai Pustaka.

Hariara, J.M. (1968). *Hata Batak Maninggoring: Rangsa ni Andung dohot Hadatuon*. Pematang Siantar: Percetakan HKBP.

Herman, S. (1968). Explorations in the Social Psychology of Language Choice. In J.A. Fishman (Ed.), *Readings in the Sociology of Language* (492-511). The Hague: Mouton.

Hofman, J.E., Fisherman, H. (1972). Language Shift and Language Maintenance in Israel. In J.A. Fishman (Ed.), *Advances in the Sociology of Language* (2<sup>nd</sup>) (342-364). The Hague: Mouton.

<http://hutagalung-cyber.blogspot.co.id/2012/11/AksaraBatak.html>

<http://otonomidaerah.com/undang-undang-otonomi-daerah/>

<https://search.yahoo.com/yhs/search?p=accommodation+theory+by+giles&ei=UTF-8&hsparm=mozilla&hsimp=yhs-001>

<http://www.dukcapil.kemendagri.go.id/detail/rekapitulasi-data-kependudukan-per-kabupatenkota-edisi-31-desember-2013>

<http://www.gatra.com/2007-06-01/ar>

<http://www.itjen.depkes.go.id/public/upload/unit/pusat/files/uud1945.pdf>

Huffines, M.L. (1980). Pennsylvania German: Maintenance and Shift. *International Journal of the Sociology of Language*. 25, 42-58.

Hymes, D. (Ed.). (1964). *Language in Cultural and Society*. New York: Harper and Row.

Janse, M. (2003). Introduction: Language Death and Language Maintenance "Problems and Prospects. In Janse, M., & Sijmen, T., (Eds.), *Language Death and Language Maintenance: Theoretical, practical and descriptive approaches* (ix-xv). Amsterdam: John Benjamins Publishing.

\_\_\_\_\_, & Sijmen, T. (Eds.). (2003). *Language Death and Language Maintenance: Theoretical, practical and descriptive approaches*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.

Jespersen, O. (1922). *Language: Its Nature, Development and Origin*. New York: W.W. Norton.

Johnson, P. Giles, H., & Bourhis, R.Y. (1983). The Viability of Rethnolinguistic Vitality: A Reply. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*. (4) 255-69.

- Kimble, J. (1968). Language Shift and The Interpretation of Conversation. In J.A. Fishman (Ed.), *Reading in the Sociology of Language*. (598-610). The Hague: Mouton.
- Koentjaraningrat. (1967). *Beberapa Pokok Antropologi Sosial*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Kridalaksana, H. (1993). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kuo, E.C.Y. (1979). Measuring Communicativity in Multilingual Societies: The Case of Singapore and West Malaysia. *Anthropological Linguistics*, 21 (7), 328-340.
- Labov, W. (1972). *Sociolinguistic Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press/Oxford: Basil Blackwell Publisher.
- Lambert, W.E. (1967). A Social Psychology of Bilingualism. *The Journal of Social Issues*, 23:2.
- Lewis, M.P. (1996). Measuring K'iche' (Mayan) Language Maintenance: A Comprehensive Methodology. *SIL Electronic Working Papers*, 1996-001, July. Summer Institute of Linguistics.
- Lewis, M.P. (1996b). Language Maintenance in Seven K'iche' Communities. *SIL Electronic Working Papers*, 1996-002, July.
- Lieberson, S. (1981). *Language Diversity and Language Contact*. California: Stanford University Press.
- Lie, W. (1994). *Three Generation Two Languages One Family*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Lim, A. L. (1997). *Pemeliharaan dan Pergeseran Bahasa di Kalangan Mahasiswa India*. (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Mackey, & Orntein, J. (1979). *Sociolinguistic Studies in Language contact: Methods and Cases*. The Hague: Mouton.
- Marbun, M.A., & I.M.T. Hutapea. (1987). *Kamus Budaya Batak Toba*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Martin, P.W. (1995). Wither the indigenous languages of Brunei Darussalam? *Oceanic Linguistics*, 34, 44-60.
- \_\_\_\_\_, Conrad, O., & Poedjosoedarmo, G. (Eds.). (1996). *Language Use and Language Change in Brunei Darussalam*. USA: Center for International Ohio University.

- Meyerhoff, M. (1998). Accommodating Your Data: the Use and Misuse of Accommodation Theory in Sociolinguistics. *Language & Communication*, 18, 205-225.
- Milroy, L. (1980). *Language and Social Networks*. Oxford: Basil Blackwell Publisher.
- Moeliono, A. (1988). *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Multamia Lauder. (2009). In Dwidjo Utomo. (2009).  
<http://kbi.gemari.or.id/beritadetail.php?id=4524>, Diposkan oleh SELAMATKAN BAHASA-BAHASA LELUHUR KITA di 11.52
- Nababan, P.W.J. (1993). *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: PT Gramedia.
- Nambiar, M. K. (2007). *Language Shift in the Malaysian Malayalee Community: A Study of Intra Group Variations*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hisham Osman. (1993). Diglosia di Kawasan Perumahan Ulu Dedap, Seberang Perak. *Journal Dewan Bahasa*. 37, (10 & 11).
- \_\_\_\_\_. (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap, Seberang Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1999). *Pemeliharaan dan Penyisihan Bahasa: Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang-Tanjong*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. (2002). *Sosiolinguistik dan Kepelbagaian Bahasa*. Bandar Baru: Al-Hikmah.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap terhadap Bahasa Melayu dan Penggunaannya di Kalangan Pelajar Universiti di Selatan Thailand*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Noridah Mohamed. (1991). *Penggunaan Bahasa dalam Komuniti Melayu Iban di Betong, Sarawak: satu kajian Etnososiolinguistik*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Ozog, C. (1996). The unplanned used of English: The case of Brunei darussalam. In Peter, W. M., Conrad, O. & Gloria, R. P. (Eds.) (156-72). Ohio: Ohio University.
- Ostler, N. (2011). Language maintenance, Shift, and Endangerment. In Rajend, M. (Ed.) *The Cambridge Handbook of Sociolinguistics* (315-334). Cambridge: Cambridge University Press.

- Panitia Jubileum Hari Ulang Tahun ke-50 HKBP Pontianak. (1998). *Sejarah Singkat Lahirnya HKBP Pontianak dan Perkembangan HKBP di West Borneo (Kalimantan Barat)*. Pontianak: Kantor HKBP Pontianak.
- Parasher, S.N. (1980). Mother-Tongue-English Diglossia: A Case Study of Educated Indian Bilinguals' Language Use. *Anthropological Linguistics*, 22(4), 151-168.
- Paulston, Ch., Bratt. (1994). *Linguistic Minorities in Multilingual Settings: Implications for Language Policies*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Prujiner, A., Deshaies, D., Hamers, J.F., Blanc, M., Clement, R. & Landry, R. (1984). *Variation du Comportement Langagier Lorsque deux Langues Sont en Contact*. Quebec: Centre International de Recherche sur le Bilinguisme.
- Roksana Bibi Abdullah. (2002). *Pemilihan dan Penggunaan Bahasa di Kalangan Masyarakat Melayu di Singapura*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Samsuri. (1980). *Analisis Bahasa*. Jakarta: Erlangga.
- Schooling, S. J. (1990). *Language Maintenance in Melanesia: Sociolinguistics and Social Networks in New Caledonia*. Dallas: Summer Institute of Linguistics and The University of Texas at Arlington.
- Sidhu Manjit Singh. (1991). *Sikhs in Malaysia. Malaysia: Sant Sohan Singh Ji Malacca Memorial Society*.
- Sihombing, T.M. *Dongan tu Ulaon Adat*. Medan: Tapian Raya Offset.
- Simanjuntak, H. (2013). Kemampuan Berbahasa Adat Batak Toba. In Rahimah, A. Hamid, (Ed.), (2013). *Siri Prosiding Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara*. (75-86). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2014). Upacara Adat Batak Toba dalam Era Modernisasi. In Ahmad Moghni Salbani (Ed.), (2014). *Siri Penerbitan Khas Amalan Kearifan Tempatan dalam Masyarakat Melayu/Nusantara*. (62-69). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Simanjuntak, M. (1996). Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa, Maju Bahasa Majulah Negara. (Asraf, Ed.), *Manifesto Budaya Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Sumarsono. (2002). *Sosiolinguistik*. Yogyakarta: Sabda (Lembaga Studi Agama, Budaya dan Perdamaian).
- Sudjana, N. (1991). *Tuntunan Penyusunan Karya Ilmiah*. Bandung: CV Sinar Baru.

- Tabouret-Keller, A. (1968). Sociological Factors of Language Maintenance and Language Shift: A Methodological Approach Based on European and African Examples. In J.A. Fishman, C. Ferguson, & J. Das Gupta (Eds.), *Languages Problem of Developing Nations* (107-118). New York: John Wiley and Sons.
- \_\_\_\_\_. (1972). A Contribution to the Sociological Study of Language Maintenance and Language Shift. In J.A. Fishman (Ed.), *Advances in the Sociology of Language* (2<sup>nd</sup>) (362-376). The Hague: Mouton.
- Tan Ai Koon. (1993). *Language Choice and Social Class in Transaction Domain in Singapore*. (Unpublished master's thesis). Singapura: University of Singapore.
- Tarigan, H.G. (1994). *Membaca sebagai suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Timm, L. (1980). Bilingualism, Diglossia and Language Shift in Brittany. *International Journal of The Sociology of Language*. 25, 29-42.
- Turnip, A.W. (1977). *Adat dan Upacara Perkawinan Daerah Sumatera Utara*. Jakarta: Proyek Penelitian dan Pencatatan Kebudayaan Daerah, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Turner, Lynn H. & West, R. (2010). Communication Accommodation Theory. *Introducing Communication Theory: Analysis and Application* (4<sup>th</sup> Ed.). New York, NY: McGraw-Hill.
- Vergouwen, J.C. (1986). *Masyarakat dan Hukum Adat Batak Toba*. Jakarta: Pustaka Azet.
- Vijaya Sankar, Loka Sundari. (2004). *Language Shift and Maintenance among the Malaysian Iyers*. (Unpublished doctoral thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Wood, R. (1980). Language Maintenance and External Support, the Case of the French Flemings. *International Journal of The Sociology of language*. 25, 107-120.
- Weinreich, M. (2010). Language Shift in Northern Pakistan: The Case of Domaaki and Phasto. *Iran and the Caucasus*. 14: 43-56.
- Winreich, U. (1953). *Language in contact*. New York: Columbia University Press.
- Zainuddin Taha. (2007). (<http://www.gatra.com/2007-06-01/ar>).
- Zengel, M. S. (1968). Literacy as a Factor in Language Change. In J.A. Fishman (Ed.), *Readings in the Sociology of Language*. (296-304). The Hague: Mouton.